



KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA



KOLEKSI

SOALAN DAN JAWAPAN

DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

SESI PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS (2023)

UNTUK KEGUNAAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA SAHAJA





KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA



KOLEKSI

SOALAN DAN JAWAPAN

DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

SESI PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS (2023)

UNTUK KEGUNAAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA SAHAJA



KANDUNGAN

• Jumlah Pertanyaan-Pertanyaan Dewan Rakyat & Dewan Negara Yang Kelima Belas Penggal Kedua Mesyuarat Pertama	5
• Dewan Rakyat Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Yang Kelima Belas	8
• Jumlah Pertanyaan-Pertanyaan Dewan Rakyat Yang Kelima Belas Penggal Kedua Mesyuarat Pertama	8
• Dasar & Perancangan	11
• Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)	35
• Rang Undang-Undang	47
• Perpustakaan	51
• Penggulungan Perbahasan Titah DiRaja Dewan Rakyat	54
• Penggulungan Perbahasan Belanjawan Dewan Rakyat	67
• Kamar Khas	145
• Dewan Negara Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Yang Kelima Belas (2023)	163
• Dasar & Perancangan	165
• Kawasan Rukun Tetangga	199
• Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)	207

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

• Kelab Rukun Negara & Sekretariat Rukun Negara	213
• Penggulungan Perbahasan Belanjawan Dewan Negara	217
• Penggulungan Perbahasan Titah DiRaja Dewan Negara	226
• Dewan Rakyat Mesyuarat Kedua Parlimen Yang Kelima Belas (2023)	239
• Dasar & Perancangan	241
• Kawasan Rukun Tetangga	261
• Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)	271
• Rang Undang-Undang	277
• Muzium	293
• Arkib	297
• Dewan Negara Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Yang Kelima Belas (2023)	301
• Dasar & Perancangan	303
• Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)	337
• Taska Genius Perpaduan & Tabika Perpaduan	343
• Rang Undang-Undang	351
• Penggulungan Perbahasan Belanjawan Dewan Negara	355
• Penggulungan Dewan Negara Mesyuarat Khas	360

• Dewan Rakyat Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Parlimen Yang Kelima Belas (2023)	372
• Dasar & Perancangan	375
• Kawasan Rukun Tetangga	383
• Rukun Negara	391
• Masyarakat Siam	397
• Rang Undang - Undang	401
• Muzium	407
• Penggulungan Perbahasan Rang Undang - Undang Pembekalan 2024 Peringkat Dasar	413
• Penggulungan Perbahasan Rang Undang - Undang Pembekalan 2024 Peringkat Jawatankuasa	431
• Jawapan Bertulis Penggulungan Perbahasan Rang Undang - Undang Pembekalan 2024	439
• Dasar & Perancangan	441
• Rukun Negara	479
• Perhubungan Masyarakat	489
• Komunikasi Korporat	507
• Kawasan Rukun Tetangga	515
• Tabika Perpaduan	527

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

•	Muzium	545
•	Arkib	573
•	Perpustakaan	593
•	Yayasan Sukarelawan Siswa	627
•	Belanjawan 2024 Kementerian Peroaduan Negara	631
	Dewan Negara Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Parlimen Yang Kelima Belas (2023)	661
•	Dasar & Perancangan	663
•	Kawasan Rukun Tetangga	673
•	Tabika Perpaduan	687

**JUMLAH PERTANYAAN-PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA
YANG KELIMA BELAS,
PENGGAL KEDUA, MESYUARAT PERTAMA**

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
13 FEBRUARI – 16 APRIL 2023

NO	KLUSTER	BILANGAN SOALAN		JUMLAH
		LISAN	BERTULIS	
1	Dasar & Perancangan	11	1	12
2	Kawasan Rukun Tetangga	2	-	2
3	IPNas	3	1	4
4	Taska Genius Perpaduan & Tabika Perpaduan	-	-	-
5	Kelab Rukun Negara & Sekretariat Rukun Negara	1	-	1
6	Rang Undang-Undang	-	1	1
7	Muzium	-	-	-
8	Arkib	-	-	-
9	Perpustakaan	-	1	1
JUMLAH		17	4	21

**JUMLAH PERTANYAAN-PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA
YANG KELIMA BELAS,
PENGAL KEDUA, MESYUARAT KEDUA**

**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
22 MEI – 27 JUN 2023**

NO	KLUSTER	BILANGAN SOALAN		JUMLAH
		LISAN	BERTULIS	
1	Dasar & Perancangan	6	4	10
2	Kawasan Rukun Tetangga	2	-	2
3	IPNas	2	-	2
4	Taska Genius Perpaduan & Tabika Perpaduan	1	-	1
5	Kelab Rukun Negara & Sekretariat Rukun Negara	-	-	-
6	Rang Undang-Undang	5	-	5
7	Muzium	-	1	1
8	Arkib	-	1	1
9	Perpustakaan	-	-	-
JUMLAH		16	6	22

**JUMLAH PERTANYAAN-PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA
YANG KELIMA BELAS,
PENGAL KEDUA, MESYUARAT KETIGA**

**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
9 OKTOBER – 14 DISEMBER 2023**

NO	KLUSTER	BILANGAN SOALAN		JUMLAH
		LISAN	BERTULIS	
1	Dasar & Perancangan	3	-	3
2	Kawasan Rukun Tetangga	3	2	5
3	Masyarakat Siam	2	-	2
4	Taska Genius Perpaduan & Tabika Perpaduan	1	1	2
5	Kelab Rukun Negara & Sekretariat Rukun Negara	-	-	-
6	Rang Undang-Undang	2	-	2
7	Muzium	3	-	3
8	Arkib	-	-	-
9	Perpustakaan	2	-	2
JUMLAH		16	3	19



**DEWAN RAKYAT
MESYUARAT
PERTAMA
PENGGAL KEDUA
PARLIMEN YANG
KELIMA BELAS
(2023)**



**JUMLAH PERTANYAAN-PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA
YANG KELIMA BELAS,
PENGAL KEDUA, MESYUARAT PERTAMA**

**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
13 FEBRUARI – 30 MAC 2023**

NO	KLUSTER	BILANGAN SOALAN		JUMLAH
		LISAN	BERTULIS	
1	Dasar & Perancangan	5	1	6
2	Kawasan Rukun Tetangga	-	-	-
3	IPNas	2	1	3
4	Taska Genius Perpaduan & Tabika Perpaduan	-	-	-
5	Kelab Rukun Negara & Sekretariat Rukun Negara	-	-	-
6	Rang Undang-Undang	-	1	1
7	Muzium	-	-	-
8	Arkib	-	-	-
9	Perpustakaan	-	1	1
JUMLAH		7	4	11



DASAR & PERANCANGAN





SOALAN NO.14

DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA

16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

YB Datuk Haji Awang Bin Hashim [Pendang] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan apakah langkah yang telah diambil bagi memastikan bangsa Siam khususnya tidak tercicir dalam aspek pembangunan mahupun bantuan yang disalurkan Kementerian.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara telah menyediakan beberapa inisiatif bagi memperkasa agenda perpaduan nasional. Agenda ini dilaksanakan melalui pelbagai usaha untuk membina dan memperkukuh tapak integrasi sebagai landasan hubungan muhibah dalam kalangan rakyat.
2. Penghasilan Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030 merupakan dokumen dasar yang menjadi kerangka asas dan hala tuju agenda perpaduan negara. Inisiatif ini diperkukuhkan lagi melalui penghasilan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 yang merupakan pelan induk tindakan perpaduan bagi menterjemahkan Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 ke dalam bentuk program dan inisiatif yang lebih terancang dan terangkum tanpa meminggirkan mana-mana pihak.
3. Dengan penghasilan dokumen dasar dan pelan tindakan ini, agenda perpaduan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui program-program yang dilaksanakan meliputi semua golongan masyarakat tanpa mengira kaum, budaya dan agama bagi memastikan keamanan, keharmonian dan perpaduan dapat dicapai.
4. Berdasarkan maklumat daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Sistem eKasih merupakan pangkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk mendaftarkan golongan miskin di Malaysia berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa (2019). Sehingga 9 Februari 2023, rekod dalam Sistem eKasih menunjukkan bilangan Ketua Isi Rumah (KIR) etnik Siam adalah seramai 1,603 orang. Di samping itu, terdapat 15,843 bilangan bantuan dengan nilai sebanyak RM19,143,159 telah disalurkan.

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO.22

DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA
28 FEBRUARI 2023 (SELASA)

YB Tuan Onn Bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan sering kali disebarkan tentang berlaku provokasi yang menyentuh sensitiviti antara kaum di negara kita. Apakah langkah yang telah dan akan dilakukan oleh pihak Kementerian untuk mencapai aspirasi membentuk ‘Masyarakat Madani’ yang sedang diusahakan oleh pihak Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tidak dinafikan bahawa ada isu provokasi yang menyentuh sensitiviti antara kaum dan agama di negara kita, khususnya di media sosial. Kenyataan sebegini boleh mencetus ketidakharmonian dalam masyarakat.
2. Kementerian sentiasa memantau isu-isu yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian masyarakat melalui sistem e-SEPAKAT yang dibangunkan sejak tahun 2010. Hasil laporan daripada sistem e-SEPAKAT, Kerajaan mengambil langkah-langkah intervensi sosial berdasarkan isu atau insiden seperti melaksanakan program-program dialog, perbincangan kefahaman antara agama dan sebagainya.
3. Selain daripada program tersebut, dilaksanakan juga sesi mediasi oleh Mediator Komuniti yang ditauliah oleh Kementerian. Bagi kes-kes yang memerlukan tindakan bersepadu antara agensi, isu atau insiden akan dirujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan seperti PDRM, MCMC dan PBT.
4. Di bawah pentadbiran Kerajaan Perpaduan, konsep Membangun Malaysia MADANI telah menjadi iltizam YAB Perdana Menteri Malaysia dan bertindak sebagai ikhtiar yang menjelaskan strategi bagi mentadbir negara dengan berkesan.
5. Bagi menyokong agenda membangun Malaysia MADANI, Kementerian ini telah menghasilkan Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI yang menjurus kepada dua fokus utama iaitu Kemasyarakatan dan Kebudayaan.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

6. Di bawah flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI tiga kluster program akan dilaksanakan iaitu:

(i) Semarak Kenegaraan

meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.

(ii) Semarak Perpaduan

menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dengan konsep perpaduan dalam kepelbagaian.

(iii) Program Komuniti Rahmah

membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasahi dan menghargai melalui penggemblengan tenaga semua pihak KPN, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti.

Sekian, terima kasih.





SOALAN NO.15

DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA
6 MAC 2023 (ISNIN)

YB Datuk Seri IR. DR. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan pelan rekonsiliasi nasional yang bertujuan menghakis politik dendam dan membanteras politik mengikut sentimen kaum dan agama.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sistem politik negara kita pada masa ini terbentuk hasil daripada Dasar Pecah dan Perintah yang diamalkan sejak zaman penjajahan British di Tanah Melayu.
2. Dasar ini telah membahagikan kaum mengikut fungsi dan peranan mereka dalam pembangunan ekonomi, tempat tinggal dan sistem pendidikan yang berbeza.
3. Implikasi dari dasar tersebut telah mempengaruhi corak kegiatan berpolitik setiap kaum selepas kemerdekaan. Sistem politik negara kita yang berasaskan kaum menjadi salah satu cabaran yang perlu ditangani dengan baik bagi memastikan ia tidak mencetuskan perselisihan antara kaum.
4. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga telah bertitah sempena Istiadat Pembukaan Penggal Kedua Parlimen Ke-15 pada 13 Februari 2023 supaya semua wakil rakyat mengetepikan agenda politik sempit dan bersatu hati atas nama perpaduan.
5. Dalam sistem politik federalisme mengikut kaum dan etnik, negara tetap mampu bergerak ke arah landskap politik yang menggalakkan perpaduan serta meningkatkan amalan saling menghormati dan toleransi dalam kalangan rakyat, dengan contoh teladan yang baik daripada pemimpin kepada rakyat.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

6. Antara strategi yang digariskan melalui Dasar Perpaduan Negara adalah memperkukuhkan peranan pemimpin sebagai pemangkin perpaduan. Untuk itu, semua peringkat kepimpinan bermula dari peringkat persekutuan, negeri, daerah sehingga peringkat akar umbi perlu menjadi teladan dan contoh terbaik kepada rakyat.

7. Kerajaan Perpaduan yang diterajui oleh YAB Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada masa ini merupakan satu konsep pentadbiran Kerajaan yang menekankan aspek perpaduan dengan penglibatan semua parti. Konsep ini juga merupakan salah satu rekonsiliasi bagi mengelakkan politik dendam.

Sekian, terima kasih.





SOALAN NO.11

DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA
21 MAC 2023 (SELASA)

YB Tuan Hassan Bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan lebih lanjut inisiatif yang diambil oleh Kementerian yang bernama “Ini Malaysia Kita” yang berdasarkan prinsip-prinsip Rukun Negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Preamble Rukun Negara mempunyai cita-cita masyarakat yang bersatu-padu, hidup cara demokratik, makmur dan saksama, liberal dengan kebudayaan pelbagai corak, progresif dengan menggunakan sains dan teknologi moden. Kesemua cita-cita Rukun Negara ini juga terkandung dalam nilai-nilai masyarakat MADANI iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan.
2. Seiring dengan pengumuman dasar pembangunan Malaysia MADANI oleh YAB Perdana Menteri, cadangan inisiatif "Ini Malaysia Kita" telah diteliti semula dan Kementerian Perpaduan Negara telah menghasilkan Kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan dalam Kepelbagaian (Unity in Diversity) dengan fokus utama iaitu Kebudayaan dan Kemasyarakatan.
3. Program flagship yang diperkenalkan adalah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang menerajui inisiatif di bawah agenda perpaduan nasional dengan matlamat menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam membangunkan Malaysia MADANI.
4. Kembara Perpaduan Malaysia MADANI memayungi tiga (3) kluster program yang berpaksikan kepada objektif dan teras Dasar Perpaduan Negara iaitu patriotisme dan demokrasi, identiti nasional dan ekosistem perpaduan, melalui penglibatan dan kerjasama semua pihak termasuklah pemimpin, agensi Kerajaan, pihak swasta, NGO, CSO dan masyarakat secara keseluruhannya.

5. Tiga (3) kluster program tersebut adalah:

(i) Semarak Kenegaraan

Program kenegaraan yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.

Contoh program:

- a) Citra Nusa@Muzium (sejarah dan tamadun);
- b) Apresiasi Rukun Negara (peringkat sekolah);
- c) Ikrar Setiaku (Rukun Negara);
- d) Dan lain-lain.

(ii) Semarak Perpaduan

Program untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dgn konsep perpaduan dalam kepelbagaian.

Contoh program:

- a) Sambutan Minggu Perpaduan;
- b) Galeri UNITI;
- c) Showcase Rumah KAMI;
- d) Dan lain-lain.

(iii) Komuniti Rahmah

Program yang dirangka bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggemblengan tenaga semua pihak KPN, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti.

Contoh program:

- a) Bantuan Bakul RAHMAH;
- b) Tuisyen RAHMAH;
- c) Gerak RAHMAH: Jom Ronda SRS;
- d) Dan lain-lain.

6. Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI yang dihasilkan oleh kementerian ini merupakan usaha penyatupaduan yang berterusan untuk mendidik dan membentuk peribadi serta tingkah laku masyarakat Malaysia selari dengan cita-cita dan prinsip Rukun Negara.

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO.7

DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA
30 MAC 2023 (KHAMIS)

YB Dato' Dr. Zulkafperi Bin Hanapi [Tanjong Karang]
minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan:

**i. Sejauh mana pencapaian Pelan Tindakan
Perpaduan Negara 2021-2030?**

**ii. Apakah cabaran perpaduan yang
dihadapi oleh Kementerian?**

**iii. Apakah kaitan Indeks Negara Rahmah
dengan Indeks Perpaduan Negara (IPNas)?**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar Perpaduan Negara (DPN) dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 merupakan antara dokumen utama Kementerian dalam merangka halatuju agenda perpaduan nasional dan dokumen dasar yang dihasilkan adalah selari dengan Kerangka MADANI yang menekankan kepada Perlembagan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas pembentukan negara dan penyatupaduan masyarakat.

2. Program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian di dalam Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI juga adalah berdasarkan kepada tiga (3) teras utama Dasar Perpaduan Negara seperti berikut;
 - (i) Patriotisme dan demokrasi;
 - (ii) Identiti nasional; dan
 - (iii) Ekosistem perpaduan.

3. Dalam masa yang sama, Kementerian juga akan sentiasa membuat semakan terhadap dasar dan pelan tindakan yang dihasilkan untuk tujuan penambahbaikan dari masa ke semasa.

4. Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menilai sejauh manakah pencapaian Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 berjalan lancar dan tercapai ialah Jawatankuasa Pemantauan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030. Pada ketika ini, program-program yang dilaksanakan berdasarkan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 adalah berjalan dengan lancar.

 5. Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) dengan kerjasama Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia telah mengadakan 18 siri Dialog Perpaduan di seluruh negara dari 2014-2015 bagi mengenal pasti permasalahan, isu dan cabaran yang wujud yang disuarakan oleh segenap lapisan masyarakat serta aspirasi dan harapan mereka. Hasil daripada siri dialog ini, sebanyak sembilan (9) defisit sosial telah dikenal pasti seperti berikut:
 - (i) Etnisiti;
 - (ii) Kelas Sosial;
 - (iii) Bahasa;
 - (iv) Agama;
 - (v) Pendidikan;
 - (vi) Jurang Generasi;
 - (vii) Gender;
 - (viii) Politik Federalisme; dan
 - (ix) Ruang Bandar - Desa.
-

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

6. Seterusnya, pada tahun 2018, pihak KITA sekali lagi telah mengadakan sesi libat urus di seluruh negara bagi mendapatkan input, pandangan dan pendapat mengenai isu-isu yang boleh menjejaskan penyatuan dan perpaduan nasional ke arah membina bangsa Malaysia yang bersatu. Dalam sesi ini, selain daripada sembilan (9) defisit sosial, satu lagi cabaran utama yang dikenal pasti ialah media. Justeru, terdapat sepuluh (10) defisit sosial yang perlu ditangani dengan sewajarnya untuk memastikan tahap perpaduan terus kekal stabil dan terkawal.

7. Dalam IPNas 2022, hanya empat daripada sepuluh kategori Defisit Sosial iaitu Pendidikan, Agama, Jurang Generasi dan Bahasa dikesan memberi cabaran dan menggugat pencapaian tahap perpaduan rakyat secara tidak langsung melalui empat faktor kajian ini iaitu Tahap Keetnikan, Hubungan Sosial Rentas Etnik, Etos Bangsa dan Tadbir Urus dan Pembangunan.

8. Indeks Malaysia Negara Rahmah 2022 telah dihasilkan oleh Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) untuk mengukur pencapaian semasa sesebuah negara ke arah menjadi sebuah negara Rahmah pada tahun 2035. 12 ciri Rahmah tersebut adalah:
 - (i) Kepimpinan yang kompeten dan integriti;
 - (ii) Sistem pemerintahan yang berasaskan semak dan imbang yang berkesan;
 - (iii) Tadbir urus yang baik;
 - (iv) Undang-undang yang adil;
 - (v) Masyarakat yang berilmu, berakhlak dan penyayang;
 - (vi) Institusi keluarga yang kukuh;

- (vii) Hubungan etnik dan penganut agama yang harmoni;
 - (viii) Ekonomi yang mampan;
 - (ix) Agihan kekayaan yang saksama;
 - (x) Pembangunan yang lestari;
 - (xi) Kebajikan, kesihatan dan keselamatan rakyat yang terpelihara;
 - (xii) Menerajui usaha keamanan dan kesejahteraan sejagat.
9. Indeks yang dihasilkan ini adalah berkaitan juga dengan tahap kesejahteraan dan perpaduan di negara kita, di mana masing-masing menunjukkan kesepaduan antara kaum di negara kita berada pada tahap yang baik. Bagaimanapun, usaha berterusan perlu dilakukan bagi memastikan perpaduan yang ada ini terus kekal dan terpelihara.
10. Manakala, Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) adalah indeks nasional yang menjadi kayu ukur terhadap keberkesanan pelaksanaan inisiatif dan program oleh Kerajaan untuk memastikan sumbangannya kepada tahap perpaduan dan keharmonian negara.

Sekian, terima kasih.





SOALAN NO.83

DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA
BUKAN LISAN

YB Dato' Azman Bin Nasrudin [Padang Serai] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan pendirian Kerajaan terhadap Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan Perpaduan Negara 2021 - 2030 yang telah dilancarkan oleh Kerajaan sebelum ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara memainkan peranan sebagai peneraju agenda perpaduan nasional yang bersifat inklusif merentasi pelbagai golongan masyarakat demi kemakmuran bersama.
2. Dasar Perpaduan Negara (DPN) dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030 merupakan dokumen utama Kementerian dalam merangka halatuju agenda perpaduan nasional dan dokumen dasar yang dihasilkan adalah selari dengan Kerangka MADANI yang menekankan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas pembentukan negara dan penyatupaduan masyarakat.
3. Program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian di dalam Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI juga adalah berdasarkan kepada tiga (3) teras utama Dasar Perpaduan Negara seperti berikut;
 - (i) Patriotisme dan demokrasi;
 - (ii) Identiti nasional; dan
 - (iii) Ekosistem perpaduan.
4. Dalam masa yang sama, Kementerian juga akan sentiasa membuat semakan terhadap dasar dan pelan tindakan yang dihasilkan untuk tujuan penambahbaikan dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.





INDEKS PERPADUAN NASIONAL (IPNAS)





SOALAN NO.8

DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA
16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan sejauh manakah keberhasilan Indeks Perpaduan di Malaysia yang dijalankan oleh Institut Kajian Etnik, UKM dalam menangani masalah perpaduan di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) adalah sebuah indeks nasional yang menjadi kayu ukur terhadap keberkesanan pelaksanaan inisiatif dan program oleh Kerajaan untuk memastikan sumbangannya kepada tahap perpaduan dan keharmonian negara.
2. IPNas telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada tahun 2018 dan 2022. Pelaksanaan kajian IPNas menggunakan kaedah model struktur (structural model) iaitu mengenal pasti dan menguji secara bersama-sama dalam satu acuan model meliputi semua faktor penyumbang yang mempengaruhi pencapaian tahap kesepaduan sosial.
3. Lima (5) indikator yang mempengaruhi tahap kesepaduan sosial yang diuji iaitu:
 - (i) Tahap Keetnikan;
 - (ii) Hubungan Sosial Rentas Etnik;
 - (iii) Etos Bangsa;
 - (iv) Tadbir Urus dan Pembangunan; dan
 - (v) Defisit Sosial (isu dan cabaran).
4. Nilai Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) pada tahun 2018 adalah 0.567. Pada tahun 2022, IPNas mencatatkan peningkatan iaitu dengan skor 0.629.

5. Sepuluh (10) defisit sosial atau cabaran dalam perpaduan yang dinilai adalah:
- (i) Etnisiti;
 - (ii) Agama;
 - (iii) Kelas Sosial;
 - (iv) Pendidikan;
 - (v) Bahasa;
 - (vi) Jurang Generasi;
 - (vii) Gender;
 - (viii) Politik Federalisme;
 - (ix) Ruang Bandar-Desa; dan
 - (x) Media.
6. Berdasarkan penemuan IPNas 2018, Kementerian telah bangukan Dasar Perpaduan Negara (DPN), Rangka Tindakan Perpaduan Negara (Blueprint) dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030. Pelan ini menggariskan program perpaduan yang perlu dilaksanakan bagi mengukuhkan tahap kesepaduan sosial melibatkan kerjasama pelbagai agensi.
7. Dapatan IPNas 2022 pula menunjukkan dua (2) perkara yang perlu diberi perhatian bagi mengukuhkan lagi perpaduan di negara ini iaitu tadbir urus dan pembangunan serta aspek hubungan sosial rentas etnik.
8. Untuk itu, Kementerian Perpaduan Negara telah merangka program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI selari dengan

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

Dasar Perpaduan Negara (DPN) yang dihasilkan. Program ini merupakan program flagship bagi tahun 2023 yang meliputi tiga (3) kluster program iaitu:

(i) Semarak Kenegaraan

Program yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.

(ii) Semarak Perpaduan

Program ini untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya. Aktiviti yang dilaksanakan untuk menambah dan mempelbagaikan tapak integrasi dan medium interaksi sosial.

(iii) Komuniti Rahmah

Program yang dirangka bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan melalui penggembengan tenaga semua pihak termasuk agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti.

9. Program yang dirangka ini adalah sebagai kesinambungan kepada inisiatif agenda perpaduan sebelum ini dengan pelaksanaan yang lebih inklusif dan bersepadu.

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO.7

DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA

30 MAC 2023 (KHAMIS)

YB Tuan Azli Bin Yusof [Shah Alam] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan indeks perpaduan negara terkini dan apakah pihak Kementerian bercadang memperkenalkan undang-undang atau akta bagi membendung elemen permusuhan antara kaum dan agama.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

INDEKS PERPADUAN NASIONAL (IPNas)

1. IPNas adalah sebuah indeks nasional yang menjadi kayu ukur terhadap keberkesanan pelaksanaan inisiatif dan program oleh Kerajaan untuk memastikan sumbangannya kepada tahap perpaduan dan keharmonian negara.
2. Tahap perpaduan rakyat diukur berdasarkan nilai kumulatif dalam konstruk kesepaduan sosial yang disumbang oleh lima faktor penting iaitu Tahap Keetnikan, Hubungan Sosial Rentas Etnik, Etos Bangsa, Tadbir Urus dan Pembangunan dan Defisit Sosial.
3. Kajian pembangunan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) dalam tahun 2018 menunjukkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia adalah pada tahap 0.567 (berdasarkan skala pengukuran di antara 0 hingga 1). Pencapaian ini adalah pada tahap sederhana.
4. Pencapaian tahun 2022 merekodkan nilai indeks masih dalam tahap sederhana, namun telah meningkat sebanyak 6.2% kepada 0.629 dalam tahun 2022. Pencapaian ini menunjukkan bahawa tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia adalah baik dan terkawal walaupun mereka telah mengharungi kehidupan yang sukar akibat pandemik COVID-19 yang melanda negara sejak tahun 2020.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

5. Pencapaian tahap perpaduan ini adalah hasil sumbangan signifikan faktor-faktor berikut iaitu Tadbir Urus dan Pembangunan, Etos Bangsa dan Hubungan Sosial Rentas Etnik. Sumbangan Tahap Keetnikan adalah kecil dan tidak signifikan.

PERUNDANGAN

6. Berhubung soalan tentang undang-undang bagi membendung elemen permusuhan antara kaum dan agama, Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi yang menjadi asas pembentukan negara ini serta identiti rakyat Malaysia. Sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan perlu dihayati dan difahami oleh semua rakyat kerana melibatkan tolak ansur, kompromi dan pengorbanan semua pihak serta berlandaskan proses persetujuan timbal balik atau perkongsian kuasa antara pelbagai etnik. Antaranya ialah Artikel 10 mengenai kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan, dan Artikel 11 mengenai kebebasan beragama.
7. Undang-undang sedia ada pada masa ini sudah memadai bagi memastikan perpaduan kaum kekal terpelihara. Antara akta dan perundangan yang berkuat kuasa adalah:
 - (i) Akta Hasutan 1948 [Akta 15] iaitu akta bagi mengawal kesalahan menghasut.
 - (ii) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] bagi mengawal kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan atau perkhidmatan rangkaian.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

- (iii) Kanun Keseksaan (Penal Code) [Akta 574] – iaitu akta yang digubal bagi membolehkan seseorang dihukum atas kesabitan jenayah, di mana ia terdapat 7 Seksyen yang berkaitan dengan perpaduan kaum dan keagamaan.
8. Akta-akta sedia ada telah mengambil kira pelbagai aspek kawalan bagi mengekang unsur-unsur yang boleh menjejaskan keharmonian. Justeru, Kementerian ini berpendapat tiada keperluan untuk menggubal atau memperkenalkan suatu undang-undang baharu pada masa ini, dan memadai dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang sedia ada.
9. Walau bagaimanapun kalau keadaan mendesak dan Kerajaan memikirkan bahawa undang-undang sedia ada perlu dibuat semakan semula untuk pindaan bagi mengekang elemen permusuhan antara kaum dan agama, maka Kementerian akan menyokong penuh hasrat tersebut.

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO.162

DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA
BUKAN LISAN

YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan adakah Kementerian sudah membuat kajian terperinci mengenai punca utama wujudnya ketegangan kaum pasca merdeka dan apakah hasil dapatan kajian tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) dengan kerjasama Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia telah mengadakan 18 siri Dialog Perpaduan di seluruh negara dari 2014-2015 bagi mengenal pasti permasalahan, isu dan cabaran yang wujud yang disuarakan oleh segenap lapisan masyarakat serta aspirasi dan harapan mereka. Hasil daripada siri dialog ini, sebanyak sembilan (9) defisit sosial telah dikenal pasti seperti berikut:
 - (i) Etnisiti;
 - (ii) Kelas Sosial;
 - (iii) Bahasa;
 - (iv) Agama;
 - (v) Pendidikan;
 - (vi) Jurang Generasi;
 - (vii) Gender;
 - (viii) Politik Federalisme; dan
 - (ix) Ruang Bandar – Desa.

2. Seterusnya, pada tahun 2018, pihak KITA sekali lagi telah mengadakan sesi libat urus di seluruh negara bagi mendapatkan input, pandangan dan pendapat mengenai isu-isu yang boleh menjejaskan penyatuan dan perpaduan nasional ke arah membina bangsa Malaysia yang bersatu. Dalam sesi ini, selain daripada sembilan (9) defisit sosial, satu lagi cabaran utama yang dikenal pasti ialah media. Justeru, terdapat sepuluh (10)

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

defisit sosial yang perlu ditangani dengan sewajarnya untuk memastikan tahap perpaduan terus kekal stabil dan terkawal.

3. Pada tahun 2018 juga, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bersama KITA telah membangunkan satu indeks bagi mengukur tahap kesepaduan dalam kalangan masyarakat iaitu Indeks Perpaduan Nasional (IPNas), dengan mengambil kira sepuluh (10) defisit sosial tersebut.
4. Pada tahun 2022, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) bersama KITA telah menjalankan kajian IPNas 2022 yang menunjukkan skor 0.629, bermaksud perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia berada pada tahap sederhana dan terkawal. IPNas 2022 menunjukkan peningkatan sebanyak 0.062 berbanding skor IPNas 2018 iaitu 0.567.

Sekian, terima kasih.



RANG UNDANG-UNDANG



|

SOALAN NO.569

DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA
BUKAN LISAN

YB Tuan Azli Bin Yusof [Shah Alam] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan apakah Kerajaan bersedia untuk menggubal semula akta perhubungan kaum untuk mengawal ketegangan kaum yang semakin meruncing di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, undang-undang sedia ada sudah memadai dalam memastikan hubungan antara kaum terpelihara. Akta dan perundangan yang berkuat kuasa adalah:
 - (i) Subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15] iaitu kesalahan menghasut;
 - (ii) Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian;
 - (iii) Seksyen 295 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan membencana atau mencemarkan tempat sembahyang dengan niat hendak mengaibkan agama mana-mana golongan;
 - (iv) Seksyen 296 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan mengganggu perhimpunan yang menjalankan sembahyang;
 - (v) Seksyen 298 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menyebut perkataan-perkataan atau melakukan perbuatan-perbuatan lain dengan niat sengaja hendak melukakan perasaan agama seseorang;

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

- (vi) Seksyen 298A Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menyebabkan, atas alasan - alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan, perasaan permusuhan, benci-membenci atau niat jahat, atau memudaratkan pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan;
 - (vii) Seksyen 504 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan;
 - (viii) Seksyen 505 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam; dan
 - (ix) Seksyen 506 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah.
2. Justeru, Kementerian ini berpendapat tiada keperluan untuk menggubal atau memperkenalkan suatu undang-undang baharu seperti Akta Perhubungan Kaum pada masa ini dan penguatkuasaan undang-undang sedia untuk mengawal ketegangan kaum boleh dipertingkatkan lagi.

Sekian, terima kasih.



PERPUSTAKAAN





SOALAN NO.32

DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA
BUKAN LISAN

YB Tuan Ahmad Fadhli Bin Shaari [Pasir Mas] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan bentuk bantuan yang telah diberi oleh Kementerian kepada setiap perpustakaan negeri di seluruh negara bagi memastikan setiap premis ini dilengkapi dengan bahan bacaan dan fasiliti yang mencukupi dan lengkap.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perpustakaan Negara Malaysia yang sebelum ini di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah ditempatkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara berkuat kuasa 3 Disember 2022.
2. Perpustakaan Negara Malaysia telah menyalurkan peruntukan di bawah Bantuan Belanja Mengurus Sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri mulai 1992. Peruntukan yang telah disalurkan kepada semua Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri sehingga tahun 2022 berjumlah RM1.2 bilion.
3. Bantuan kewangan ini merupakan pemberian Kerajaan Persekutuan bertujuan untuk membantu mempertingkatkan pembangunan perpustakaan awam di negeri-negeri dan menyeimbangkan pembangunan rangkaian perpustakaan dan koleksi negeri seiring dengan perkembangan semasa. Berikut adalah peruntukan kewangan Kerajaan Persekutuan mengikut negeri kepada Perpustakaan Awam Negeri bagi tempoh 2020-2022.

Sekian, terima kasih.



PENGGULUNGAN PERBAHASAN TITAH DIRAJA DEWAN RAKYAT



**UCAPAN PENGGULUNGAN
YB MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**KE ATAS PERBAHASAN TITAH DIRAJA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE-15 (2023), DEWAN RAKYAT**

Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan Malaysia MADANI,

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Titah DiRaja dan menyentuh tentang perkara-perkara di bawah peranan Kementerian Perpaduan Negara iaitu:

BIL	Ahli Dewan Negara	Isu Yang Dibahaskan
1	YB Datuk Shamsulkahar Mohd Deli (Jempol)	Cadangan supaya Rukun Negara dihayati dan dijadikan amalan.
2	YB Tuan Mohd Sany Hamzan (Hulu Langat)	Cadangan supaya Rukun Negara dihayati dan dijadikan amalan.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

BIL	Ahli Dewan Negara	Isu Yang Dibahaskan
3	YB Abdul Latiff Abdul Rahman (Kuala Krai)	Supaya Kerajaan mengenal pasti punca timbulnya isu perkauman.
4	YB Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)	<p>a) Memohon supaya diambil tindakan lebih tegas terhadap mereka yang membuat kenyataan menggunakan sosial media yang mensensasikan isu perkauman dan agama.</p> <p>b) Kesepaduan masyarakat yang akan dapat dicapai melalui proses akomodasi dan bukan asimilasi.</p> <p>c) Memberikan penerangan dan menghentikan desakan kepada cara dan jenis pakaian, minuman, makanan serta cara perayaan yang diamalkan oleh kumpulan etnik Buddha dan minoriti yang lain.</p>

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

2. Berhubung isu Rukun Negara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Shamsulkahar Mohd Deli (Jempol) dan Yang Berhormat Tuan Mohd Sany Hamzan (Hulu Langat), saya amat bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh kedua-dua Yang Berhormat.
3. Rukun Negara bukanlah sekadar prinsip yang hanya dilafazkan dengan ikrar semata-mata, tetapi ia menuntut kesungguhan setiap warganegara untuk menghayati dan mengamalkannya.
4. Sebelum itu, ingin saya mengimbas sedikit tentang sejarah Rukun Negara. Rukun Negara digubal setelah berlakunya peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Peristiwa hitam tersebut telah mendorong pemimpin negara dari pelbagai kaum memikirkan satu formula bagi memperkukuhkan perpaduan antara kaum.
5. Tun Abdul Razak Hussein yang mengetuai Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ketika itu telah menubuhkan tiga badan iaitu Majlis Muhibbah Negara, Jabatan Perpaduan Negara dan Majlis Perundingan Negara. Hasil daripada beberapa siri perbincangan yang diadakan oleh Majlis Perundingan Negara maka lahirlah Rukun Negara.
6. Ingin saya menarik perhatian semua bahawa Rukun Negara yang diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 mengandungi dua bahagian. Pertama, bahagian mukadimah (preamble) yang mengandungi lima perkara yang dicita-citakan untuk dicapai dan kedua, lima prinsip Rukun Negara sebagai alat untuk mencapai cita-cita tersebut.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

7. Cita-cita dan Prinsip dalam Rukun Negara jelas menjadi kunci kepada keharmonian dan perpaduan, bertujuan menyemai nilai murni dalam kalangan masyarakat, nilai keagamaan, kesetiaan kepada Raja dan negara, kepatuhan kepada Perlembagaan dan undang-undang serta masyarakat yang sopan dan bertatasusila.
8. Kementerian Perpaduan Negara sejak penubuhannya pada 10 Mac 2020, sememangnya meletakkan Rukun Negara sebagai asas kepada penggubalan Dasar Perpaduan Negara dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 bagi menggerakkan agenda perpaduan nasional.
9. Antara strategi yang digariskan melalui Dasar Perpaduan Negara adalah meningkatkan literasi, pemahaman dan penghayatan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara bagi melahirkan masyarakat yang mempunyai semangat cintakan negara untuk mengekalkan keharmonian, keamanan dan kesejahteraan rakyat.
10. Dalam usaha ini, Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif menerapkan nilai-nilai perpaduan dan penghayatan Rukun Negara bermula dari awal usia kanak-kanak.
11. Di peringkat Tabika Perpaduan, Kementerian telah memperkenalkan Modul Pendidikan Rukun Negara untuk memberi pendedahan awal kepada kanak-kanak tentang nilai-nilai murni bagi memupuk semangat perpaduan dan cintakan negara.
12. Manakala di peringkat sekolah, Kelab Rukun Negara (KRN) dan di peringkat Institut Pengajian Tinggi, Sekretariat Rukun Negara (SRN) telah ditubuhkan yang mana sehingga kini terdapat 6,843 KRN dan 187 SRN di seluruh negara.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

13. Melalui Program KRN dan SRN, pelajar-pelajar boleh menghayati Rukun Negara, melibatkan diri secara aktif dalam program kenegaraan dan meningkatkan jaringan kerjasama dengan masyarakat.

Tuan yang di-Pertua,

14. Berhubung perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai tentang usaha kerajaan mencari punca kepada isu perkauman.
15. Kepelbagaian dalam masyarakat di negara ini menjadi satu keunikan. Dalam masa yang sama kepelbagaian ini juga menjadi cabaran untuk diuruskan. Selagi ada perbezaan, sama ada dari segi agama, bahasa, adat dan budaya, selagi itulah ada cabaran yang perlu ditangani dengan penuh hemah.
16. Kerajaan sentiasa memantau isu-isu dan cabaran berkaitan perpaduan yang boleh mencetuskan ketegangan dan menggugat keharmonian masyarakat.
17. Usaha ini sebenarnya telah bermula sejak sekian lama, di mana penubuhan Jabatan Perpaduan Negara pada 1 Julai 1969 membuktikan bahawa Kerajaan benar-benar meletakkan elemen perpaduan ini sebagai agenda utama untuk diuruskan.
18. Pada tahun 2013, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara atau National Unity Consultative Council (NUCC) sebagai satu badan bebas untuk menasihati Kerajaan mengenai hal-ehwal perpaduan dan integrasi nasional.

19. NUCC telah melaksanakan kajian persepsi rakyat tentang isu-isu yang mempengaruhi perpaduan. Hasil daripada analisis maklumbalas rakyat, terdapat beberapa cabaran utama telah dikenal pasti iaitu dari aspek:

(i) Agama

Kurangnya sensitiviti serta kefahaman berkenaan agama yang berbeza memberi kesan kepada hubungan dan interaksi dalam Masyarakat

(ii) Pendidikan

Kewujudan institusi sekolah pelbagai aliran di negara ini (seperti sekolah vernakular, sekolah agama dan sekolah antarabangsa) difahami sebagai kekangan kepada usaha pemupukan perpaduan rakyat

(iii) Politik

Sistem politik federalisme di negara ini muncul sebagai isu dan cabaran yang cuba mengheret perpaduan apabila isu-isu etnik diperdebatkan dalam konteks hak masing-masing dalam Perlembagaan.

(iv) Media

Media massa dan digital sekiranya disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab boleh menggugat kestabilan dan perpaduan. Oleh itu, komunikasi yang lebih berkesan serta penguatkuasaan undang-undang perlu diperkukuhkan bagi mengimbangi kesan negatif kepesatan teknologi media yang semakin mencabar ruang perpaduan masa kini.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

20. Bagi mengukur keberkesanan usaha-usaha yang telah dilaksanakan untuk menangani isu-isu perpaduan, Kerajaan juga telah membangunkan Indeks Perpaduan Nasional atau IPNas. Sehingga kini, kajian IPNas telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada tahun 2018 dan 2022.
21. Lima (5) indikator yang mempengaruhi tahap kesepaduan sosial yang diuji iaitu:
- Tahap Keetnikan;
 - Hubungan Sosial Rentas Etnik;
 - Etos Bangsa;
 - Tadbir Urus dan Pembangunan; dan
 - Defisit Sosial atau isu dan cabaran.
22. Nilai Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) pada tahun 2018 adalah 0.567. Manakala pada tahun 2022, IPNas mencatatkan peningkatan iaitu dengan skor 0.629 yang menunjukkan tahap perpaduan berada pada tahap sederhana dan terkawal.
23. Dapatan IPNas 2022 menunjukkan dua (2) perkara yang perlu diberi perhatian bagi mengukuhkan lagi perpaduan di negara ini iaitu tadbir urus dan pembangunan serta aspek hubungan sosial rentas etnik.
24. Selain daripada Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) yang dihasilkan oleh Kementerian Perpaduan Negara, pihak Jabatan Perangkaan (DOSM) juga menghasilkan Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI) yang menunjukkan skor 6.48 yang menggambarkan kebahagiaan rakyat Malaysia adalah pada tahap bahagia.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

25. Kesejahteraan adalah nilai penting dalam masyarakat dan boleh digunakan untuk mengukur kemajmukan masyarakat khususnya mencerminkan keadaan kehidupan secara material dan kualiti hidup sesebuah masyarakat.
26. Kerajaan menggunakan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) 2021 untuk mengukur tahap kesejahteraan rakyat Malaysia daripada perspektif ekonomi dan sosial.
27. Prestasi IKRM tahun 2021 menunjukkan peningkatan sebanyak 1.3% kepada 119.2 mata berbanding 117.7 mata pada tahun 2020 yang mana setiap subkomposit ekonomi dan sosial menunjukkan peningkatan.

Tuan yang di-Pertua,

28. Seterusnya, bagi persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan William Leong Jee Keen (Selayang) berkenaan tindakan tegas ke atas penyalahgunaan media sosial dengan kenyataan yang boleh menggugat perpaduan.
29. Dalam usaha mengekalkan keharmonian antara kaum, Kerajaan sentiasa memastikan tidak ada kenyataan-kenyataan dikeluarkan oleh mana-mana pihak yang boleh mencetuskan ketegangan antara kaum. Kawalan berhubung perkara ini dilaksanakan melalui perundangan sedia ada iaitu:
 - (i) Subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15] iaitu kesalahan menghasut (KDN);
 - (ii) Seksyen 295 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

membencana atau mencemarkan tempat sembahyang dengan niat hendak mengaibkan agama mana-mana golongan (KDN);

- (iii) Seksyen 296 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan mengganggu perhimpunan yang menjalankan sembahyang (KDN);
- (iv) Seksyen 298 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menyebut perkataan-perkataan atau melakukan perbuatan-perbuatan lain dengan niat sengaja hendak melukakan perasaan agama seseorang (KDN);
- (v) Seksyen 298A Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menyebabkan, atas alasan-alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan, perasaan permusuhan, benci-membenci atau niat jahat, atau memudaratkan pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan (KDN);
- (vi) Seksyen 504 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan (KDN);
- (vii) Seksyen 505 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam (KDN);
- (viii) Seksyen 506 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah (KDN); dan
- (ix) Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta588] iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian (KKD).

30. Antara langkah mendidik rakyat menghormati undang-undang sedia ada adalah dengan cara memperketat penguatkuasaan dan mengenakan hukuman setimpal terhadap individu yang mencetus isu perkauman dan keagamaan bagi membuka mata rakyat supaya menghormati undang-undang berkuatkuasa.

Tuan yang di-Pertua,

31. Persoalan seterusnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Selayang adalah berkenaan kesepaduan masyarakat yang akan dapat dicapai melalui proses akomodasi dan bukan asimilasi serta tindakan Kementerian untuk memberikan penerangan dan kesedaran tentang kepelbagaian serta sensitiviti yang perlu dijaga.
32. Sejak penubuhannya pada 10 Mac 2020, Kementerian Perpaduan Negara telah menghasilkan Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030. Bagi menterjemahkan dasar tersebut ke dalam bentuk pelaksanaan, Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030, yang merupakan pelan induk tindakan perpaduan juga telah dihasilkan. Daripada pelan tersebut, pelbagai program telah disusun dan dilaksanakan bagi mengukuhkan perpaduan nasional.
33. Pada tahun ini, selaras dengan hasrat membangun Malaysia MADANI, Kementerian telah menghasilkan Rangka Kerja Membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian. Ini merupakan usaha penyatupaduan yang berterusan untuk mendidik, membentuk peribadi dan tingkah laku masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum, agama dan budaya, berjiwa ihsan, peduli serta meraikan kepelbagaian. Nilai-nilai ini merupakan cerminan masyarakat yang maju,

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

terampil dan terangkum sebagai mengisi kepada sebuah negara MADANI.

34. Melalui rangka kerja ini, pelbagai program yang bertemakan perpaduan dalam kepelbagaian telah disusun di bawah flagship yang dinamakan Kembara Perpaduan Malaysia MADANI. Di bawah flagship ini dibahagi kepada tiga kluster program selari dengan Teras Dasar Perpaduan Negara iaitu:
- (i) Semarak Kenegaraan;
 - (ii) Semarak Perpaduan; dan
 - (iii) Komuniti Rahmah.
35. Program Semarak Kenegaraan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan Negara Salam kalangan semua lapisan masyarakat.
36. Program Semarak Perpaduan adalah program untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya. Ia adalah bersesuaian dengan konsep perpaduan dalam kepelbagaian; aktiviti yang dilaksanakan akan menambah dan mempelbagaikan tapak integrasi dan medium interaksi sosial agar detik-detik perpaduan atau 'moment of unity' akan sentiasa dilihat, didengar dan dirasakan di setiap lapisan masyarakat.
37. Antara program di bawah kluster Semarak Perpaduan iaitu Showcase Rumah KAMI yang memberi peluang kepada setiap pengunjung mengenali keistimewaan dan keunikan tradisi dan budaya yang menjadi amalan masyarakat majmuk di negara ini

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

Pengenalan terhadap kepelbagaian budaya mampu menyuntik rasa menghargai antara satu sama lain di samping dapat memperkukuh amalan hormat-menghormati antara kaum.

38. Program Komuniti Rahmah merupakan program yang dirangka bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggembleran tenaga semua pihak Kementerian Perpaduan Negara (KPN), agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti.

Cadangan

Tuan yang di-Pertua,

39. Menyedari bahawa Rukun Negara menjadi asas kepada penyatupaduan rakyat Malaysia, saya ingin mengambil peluang untuk mencadangkan agar ikrar Rukun Negara dilafazkan di Dewan Parlimen yang mulia ini setiap hari Isnin sebelum memulakan mesyuarat.
40. Saya juga ingin mencadangkan supaya semua program rasmi Kerajaan dimulakan dengan lafaz ikrar Rukun Negara sebagaimana yang telah diamalkan oleh Kementerian Perpaduan Negara sejak tahun 2020. Manakala di peringkat sekolah, bukan sahaja Prinsip Rukun Negara ditampal di dinding, adalah lebih berkesan sekiranya setiap hari Isnin, semua pelajar melafazkan ikrar Rukun Negara semasa sesi perhimpunan.
41. Dengan apa yang dilakukan ini, diharap akan menjadi contoh dan teladan serta kesedaran kepada seluruh rakyat betapa pentingnya perpaduan dalam membangun Malaysia MADANI.

Sekian, terima kasih.



PENGGULUNGAN PERBAHASAN BELANJAWAN DEWAN RAKYAT



**UCAPAN PENGGULUNGAN
YB MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**KE ATAS PERBAHASAN BELANJAWAN
DI PERINGKAT DASAR
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE-15 (2023), DEWAN RAKYAT**

Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan Malaysia MADANI,

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Belanjawan 2023 dan menyentuh tentang perkara-perkara di bawah peranan Kementerian Perpaduan Negara iaitu:

NO	AHLI DEWAN RAKYAT	ISU YANG DIBAHASKAN
1	YB Beruas	Perbezaan agama dan kaum menjadi titik perpecahan masyarakat.
2	YB Bukit Bendera	Peruntukan RM25 juta bagi program perpaduan melalui aktiviti kebudayaan dan juga kesenian di peringkat sekolah dan komuniti.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

NO	AHLI DEWAN RAKYAT	ISU YANG DIBAHASKAN
3	YB Kuantan	<p>Permohonan kelonggaran syarat penubuhan KRT daripada 1,000 rumah kepada bilangan yang sesuai.</p> <p>Kesedaran tentang Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara di kalangan masyarakat.</p> <p>KPN perlu menjadi peneraju program pengukuhan perpaduan di segenap lapisan masyarakat.</p>
4	YB Kapar	<p>Sejauh manakah KPN mengawal haters yang boleh menimbulkan perasaan curiga antara kaum.</p> <p>Menerangkan lebih jelas berkaitan IPNas.</p> <p>Adakah Kerajaan berpuas hati dengan skor pencapaian IPNas?</p> <p>Adakah Kerajaan mempunyai senarai perkara yang boleh menjadi sensitiviti di Malaysia?</p>

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

2. Kementerian Perpaduan Negara menghargai dan menyambut baik Belanjawan 2023 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Februari 2023. Belanjawan ini jelas menunjukkan komitmen Kerajaan dalam memastikan keharmonian dan kemakmuran rakyat terus dipelihara.
3. Bagi pihak Kementerian Perpaduan Negara, saya mengucapkan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri kerana telah meluluskan Peruntukan Mengurus (OE) berjumlah RM541.5 juta dan Peruntukan Pembangunan (DE) berjumlah RM29.7 juta yang menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan 2023 sebanyak RM571 juta kepada Kementerian Perpaduan Negara.
4. Di samping itu, Kementerian Perpaduan Negara juga sangat menghargai kelulusan peruntukan tambahan bagi melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah Ikhtiar 11: Menjamin Keharmonian dan Perpaduan.
5. Dalam ucapan belanjawan, YAB Perdana Menteri menyatakan bahawa sejumlah RM25 juta telah disediakan bagi menggerak pelbagai program antaranya Kembara Perpaduan Malaysia Madani dan Ini Warisan Kita. Melalui program ini pelbagai aktiviti perpaduan dan integrasi sosial disusun bagi mengeratkan lagi penyatu paduan masyarakat.
6. Kementerian Perpaduan Negara komited dalam membantu Kerajaan mencapai hasrat Belanjawan 2023. Dalam konteks ini, Kementerian akan memastikan semua peruntukan yang diluluskan akan diuruskan secara cekap dan bertanggungjawab bagi mencapai hasrat pemegang taruh Kementerian dan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

7. Yang Berhormat Beruas telah membangkitkan isu perbezaan agama dan kaum menjadi punca kepada perpecahan masyarakat. Jawapan ini juga menjawab sekali dengan isu senarai perkara yang boleh menjadi sensitiviti di Malaysia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar.
8. Peristiwa 13 Mei 1969 menyaksikan sejarah pergolakan kaum yang menimbulkan keresahan rakyat dan menjadi titik permulaan kepada usaha dan tindakan Kerajaan menangani isu-isu perpaduan kaum. Semenjak peristiwa tersebut, Kerajaan secara berterusan mencari kaedah dan strategi untuk penyatupaduan kaum di mana inisiatif awal terhasilnya Rukun Negara yang diisytiharkan pada 31 Ogos 1970.
9. Berikutan itu, Jabatan Perpaduan Negara telah ditubuhkan bagi menerajui usaha untuk mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional. Walaupun telah beberapa kali melalui perubahan nama dan status, peranan utama institusi berkenaan tetap sama iaitu sebagai peneraju untuk menyemai, meningkat serta mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional.
10. Komitmen Kerajaan dalam melihat perpaduan sebagai asas kestabilan masyarakat dan kunci kepada pembangunan dan kesejahteraan negara menyaksikan Kementerian Perpaduan Negara telah diwujudkan semula pada 10 Mac 2020 setelah dimansuhkan pada tahun 1974 bagi memastikan agenda perpaduan dapat dikendalikan secara bersepadu dan lebih tersusun.
11. Kementerian Perpaduan Negara telah menghasilkan Dasar Perpaduan Negara (DPN) dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030 yang menjadi panduan dan halatuju agenda perpaduan nasional.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

12. Bagi menterjemahkan dasar tersebut ke dalam bentuk pelaksanaan, Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030 telah dihasilkan. Pelbagai program telah disusun dan dilaksanakan dengan melibatkan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan (NGO), swasta dan masyarakat umum.
13. Perbezaan kaum, agama dan budaya dalam masyarakat di negara ini menjadi satu keunikan dan keistimewaan buat negara kita. Perbezaan ini juga merupakan satu cabaran yang perlu diuruskan dengan penuh hemah bagi mengelakkan ia menjadi punca kepada perpecahan masyarakat.
14. Sehubungan itu, konsep perpaduan dalam kepelbagaian perlu diberi kefahaman kepada semua masyarakat untuk dihayati dan diamalkan.
15. Untuk itu, program-program yang menjadi platform interaksi sosial dan tapak integrasi perlu diperbanyakkan di seluruh negara. Kerana melalui platform dan tapak integrasi inilah masyarakat yang pelbagai bangsa dan agama dapat merapatkan lagi hubungan dan mengenali dengan lebih dekat antara satu dengan yang lain.
16. Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif menghasilkan Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI berkonsepkan Perpaduan Dalam Kepelbagaian yang selari dengan Dasar Perpaduan Negara bagi mencapai agenda membangun Malaysia MADANI.
17. Penghasilan Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI ini akan menjawab juga kepada pertanyaan Yang Berhormat Kuantan

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

berhubung meningkatkan kesedaran tentang Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara di kalangan masyarakat dan peranan Kementerian Perpaduan Negara sebagai peneraju program perpaduan.

18. Melalui Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI, flagship program yang diperkenalkan adalah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang akan diterajui oleh Kementerian Perpaduan Negara dimana tiga (3) kluster program akan dilaksanakan iaitu:
- (i) Semarak Kenegaraan
meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang Perlembagaan Persekutuan dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.
 - (ii) Semarak Perpaduan
menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dengan konsep perpaduan dalam kepelbagaian.
 - (iii) Program Komuniti Rahmah
membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasahi dan menghargai melalui penggembelangan tenaga semua pihak KPN, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti.
19. Seterusnya, berhubung peruntukan RM25 juta bagi program perpaduan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

Bendera. Bagi meraikan kepelbagaian dan merapatkan jurang perbezaan, sejumlah RM25 juta telah diluluskan kepada Kementerian Perpaduan Negara untuk menggerak pelbagai program berteraskan perpaduan. Ia melibatkan Kembara Perpaduan Malaysia Madani sebanyak RM10 juta, Ini Warisan Kita sebanyak RM10 juta dan Citra Nusa@Muzium sebanyak RM5 juta.

20. Program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang dilancarkan pada 1 Mac 2023 di Muzium Negara sebagaimana yang saya jelaskan sebentar tadi merupakan program pemantapan sosial untuk meningkatkan jati diri dan menyemarakkan semangat perpaduan.
21. Manakala Program Ini Warisan Kita merupakan program yang bertujuan untuk mengekal dan menyemarakkan adat dan budaya masyarakat pelbagai kaum, dan meningkatkan penerimaan masyarakat terhadap perbezaan sekali gus dapat meraikan kepelbagaian. Program ini membawa prinsip asas memahami, menghormati dan menerima terhadap tiga (3) kluster warisan kita iaitu budaya, bahasa dan adat.
22. Program Citra Nusa@Muzium pula merupakan program pemantapan jati diri dan semangat cintakan negara menerusi penghayatan terhadap warisan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara menerusi pendekatan 'rejuvenate museum' melalui seni dan teknologi moden. Bersesuaian dengan fungsi muzium sebagai 'Guardian of Heritage' (dengan izin).
23. Seterusnya, berhubung Permohonan kelonggaran syarat penubuhan KRT yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuantan.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

24. Sedikit pengenalan tentang Skim Rukun Tetangga (KRT) untuk makluman semua. KRT telah mula diperkenalkan pada tahun 1975 berikutan dengan berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 di bawah Ordinan Darurat 1969.
25. Pada peringkat awalnya, ia berfungsi bagi mengawal keselamatan kawasan kediaman. Skim ini merupakan suatu langkah yang membolehkan rakyat sendiri mengawal dan menjaga keselamatan kawasan kediaman mereka berikutan dengan beberapa kejadian yang mengancam keselamatan negara pada waktu itu.
26. Mulai pada tahun 1983, kerajaan telah menyusun semula Skim Rukun Tetangga dengan konsep semangat kejiranan untuk memperkukuhkan perpaduan di kalangan komuniti setempat.
27. Seiring dengan perubahan semasa, Model Transformasi Rukun Tetangga telah diperkenalkan pada tahun 2010. Model ini berpaksikan kepada lima (5) teras utama iaitu perpaduan, ekonomi, keselamatan, pendidikan dan kualiti hidup melalui pelaksanaan program dan aktiviti Rukun Tetangga.
28. Pada tahun 2021, Kementerian Perpaduan Negara telah menghasilkan Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030 berserta Agenda Kerja Komuniti Rukun Tetangga atau RT4ALL. Pelbagai program telah disusun bertujuan meningkatkan kesejahteraan, keselamatan dan keharmonian masyarakat melalui empat (4) Gerak Kerja iaitu:

- (i) Gerak Kerja KRT Sejahtera;
 - (ii) Gerak Kerja KRT Selamat;
 - (iii) Gerak Kerja KRT Bersih dan Indah; dan
 - (iv) Gerak Kerja KRT Sihat.
29. Sehingga bulan Januari 2023, terdapat sebanyak 8,330 KRT telah ditubuhkan di seluruh negara. Di seluruh negeri Pahang, terdapat 552 KRT dan 469 SRS. Manakala di daerah Kuantan, terdapat 166 KRT dan 182 SRS.
30. Penubuhan KRT adalah berdasarkan permohonan komuniti setempat. Di bawah Seksyen 5 Akta Rukun Tetangga 2012, Ketua Pengarah boleh, melalui notis yang diiklankan mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut, menetapkan mana-mana kawasan menjadi Kawasan Rukun Tetangga (KRT). Kriteria berikut merupakan asas penilaian dalam penubuhan KRT iaitu:
- (i) Bagi Kategori Bandar, syarat bilangan penduduk ialah 1,000 orang penduduk; dan
 - (ii) Manakala bagi Kategori Luar Bandar, syarat bilangan penduduk ialah 500 orang penduduk.
31. Walau bagaimanapun, ia tertakluk juga kepada kesesuaian lokasi. Setiap permohonan akan dibawa kepada Jawatankuasa Khas Penilaian, Pengoperasian dan Pembatalan KRT untuk dipertimbangkan oleh Ketua Pengarah Rukun Tetangga di mana aspek tambahan akan diambil kira iaitu:

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

- (i) Kesesuaian kawasan – Saiz dan anggaran bilangan penduduk serta fungsi pertindihan dengan agensi dan organisasi kemasyarakatan yang lain;
 - (ii) Keperluan berdasarkan isu/konflik dalam komuniti dan keselamatan komuniti; dan
 - (iii) Permintaan komuniti setempat.
32. Pembubaran KRT boleh dilakukan melalui Seksyen 10 dalam Akta Rukun Tetangga 2012, Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa, melalui notis yang diiklankan mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut, membatalkan mana-mana penetapan Kawasan Rukun Tetangga yang dibuat di bawah Seksyen 5.
33. Berhubung pertanyaan Yang Berhormat Kapar iaitu sejauh manakah KPN mengawal haters yang boleh menimbulkan perasaan curiga antara kaum.
34. Tidak dinafikan bahawa ada isu provokasi yang menyentuh sensitiviti antara kaum dan agama di negara kita, khususnya di media sosial. Kenyataan sebegini boleh mencetus ketidakharmonian dalam masyarakat.
35. Kementerian sentiasa memantau isu-isu yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian masyarakat melalui sistem e-SEPAKAT yang dibangunkan sejak tahun 2010. Hasil laporan daripada sistem e-SEPAKAT, Kerajaan mengambil langkah-langkah intervensi sosial berdasarkan isu atau insiden seperti melaksanakan program-program dialog, perbincangan

kefahaman antara agama dan sebagainya. Selain daripada program tersebut, dilaksanakan juga sesi mediasi oleh Mediator Komuniti yang ditauliah oleh Kementerian. Bagi kes-kes yang memerlukan tindakan bersepadu antara agensi, isu atau insiden akan dirujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan seperti PDRM, MCMC dan PBT.

36. Selain itu, dalam usaha mengekalkan keharmonian antara kaum, kawalan berhubung perkara ini juga dilaksanakan melalui perundangan sedia ada iaitu:
- (i) Seksyen 298 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menyebut perkataan-perkataan atau melakukan perbuatan-perbuatan lain dengan niat sengaja hendak melukakan perasaan agama seseorang (KDN);
 - (ii) Seksyen 298A Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menyebabkan, atas alasan-alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan, perasaan permusuhan, benci-membenci atau niat jahat, atau memudaratkan pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan (KDN); dan
 - (iii) Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian (KKD).
37. Antara langkah mendidik rakyat menghormati undang-undang sedia ada adalah dengan cara memperketat penguatkuasaan dan mengenakan hukuman setimpal terhadap individu yang mencetus isu perkauman dan keagamaan bagi membuka mata rakyat supaya menghormati undang-undang berkuatkuasa.

38. Kementerian Perpaduan Negara juga mempunyai mekanisme untuk mencari penyelesaian isu yang menggugat perpaduan dengan membawa isu ini ke jawatankuasa-jawatankuasa seperti:
- (i) Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) yang melibatkan perbincangan antara pemimpin-pemimpin agama dari Islam, Kristian, Buddha, Hindu, Tao, Sikh dan Baha'i.
 - (ii) Majlis Penasihat Perpaduan Negara yang melibatkan tokoh-tokoh dari pelbagai latar belakang (Akademik, Korporat, NGO, Swasta, Belia)
39. Seterusnya, berhubung pertanyaan Yang Berhormat Kapar mengenai IPNas dan samada Kerajaan berpuas hati dengan skor pencapaian IPNas.
40. Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) merupakan indeks nasional yang telah ditetapkan sebagai kayu ukur (Indikator) terhadap keberkesanan pelaksanaan inisiatif dan program Kerajaan dalam dokumen Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMKe-12) dan juga merupakan indikator sosial yang digariskan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 bagi memastikan pembangunan yang holistik dan menepati kehendak pelbagai budaya selaras dengan identiti nasional.
41. Indeks ini memandu pembentukan pelan tindakan bagi meningkatkan tahap perpaduan dan hubungan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

42. IPNas telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada tahun 2018 dan 2022. Lima (5) indikator yang diuji bagi melihat sejauh mana ia mempengaruhi tahap kesepaduan sosial:
- (i) Tahap Keetnikan (Keetnikan, Kemodenan, Kestabilan);
 - (ii) Hubungan Sosial Rentas Etnik (Individu, Keluarga, Komuniti);
 - (iii) Etos Bangsa (Perkongsi sejarah, nilai, kekitaan, kesetiaan);
 - (iv) Tadbir Urus dan Pembangunan (Ekonomi, Politik, Jenayah, Perkhidmatan Awam, Kemudahan Awam, Pengurusan Masyarakat); dan
 - (v) Defisit Sosial (isu dan cabaran).
43. Nilai Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) pada tahun 2018 adalah 0.567. Pada tahun 2022, IPNas mencatatkan peningkatan iaitu dengan skor 0.629, menunjukkan bahawa tahap kesepaduan masyarakat di negara ini adalah sederhana dan terkawal.
44. Dapatan IPNas 2022 menunjukkan dua (2) perkara yang perlu diberi perhatian bagi mengukuhkan lagi perpaduan di negara ini iaitu tadbir urus dan pembangunan serta aspek hubungan sosial rentas etnik.
45. Berdasarkan dapatan IPNas 2022 inilah, Kementerian telah menyusun program-program di bawah flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI bagi menyemarakkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya.
46. Di samping IPNas, kita juga mempunyai beberapa indeks lain

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

yang telah dihasilkan seperti Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (Happiness Index) yang dihasilkan oleh Jabatan Perangkaan (DOSM) untuk mengukur tahap kebahagiaan rakyat Malaysia dari aspek fizikal, sosial, emosi dan spiritual.

47. Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia adalah untuk mengukur kestabilan rakyat dari aspek ekonomi dan sosial.
48. Saya juga diberi penerangan tentang Indeks Malaysia Negara Rahmah 2022 yang dihasilkan oleh Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) untuk mengukur pencapaian semasa sesebuah negara ke arah menjadi sebuah negara Rahmah pada tahun 2035. 12 ciri Rahmah tersebut adalah:
- (i) Kepimpinan yang kompeten dan integriti;
 - (ii) Sistem pemerintahan yang berasaskan semak dan imbang yang berkesan;
 - (iii) Tadbir Urus yang baik;
 - (iv) Undang-undang yang adil;
 - (v) Masyarakat yang berilmu, berakhlak dan penyayang;
 - (vi) Institusi keluarga yang kukuh;
 - (vii) Hubungan etnik dan penganut agama yang harmoni;
 - (viii) Ekonomi yang mampan;
 - (ix) Agihan kekayaan yang saksama;
 - (x) Pembangunan yang lestari;
 - (xi) Kebajikan, kesihatan dan keselamatan rakyat yang terpelihara; dan
 - (xii) Menerajui usaha keamanan dan kesejahteraan sejagat.

49. Indeks-indeks yang dihasilkan ini adalah berkaitan juga dengan tahap kesejahteraan dan perpaduan di negara kita, di mana masing-masing menunjukkan kesepaduan antara kaum di negara kita berada pada tahap yang baik. Bagaimanapun, usaha berterusan perlu dilakukan bagi memastikan perpaduan yang ada ini terus kekal dan terpelihara.

Cadangan

Tuan yang dipertua,

50. Menyedari bahawa Rukun Negara menjadi asas kepada penyatupaduan rakyat Malaysia, saya ingin mengambil peluang untuk mencadangkan agar ikrar Rukun Negara dilafazkan di Dewan Parlimen yang mulia ini setiap kali pembukaan penggal dan permulaan sesi mesyuarat parlimen.
51. Saya juga ingin mencadangkan supaya semua program rasmi Kerajaan yang dianjurkan oleh Kementerian dimulakan dengan lafaz ikrar Rukun Negara sebagaimana yang telah diamalkan oleh Kementerian Perpaduan Negara sejak tahun 2020.
52. Manakala di peringkat sekolah, pelajar-pelajar bukan sahaja melafazkan ikrar lima (5) Prinsip Rukun Negara semasa perhimpunan, tetapi perlu juga untuk membaca mukadimah (preamble) Rukun Negara iaitu perkara yang dicita-citakan.
53. Dengan apa yang dilakukan ini, diharap akan menjadi contoh dan teladan serta kesedaran kepada seluruh rakyat betapa pentingnya perpaduan dalam membangun Malaysia MADANI.

Sekian, terima kasih.





SOALAN

BELANJAWAN 2023

DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA

14 MAC 2023

YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta Menteri Perpaduan Negara menyenaraikan perbezaan antara Perhubungan Masyarakat dan Pembangunan Masyarakat dan apakah program yang bakal dilaksanakan?

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Pembangunan Masyarakat adalah pelaksanaan program / aktiviti bagi meningkatkan kesejahteraan sosial melalui kerjasama strategik.
2. Manakala, Perhubungan Masyarakat memberi fokus kepada mengukuhkan jalinan hubungan antara Badan/ Persatuan Agama Selain Islam.

Sekian, terima kasih.



SOALAN

**YB Datuk Ahmad Marzuk Bin Shaary
[Pengkalan Chepa] minta Menteri Perpaduan Negara
menyatakan apakah usaha kerajaan dalam merapatkan
perpaduan dalam negara?**

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Di bawah pentadbiran Kerajaan Perpaduan, konsep Membangun Malaysia MADANI telah menjadi iltizam YAB Perdana Menteri Malaysia dan Kementerian ini telah menghasilkan Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI yang menjurus kepada dua fokus utama iaitu Kemasyarakatan dan Kebudayaan.

2. Di bawah flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI tiga kluster program akan dilaksanakan iaitu:
 - (i) Semarak Kenegaraan
Meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.

 - (ii) Semarak Perpaduan
menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dengan konsep perpaduan dalam kepelbagaian.

 - (iii) Program Komuniti Rahmah
membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggemblengan tenaga semua pihak KPN, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti.

Sekian, terima kasih.



SOALAN

YB Tuan Haji Aminolhuda Hassan
[Sri Gading] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan
adakah terdapat satu tabung khas diwujudkan bagi
mempromosi perpaduan melalui filem perpaduan? Adakah
terdapat perancangan baharu atau pendekatan baharu untuk
mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat?
Permintaan turut dibuat supaya Perpustakaan Desa (PD)
dibuka semula di Parlimen Sri Gading.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Kementerian sentiasa bekerjasama dengan pihak badan bukan kerajaan (NGO) untuk menghasilkan video-video pendek untuk menyemarakkan nilai perpaduan. Kerjasama dengan FINAS juga akan diadakan dalam menjayakan usaha itu.
2. Kementerian telah menghasilkan Kerangka Membangun Malaysia Madani selari dengan aspirasi kerajaan semasa. Pengisian program akan melibatkan setiap lapisan masyarakat dengan penyertaan agensi-agensi baru di bawah Kementerian.
3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mengucapkan ribuan terima kasih atas keperihatinan YB yang berhasrat untuk membuka semula Perpustakaan Desa (PD) di Parlimen Sri Gading.
4. Penubuhan PD di seluruh negara telah bermula semenjak Rancangan Malaysia Keenam (RMKe-6). Sehingga kini, sebanyak 1,087 unit PD telah diwujudkan di seluruh negara. Daripada jumlah ini, sebanyak 581 unit PD telah dibina bawah Peruntukan Pembangunan (RMKe-6 hingga RMKe-8) yang diurus tadbir oleh Perpustakaan Awam Negeri (PAN) dan Kerajaan Tempatan manakala 506 unit PD telah dibina bawah Peruntukan Khas Belanja Mengurus Kerajaan Persekutuan dan diurus tadbir oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

5. Bagi melaksanakan pembangunan sebuah Perpustakaan Desa, beberapa kriteria perlu diambil kira. Kriteria yang perlu dipertimbangkan adalah seperti berikut:

- (i) Tanah perlu digazetkan untuk kegunaan perpustakaan;
- (ii) Lokasi tapak perlu mempunyai kemudahan jalan keluar dan masuk ke tapak;
- (iii) Lokasi tapak perlu bebas daripada ancaman banjir;
- (iv) Lokasi tapak bukan bekas tapak pelupusan;
- (v) Tapak bebas daripada halangan fizikal yang boleh mengganggu kelancaran projek.

Contoh halangan adalah seperti;

- a) Binaan struktur seperti tiang pylon atau laluan utiliti seperti paip gas atau kabel;
 - b) Isu sosial seperti tapak didiami setinggian atau tapak diteroka secara haram;
 - c) Kubur dan rumah ibadat;
 - d) Tempat pembuangan sampah; dan
 - e) Ladang ternakan.
-
- (vi) Tapak perlu mempunyai geologi dari jenis tanah yang baik dan stabil;
 - (vii) Tapak perlu mempunyai topografi yang rata dan beralun; dan
 - (viii) Kawasan tapak perlu berada berhampiran dengan punca bekalan utiliti seperti bekalan air, elektrik dan sistem komunikasi.

Sekian, terima kasih.





SOALAN

YB Puan Hajah Rodziah Binti Ismail

**[Ampang] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan
apakah dasar untuk menambah baik KRT supaya ia bukan
sekadar satu sokongan, program sukarelawan
yang disokong oleh kerajaan?**

**Apakah ada perancangan membuka
muzium-muzium baharu?**

**Adakah peruntukan emolumen
bagi muzium ini turun?**

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Kementerian Perpaduan Negara telah menghasilkan Dasar Perpaduan Negara (DPN) dan juga Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga sebagai panduan kepada KRT.
2. Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah mengemukakan perancangan bagi membuka beberapa buah muzium baru termasuk Muzium Alam Semulajadi dan Muzium Muzik di bawah Rolling Plan Kedua (RP2), Rolling Plan Ketiga (RP3) dan Rolling Plan Keempat (RP4).
3. Namun begitu, ia adalah tertakluk kepada Kementerian Kewangan dan masih lagi belum diluluskan. Sehingga kini, terdapat 236 buah muzium di seluruh negara. Muzium-muzium ini terdiri daripada muzium persekutuan, muzium negeri, muzium institusi dan muzium swasta atau persendirian yang memaparkan pelbagai jenis tema seperti permainan tradisional, automobil, layang-layang, senjata, keagamaan, matawang serta termasuk juga muzium yang bersifat kedaerahan dan muzium-muzium yang dikhususkan untuk kaum atau etnik tertentu.
4. Bagaimanapun, penubuhan muzium mesti mengambilkira fasiliti asas seperti repositori, makmal konservasi dan pusat sumber selain keperluan sumber manusia dan kos penyelenggaraan yang agak tinggi. Walau bagaimanapun, muzium di negara ini kekal relevan di mana dianggarkan di antara lima hingga tujuh juta pengunjung melawat muzium di seluruh negara pada setiap tahun.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

5. Pembayaran emolumen adalah berdasarkan jumlah kakitangan sedia ada dan penurunan emolumen antara lain berlaku disebabkan terdapat kekosongan yang masih belum diisi serta perjawatan yang telah dijumpukan atas sebab-sebab pertindihan tugas dan keperluan semasa.
6. Pengurangan emolumen ini tiada kaitan dengan penurunan minat untuk bekerja di muzium. Jabatan Muzium Malaysia (JMM) sentiasa menerima puluhan ribu permohonan untuk pengisian jawatan di muzium.
7. Pada tahun 2022 dan 2023 pengambilan jawatan kurator telah dilakukan untuk mengisi kekosongan tersebut. JMM juga sentiasa menerima permohonan latihan industri dari pelajar institusi pengajian tinggi tempatan secara konsisten setiap tahun.

Sekian, terima kasih.





SOALAN

YB Tuan Abdul Latiff Bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan status peruntukan untuk pembinaan kabin KRT di KRT Kampung Kuala Geris di Dabong? Apakah perancangan Kementerian untuk menambah bilangan pegawai perpaduan?;

Sejauh mana keberkesanan Perpustakaan Desa (PD) di dalam memupuk minat membaca di kalangan masyarakat? Berapakah jumlah PD di setiap kawasan Parlimen? Adakah objektif pembukaan PD mencapai matlamat seperti mana yang diharapkan oleh kerajaan? Apakah usaha untuk memastikan PD lebih kondusif dan menarik minat pengunjung untuk menggunakan perpustakaan dan kemudahan yang sedia ada?;dan

Berapa peratus masyarakat selain Melayu ataupun anak-anak selain Melayu iaitu Cina dan India yang belajar di Tabika Perpaduan?

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Kementerian sentiasa memastikan bilik operasi atau kabin KRT diberi perhatian terutamanya kerja-kerja pembaikan bagi memastikan anggota KRT dapat memberikan perkhidmatan dengan baik.
2. Kementerian sedang dalam perbincangan dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam untuk membuat semakan semula penjawatan kakitangan dan pegawai perpaduan di seluruh negara.
3. Perpustakaan Desa (PD) akan terus kekal relevan terutama dalam kalangan komuniti luar bandar dalam menyediakan perkhidmatan capaian ilmu dan maklumat serta memainkan peranan yang amat penting di samping sekolah. Rakyat Malaysia, khususnya masyarakat luar bandar dengan bebas dan mudah boleh menggunakan perkhidmatan PD untuk menimba ilmu dan mencari maklumat secara percuma.
4. Pelaksanaan pelbagai aktiviti galakan membaca yang dijalankan mampu melahirkan masyarakat luar bandar dan memupuk minat membaca secara efektif. Ini dapat dilihat melalui data statistik pengunjung ke PD tahun 2021 sebanyak 8,028,419 orang pengunjung dan meningkat pada tahun 2022 sebanyak 73.1% bersamaan dengan 13,898,344 orang pengunjung.
5. Antara faktor peningkatan pengunjung PD adalah melalui pelaksanaan aktiviti yang dijalankan seperti Program Dariku

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

Untukmu di mana program ini mengasah minat anak-anak sekolah dalam membuat resensi buku melalui kaedah rakaman video dan melalui aplikasi TikTok. Program ini juga telah mendapat sambutan yang hangat dan akan dilaksanakan secara berterusan.

6. Selain itu juga, PD turut mengadakan kelas membaca dari peringkat kanak-kanak sehinggalah di peringkat dewasa. Contohnya, PD Hulu Meludam, Sarawak yang telah berjaya merangkul anugerah Perpustakaan Awam Ketua Menteri Sarawak tahun 2020 dan tahun 2022 melalui inisiatif program kelas dewasa. Program yang dijalankan ini telah berjaya membantu lebih 50 orang dari komuniti Hulu Meludam celik huruf dan program ini masih diteruskan bukan sahaja di PD Hulu Meludam tetapi seluruh negara.
7. Penubuhan PD di seluruh negara telah bermula semenjak Rancangan Malaysia Ke-6. Sehingga Mac 2023, sebanyak 1,085 buah PD telah diwujudkan di seluruh negara. Daripada jumlah ini, sebanyak 579 buah PD telah dibina bawah Peruntukan Pembangunan (RMKe-6 hingga RMKe-8) yang ditadbir oleh Perpustakaan Awam Negeri (PAN) manakala 506 buah PD telah dibina bawah Peruntukan Khas Belanja Mengurus Kerajaan Persekutuan.
8. Sehingga Mac 2023, PD yang telah diwujudkan masih tidak seimbang berdasarkan kawasan DUN dan Parlimen di sesetengah negeri di mana masih terdapat 159 kawasan DUN dan 24 kawasan Parlimen yang masih tiada kemudahan perkhidmatan PD. KPN sentiasa berusaha untuk menambah jumlah PD terutamanya di kawasan yang masih belum menerima perkhidmatan PD ini. Ringkasan taburan Parlimen dan DUN yang masih belum mempunyai PD mengikut kawasan Parlimen dan DUN adalah seperti berikut:

**TABURAN PARLIMEN DAN DUN YANG MASIH BELUM
MEMPUNYAI PERPUSTAKAAN DESA**

NEGERI	PARLIMEN	DUN
Johor	2	17
Kedah	1	9
Kelantan	1	20
Melaka	0	8
Negeri Sembilan	0	3
Pahang	1	8
Perak	4	20
Perlis	0	1
Pulau Pinang	1	13
Sabah	3	16
Sarawak	5	18
Selangor	6	24
Terengganu	0	2
W.P. Labuan	0	0
JUMLAH	24	159

9. PD merupakan pusat maklumat yang disediakan untuk memenuhi keperluan dan kehendak maklumat masyarakat setempat. Ini dapat dilihat dengan pertambahan PD di seluruh negara yang kini berjumlah 1,087 buah. Pertambahan bilangan pengunjung saban tahun menunjukkan pembukaan PD mencapai matlamat dan hasrat kerajaan dalam melahirkan masyarakat berilmu. Peningkatan sebanyak 23.3% pada tahun 2021 sebanyak 1,056,778 orang pengunjung berbanding tahun sebelumnya hanya 857,046 orang pengunjung.
10. Antara usaha yang dilaksanakan oleh PNM dalam memastikan PD lebih kondusif dan dapat menarik minat pengunjung adalah dengan melaksanakan pelbagai promosi dan aktiviti jalinan kerjasama dengan masyarakat setempat, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), sekolah dan lain-lain agensi. Sebagai contoh satu program yang telah dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran iaitu Program Dariku Untukmu di mana program ini mengasah minat anak-anak sekolah dalam membuat resensi buku melalui kaedah rakaman video dan melalui aplikasi TikTok. Program ini juga telah mendapat sambutan yang hangat dan bakal diteruskan pada tahun yang mendatang.
12. PNM juga turut menganjurkan Program Jom Baca Bersama 10 Minit yang diadakan sempena sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang disambut pada 23 April setiap tahun. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Pengarah-pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM) dan turut disertai dan disokong oleh Perpustakaan Komuniti, Perpustakaan Khusus Gunasama, Perpustakaan Desa, institusi pendidikan dan tidak ketinggalan disertai oleh sektor swasta dan persatuan bukan kerajaan.
13. Peratus masyarakat selain Melayu ataupun anak-anak selain Melayu iaitu Cina dan India yang belajar di Tabika Perpaduan pada tahun 2022 adalah seperti berikut:

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

BIL	NEGERI	BIL TP	KAUM				JANTINA MENGIKUT PECAHAN UMUR						JUMLAH
							LELAKI			PEREMPUAN			
			M	C	I	LL	2	3	4	2	3	4	
1	SELANGOR	182	3,196	52	398	245	94	854	1004	88	872	979	3,891
2	SABAH	142	308	11	7	2,736	72	588	920	73	545	864	3,062
3	SARAWAK	172	1,114	76	5	1,690	128	582	692	159	601	723	2,885
4	JOHOR	206	3,939	143	226	114	225	995	1,020	300	960	892	4,422
5	PERAK	164	2,354	138	572	88	222	712	682	208	741	587	3,152
6	PAHANG	126	2,244	49	98	25	117	541	538	139	565	516	2,416
7	PULAU PINANG	116	2,164	73	283	51	164	631	496	181	584	495	2,551
8	TERENGGANU	72	1,548	6	-	5	162	335	283	165	348	266	1,559
9	KEDAH	107	2,308	13	66	128	119	613	558	116	602	507	2,515
10	KELANTAN	107	2,676	4	5	41	210	645	489	237	646	499	2,726
11	NEGERI SEMBILAN	120	1,989	126	345	51	111	554	565	125	592	564	2,511
12	WP KUALA LUMPUR	132	2,454	25	118	148	42	656	656	62	647	682	2,745
13	MELAKA	64	1,098	21	111	16	95	306	255	96	252	242	1,246
14	PERLIS	37	668	21	13	39	101	174	113	89	151	113	741
15	WP PUTRAJAYA	9	191	-	1	2	-	55	48	-	59	32	194
16	WP LABUAN	25	134	3	-	271	2	85	117	6	89	109	408
JUMLAH		1,781	28,385	761	2,228	5,650	1,894	8,326	8,436	2,044	8,254	8,070	37,024
PERATUS			76.7	2.1	6	15.3	5.1	22.5	22.8	5.5	22.3	21.8	
							50.4						



SOALAN

YB Tuan Wan Razali Bin Wan Nor [Kuantan] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan apakah tujuan penambahan bajet 020100 Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional? Apakah statistik semasa bilangan KRT bagi setiap negeri? Di bawah butiran 030200 – Emolumen Kakitangan Kontrak, berapakah bilangan kakitangan dengan status kontrak? Adakah kementerian bercadang untuk menawarkan perjawatan kekal kepada mereka? Di bawah butiran 050200 – Peralatan dan Kelengkapan Tabika Perpaduan, adakah peruntukan ini bagi membeli kelengkapan yang baharu atau menggantikan peralatan yang rosak? Adakah terdapat peruntukan bagi Parlimen Kuantan bagi butiran ini?;dan

YB mencadangkan agar kerajaan menambah peruntukan agar asset berkaitan bahan eletronik dapat disediakan di samping bajet pembelian buku fizikal dapat dikekalkan. Adakah kerajaan bercadang menyerap petugas PD ke perjawatan kekal khususnya yang telah bertugas bagi tempoh yang lama (lebih 15 tahun)?

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Pertambahan bajet adalah sebanyak RM4 juta untuk bayaran emolumen kakitangan bagi tahun 2023; dan
2. Statistik semasa bilangan KRT bagi setiap negeri adalah seperti berikut:

BIL	NEGERI	AKTI F	TIDAK AKTI F	KRT BAHARU 2021	JUMLAH
1	SELANGOR	904	169	4	1,077
2	SABAH	1,018	31	9	1,058
3	SARAWAK	1,022	29	12	1,063
4	JOHOR	695	124	18	837
5	PERAK	514	62	4	580
6	PAHANG	547	-	5	552
7	PULAU PINANG	465	48	4	517
8	TERENGGANU	503	8	5	516
9	KEDAH	472	28	2	502
10	KELANTAN	418	47	2	467
11	NEGERI SEMBILAN	351	27	-	378
12	WP KUALA LUMPUR	288	17	1	306
13	MELAKA	237	12	-	249
14	PERLIS	137	-	1	138
15	WP PUTRAJAYA	51	2	-	53
16	WP LABUAN	35	2	-	37
JUMLAH		7,657	606	67	8,330

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

3. Bilangan kakitangan kontrak adalah seramai 2166 guru kontrak tabika perpaduan seluruh negara. Mengikut Pekeliling, guru tabika akan diserapkan sebagai kakitangan tetap selepas tempoh 15 tahun berdasarkan time-based sekiranya memenuhi syarat yang ditetapkan. Bilangan ini adalah termasuk 2166 guru-guru, penolong guru dan pembantu pendidik.
4. Peruntukan Geran KRT adalah sebanyak RM50 juta untuk KRT yang aktif. Setiap KRT akan menerima RM6000 geran setahun untuk aktiviti-aktiviti komuniti.
5. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bertanggungjawab dalam merealisasikan aspirasi negara iaitu mempergiat usaha untuk meningkatkan literasi dan kemahiran digital rakyat Malaysia dengan menawarkan pelbagai perkhidmatan digital terutamanya perkhidmatan pangkalan data dalam talian yang mana ia boleh diakses di mana-mana sahaja menggunakan peranti elektronik. Sehingga kini PNM mempunyai sebanyak 903,854 judul bahan digital di dalam portal u-Pustaka.
6. PNM juga mendapat pertambahan peruntukan tahunan bagi perolehan bahan bacaan digital seperti e-book, e-journal, e-magazine, e-comic dan pelbagai lagi bahan bacaan digital lain dengan melanggan pangkalan data dalam talian yang bersesuaian berikutan terdapat pertambahan permintaan terhadap bahan-bahan tersebut seiring dengan kemajuan capaian bahan bacaan secara atas talian.
7. Di samping itu, PNM juga terus memperkukuh koleksi bahan bacaan fizikal dengan pembelian bahan bacaan yang terkini dan menarik bagi memenuhi keperluan bacaan pengguna khususnya

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

pengguna luar bandar yang masih belum dapat mengakses bahan bacaan secara dalam talian dan juga bagi pengguna yang selesai merujuk kepada bahan bacaan fizikal.

8. KPN mengambil maklum mengenai perkara ini dan sentiasa menambah baik skim perkhidmatan PD dari masa ke semasa tertakluk kepada kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mewujudkan perjawatan tetap bagi petugas PD yang telah lama berkhidmat.

Sekian, terima kasih.



SOALAN

YB Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta Menteri Perpaduan Negara meminta supaya YB Menteri mengesahkan jumlah geran yang diberikan kepada Komuniti Rukun Tetangga (KRT)? Apakah kriteria untuk pengagihan peruntukan bagi projek Pusat Aktivit Perpaduan dan Pusat Rukun Tetangga? Mengapakah terdapat pengerusi KRT yang yang tidak menetap di kawasan KRT tersebut? Adakah Dasar Perpaduan Negara (DPN) masih relevan dengan konsep Malaysia Madani? Adakah peruntukan yang diberikan untuk peralatan dan kelengkapan Tabika Perpaduan di bawah butiran 050200 mencukupi?

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Sebanyak RM50 juta Geran KRT diperuntukkan kepada KRT yang aktif seluruh negara. Sebanyak RM6000 diberikan kepada setiap KRT yang aktif.
2. Kriteria bagi pengagihan peruntukan yang ditetapkan untuk projek Pusat Aktiviti Perpaduan dan Pusat Rukun Tetangga adalah:
 - a) Tapak projek adalah hak milik pesuruhjaya tanah persekutuan;
 - b) Tapak/ tanah tiada bebanan atau terdapat bangunan lain di atasnya; dan
 - c) Lokasi yang dipilih tidak mempunyai bangunan KRT.
3. Pemilihan pengerusi KRT pula tidak terhad kepada orang-orang yang tinggal dalam kawasan KRT. Mereka yang tidak tinggal dalam kawasan KRT masih boleh dilantik sebagai AJK KRT berdasarkan Akta Rukun Tetangga Seksyen 7(1) iaitu 'orang yang berkepentingan yang mempunyai aset/ premis di kawasan Rukun Tetangga. Tetapi mereka perlulah menjadi ahli aktif.'
4. Dasar Perpaduan Negara yang dihasilkan masih menjadi halatujuan agenda perpaduan nasional kepada kerajaan. Penghasilan Kerangka Perpaduan Malaysia Madani adalah juga berteraskan DPN.
5. Daripada peruntukan RM400 ribu yang diluluskan, jumlah ini dapat menampung sebanyak 60 Tabika Perpaduan yang merangkumi pembelian kerusi dan meja.

Sekian, terima kasih.



SOALAN

YB Dr. Mohammed Taufiq Bin Johari [Sungai Petani] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan bilakah kajian IPNas yang seterusnya akan dilaksanakan dan apakah skor indeks yang menjadi sasaran Kementerian Perpaduan Negara? Apakah strategi yang dirangka dan program-program yang akan dilaksanakan untuk memastikan sasaran IPNas ini tercapai? Adakah kerajaan akan memperkasakan lagi Akta Fitnah 1957 atau Akta 286?

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) merupakan indeks nasional yang telah ditetapkan sebagai kayu ukur (indikator) terhadap keberkesanan pelaksanaan inisiatif dan program Kerajaan dalam dokumen Rancangan Malaysia Ke-12 dan juga merupakan indikator sosial yang digariskan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 bagi memastikan pembangunan yang holistic dan menepati kehendak pelbagai budaya selaras dengan identiti nasional.
2. Indeks ini memandu pembentukan pelan tindakan bagi meningkatkan tahap perpaduan dan hubungan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia.
3. IPNas telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada tahun 2018 dan 2022. Lima (5) indikator yang diuji bagi melihat sejauh mana ia mempengaruhi tahap kesepaduan sosial:
 - (i) Tahap Keetnikan;
 - (ii) Hubungan Sosial Rentas Etnik;
 - (iii) Etos Bangsa;
 - (iv) Tadbir Urus; dan
 - (v) Deifisti sosial.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

4. IPNas pada tahun 2018 adalah 0.567. Pada tahun 2022, IPNas menunjukkan peningkatan itu dengan skor 0.629. Ia menunjukkan bahawa tahap kesepaduan masyarakat di negara ini adalah sederhana dan terkawal. Sasaran pada tahun 2025 adalah 0.7
5. Dapatan IPNas 2022 menunjukkan dua (2) perkara yang perlu diberi perhatian bagi mengukuhkan lagi perpaduan di negara ini iaitu tadbir urus dan pembangunan serta aspek hubungan sosial rentas etnik.
6. Berdasarkan dapatan IPNas 2022 ini, KPN telah menyusun program-program di bawah flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI bagi menyemarakkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya.
7. Pada masa ini, undang-undang sedia ada sudah memadai dalam memastikan hubungan antara kaum terpelihara. Sesiapa yang dengan sengaja melakukan apa-apa perbuatan, mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang menggugat perpaduan kaum dan agama boleh disiasat dan didakwa, antara lain, di bawah akta-akta yang berikut:
 - (i) Subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15] iaitu kesalahan menghasut;
 - (ii) Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian;
 - (iii) Seksyen 295 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan membencana atau mencemarkan tempat sembahyang dengan niat hendak mengaibkan agama mana-mana golongan;

- (iv) Seksyen 296 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan mengganggu perhimpunan yang menjalankan sembahyang;
 - (v) Seksyen 298 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menyebut perkataan-perkataan atau melakukan perbuatan-perbuatan lain dengan niat sengaja hendak melukakan perasaan agama seseorang;
 - (vi) Seksyen 298A Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menyebabkan, atas alasan-alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan, perasaan permusuhan, benci-membenci atau niat jahat, atau memudaratkan pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan;
 - (vii) Seksyen 504 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan;
 - (viii) Seksyen 505 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam; dan
 - (ix) Seksyen 506 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah.
8. Justeru, Kementerian ini berpendapat tiada keperluan untuk memperkasakan Akta Fitnah 1957 atau Akta 286 pada masa ini dan penguatkuasaan undang-undang sedia untuk mengawal ketegangan kaum boleh dipertingkatkan lagi.

Sekian, terima kasih.



SOALAN

YB Tuan Chong Zhemmin [Kampar] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan berapa kadar bantuan makanan untuk murid Tabika Perpaduan sehari? Senaraikan semua Tabika Perpaduan di seluruh Malaysia. Bolehkah diberikan pencerahan tentang Taska Genius Perpaduan? Berapakah jumlah Perpustakaan Desa dan jumlah pengunjungnya?

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Kadar bantuan makanan untuk murid Tabika Perpaduan adalah sebanyak RM2.00 sehari di Semenanjung dan RM2.25 sehari di Borneo.
2. Senarai Tabika Perpaduan adalah seperti berikut:

BIL	NEGERI	BILANGAN TP	BINAAN JABATAN	TUMPA NG	SEWA
1	SELANGOR	182	30	123	29
2	SABA H	142	32	63	47
3	SARA WAK	172	56	63	53
4	JOHO R	206	85	71	50
5	PERAK	164	77	30	57
6	PAHANG	126	70	35	21
7	PULAU PINANG	116	43	46	27
8	TERENGGANU	72	23	24	25
9	KEDA H	107	39	42	26
10	KELANT AN	107	19	34	54
11	NEGERI SEMBILA N	120	69	28	23
12	WP KUALA LUMPUR	132	-	132	-
13	MELAKA	64	34	13	17
14	PERLI S	37	20	10	7
15	WP PUTRAJA YA	9	-	9	-
16	WP LABUA N	25	2	7	16
JUMLAH		1,78 1	599	730	452

3. Taska Genius Perpaduan telah ditubuhkan pada tahun 2009 dan dikenali dengan Taska Permata Perpaduan. Taska Permata Perpaduan telah dijenamakan sebagai Taska Genius Perpaduan pada tahun 2019 dan sehingga kini terdapat 41 buah Taska diseluruh negara.
4. Kurikulum PERMATA Negara dibina berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai teras untuk membina potensi individual kanak-kanak sebagai modal insan berkualiti tinggi melalui pendidikan awal kanak-kanak.
5. Enam (6) Aspek Bidang Pembelajaran PERMATA telah dirancang untuk membantu perkembangan kanak-kanak seperti berikut:
 - (i) Perkembangan Sahsiah, Sosioemosi dan Kerohanian;
 - (ii) Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal;
Perkembangan Awal Matematik dan Pemikiran Logik;
 - (iii) Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran;
 - (iv) Perkembangan Fizikal dan Psikomotor; dan
 - (v) Perkembangan Kreativiti dan Estetika.
6. Penubuhan perpustakaan desa (PD) di seluruh negara telah bermula semenjak Rancangan Malaysia Ke-6. Sehingga Mac 2023, sebanyak 1,085 buah PD telah diwujudkan di seluruh negara. Daripada jumlah ini, sebanyak 579 buah PD telah dibina bawah Peruntukan Pembangunan (RMKe-6 hingga RMKe-8) yang ditadbir oleh Perpustakaan Awam Negeri (PAN) manakala 506 buah PD telah dibina bawah Peruntukan Khas Belanja Mengurus Kerajaan Persekutuan.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

7. Secara keseluruhannya, statistik pengunjung PD di seluruh Malaysia bagi tahun 2022 adalah 13,898,344 orang. Manakala dalam tempoh dua (2) bulan pertama (Januari hingga Februari 2023), statistik menunjukkan jumlah pengunjung PD telah mencecah 1,367,399 orang termasuk secara fizikal dan secara maya. Untuk makluman, bilangan PD di Perak adalah sebanyak 85 buah dan ini termasuk 4 buah PD di dalam kawasan Parlimen Kampar.

Sekian, terima kasih.



SOALAN

YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan berapakah orang guru dan pembantu di Tabika Perpaduan mengikut negeri termasuk jumlah peruntukan? Berapakah jumlah besar untuk operasi Tabika Perpaduan setahun dalam negara ini?

Adakah terdapat satu jawatankuasa untuk menilai sejauh manakah pencapaian memantau roadmap supaya Dasar Perpaduan Negara, Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030, Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 dan Indeks Perpaduan Nasional berjalan lancar dan tercapai?

Berapakah jumlah pustakawan dan petugas di Perpustakaan Negara di bawah butiran 020600 – Perpustakaan Negara, Kod 10000 - Emolumen? Apakah masa depan perpustakaan desa di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak?

Berapakah jumlah anggota Rukun Tetangga dan apakah jaminan keselamatan peronda sukarela di bawah butiran – 17300 – Pusat Rukun Tetangga? Adakah mereka diberikan elaun? Berapa bilangan Pusat Rukun Tetangga di Kapar?

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Bilangan guru dan pembantu di Tabika Perpaduan (TP) adalah seperti berikut:

GURU TABIKA PERPADUAN

BIL	NEGERI	BIL TP	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN	KAUM				UMUR			
						M	C	I	LL	20-30	31-40	41-50	41-50
1	SELANGOR	182	182	170	12	153	3	14	-	29	40	44	57
2	SABAH	142	142	142	-	5	-	1	136	18	56	40	28
3	SARAWAK	172	172	170	2	99	6	-	65	31	64	52	23
4	JOHOR	206	206	205	1	196	2	6	1	54	56	47	48
5	PERAK	164	164	155	9	140	2	12	1	21	33	47	54
6	PAHANG	126	126	117	9	111	2	4	-	19	16	40	42
7	PULAU PINANG	116	116	105	11	96	3	6	-	20	30	30	35
8	TERENGGANU	72	72	71	1	71	-	-	-	8	24	21	18
9	KEDAH	107	107	102	5	96	1	3	2	13	20	28	41
10	KELANTAN	107	107	104	3	102	1	-	1	-	34	35	35
11	NEGERI SEMBILAN	120	120	119	1	107	5	6	1	12	22	41	44
12	WP KUALA LUMPUR	132	132	122	10	117	1	4	-	21	38	28	35
13	MELAKA	64	64	64	-	54	5	4	1	12	15	17	20
14	PERLIS	37	37	35	2	31	1	3	-	1	9	8	17
15	WP PUTRAJAYA	9	9	8	1	8	-	-	-	1	6	-	1
16	WP LABUAN	25	25	25	-	7	-	-	18	1	-	14	10
JUMLAH		1,781	1,781	1,714	67	1393	32	63	226	261	463	492	508
PERATUS				96.2	3.8	81.3	1.9	3.7	13.2	15.2	27	28.7	29.6

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

PENOLONG GURU TABIKA PERPADUAN

BIL	NEGERI	BIL TP	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN	KAUM				UMUR			
						M	C	I	LL	20-30	31-40	41-50	41-50
1	SELANGOR	182	182	162	20	150	1	10	1	11	54	48	49
2	SABAH	142	142	140	2	5	-	-	135	28	65	36	10
3	SARAWAK	172	172	171	1	108	3	-	60	45	59	41	26
4	JOHOR	206	206	206	-	201	1	4	-	43	75	53	35
5	PERAK	164	164	156	8	143	5	4	4	21	67	37	31
6	PAHANG	126	126	121	5	116	1	4	-	14	43	32	32
7	PULAU PINANG	116	116	107	9	99	-	7	1	22	38	31	16
8	TERENGGANU	72	72	72	-	71	1	-	-	4	25	33	10
9	KEDAH	107	107	101	6	94	-	4	3	9	36	32	24
10	KELANTAN	107	107	102	5	101	-	-	1	10	30	34	28
11	NEGERI SEMBILAN	120	120	119	1	111	2	6	-	10	38	31	40
12	WP KUALA LUMPUR	132	132	116	18	111	-	2	1	23	39	22	30
13	MELAKA	64	64	64	-	62	-	2	-	10	14	18	22
14	PERLIS	37	37	36	1	36	-	-	-	3	11	10	12
15	WP PUTRAJAYA	9	9	8	1	8	-	-	-	2	4	1	1
16	WP LABUAN	25	25	25	-	4	-	-	21	1	2	17	5
JUMLAH		1,781	1,781	1706	77	1,420	14	43	227	256	600	476	371
PERATUS				95.8	4.3	83.2	0.8	2.5	13.3	15	35.2	27.9	21.7

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

2. Jumlah kos operasi TP setahun ialah seperti berikut:

BIL	BUTIRAN	JUMLAH (RM)
i.	GERAN PER KAPITA	4.4 juta
ii.	BANTUAN MAKANAN TAMBAHAN	21 juta
iii.	KOS PENYELENGGARAAN	2.2 juta
iv.	UTILITI	5.4 juta
v.	INSURANS MURID	400 ribu
vi.	PEMBAIKAN KELAS	1 juta
vii.	EMOLUMEN	109.3 juta
	JUMLAH KOS OPERASI	143.7juta

3. Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menilai sejauh manakah pencapaian Dasar Perpaduan Negara, Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030, Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 berjalan lancar dan tercapai ialah Jawatankuasa Pemantauan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030.
4. Jumlah pustakawan secara keseluruhan termasuk petugas perpustakaan adalah seperti berikut:

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

3. Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menilai sejauh manakah pencapaian Dasar Perpaduan Negara, Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030, Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 berjalan lancar dan tercapai ialah Jawatankuasa Pemantauan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030.
4. Jumlah pustakawan secara keseluruhan termasuk petugas perpustakaan adalah seperti berikut:

BIL	BUTIRAN	JUMLAH (ORANG)
i.	PERPUSTAKAAN DESA	1672
ii.	PERPUSTAKAAN KHUSUS	1933
iii.	PERPUSTAKAAN AKADEMIK	3443
	JUMLAH PETUGAS	7,048

5. Antara perancangan untuk menaik taraf perpustakaan desa merangkumi rangkaian serta prasarana ICT, peningkatan koleksi termasuk koleksi digital dan mempergiatkan aktiviti galakan membaca melalui kerjasama agensi di bawah Kementerian.
6. Jumlah Pusat Rukun Tetangga dan anggota Rukun Tetangga adalah seperti berikut:
7. Skim Rondaan Sukarela merupakan khidmat sukarela yang tidak dibayar sebarang elaun.

Sekian, terima kasih.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

PREMIS RT

BIL	NEGERI	PUSAT RUKUN TETANGGA	PUSAT AKTIVITI PERPADUAN	KOMPLEKS PERPADUAN	KABIN	JUMLAH
1	SELANGOR	171	-	-	151	322
2	SABAH	34	-	-	3	37
3	SARAWAK	23	1	-	3	27
4	JOHOR	70	-	-	41	111
5	PERAK	95	1	-	66	162
6	PAHANG	59	2	-	29	90
7	PULAU PINANG	53	-	1	23	77
8	TERENGGANU	20	3	-	4	27
9	KEDAH	42	1	-	41	84
10	KELANTAN	4	1	1	7	13
11	NEGERI SEMBILAN	50	1	-	53	104
12	WP KUALA LUMPUR	76	1	-	23	100
13	MELAKA	38	2	-	25	65
14	PERLIS	25	-	-	-	25
15	WP PUTRAJAYA	-	-	-	-	-
16	WP LABUAN	1	-	-	1	2
JUMLAH		761	13	2	470	1,221



SOALAN

YB Dato' Saifuddin Bin Abdullah [Indera Mahkota] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk membantu aktiviti seperti Friendship Group for Inter-Religious Service (FGIS) daripada segi peruntukan?

Adakah terdapat kerjasama dengan FINAS kerana FINAS mempunyai peruntukan Dana Kandungan Digital dan terdapat satu kategori yang boleh diketengahkan iaitu kategori kenegaraan yang boleh digunakan untuk mempromosi perpaduan.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Kerajaan telah mewujudkan satu Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) sejak tahun 2010 bagi membincangkan dan menyelesaikan isu-isu sensitif khususnya yang menyentuh sensitiviti agama rakyat negara ini.
2. JKMPKA telah dijenamakan sebagai Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) yang akan memainkan peranan yang sama. Keahlian Jawatankuasa HARMONI terdiri daripada ketua agama, tokoh keagamaan, wakil persatuan agama dan wakil kerajaan yang ada juga merupakan ahli dalam FGIS.
3. Kementerian Perpaduan Negara bersedia bekerjasama dengan FINAS bagi menangani isu-isu yang berpotensi menggugat keharmonian antara penganut agama di negara ini di samping menyemarakkan nilai perpaduan.

Sekian, terima kasih.



SOALAN

YB Tuan Haji Ahmad Fadhli Bin Shaari [Pasir Mas] minta Menteri Perpaduan Negara mecadangkan Jabatan Muzium Malaysia mengadakan program muzium yang lebih kreatif untuk menarik minat golongan muda. Apakah program perpaduan yang dirancang oleh Kementerian?

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Peruntukan sebanyak RM5 juta telah diluluskan bagi tahun 2023 kepada Jabatan Muzium Malaysia (JMM) bagi pelaksanaan program Citra Nusa@Muzium: Malaysia Tanah Airku. Ia bertujuan menyuburkan semula minat masyarakat terhadap warisan bersifat 'tangible' (ketara) dan 'intangible' (tidak ketara) khususnya dalam kalangan generasi muda menerusi pendekatan 'rejuvenate' muzium (meremajakan muzium) melalui seni dan teknologi.
2. Program ini mengadaptasi teknologi pendigitalan yang akan digunapakai bagi setiap aktiviti seni dan budaya dalam bentuk VR, AR (Augmented Reality) bagi menarik minat generasi muda. Ia juga akan melibatkan sebaran informasi yang berkaitan warisan seni dan budaya secara meluas menerusi video-video dan pameran maya melalui penggunaan gajet IT.
3. Kementerian telah menghasilkan Kerangka Perpaduan Malaysia Madani melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian selari dengan aspirasi kerajaan semasa. Pengisian program akan melibatkan setiap lapisan masyarakat dengan penyertaan agensi-agensi baru di bawah Kementerian.
4. Kerangka ini disusun seiring Dasar Perpaduan Negara yang berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas pembentukan negara dan penyatupaduan masyarakat.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

5. Program flagship yang diperkenalkan adalah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang menerajui inisiatif di bawah agenda perpaduan nasional dengan matlamat menyebarluas pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam membangunkan Malaysia MADANI.
6. Kembara Perpaduan Malaysia MADANI memayungi tiga (3) kluster program yang berpaksikan kepada pencapaian objektif Dasar Perpaduan Negara melalui penglibatan dan kerjasama semua pihak termasuklah pemimpin, agensi Kerajaan, pihak swasta, NGO, CSO dan masyarakat secara keseluruhannya.
7. Tiga (3) kluster program tersebut adalah:

(i) Semarak Kenegaraan

Program kenegaraan yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.

Contoh program:

- a) Citra Nusa@Muzium;
- b) Apresiasi Rukun Negara;
- c) Ini Malaysia Kita: Satu Rasa; dan
- d) Lain-lain.

(ii) Semarak Perpaduan

Program untuk menyemarakkan semangat perpaduan

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dgn konsep perpaduan dalam kepelbagaian.

Contoh program:

- a) Sambutan Minggu Perpaduan;
- b) Galeri UNITI;
- c) Showcase Rumah KAMI; dan
- d) Lain-lain.

(iii) Komuniti Rahmah

Program yang dirangka bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggemblengan tenaga semua pihak KPN, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti.

Contoh program:

- a) Bantuan Bakul RAHMAH;
- b) Tuisyen RAHMAH;
- c) Gerak RAHMAH: Jom Ronda SRS; dan
- d) Lain-lain.

8. Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI yang dihasilkan oleh kementerian ini merupakan usaha penyatupaduan yang berterusan untuk mendidik dan membentuk peribadi serta tingkah laku masyarakat Malaysia selari dengan cita-cita dan prinsip Rukun Negara.

Sekian, terima kasih.



SOALAN

YB Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan kenapa terdapat pengurangan berkaitan Butiran 020400 – Arkib Negara Malaysia daripada RM49,216,00 ke RM49,199,000? YB turut mencadangkan supaya Allahyarham Tok Guru Nik Aziz diangkat sebagai ikon perpaduan disamping menerbitkan buku sejarah berkaitan jasa-jasa Allahyarham sepanjang beliau menjadi Menteri Besar Kelantan.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Pengurangan bajet Arkib Negara Malaysia (ANM) di bawah butiran 020400 tidak menjejaskan operasi ANM. Semua program perpaduan di bawah Jabatan di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dilaksanakan secara bersama dengan KPN sepertimana yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia iaitu sebanyak RM50 juta bagi melaksanakan program perpaduan tahun 2023.
2. Berkenaan cadangan YB untuk mengangkat Allahyarham Tok Guru Nik Aziz sebagai ikon perpaduan, Kementerian akan mempertimbangkan perkara tersebut sebagai salah satu pengisian program yang akan dianjurkan.

Sekian, terima kasih.



SOALAN

YB Dato' Haji Ahmad Bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan pelan strategik yang khusus bagi mengembalikan dan mengumpulkan semula bahan arkib negara agar disimpan di bawah Arkib Negara Malaysia (ANM) sepenuhnya? Berapakah peruntukan yang disalurkan kepada Pasukan Penyelidikan Khas Arkib Negara Malaysia bagi tujuan memperoleh semula bahan arkib yang masih disimpan di negara luar? Apakah ada usaha strategik dengan kumpulan pakar bagi meneliti semua arkib negara khusus untuk menangani isu persempadanan wilayah negara agar kedaulatan negara sentiasa terpelihara? Apakah langkah yang telah dirangka oleh pihak ANM dalam meluruskan semula sejarah yang ada di dalam negara?

Apakah ada usaha untuk mempromosikan perpustakaan desa termasuk perpustakaan awam di peringkat cawangan? Bagaimanakah pemantauan dilakukan terhadap operasi perpustakaan desa di seluruh negara? Adakah ada kajian terhadap kadar bacaan buku masyarakat di bandar dan luar bandar serta sejauh mana langkah bagi mempromosikan bacaan buku?

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Arkib Negara Malaysia (ANM) sentiasa berusaha untuk mengesan dan memperolehi Salinan bahan-bahan arkib yang berada di institusi kearkiban luar negara. Walau bagaimanapun, usaha ini memerlukan peruntukan yang besar dan peruntukan tersebut bergantung kepada bajet yang diluluskan oleh pihak kerajaan.
2. Pada tahun 2019, ANM telah membuat pembelian Koleksi Digital Manuskrip Undang-Undang Tanah Melayu Abad Ke-18 daripada Royal Asiatic Society, United Kingdom dengan nilai sebanyak RM35,100.
3. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan berusaha untuk mendapatkan peruntukan daripada Kementerian Kewangan Malaysia. KPN akan mengangkat permohonan pembelian bahan-bahan arkib dari luar negara berdasarkan bahan-bahan yang berjaya dikesan oleh ANM.
4. ANM dengan kerjasama pelbagai jabatan yang berkaitan, pihak institusi pengajian tinggi (IPT) dan pakar-pakar bidang berkaitan mengadakan pelbagai usaha mendapatkan bahan-bahan yang berkaitan dengan persempadanan dan kedaulatan dalam dan luar negara.
5. ANM sentiasa melaksanakan program-program pendokumentasian dan pengesahan fakta sejarah melalui Majlis Pengkisahan Sejarah, Majlis Polemik Sejarah Malaysia dan

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

Rakaman Sejarah Lisan bagi mengumpulkan dan membincangkan maklumat sejarah negara daripada perspektif pakar sejarah tempatan. Rakaman program-program ini disimpan di ANM dan dibuka kepada umum untuk dirujuk.

6. KPN melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sentiasa merancang pelbagai aktiviti galakan membaca pada setiap tahun. Peruntukan juga sentiasa disediakan bagi tujuan aktiviti galakan membaca. Pelbagai aktiviti dilaksanakan dengan kerjasama komuniti setempat dan juga agensi-agensi kerajaan serta NGO. Ini adalah usaha untuk mempromosikan perkhidmatan perpustakaan desa dan membudayakan serta memasyarakatkan budaya membaca.
7. Pada tahun 2022, sebanyak 68,381 program galakan membaca yang telah dilaksanakan yang berjaya menarik sebanyak 2,112,546 penyertaan. Salah satu program yang melibatkan kerjasama agensi seperti Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Negeri adalah 'Program Dariku Untukmu'. Melalui program ini buku-buku boleh dipinjam secara kelompok oleh sekolah yang berdekatan dengan perpustakaan.
8. Program utama perpustakaan yang turut dilaksanakan secara berterusan setiap tahun di seluruh negara adalah 'Program Jom Baca 10 Minit'.

Sekian, terima kasih.





SOALAN

YB Tuan Afnan Hamimi Bin Taib Azamudden [Alor Setar] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan bilangan Perpustakaan Digital yang telahpun wujud di Malaysia. Apakah usaha KPN untuk menambah bilangan Perpustakaan Digital? YB mencadangkan Perpustakaan Digital dapat diwujudkan di premis pengangkutan awam khususnya di ruang menunggu sebagai salah satu aktiviti yang memupuk budaya membaca. Adakah KPN bercadang menjalin kerjasama strategik antara Perpustakaan Digital dengan pengendali restoran terkemuka contohnya menempatkan Old Town White Coffee di dalam perpustakaan?

Apakah pihak Kementerian bercadang untuk mengangkat aktiviti permainan tradisional sebagai aktiviti perpaduan di sekolah ataupun dalam acara rasmi kerajaan? Berapa banyak Muzium Kesenian Islam yang ada di negara ini? Adakah kerajaan bercadang untuk memperbesarkan dan menambah baik Muzium Polis? Apa usaha pihak Kementerian untuk membawa pulang bahan bersejarah yang terdapat di luar negara?

Berapakah bilangan KRT yang tidak aktif? Apa program yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk merapatkan jurang perkauman di Malaysia

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menawarkan perkhidmatan Perpustakaan digital kepada rakyat Malaysia mulai 31 Mac 2011 melalui portal u-Pustaka di www.u-pustaka.gov.my. Perkhidmatan perpustakaan ini adalah secara maya dan dapat diakses secara 24/7 di mana-mana sahaja.
2. Perkhidmatan ini ditawarkan secara percuma dengan penyediaan kandungan digital sebanyak 903,854 judul. Bahan-bahan digital ini boleh diakses di kesemua perpustakaan awam negeri. Rakyat Malaysia juga boleh memohon pinjaman bahan bacaan dari 12 perpustakaan di Malaysia secara dalam talian melalui portal ini.
3. Di samping itu, PNM, turut mempergiatkan jalinan kerjasama strategik dengan agensi swasta dalam menyediakan kemudahan mengakses bahan bacaan digital melalui perkhidmatan e-book Beacon Zone di 12 lokasi terpilih.
4. Antaranya di Pasar Seni, KL City Walk, KL Bird Park, Masjid Putra, Melaka River Cruise, Muzium Negara, Kompleks Kraf, Stesen Sentral Kuala Lumpur, MOTAC, Institut Jantung Negara (IJN), Terminal Bersepadu Selatan (TBS) dan PNM bagi bacaan umum kepada orang awam seperti di stesen keretapi/komuter/LRT. Perkhidmatan ini juga boleh diakses pada bila-bila masa di lokasi yang terpilih secara percuma.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

5. Jabatan Muzium Malaysia (JMM) bersedia mengadakan kerjasama dengan jabatan atau agensi kerajaan dan swasta bagi menganjurkan program dan aktiviti permainan tradisional. Salah satu program yang mempromosikan aktiviti permainan tradisional yang dilaksanakan JMM pada masa ini adalah program “Nostalgia Anak Kampung”, iaitu program signature JMM yang diadakan setiap hujung tahun pada musim cuti persekolahan.
6. Pada masa ini hanya terdapat satu sahaja muzium yang berkaitan dengan kesenian Islam di negara ini iaitu Muzium Kesenian Islam, Kuala Lumpur di bawah pengurusan Yayasan Al-Bukhary. Namun begitu, terdapat lebih 10 buah muzium yang berkaitan dengan Islam di seluruh negara termasuk Muzium Tamadun Islam di Sabah, Muzium Warisan Islam di Sarawak, Muzium Islam di Kelantan, Muzium Al-Quran di Melaka dan beberapa negeri yang lain.
7. Muzium Polis termasuk di bawah kategori muzium institusi yang ditadbir di bawah pengurusan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Dalam Negeri (KDN). Sehubungan itu, cadangan perluasan Muzium Polis adalah termasuk di bawah bidang kuasa pengurusan PDRM. Namun begitu, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) sentiasa bekerjasama dan memberikan bantuan kepada muzium tersebut khususnya dari aspek khidmat pengurusan permuziuman.
8. Arkib Negara Malaysia (ANM) sentiasa berusaha mengenal pasti bahan berkaitan dengan sejarah yang berada di luar negara. Dokumen yang berkaitan dengan sejarah yang berada di Negara Belanda telah dikenal pasti dan usaha mendapat salinan sedang dijalankan melalui KPN.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

9. Bilangan KRT yang aktif adalah seperti berikut:

BIL	NEGERI	AKTI F	TIDAK AKTI F	KRT BAHARU 2021	JUMLAH
1	SELANGOR	904	169	4	1,077
2	SABAH	1,018	31	9	1,058
3	SARAWAK	1,022	29	12	1,063
4	JOHOR	695	124	18	837
5	PERAK	514	62	4	580
6	PAHANG	547	-	5	552
7	PULAU PINANG	465	48	4	517
8	TERENGGANU	503	8	5	516
9	KEDAH	472	28	2	502
10	KELANTAN	418	47	2	467
11	NEGERI SEMBILAN	351	27	-	378
12	WP KUALA LUMPUR	288	17	1	306
13	MELAKA	237	12	-	249
14	PERLIS	137	-	1	138
15	WP PUTRAJAYA	51	2	-	53
16	WP LABUAN	35	2	-	37
JUMLAH		7,657	606	67	8,330

10. Program yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk merapatkan jurang perkauman di Malaysia adalah program flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI dan tiga kluster program akan dilaksanakan iaitu:

(i) Semarak Kenegaraan

Meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.

(ii) Semarak Perpaduan

menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dengan konsep perpaduan dalam kepelbagaian.

(iii) Program Komuniti Rahmah

membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggembengan tenaga semua pihak KPN, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti.

Sekian, terima kasih.





SOALAN

YB Tuan Mohamad Shafizan Bin Haji Kapli [Batang Lupar] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan bahan bacaan di Perpustakaan Desa (PD) adalah bahan bacaan ilmiah yang menarik dan mampu menanam minat membaca khususnya dalam kalangan anak-anak dan pelajar di luar bandar yang kebanyakannya mungkin tidak berkemampuan untuk membeli buku seperti rakan-rakan mereka di luar bandar. Berapakah jumlah PD di bawah KPN yang ada di Sarawak dan daripada jumlah tersebut berapakah PD yang terdapat di Parlimen Batang Lupar? Terdapat keperluan membaik pulih Perpustakaan Kampung Pusa di Parlimen Batang Lupar yang kini terpaksa menumpang di Dewan Kampung Pusa. Sebaiknya kampung ini mempunyai bangunan perpustakaan sendiri supaya ianya lebih kondusif kepada pengguna yang ingin menggunakan kemudahan perpustakaan tersebut.

Apakah kriteria dan juga syarat penubuhan Pusat Rukun Tetangga dalam sesebuah kawasan Rukun Tetangga? Adakah peruntukan dapat disalurkan kepada Pusat Rukun Tetangga di Batang Lupar?

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Kementerian melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) selaku agensi di bawahnya telah dipertanggungjawabkan untuk membuat perolehan koleksi perpustakaan desa (PD) sebanyak RM1.5 Juta setiap tahun yang merangkumi pelbagai bidang/ subjek yang telah dikenal pasti untuk memenuhi kehendak dan diyakini mampu memupuk minat membaca dalam kalangan anak-anak dan juga pelajar.
2. Kementerian juga tidak pernah meminggirkan ketersediaan koleksi di perpustakaan bawah seliaan negeri dimana PNM telah dipertanggungjawabkan untuk menyalurkan bantuan belanja mengurus sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada Perpustakaan Awam Negeri (PAN), Pustaka Negeri Sarawak dan Perpustakaan Negeri Sabah mulai 1992 (Kertas MKN Bil. 12/91).
3. Sehingga kini Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM1.21 bilion yang bertujuan untuk membantu mempertingkatkan perkhidmatan perpustakaan dan menyeimbangkan pembangunan rangkaian perpustakaan dan koleksi negeri seiring dengan perkembangan semasa.
4. Sehingga kini terdapat sebanyak 215 buah PD di seluruh negeri Sarawak termasuk 6 buah PD di dalam kawasan Parlimen Batang Lupar.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

5. Kementerian mengambil maklum mengenai cadangan ini dan telah melaksanakan beberapa kali penyelenggaraan di bangunan PD berkenaan dan didapati bangunan tersebut memerlukan penyelenggaraan berskala besar. PNM sedang mencari lokasi yang sesuai bagi menggantikan bangunan PD sedia ada dan memohon agar pihak YB dapat membantu dalam perkara ini. Kriteria pemilihan lokasi adalah seperti berikut:
- (i) Tanah perlu digazetkan untuk kegunaan perpustakaan;
 - (ii) Lokasi tapak perlu mempunyai kemudahan jalan keluar dan masuk ke tapak;
 - (iii) Lokasi tapak perlu bebas daripada ancaman banjir;
 - (iv) Lokasi tapak bukan bekas tapak pelupusan;
 - (v) Tapak bebas daripada halangan fizikal yang boleh mengganggu kelancaran projek. Contoh halangan adalah:
 - a) Binaan struktur seperti tiang pylon atau laluan utiliti seperti paip gas atau kabel;
 - b) Isu sosial seperti tapak didiami setinggan atau tapak diteroka secara haram;
 - c) Kubur dan rumah ibadat;
 - d) Tempat pembuangan sampah; dan
 - e) Ladang ternakan.
 - (vi) Tapak perlu mempunyai geologi dari jenis tanah yang baik dan stabil;
 - (vii) Tapak perlu mempunyai topografi yang rata dan beralun; dan
 - (viii) Kawasan tapak perlu berada berhampiran dengan punca bekalan utiliti seperti bekalan air, elektrik dan sistem komunikasi.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

6. Kriteria penubuhan Rukun Tetangga (RT) adalah berdasarkan kesesuaian kawasan iaitu saiz dan bilangan penduduk. Bagi kawasan bandar bilangan penduduk yang diperlukan ialah seramai 1000 orang penduduk atau 200 buah rumah. Bagi kawasan luar bandar pula, seramai 500 orang penduduk atau 100 buah rumah diperlukan.
7. Selain itu, keperluan untuk menubuhkan RT adalah berdasarkan isu/konflik serta keselamatan komuniti. RT juga boleh ditubuhkan atas permintaan pemimpin/ komuniti tempatan.
8. Antara program-program Rukun Tetangga adalah seperti berikut:
 - (i) KRT Sejahtera – fokus kepada kesejahteraan dan kualiti hidup;
 - (ii) KRT Selamat – menjaga keselamatan dalam komuniti;
 - (iii) KRT Bersih dan Indah – fokus kepada amalan penjagaan kebersihan dan keindahan; dan
 - (iv) KRT Sihat – fokus kepada program amalan gaya hidup sihat.
9. Kementerian juga bersetuju agar lebih banyak Pusat Aktiviti Perpaduan dibina diseluruh negara bagi menyokong aktiviti KRT. Setiap permohonan projek baru perlu memenuhi syarat asas iaitu hak milik tanah persekutuan, tanah tiada bebanan, tanah yang mempunyai infrastruktur yang lengkap dan lokasi yang dicadangkan belum ada bangunan KRT.

Sekian, terima kasih.





KAMAR KHAS



PARLI
MALA



UCAPAN

**Puan Syerleena binti Abdul Rashid
[Bukit Bendera]**

**Tajuk Ucapan :
Pengukuhan Semangat
Patriotisme dalam
Membentuk Masyarakat Madani**

**Tarikh Ucapan :
20 Mac, 2023 (Isnin)
Kementerian :
Kementerian Perpaduan
Negara**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Cabaran dalam menguruskan perpaduan masyarakat di negara ini adalah bukan satu perkara yang baharu. Semenjak peristiwa 13 Mei 1969, kerajaan secara berterusan mencari formula yang menyumbang kepada kesepaduan sosial, membentuk kestabilan politik dan hubungan etnik yang harmoni dan bersatu padu.
2. Hidup bermasyarakat dalam kalangan komuniti berbilang kaum dan agama bukanlah sesuatu yang mudah dalam mencapai satu kata muafakat yang dipersetujui oleh semua pihak. Negara Malaysia telah dibentuk dengan persetujuan dan persefahaman di antara satu sama lain melalui satu pentadbiran kerajaan yang sentiasa memastikan keharmonian seluruh rakyatnya terjamin. Oleh sebab itu, Malaysia dikenali sebagai negara yang unik dengan kepelbagaian. Namun, isu perbalahan tentang kaum dan agama tidak pernah terhenti.
3. Perbalahan antara pemimpin politik menjadi ancaman kepada perpaduan kaum. Suara lantang pemimpin politik mempertahankan ideologi dan kepentingan masing-masing, secara langsung menggugat keharmonian masyarakat. Tumpuan perlu diberi kepada kestabilan ekonomi dan pembangunan rakyat, berbanding agenda politik kepartian.
4. Jabatan Perpaduan Negara yang ditubuhkan pada 1 Julai 1969 menjadi peneraju bagi membina dan mengukuhkan penyatupaduan masyarakat pelbagai kaum. Kemudian, pada 1 Julai 1972, Kementerian Perpaduan Negara buat pertama kalinya ditubuhkan tetapi telah dimansuhkan pada tahun 1974.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

5. Komitmen kerajaan dalam menangani cabaran perpaduan dan melihat perpaduan sebagai asas kestabilan masyarakat serta kunci kepada pembangunan dan kesejahteraan negara menyaksikan Kementerian Perpaduan Negara telah diwujudkan semula pada 10 Mac 2020.
6. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah mengambil inisiatif menghasilkan beberapa dokumen dasar dan pelan tindakan perpaduan yang berasaskan Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan bagi mengukuhkan perpaduan kaum di Malaysia iaitu Dasar Perpaduan Negara (DPN), sebagai dasar payung dan hala tuju agenda perpaduan nasional dengan tiga teras utama iaitu patriotisme dan demokrasi, identiti nasional dan ekosistem perpaduan. Di bawah strategi yang digariskan melalui dasar tersebut, Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030 juga telah dihasilkan bagi menyusun program dan inisiatif secara khusus, holistik dan inklusif.
7. Kini di bawah pentadbiran Kerajaan Perpaduan, konsep Membangun Malaysia Madani telah menjadi iltizam YAB Perdana Menteri Malaysia dan bertindak sebagai ikhtiar yang menjelaskan strategi bagi mentadbir negara dengan berkesan. Bagi menyokong agenda membangun Malaysia Madani, Kementerian ini telah menghasilkan Kerangka Perpaduan Malaysia Madani melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian (Unity in Diversity).
8. Program flagship yang dikenal sebagai Kembara Perpaduan Malaysia Madani telahpun dilancarkan pada 1 Mac 2023 di Muzium Negara. Kembara Perpaduan Malaysia MADANI memayungi tiga kluster program yang berpaksikan kepada pencapaian objektif Dasar Perpaduan Negara melalui penglibatan dan kerjasama semua pihak termasuklah pemimpin, agensi kerajaan, pihak swasta, NGO, CSO dan masyarakat secara keseluruhannya

Tiga kluster program tersebut adalah:

(i) Semarak Kenegaraan.

Ini adalah program kenegaraan yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat. Contoh, bagi program ini adalah Program Apresiasi Rukun Negara;

(ii) Semarak Perpaduan.

Ini adalah program untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dgn konsep perpaduan dalam kepelbagaian. Contoh program ini adalah, Sambutan Minggu Perpaduan dan banyak lagi;

(iii) Komuniti Rahmah.

Ini adalah program yang dirangka bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam kawasan rukun tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggemblengan tenaga semua pihak KPN, agensi kerajaan, swasta, NGO dan komuniti. Satu Program yang agak popular di bawah Program Komuniti Rahmah adalah Program Bantuan Bakul Rahmah dan kita ada tuisyen dan sebagainya.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

9. Program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI akan membawa impak yang besar kepada seluruh lapisan masyarakat dengan pelbagai pengisian program yang dapat memperkukuh jalinan muhibah dan ikatan perpaduan masyarakat majmuk di Malaysia.
10. Pelaksanaan Kembara Perpaduan Malaysia MADANI ini akan menggunakan 'whole-of-government-approach' iaitu melibatkan agensi-agensi Kerajaan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan sebagainya. Melalui social media, secara umum bukan hanya digemari golongan muda, malah generasi berusia juga dan kesemuanya memiliki pelbagai aplikasi seperti dalam telefon mereka.
11. Sehubungan itu, bagi mempromosikan dan menguar-uarkan program-program di bawah Kerangka Perpaduan Malaysia Madani, Kementerian Perpaduan Negara juga tidak ketinggalan untuk menggunakan media sosial. Antara media sosial yang digunakan oleh Kementerian Perpaduan Negara ialah Facebook, Twitter, Instagram dan Youtube.
12. Selain itu, Kementerian Perpaduan Negara juga menganjurkan pertandingan penghasilan kandungan kreatif bertemakan perpaduan menggunakan aplikasi TikTok 'Jom Unite TikTok Challenge'. Ini akan menarik lebih ramai lagi penglibatan masyarakat untuk mempromosikan agenda perpaduan nasional.
13. Untuk makluman Yang Berhormat, sejak penubuhan Kementerian Perpaduan Negara, sebanyak dua klip video lagu telah pun dihasilkan oleh Kementerian iaitu Lagu 'Saya Anak Malaysia' dan 'Komuniti Sejahtera Bersama'. Kementerian

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

Perpaduan Negara akan meneruskan kerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Digital serta pihak NGO untuk menghasilkan klip- klip video lagu patriotisme.

14. Program Malaysian Future Leader School. Untuk makluman Yang Berhormat, Program Malaysian Future Leader School adalah merupakan program di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Walau bagaimanapun, Kementerian Perpaduan Negara sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan dalam penganjuran program melibatkan belia seperti Program Sukan Uniti dan program-program di bawah Sekretariat Rukun Negara (SRN) di universiti.
15. Menyedari bahawa Rukun Negara menjadi asas kepada penyatupaduan rakyat Malaysia, pada 8 Mac 2023 dalam sesi penggulungan Belanjawan 2023 di peringkat dasar, saya telah cadangkan agar ikrar Rukun Negara dilafazkan di Dewan Parlimen setiap kali pembukaan penggal dan permulaan sesi Mesyuarat Parlimen.
16. Saya juga telah mencadangkan supaya semua program rasmi kerajaan yang dianjurkan oleh Kementerian masing-masing dimulakan dengan lafaz ikrar Rukun Negara sebagaimana yang telah diamalkan oleh Kementerian Perpaduan Negara sejak tahun 2020. Manakala di peringkat Sekolah, pelajar-pelajar bukan sahaja melafazkan ikrar lima Prinsip Rukun Negara semasa perhimpunan, tetapi perlu juga untuk membaca mukadimah (preamble) Rukun Negara, iaitu perkara yang dicita-citakan.
17. Dengan apa yang dilakukan ini, diharap akan menjadi contoh dan teladan serta kesedaran kepada seluruh rakyat betapa pentingnya perpaduan dalam membangun Malaysia Madani.

PENUTUP :

18. Sambutan Minggu Perpaduan. Sambutan Minggu Perpaduan ini merupakan salah satu program utama di bawah Kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui Perpaduan Dalam Kepelbagaian (Unity in Diversity).
19. Pelaksanaan Sambutan Minggu Perpaduan ini adalah untuk memupuk dan menyemarakkan semangat perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini. Pelbagai program dan aktiviti telah disusun termasuk program berbentuk pendidikan, pameran, adat dan budaya serta perkhidmatan agensi kerajaan.
20. Sambutan Minggu Perpaduan akan dijadikan acara tahunan dalam kalender perpaduan negara dan dilaksanakan di seluruh negara. Pada tahun ini, Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan dicadangkan dilaksana di Waterfront Kuching, Sarawak pada 20 hingga 26 Mei 2023. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dijemput untuk menyempurnakan majlis pelancaran yang dijadualkan pada 20 Mei 2023.
21. Sambutan yang akan berlangsung selama seminggu ini akan melibatkan kerjasama pelbagai agensi kerajaan, NGO dan pihak swasta bagi pelaksanaan program mengikut peranan masing-masing.
22. Perjuangan Kementerian tidak terhenti di sini. Pemimpin tempatan khususnya diharap akan terus menyantuni, memberikan komitmen, dorongan dan kerjasama yang tuntas kepada KRT-KRT kita di lapangan.

23. Saya yakin kehadiran Yang Berhormat ke KRT-KRT di kawasan Parlimen Bangi akan sedikit sebanyak menyuntik inspirasi dan semangat kepada KRT kita untuk melaksanakan fungsi, tugas dan mandat dengan lebih cekap, berkesan dan diyakini.
24. Sebagai langkah ke depan, Kementerian akan terus menggalakkan penubuhan KRT-KRT baharu sebagai jentera perpaduan utama yang memelihara keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian.
25. Pendek kata, KRT merupakan aset kita yang penting dan relevan pada ketika ini. KRT adalah nadi penggerak terunggul yang saling melengkapi dan menyokong kefungisian dan ekosistem semua pemegang taruh ke arah membangunkan komuniti Rahmah demi kemakmuran Malaysia MADANI dalam jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.



UCAPAN

**Tuan Syahredzan bin Johan
[Bangi]**

**Tajuk Ucapan :
Kawasan Rukun Tetangga
dalam Parlimen Bangi**

**Tarikh Ucapan :
27 Mac, 2023 (Isnin)**

**Kementerian :
Kementerian Perpaduan Negara**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Bangi di atas keprihatinan dan minat Yang Berhormat terhadap KRT-KRT di bawah kawasan Parlimen Yang Berhormat.
2. Dari segi sejarah, Kawasan Rukun Tetangga (KRT) atau dahulunya dikenali sebagai Skim Rukun Tetangga adalah sebuah organisasi sukarelawan di peringkat komuniti yang telah diperkenalkan pada tahun 1975 selaras dengan Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 yang berkuat kuasa di bawah Ordinan Darurat 1969. Skim ini telah dilancarkan pada 29 Ogos 1975 dalam Sektor Rukun Tetangga Kampung Kasipillay, Kuala Lumpur.
3. Pada peringkat awalnya, Skim Rukun Tetangga ini berfungsi untuk mengawal keselamatan kawasan komuniti dan selepas beberapa perubahan maka pada tahun 2010 Model Transformasi Rukun Tetangga telah diperkenalkan dengan memberi penekanan kepada lima teras utama iaitu perpaduan, keselamatan, ekonomi, pendidikan dan kualiti hidup.
4. Pada tahun 2021, Kementerian telah membangunkan Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030 sebagai hala tuju KRT dalam tempoh sepuluh tahun ini. Sehingga bulan Februari 2023, sebanyak 8,348 KRT telah ditubuhkan di seluruh negara.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

5. Terkini, terdapat sebanyak 96 KRT dalam kawasan Parlimen Bangi dengan anggaran penduduk seramai 322,683 orang dan kawasan seluas 5,120 hektar.
6. Yang Berhormat, pecahan komposisi 96 KRT dengan jumlah populasi penduduk di Parlimen Bangi adalah seperti berikut:
 - (i) < 1,000 orang di 6 KRT;
 - (ii) 1,000- 3,000 orang di 55 KRT;
 - (iii) 3,000- 5,000 orang di 20 KRT;
 - (iv) 5,000-10,000 orang di 10 KRT; dan
 - (v) > 10,000 di 5 KRT.
7. Jumlah unit rumah mahupun kepadatan KRT adalah dalam lingkungan terendah iaitu sebanyak 89 unit rumah di KRT yang kecil sehingga 6,000 unit rumah di KRT yang terbesar. Rekod jenis rumah adalah berbeza mengikut lokasi dan jenis kawasan kediaman. Ini merangkumi perumahan jenis teres, banglo, kondominium, apartmen, flat dan rumah kampung.
8. Seterusnya, berdasarkan kepada penilaian keaktifan KRT pada tahun 2022 sebanyak 83 KRT (84.4%) telah dikategorikan sebagai KRT Aktif di Parlimen Bangi dan layak menerima peruntukan geran Rukun Tetangga berjumlah RM6,000.00 setahun.
9. Yang Berhormat, insentif dalam bentuk geran Rukun Tetangga sebanyak RM6,000.00 setahun kepada KRT Aktif ini merupakan kadar baharu yang telah diluluskan pada tahun 2021 dalam Mesyuarat Jemaah Menteri selaras dengan Memorandum Jemaah Menteri bertarikh 8 Januari 2021.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

10. Sesungguhnya, Kementerian ini sedar bahawa peruntukan geran tahunan sedia ada tersebut tidak mencukupi untuk menampung kos pelaksanaan aktiviti oleh KRT khususnya bagi KRT-KRT yang sangat aktif. Pertimbangan juga masih diberikan kepada projek-projek khas KRT yang berimpak tinggi dan memenuhi keperluan masyarakat setempat dalam menjana dan mempertingkatkan aspek keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian komuniti ke tahap yang lebih baik.
11. Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada ketidakaktifan KRT seperti krisis kepimpinan, ketiadaan barisan pelapis serta kekurangan motivasi, komitmen dan pengalaman untuk terlibat dalam menguruskan organisasi sukarela.
12. Bagi tujuan pengaktifan dan merancakkan semula KRT, beberapa pendekatan pragmatik yang sentiasa dilaksanakan termasuk:
 - (i) Mengadakan perdampingan secara berkala dengan Jawatankuasa Rukun Tetangga dan juga komuniti;
 - (ii) Memberikan khidmat nasihat, pandangan dan cadangan kepada barisan Jawatankuasa untuk menggerakkan KRT;
 - (iii) Menggalakkan pihak Jawatankuasa menghadiri kursus, latihan dan bengkel berkaitan kepimpinan, pengurusan organisasi, kompetensi dan motivasi;
 - (iv) Menggalakkan penggabungan aktiviti antara KRT; dan
 - (v) Mengenal pasti golongan pelapis untuk menggantikan anggota Jawatankuasa yang bermasalah atau tidak lagi berminat untuk memimpin KRT.

Yang Berhormat,

13. Antara langkah baharu yang lebih efektif dan praktikal yang akan diperkenalkan oleh Kementerian pada tahun ini ialah Program Integrasi Sosial Antara Komuniti (INSAN).
14. Program ini khusus mensasarkan AJK KRT dengan objektif untuk meningkatkan hubungan muhibah antara komuniti Rukun Tetangga melalui lawatan integrasi ilmu ke komuniti yang dikategorikan sebagai cemerlang. Ini akan membuka ruang dan peluang untuk sesi interaksi dan perkongsian pengalaman dan good practices tentang pengurusan kepimpinan ke arah membina komuniti yang lebih mampan dan rahmah.
15. Melalui Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030 dan Agenda Kerja Komuniti Rukun Tetangga (RT4ALL) yang disediakan oleh Kementerian, saya berharap ia akan sentiasa menjadi rujukan dan panduan kepada KRT-KRT diseluruh negara dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara terancang kepada komuniti.
16. Pelan Pemerkasaan tersebut mengandungi 93 cadangan aktiviti yang boleh dijalankan oleh KRT-KRT sepanjang tempoh 10 tahun di peringkat komuniti masing-masing.
17. Pelan Pemerkasaan ini juga menggariskan beberapa kriteria pemilihan Ahli Jawatankuasa KRT atau AJK KRT dalam kalangan penduduk seperti:

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

- (i) Melibatkan kepelbagaian kaum;
 - (ii) Sekurang-kurangnya 30% adalah wanita; dan
 - (iii) Sekurang-kurangnya 30% berumur di antara 18 hingga 35 tahun.
18. Dalam aspek ini dan di Parlimen Bangi komposisi wanita dalam AJK KRT adalah:
- (i) 30 % di 43 KRT;
 - (ii) 30-50% di 31 KRT; dan
 - (iii) >50% di 22 KRT.
19. Bermakna 55% KRT di Parlimen Bangi telah berjaya mencapai sasaran pelantikan sekurang-kurangnya 30% golongan wanita sebagai AJK KRT.
20. Dari aspek kriteria umur , 18-35 tahun, penyertaan belia sebagai AJK:
- (i) < 30% di 64 KRT;
 - (ii) 30-50% di 18 KRT; dan
 - (iii) > 50% di 14 KRT.
21. Oleh itu, Kementerian berpandangan di 64 KRT yang mempunyai kurang daripada 30% belia, perlu berusaha untuk melonjakkan penyertaan anak-anak muda dalam AJK KRT demi mencapai sasaran tersebut Antaranya ialah dengan mengadakan aktiviti mengikut keperluan dan minat golongan belia dalam komuniti KRT berkenaan.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

22. Berbanding dengan Persatuan Penduduk, penetapan dan pengoperasian KRT adalah tertakluk kepada Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751).
23. Terdapat beberapa kriteria atau syarat yang telah ditetapkan untuk penubuhan KRT termasuk:
 - (i) Penduduk yang berbilang kaum;
 - (ii) Kesesuaian lokaliti (dari segi saiz dan bilangan penduduk);
 - (iii) Keperluan (isu, konflik dan keselamatan); dan
 - (iv) Permintaan daripada komuniti setempat.
24. Selain itu, AJK dlm KRT bergerak berlandaskan kepada semangat kesukarelawanan sepenuhnya dan individu yang dilantik mewakili Jawatankuasa KRT termasuk Pengerusi KRT tidak menerima sebarang elaun atau imbuhan khas. Namun, perkara ini tidak sedikit pun melunturkan semangat dan keinginan Jawatankuasa KRT untuk meneruskan khidmat bakti mereka kepada masyarakat dan negara.

PENUTUP :

1. Perjuangan Kementerian tidak terhenti di sini. Pemimpin tempatan khususnya di harap akan terus menyantuni, memberikan komitmen, dorongan dan kerjasama yang tuntas kepada KRT-KRT kita di lapangan.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

2. Saya yakin kehadiran Yang Berhormat ke KRT-KRT di kawasan Parlimen Bangi akan sedikit sebanyak menyuntik inspirasi dan semangat kepada KRT kita untuk melaksanakan fungsi, tugas dan mandat dengan lebih cekap, berkesan dan diyakini.
3. Sebagailangkahke depan, Kementerian akan terus menggalakkan penubuhan KRT-KRT baharu sebagai jentera perpaduan utama yang memelihara keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian.
4. Pendek kata, KRT merupakan aset kita yang penting dan relevan pada ketika ini. KRT adalah nadi penggerak terunggul yang saling melengkapi dan menyokong kefungisian dan ekosistem semua pemegang taruh ke arah membangunkan komuniti Rahmah demi kemakmuran Malaysia MADANI dalam jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.





**DEWAN NEGARA
MESYUARAT
PERTAMA
PENGGAL KEDUA
PARLIMEN YANG
KELIMA BELAS
(2023)**



**JUMLAH PERTANYAAN-PERTANYAAN
DEWAN NEGARA
YANG KELIMA BELAS,
PENGKAL KEDUA, MESYUARAT PERTAMA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
21 MAC – 6 APRIL 2023**

NO	KLUSTER	BILANGAN SOALAN		KRT BAHARU 2021
		LISAN	BERTULIS	
1	Dasar & Perancangan	6	-	6
2	Kawasan Rukun Tetangga	2	-	2
3	IPNas	1	-	1
4	Taska Genius Perpaduan & Tabika Perpaduan	-	-	-
5	Kelab Rukun Negara & Sekretariat Rukun Negara	1	-	1
6	Rang Undang-Undang	-	-	-
7	Muzium	-	-	-
8	Arkib	-	-	-
9	Perpustakaan	-	-	-
	JUMLAH	10	-	10



DASAR & PERANCANGAN





SOALAN NO.30

DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA
21 MAC 2023 (RABU)

YB Tuan Aknan A/L Ehtook minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan untuk kaum minoriti Siam bagi tujuan pembangunan kebudayaan dan pembelajaran bahasa ibunda mereka. Apakah mekanisme yang akan digunakan untuk menyalurkan peruntukan dan syarat yang dikenakan dalam penggunaan peruntukan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Melalui belanjawan 2023, sejumlah RM10 juta disediakan bagi menggerakkan program berbentuk pembelajaran adat, budaya dan bahasa ibunda sebagai asas perpaduan, antaranya melalui program Ini Warisan Kita. Program ini disusun bagi mengeratkan lagi penyatupaduan masyarakat tanpa meminggirkan mana-mana kaum atau kelompok masyarakat.
2. Program Ini Warisan Kita merupakan program yang bertujuan untuk mengekal dan menyemarakkan adat dan budaya masyarakat pelbagai kaum, dan meningkatkan penerimaan masyarakat terhadap perbezaan sekali gus dapat meraikan kepelbagaian.
3. Antara elemen yang ditekankan di dalam program ini adalah pengajaran dan pengkayaan bahasa ibunda sesuatu kaum kepada komuniti setempat bertujuan untuk meraikan kewujudan kepelbagaian bahasa dalam masyarakat Malaysia. Melalui program ini juga, masyarakat akan lebih memahami sensitiviti sesuatu kaum melalui penggunaan bahasa ibunda.
4. Program “Ini Warisan Kita” dilaksanakan selari dengan Dasar Perpaduan Negara di bawah Teras 2 iaitu Identiti Nasional. Identiti Nasional merupakan matlamat membina sebuah bangsa yang berjaya perlu seiring dengan usaha memperkukuh perpaduan, penyatupaduan dan kesepaduan sosial dalam kepelbagaian etnik dan agama serta kerencaman budaya dan adat resam. Untuk mencapai matlamat tersebut, tiga (3) strategi telah disusun iaitu:

- (i) Mengukuhkan peranan bahasa sebagai medium integrasi perpaduan;
 - (ii) Mengukuhkan kefahaman agama, budaya dan adat resam pelbagai etnik; dan
 - (iii) Membentuk masyarakat berkeperibadian tinggi, berintegriti dan berakhlak mulia.
5. Perbezaan kaum, agama dan budaya dalam masyarakat di negara ini menjadi satu keunikan dan keistimewaan buat negara kita. Oleh yang demikian, pelaksanaan program oleh Kementerian ini adalah bersifat terangkum tanpa meminggirkan mana-mana pihak serta tidak fokus kepada kelompok tertentu sahaja.
6. Program ini membawa prinsip asas memahami, menghormati dan menerima terhadap tiga (3) kluster warisan kita iaitu budaya, bahasa dan adat.
- (i) Program Adat akan memberi pengetahuan dan pendedahan berkaitan adat resam sesuatu kaum.

Contoh Program berkaitan adat adalah:

- a) Penyatuan Dua Jiwa (kahwin);
- b) Permata Hatiku (kelahiran);
- c) Permaisuriku (berpantang);
- d) Tamu Muhibbah (kunjung & lawat); dan
- e) Tinggal Kenangan (kematian).

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

- (ii) Program Budaya akan memberi pengetahuan dan pendedahan kepada budaya yang diwarisi oleh sesuatu kaum. Contoh Program berkaitan budaya adalah:
- a) Warna-warni Malaysia (tarian);
 - b) Busana Perpaduan (pakaian);
 - c) Unity of Spices/ Rencah Rasa/ Dapur Muhibbah (makanan);
 - d) Nostalgia Anak Kampung (sukan rakyat);
 - e) Kraf Perpaduan (kraftangan dan tulisan);dan
 - f) Gengam Bara Api (seni pertahankan diri).
- (iii) Program bahasa adalah program pengajaran dan pengkayaan bahasa ibunda sesuatu kaum kepada komuniti setempat. Ia bertujuan untuk meraikan kewujudan kepelbagaian bahasa dalam masyarakat Malaysia dan memahami sensitiviti sesebuah kaum melalui penggunaan bahasa ibunda. Contoh program berkaitan bahasa adalah:
- a) Slanga Perpaduan (percakapan);
 - b) Tinta Penaku (penulisan);
 - c) Santai Minda (pembacaan);
 - d) SuperSpontan (kuiz);dan
 - e) Memori Alam Kecil (nyanyian).

7. Program Ini Warisan Kita dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama daripada Komuniti Rukun Tetangga (KRT), agensi Kerajaan seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan juga dengan NGO-Friends of Unity (FoU).
8. Kementerian ini percaya, melalui pelbagai program yang akan dilaksanakan, usaha untuk melahirkan masyarakat yang berpegang teguh kepada prinsip perpaduan akan dapat dicapai seiring dengan pembentukan masyarakat Malaysia MADANI.

Sekian, terima kasih.





SOALAN NO.9

DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA

29 MAC 2023 (RABU)

YB Datuk DR. Dominic Lau Hoe Chai minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan apakah tindakan, pelan dan aktiviti peringkat persekutuan yang telah diadakan oleh Kementerian dalam urusan mempromosikan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia, dari Disember 2022 hingga kini. Jelaskan secara spesifik.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai peneraju kepada agenda perpaduan negara, Kementerian Perpaduan Negara telah mula melaksanakan perancangan gerak kerja 2023 pada bulan Disember 2022 bagi menyemarakkan semangat perpaduan antara kaum.
2. Seiring dengan hasrat YAB Perdana Menteri untuk membangun Malaysia MADANI, Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif menghasilkan Kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian (Unity in Diversity) bagi menyusun agenda perpaduan dengan lebih inklusif dan bersepadu berpandukan Dasar Perpaduan Negara (DPN). Flagship program yang diperkenalkan adalah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang telah dilancarkan pada 1 Mac 2023 di Muzium Negara.
3. Semenjak bulan Disember 2022, pelbagai program telah dilaksanakan di peringkat persekutuan sehingga ke akar umbi yang bertujuan untuk mempromosi perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.
4. Pelaksanaan program di bawah Kementerian Perpaduan Negara diperkukuhkan lagi dengan memasukkan tiga (3) agensi baru iaitu:
 - a) Jabatan Muzium Malaysia (JMM);
 - b) Arkib Negara Malaysia (ANM); dan
 - c) Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

5. Program-program yang melibatkan penyertaan pelbagai agensi, NGO dan pihak swasta turut dilaksanakan bagi mempromosi perpaduan melalui kepelbagaian adat dan budaya.
6. Antara program yang telah diadakan adalah:

Kementerian Perpaduan Negara

- i. Galeri UNITI di Perak, Selangor dan Kuala Lumpur; dan
- ii. Semarak Perpaduan di UTC Shah Alam, Selangor.

JPNIN

- i. Kembara Perpaduan: Gerak Kerja Pasca Banjir di Johor pada 10 Mac 2023;
- ii. UNITI SISWA: Pertandingan Seni Warisan dan Silang Budaya SRN Universiti Tun Hussein Onn di Batu Pahat pada 23 Disember 2023; dan
- iii. Kayuhan MAIPS Peduli Menyantuni Asnaf bersama Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamaluddin dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perlis pada 9 Januari 2023.

MUZIUM

- i. Nostalgia Anak Kampung di Dataran Muzium Negara pada Disember 2022;
- ii. Festival Kebudayaan Kelantan di Dataran Muzium Negara

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

pada 24 hingga 26 Februari 2023;dan

- iii. Pameran “Seniman Perak Sepanjang Zaman” di Muzium Perak pada Disember 2022 hingga 30 Jun 2023.

ARKIB

- i. Pameran Eksklusif Seniman Agung Tan Sri P. Ramlee di Terminal 1 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 21 Mac hingga 31 Mei 2023;
- ii. Pameran Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Tanah Melayu di Dewan Pameran Warisan Eksklusif, Arkib Negara Malaysia pada 7 hingga 28 Feb 2023;dan
- iii. Program Bicara Negarawan: Bapa Perpaduan Negara di Memorial Tun Hussein, Kuala Lumpur pada 11 Mac 2023.

PERPUSTAKAAN

- i. Riang Ria Cuti Sekolah di semua perpustakaan pada 10 hingga 29 Disember 2022 dan sesi kedua pada Februari hingga Mac 2023;dan
- ii. Bicara Eksekutif 2022 pada 20 Disember 2022

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

7. Kementerian telah menganjurkan program HARMONI yang melibatkan penyertaan ketua dan wakil pelbagai agama. Pelbagai program telah dilaksanakan di seluruh negara dalam tempoh 17 hingga 28 Februari 2023. Antara pengisian dalam program tersebut adalah:
 - i. Sumbangan Bakul RAHMAH kepada rumah kebajikan;
 - ii. Gotong - Royong di rumah kebajikan;
 - iii. Program RAHMAH Mesra bersama penghuni warga emas dan anak yatim; dan
 - iv. Forum kepada wakil-wakil badan agama.
8. Program-program yang dilaksanakan melibatkan jentera-jentera perpaduan di seluruh negara khususnya Kawasan Rukun Tetangga (KRT). Untuk makluman, pada masa ini terdapat sebanyak 8,348 KRT di seluruh negara.
9. Pelbagai program komuniti di peringkat KRT yang menjadi tapak interaksi sosial pelbagai kaum telah dilaksanakan antaranya adalah :
 - i. Program Gerak RAHMAH Jom Sihat yang diadakan serentak di seluruh negara pada 25 Februari 2023 yang melibatkan lebih 4,800 KRT dengan penyertaan melebihi 100,000 komuniti.
 - ii. Program Gerak RAHMAH Jom Ronda yang diadakan serentak di seluruh negara pada 17 Mac 2023 melibatkan 3,085 Skim Rondaan Sukarela (SRS) dengan penyertaan melebihi 100,000 komuniti.
10. Program mempromosi perpaduan juga melibatkan saluran media khususnya radio dan televisyen. Saya sendiri juga telah

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

diwawancara oleh RTM melalui slot Bicara Naratif: Perpaduan Dalam Kepelbagaian pada 6 Mac 2023.

11. Kementerian Perpaduan Negara akan terus menganjurkan pelbagai program dan aktiviti sehingga ke peringkat akar umbi dalam usaha mempromosi perpaduan pelbagai kaum.

12. Program utama pada tahun ini adalah Sambutan Minggu Perpaduan yang akan diadakan di seluruh negara pada 20 hingga 27 Mei 2023 yang dijangka akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO.31

DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA
30 MAC 2023 (KHAMIS)

YB Pn Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan apakah masalah utama yang mengekang perpaduan di antara kaum di Malaysia dan apakah inisiatif yang akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan pencetus kepada beberapa usaha serta komitmen Kerajaan dalam menangani isu perpaduan sehingga Rukun Negara diisytiharkan pada 31 Ogos 1970.
2. Pada peringkat awal, langkah yang telah diambil berupa tindakan segera yang bertujuan untuk mengekalkan kestabilan politik, keselamatan dan keharmonian negara. Pelbagai langkah dan tindakan dibuat pada ketika itu untuk mewujudkan perpaduan rakyat antaranya menggalakkan interaksi sosial yang lebih tertumpu pada penyertaan masyarakat berbilang etnik dalam majlis dan perayaan yang dianjurkan.
3. Kepelbagaian dalam masyarakat di negara ini menjadi satu keunikan. Dalam masa yang sama kepelbagaian ini juga menjadi cabaran untuk diuruskan. Selagi ada perbezaan, sama ada dari segi agama, bahasa, adat dan budaya, selagi itulah ada cabaran yang perlu ditangani dengan penuh hemah.
4. Kerajaan sentiasa memantau isu-isu dan cabaran berkaitan perpaduan yang boleh mencetuskan ketegangan dan menggugat keharmonian masyarakat.
5. Usaha ini sebenarnya telah bermula sejak sekian lama, di mana penubuhan Jabatan Perpaduan Negara pada 1 Julai 1969 membuktikan bahawa Kerajaan benar-benar meletakkan elemen perpaduan ini sebagai agenda utama untuk diuruskan.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

6. Pada tahun 2013, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara atau National Unity Consultative Council (NUCC) sebagai satu badan bebas untuk menasihati Kerajaan mengenai hal-ehwal perpaduan dan integrasi nasional.
7. Antara isu yang telah dikenal pasti boleh mengundang kepada perpecahan, pergeseran dan pertelingkahan antara kaum telah menyumbang kepada perasaan prasangka, tidak puas hati serta jurang hubungan yang melebar seperti berikut:
 - (i) Etnisiti
Kepelbagaian etnisiti di negara ini sering kali dianggap sebagai batasan utama yang menggugat perpaduan.
 - (ii) Agama
Kurangnya sensitiviti serta kefahaman berkenaan agama yang berbeza memberi kesan kepada hubungan dan interaksi dalam masyarakat.
 - (iii) Pendidikan
Kewujudan institusi sekolah pelbagai aliran di negara ini (seperti sekolah vernakular, sekolah agama dan sekolah antarabangsa) difahami sebagai kekangan kepada usaha pemupukan perpaduan rakyat.
 - (iv) Politik
Sistem politik federalisme di negara ini muncul sebagai isu dan cabaran yang cuba mengheret perpaduan apabila isu-isu etnik diperdebatkan dalam konteks hak masing-masing dalam Perlembagaan.

(v) Media

Media massa dan digital sekiranya disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab boleh menggugat kestabilan dan perpaduan. Oleh itu, komunikasi yang lebih berkesan serta penguatkuasaan undang-undang perlu diperkukuhkan bagi mengimbangi kesan negatif kepesatan teknologi media yang semakin mencabar ruang perpaduan masa kini.

8. Bagi mengatasi tersebut, Kementerian Perpaduan Negara telah menghasilkan Dasar Perpaduan Negara (DPN) dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030 yang menjadi panduan dan hala tuju agenda perpaduan nasional.
9. Bagi menterjemahkan dasar tersebut ke dalam bentuk pelaksanaan, Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030 telah dihasilkan. Pelbagai program telah disusun dan dilaksanakan dengan melibatkan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan (NGO), swasta dan masyarakat umum.
10. Terkini, Kementerian perpaduan Negara telah mengambil inisiatif menghasilkan Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI berkonsepkan Perpaduan Dalam Kepelbagaian yang selari dengan Dasar Perpaduan Negara bagi mencapai agenda membangun Malaysia MADANI. Usaha ini adalah inisiatif yang dilaksanakan bagi terus memperkukuhkan perpaduan antara kaum.

11. Melalui Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI, flagship program yang diperkenalkan adalah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang akan diterajui oleh Kementerian Perpaduan Negara dimana tiga (3) kluster program akan dilaksanakan iaitu:
- (i) Semarak Kenegaraan
bagi meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang Perlembagaan Persekutuan dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat. Empat (4) kumpulan sasaran adalah umum, mahasiswa, pelajar sekolah dan komuniti. Program pengisian adalah seperti Dialog anak muda, Apresiasi dan pemeran Mini Rukun Negara, cross culture sharing session, bicara pemikiran Tokoh Negarawan, dan lain-lain.
 - (ii) Semarak Perpaduan
bagi menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dengan konsep perpaduan dalam kepelbagaian ke arah merealisasikan aspirasi Malaysia Madani. Program-program adalah untuk memupuk keharmonian masyarakat melalui detik-detik perpaduan (moment of unity) seperti Sambutan Minggu Perpaduan, Galeri Uniti, Uniti walk/run/cycling, liga sukan perpaduan, Uniti Keamatan-Gawai, dan lain-lain.
 - (iii) Komuniti Rahmah
untuk membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam KRT yang menjunjung tinggi nilai-

nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui kerjasama semua pihak kementerian, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti. Antara program adalah seperti Bakul Rahmah, Ziarah Rahmah, projek ekonomi KRT, Prog Mesra Jiran, dan lain-lain.

12. Dengan penghasilan Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI ini, agenda perpaduan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui kerjasama dan kesepakatan daripada semua golongan masyarakat tanpa mengira fahaman dan ideologi bagi memastikan keamanan, keharmonian dan perpaduan dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO.6

DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA
3 APRIL 2023 (ISNIN)

YB Tuan Aknan A/L Ehtook minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai bagi program dan aktiviti yang terkandung dalam Dasar Perpaduan Negara dan sejauh manakah dasar ini diguna pakai oleh Kementerian/jabatan lain untuk menangani isu perpaduan seperti diskriminasi dalam pelbagai bidang seperti sukan, perkhidmatan awam dan pendidikan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar Perpaduan Negara (DPN) yang telah dihasilkan pada tahun 2021 merupakan dokumen strategik jangka panjang dan usaha berterusan yang dirangka untuk menetapkan hala tuju perpaduan nasional dalam memupuk, mengukuh serta memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat.
2. Penghasilan dokumen dasar ini bertunjangkan Perlembagaan Persekutuan yang menjadi tulang belakang kepada Rukun Negara dan pembangunan Malaysia dan seterusnya menjadi asas perpaduan masyarakat.
3. Dasar Perpaduan Negara menjadi agenda perpaduan melalui pelaksanaan tiga (3) teras utama dan strategi yang inklusif untuk:
 - (i) Melahirkan bangsa Malaysia yang patriotik, demokratik dan mempunyai jati diri yang tinggi;
 - (ii) Membangunkan identiti nasional yang mempunyai cita-cita sepunya; dan
 - (iii) Mengukuhkan ekosistem perpaduan dengan mempelbagaikan tapak integrasi dan interaksi sosial serta pemantapan tadbir urus perpaduan.

4. Maka Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030 telah dihasilkan dengan menyusun program dan aktiviti yang melibatkan kerjasama pelbagai Kementerian, agensi Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan (NGO), swasta dan masyarakat umum mengikut peranan dan fungsi masing-masing.
5. Program dan aktiviti yang dilaksanakan adalah bagi memupuk semangat cintakan negara dan meningkatkan keharmonian masyarakat melalui detik-detik perpaduan atau *moment of unity* (dengan izin).
6. Antara program yang telah dilaksanakan pada tahun 2022 adalah:
 - (i) Liga Sukan Uniti dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan Persatuan Bola Jaring Malaysia. Program ini melibatkan penyertaan seramai 12,000 orang yang terdiri daripada pelbagai kaum dari seluruh negara;
 - (ii) Semarak Uniti yang merupakan program karnival perpaduan dengan pengisian pelbagai aktiviti bagi menunjukkan kepelbagaian adat dan budaya masyarakat yang berbilang kaum. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai agensi seperti MOTAC, KKM, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Kerajaan negeri dan banyak lagi.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

- (iii) Pertandingan Koir Perpaduan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang melibatkan penyertaan 130 kumpulan koir dari sekolah-sekolah dan institut pengajian tinggi seluruh negara.
7. Terkini, Kementerian Perpaduan Negara telah menganjurkan Program Gerak RAHMAH 2023 – Jom Masak Bubur Lambuk yang diadakan secara serentak di seluruh negara pada 1 April 2023. Program ini melibatkan sebanyak 3,799 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang disertai hampir 100,000 ahli jawatankuasa KRT dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan Rakan-Rakan Strategik Perpaduan. Lebih 400,000 bungkus bubur lambuk telah dapat disediakan dan diedarkan kepada masyarakat setempat.
8. Manakala, program utama yang akan dilaksanakan pada tahun ini adalah Sambutan Minggu Perpaduan yang akan diadakan di seluruh negara pada 20 hingga 27 Mei 2023 yang akan disempurnakan di Kuching, Sarawak pada 20 Mei 2023 oleh YAB Perdana Menteri. Program ini akan melibatkan kerjasama dan penyertaan pelbagai Kementerian dan agensi dengan konsep “*whole government approach*”.

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO.54

DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA

3 APRIL 2023 (ISNIN)

YB Tuan Robert Lau Hui Yew minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam usaha bukan sahaja memupuk perpaduan negara, tetapi menangani ekstremisme yang nampak semakin serius dari segi agama dan kaum.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah mengambil inisiatif menghasilkan beberapa dokumen dasar dan pelan tindakan perpaduan bagi memupuk dan mengeratkan perpaduan kaum di Malaysia seperti berikut:
 - (i) Dasar Perpaduan Negara (DPN) merupakan dasar payung yang julung kali dihasilkan oleh Kerajaan secara khusus bagi memupuk, mengukuh serta memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat melalui konsep “Perpaduan Dalam Kepelbagaian”. Dasar ini menetapkan agenda dan halatuju perpaduan nasional berdasarkan tiga (3) teras utama iaitu:
 - a) Patriotisme dan demokrasi;
 - b) Identiti nasional; dan
 - c) Ekosistem perpaduan.
 - (ii) Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030 merupakan dokumen yang menggariskan anjakan strategik bagi mencapai objektif yang terkandung di dalam DPN secara komprehensif. Dokumen ini menetapkan 3 aspirasi, 12 strategi dan 41 anjakan strategi dalam usaha membina dan mengekalkan perpaduan negara dan integrasi nasional.

- (iii) Bagi menterjemahkan strategi yang digariskan melalui dokumen DPN dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030 ke dalam bentuk pelaksanaan, Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030 juga telah dihasilkan dengan menyusun program dan inisiatif secara khusus, inklusif dan holistik melibatkan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan (NGO), swasta dan masyarakat umum.
2. Kementerian Perpaduan Negara juga turut memainkan peranan yang penting bagi membangun Malaysia MADANI dalam konteks sosial, khususnya aspek kemasyarakatan dan kebudayaan selain turut menyumbang kepada aspek pendidikan, institusi, ekonomi dan kewangan, perundangan, bandar dan luar bandar.
 3. Bagi menyokong hasrat membangun Malaysia MADANI, Kementerian ini turut menghasilkan kerangka membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian yang akan menjadi rujukan kepada Kementerian Perpaduan Negara bagi melaksanakan program dan aktiviti berteraskan usaha ke arah melahirkan masyarakat MADANI dalam kalangan rakyat berbilang kaum.
 4. Kerangka ini disusun seiring Dasar Perpaduan Negara dan memperjelaskan dengan lebih komprehensif strategi pelaksanaan serta sasaran yang hendak dicapai.
 5. Antara inisiatif program yang diperkenalkan adalah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI. Program ini merupakan program flagship yang menerajui inisiatif di bawah agenda perpaduan nasional dengan matlamat menyebarluaskan pengetahuan,

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

kefahaman dan penghayatan terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam membangunkan Malaysia MADANI.

6. Kembara Perpaduan Malaysia MADANI memayungi tiga (3) kluster program yang berpaksikan kepada pencapaian objektif Dasar Perpaduan Negara melalui penglibatan dan kerjasama semua pihak termasuklah pemimpin, agensi Kerajaan, pihak swasta, NGO, CSO dan masyarakat secara keseluruhannya.

7. Tiga (3) kluster program tersebut adalah seperti berikut:
 - (i) Semarak Kenegaraan
Program kenegaraan yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.

 - (ii) Semarak Perpaduan
Program untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dgn konsep perpaduan dalam kepelbagaian.

 - (iii) Komuniti Rahmah
Program yang dirangka bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggemblengan tenaga semua pihak KPN, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

8. Dengan penghasilan dokumen dasar, pelan tindakan dan inisiatif program yang dirancang, agenda perpaduan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui kerjasama pelbagai pihak di setiap peringkat daripada peringkat Kementerian hingga ke peringkat komuniti.
9. Kementerian Perpaduan Negara juga mempunyai mekanisme untuk mencari penyelesaian isu yang menggugat perpaduan dengan membawa isu ini ke jawatankuasa-jawatankuasa seperti:
 - (i) Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) yang melibatkan perbincangan antara pemimpin-pemimpin agama dari Islam, Kristian, Buddha, Hindu, Tao, Sikh dan Baha'i.
 - (ii) Majlis Penasihat Perpaduan Negara yang melibatkan tokoh-tokoh dari pelbagai latar belakang (Akademik, Korporat, NGO, Swasta, Belia)
10. Di samping itu, di peringkat komuniti pula, isu-isu perpaduan diuruskan oleh Mediator Komuniti (yang telah ditauliah oleh Kementerian), melalui langkah-langkah intervensi sosial berdasarkan isu atau insiden. Bagi kes-kes yang memerlukan tindakan bersepadu antara agensi, isu atau insiden akan dirujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan seperti PDRM, MCMC dan PBT.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

11. Bagi menangani ekstremisme yang nampak semakin serius, Kerajaan akan mengambil tindakan ke atas mana-mana pihak yang sengaja mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang mengganggu gugat perpaduan dan mengancam keharmonian rakyat. Oleh itu, Kerajaan berusaha mengekalkan keharmonian antara kaum dengan melaksanakan melalui perundangan sedia ada iaitu:
- (i) Akta Hasutan 1948 [Akta 15] iaitu akta bagi mengawal kesalahan menghasut.
 - (ii) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] bagi mengawal kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan atau perkhidmatan rangkaian.
 - (iii) Kanun Keseksaan (Penal Code) [Akta 574] – iaitu akta yang digubal bagi membolehkan seseorang dihukum atas kesabitan jenayah, di mana ia terdapat 7 Seksyen yang berkaitan dengan perpaduan kaum dan keagamaan.
12. Ini merupakan antara langkah memelihara keharmonian antara kaum dan mendidik rakyat bagi menghormati undang-undang sedia ada. Dengan mewujudkan jawatankuasa keharmonian kaum dan memperketat penguatkuasaan serta mengenakan hukuman setimpal terhadap individu yang mencetus isu perkauman dan keagamaan dapat membuka mata rakyat supaya menghormati undang-undang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO.45

DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA

5 APRIL 2023 (RABU)

YB Datuk Razali Bin Idris minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan apakah pelan tindakan kesungguhan Kementerian menyeru rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama supaya bersifat damai, mengajak kepada perpaduan dan kesejahteraan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah mengambil inisiatif menghasilkan beberapa dokumen dasar dan pelan tindakan perpaduan bagi memupuk dan mengeratkan perpaduan kaum di Malaysia seperti berikut:
 - (i) Dasar Perpaduan Negara (DPN) merupakan dasar payung yang julung kali dihasilkan oleh Kerajaan secara khusus bagi memupuk, mengukuh serta memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat melalui konsep “Perpaduan Dalam Kepelbagaian”. Dasar ini menetapkan agenda dan halatuju perpaduan nasional berdasarkan tiga (3) teras utama iaitu:
 - a) Patriotisme dan demokrasi;
 - b) Identiti nasional; dan
 - c) Ekosistem perpaduan.
 - (ii) Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030 merupakan dokumen yang menggariskan anjakan strategik bagi mencapai objektif yang terkandung di dalam DPN secara komprehensif. Dokumen ini menetapkan 3 aspirasi, 12 strategi dan 41 anjakan strategi dalam usaha membina dan mengekalkan perpaduan negara dan integrasi nasional.
 - (iii) Bagi menterjemahkan strategi yang digariskan melalui dokumen DPN dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030 ke dalam bentuk

pelaksanaan, Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030 juga telah dihasilkan dengan menyusun program dan inisiatif secara khusus, inklusif dan holistik melibatkan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan (NGO), swasta dan masyarakat umum.

2. Kementerian Perpaduan Negara juga turut memainkan peranan yang penting bagi membangun Malaysia MADANI dalam konteks sosial, khususnya aspek kemasyarakatan dan kebudayaan selain turut menyumbang kepada aspek pendidikan, institusi, ekonomi dan kewangan, perundangan, bandar dan luar bandar.
3. Bagi menyokong hasrat membangun Malaysia MADANI, Kementerian ini turut menghasilkan kerangka membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian yang akan menjadi rujukan kepada Kementerian Perpaduan Negara bagi melaksanakan program dan aktiviti berteraskan usaha ke arah melahirkan masyarakat MADANI dalam kalangan rakyat berbilang kaum.
4. Kerangka ini disusun seiring Dasar Perpaduan Negara dan diperjelaskan dengan lebih komprehensif strategi pelaksanaan serta sasaran yang hendak dicapai.
5. Antara inisiatif program yang diperkenalkan adalah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI. Program ini merupakan program flagship yang menerajui inisiatif di bawah agenda perpaduan nasional dengan matlamat menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam membangunkan Malaysia MADANI.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

6. Kembara Perpaduan Malaysia MADANI memayungi tiga (3) kluster program yang berpaksikan kepada pencapaian objektif Dasar Perpaduan Negara melalui penglibatan dan kerjasama semua pihak termasuklah pemimpin, agensi Kerajaan, pihak swasta, NGO, CSO dan masyarakat secara keseluruhannya.

7. Tiga (3) kluster program tersebut adalah seperti berikut:
 - (i) Semarak Kenegaraan
Program kenegaraan yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.

 - (ii) Semarak Perpaduan
Program untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dgn konsep perpaduan dalam kepelbagaian.

 - (iii) Komuniti Rahmah
Program yang dirangka bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggabungan tenaga semua pihak KPN, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

8. Dengan penghasilan dokumen dasar, pelan tindakan dan inisiatif program yang dirancang, agenda perpaduan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui kerjasama pelbagai pihak di setiap peringkat daripada peringkat Kementerian hingga ke peringkat komuniti.

Sekian, terima kasih.



KAWASAN RUKUN TETANGGA





SOALAN NO.10

DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA

23 MAC 2023 (KHAMIS)

YB Senator Datuk Ras Adiba Binti Mohd Radzi minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan berapakah jumlah OKU yang terlibat dalam Kawasan Rukun Tetangga serta apakah usaha Kementerian dalam meningkatkan penglibatan OKU di peringkat KRT dan nyatakan program-program yang akan dilaksanakan oleh KRT bagi pembangunan OKU pada tahun ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kawasan Rukun Tetangga (KRT) adalah sebuah organisasi sukarela di peringkat komuniti yang meliputi kesemua penduduk dalam kawasan yang telah ditetapkan sebagai KRT, tanpa mengira latar belakang, kaum, agama, umur, jantina dan status sosial seseorang penduduk. KRT merupakan jentera utama Kementerian untuk memastikan keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian komuniti terus terjaga.
2. Penglibatan dalam KRT juga terbuka kepada semua termasuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang dilihat sebagai kelompok komuniti Rukun Tetangga yang berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan komuniti.
3. Pada tahun ini, seramai 385 OKU telah terlibat secara langsung dalam program KRT (termasuk yang memegang jawatan sebagai AJK dan penerima bantuan melalui Program Komuniti RAHMAH anjuran Kementerian).
4. Keupayaan dan sumbangan OKU dalam komuniti Rukun Tetangga sentiasa diberi penghargaan dan pengiktirafan oleh Kementerian Perpaduan Negara selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk memantapkan dan memperkasakan golongan OKU.
5. Untuk makluman Yang Berhormat, golongan OKU juga di bawah tanggungjawab Jabatan Pembangunan OKU, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK).

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

6. Kementerian mengambil usaha-usaha berikut bagi meningkatkan penglibatan OKU dalam program KRT:
 - (i) Memberi kesedaran kepada AJK KRT supaya sentiasa melibatkan OKU dalam mana-mana program yang dianjurkan;
 - (ii) Menitikberatkan pelaksanaan program di lokasi yang selamat dan mudah diakses; dan
 - (iii) Berkolaborasi dengan agensi-agensi Kerajaan, swasta dan badan-badan bukan Kerajaan yang berkaitan dengan OKU untuk melaksanakan program yang bersesuaian.
7. Mulai tahun ini, Kementerian akan melaksanakan program flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang terdiri daripada tiga (3) kluster iaitu:
 - (i) Semarak Kenegaraan;
 - (ii) Semarak Perpaduan; dan
 - (iii) Komuniti RAHMAH
8. Melalui kluster Komuniti RAHMAH, antara program yang akan melibatkan golongan OKU adalah Bakul RAHMAH (RTCares), Ziarah RAHMAH Perpaduan dan Gerobok Komuniti RAHMAH.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

9. Sempena Sambutan Minggu Perpaduan yang akan berlangsung pada bulan Mei tahun ini, Kementerian turut bekerjasama dengan Majlis Paralimpik Malaysia bagi menggalakkan penyertaan OKU dalam pengisian program.

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO.56

DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA

30 MAC 2023 (KHAMIS)

YB Dato' Sri Ti Lian Ker minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan apakah terdapat kenaikan jumlah Geran Rukun Tetangga bagi tahun 2023 untuk setiap Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang berjumlah RM6,000 sebelum ini atau Kementerian mempunyai cadangan alternatif lain bagi terus memperkasa KRT di seluruh negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2023, Geran Rukun Tetangga yang diberikan kepada setiap Kawasan Rukun Tetangga (KRT) adalah berjumlah RM6,000. Kementerian Perpaduan Negara akan sentiasa memohon dengan Kementerian Kewangan supaya Geran ini dinaikkan.
2. Kementerian ini sentiasa komited untuk memperkasakan KRT di seluruh negara secara berterusan. Justeru, Kementerian telah pun melancarkan Pelan Pemerksaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030 yang menyediakan panduan dan hala tuju KRT yang jelas, berstruktur dan komprehensif untuk memacu keberkesanan agenda perpaduan dalam komuniti.
3. Dalam konteks ini, Pelan Pemerksaan tersebut telah menfokuskan lima (5) teras strategik seperti berikut:
 - (i) Memperkukuhkan kepimpinan Rukun Tetangga sebagai pemangkin perpaduan;
 - (ii) Memperkasakan khidmat komuniti sebagai tapak integrasi nasional;
 - (iii) Meningkatkan keselamatan dan keharmonian komuniti menerusi aktiviti kesukarelawanan;
 - (iv) Memantapkan peranan Rukun Tetangga dalam meningkatkan kesejahteraan komuniti; dan

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

- (v) Memperkasakan kelompok komuniti seperti Jiran Wanita, Jiran Muda, Jiran Warga Emas dan Tunas Jiran.
- 4. Walau bagaimanapun, Kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) mengambil alternatif menyelaraskan tindakan kerjasama bersepadu di antara KRT dengan pelbagai Rakan Strategik Perpaduan yang merentasi Agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pihak korporat, swasta, institusi pendidikan dan masyarakat setempat.
- 5. Ke arah menterjemahkan dan melancarkan pelaksanaan Pelan Pemerkasaan ini, Kementerian Perpaduan Negara telah menyediakan Agenda Kerja Komuniti Rukun Tetangga (RT4ALL) yang mengandungi empat (4) Gerak Kerja KRT iaitu:
 - (i) KRT Sejahtera (fokus kepada kesejahteraan hidup);
 - (ii) KRT Selamat (tanggungjawab menjaga keselamatan bersama komuniti);
 - (iii) KRT Bersih dan Indah (fokus amalan penjagaan dan keindahan kawasan); dan
 - (iv) KRT Sihat (fokus amalan gaya hidup sihat).
- 6. Untuk merealisasikan aspirasi Malaysia Madani, peranan dan impak KRT akan terus diperkukuhkan melalui pelaksanaan Program Komuniti RAHMAH yang merupakan salah satu daripada kluster di bawah Kerangka Kembara Perpaduan Malaysia MADANI selain daripada Semarak Perpaduan dan Semarak Kenegaraan.

Sekian, terima kasih.



INDEKS PERPADUAN NASIONAL (IPNAS)





SOALAN NO.31

DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA

5 APRIL 2023 (RABU)

YB Dato' Haji Husain Bin Awang minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan sejauh manakah usaha bagi memupuk perpaduan pelbagai kaum dalam bentuk program atau aktiviti telah berjaya mencapai objektifnya pada setakat ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kewujudan semula Kementerian Perpaduan Negara pada 10 Mac 2020 merupakan komitmen Kerajaan dalam melihat perpaduan sebagai asas kestabilan masyarakat dan kunci kepada pembangunan dan kesejahteraan negara.
2. Bagi memastikan agenda perpaduan dapat dikendalikan secara bersepadu dan lebih tersusun, Kementerian Perpaduan Negara telah menghasilkan Dasar Perpaduan Negara (DPN) dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030 yang menjadi panduan dan halatuju agenda perpaduan nasional.
3. Bagi menterjemahkan dasar tersebut ke dalam bentuk pelaksanaan, Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030 telah dihasilkan. Pelbagai program telah disusun dan dilaksanakan dengan melibatkan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan (NGO), swasta dan masyarakat umum.
4. Pencapaian objektif terhadap usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam penyatupaduan rakyat negara ini dinilai melalui Indeks Perpaduan Nasional (IPNas).
5. IPNas merupakan indeks nasional yang menjadi kayu ukur terhadap keberkesanan pelaksanaan inisiatif dan program oleh Kerajaan untuk memastikan sumbangannya kepada tahap perpaduan dan keharmonian negara.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

6. IPNas telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada tahun 2018 dan 2022. Pelaksanaan kajian IPNas menggunakan kaedah model struktur (structural model) iaitu mengenal pasti dan menguji secara bersama-sama dalam satu acuan model meliputi semua faktor penyumbang yang mempengaruhi pencapaian tahap kesepaduan sosial.
7. Lima (5) indikator yang mempengaruhi tahap kesepaduan sosial yang diuji iaitu:
 - (i) Tahap Keetnikan;
 - (ii) Hubungan Sosial Rentas Etnik;
 - (iii) Etos Bangsa;
 - (iv) Tadbir Urus dan Pembangunan; dan
 - (v) Defisit Sosial (isu dan cabaran).
8. Nilai IPNas pada tahun 2018 adalah 0.567. Pada tahun 2022, IPNas mencatatkan peningkatan iaitu dengan skor 0.629, menunjukkan bahawa tahap kesepaduan masyarakat di negara ini adalah sederhana dan terkawal.
9. Dapatan IPNas 2022 menunjukkan dua (2) perkara yang perlu diberi perhatian bagi mengukuhkan lagi perpaduan di negara ini iaitu tadbir urus dan pembangunan serta aspek hubungan sosial rentas etnik.
10. Berdasarkan dapatan IPNas 2022 inilah, Kementerian telah menyusun program-program di bawah flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI bagi terus menyemarakkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya.

11. Flagship program yang diperkenalkan adalah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang akan diterajui oleh Kementerian Perpaduan Negara dimana tiga (3) kluster program akan dilaksanakan iaitu:

(i) Semarak Kenegaraan

bagi meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang Perlembagaan Persekutuan dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat. Empat (4) kumpulan sasaran adalah umum, mahasiswa, pelajar sekolah dan komuniti. Program pengisian adalah seperti Dialog anak muda, Apresiasi dan pemeran Mini Rukun Negara, cross culture sharing session, bicara pemikiran Tokoh Negarawan, dan lain-lain.

(ii) Semarak Perpaduan

bagi menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dengan konsep perpaduan dalam kepelbagaian ke arah merealisasikan aspirasi Malaysia Madani. Program-program adalah untuk memupuk keharmonian masyarakat melalui detik-detik perpaduan (*moment of unity*) seperti Sambutan Minggu Perpaduan, Galeri Uniti, Uniti walk/run/cycling, liga sukan perpaduan, Uniti Keamatan-Gawai, dan lain-lain.

(iii) Komuniti Rahmah

untuk membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam KRT yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui kerjasama semua pihak kementerian, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti. Antara program adalah seperti Bakul Rahmah, Ziarah Rahmah, projek ekonomi KRT, Program Mesra Jiran, dan lain-lain.

12. Dengan penghasilan Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI ini, agenda perpaduan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui kerjasama dan kesepakatan daripada semua golongan masyarakat tanpa mengira fahaman dan ideologi bagi memastikan keamanan, keharmonian dan perpaduan dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.



**KELAB
RUKUN NEGARA
&
SEKRETARIAT
RUKUN NEGARA**



PARLI
MALA



SOALAN NO.27

DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA

6 APRIL 2023 (KHAMIS)

YB Tuan Balasubramaniam A/L Nachiappan minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan berapakah jumlah pelajar terkini Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) dan sejauh manakah lepasan program ini berjaya mempraktikkan apa yang mereka belajar apabila masuk ke alam pekerjaan yang sebenar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) merupakan program yang mirip program latihan industri yang dijalani oleh mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi sebelum tamat pengajian yang berkonsepkan silang budaya. Ia bertujuan mengukuhkan interaksi sosial dalam masyarakat.
2. Program ini melibatkan usaha sama dan peranan majikan, rakan sekerja dan pelajar dalam memastikan adanya elemen kepelbagaian dan silang budaya semasa dan sepanjang tempoh latihan industri ini berlangsung.
3. Program ini juga menyediakan platform yang strategik kepada para pelajar untuk memperkasakan kemahiran generik mereka dalam aspek kepimpinan dan pengurusan. Ia sekali gus memberi ruang dan peluang kepada mahasiswa untuk meneroka, memahami, mengalami dan merasai alam pekerjaan yang sebenar.
4. Pendekatan ini merupakan langkah persediaan yang penting kepada para bakal graduan dalam menceburi alam pekerjaan dengan suntikan penerapan elemen silang budaya dalam diri dan sahsiah pelajar-pelajar yang terlibat. Tindakan ini selaras dengan seruan Kerajaan dalam menyemarakkan ekosistem perpaduan dalam masyarakat dengan latar belakang yang pelbagai.
5. Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah melaksanakan PLIP

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

sejak tahun 2015 hingga 2019. Pelaksanaan program pada ketika itu berbentuk silang kerjaya yang memberi peluang kepada para mahasiswa bukan Bumiputera menjalani latihan industri di syarikat-syarikat GLC.

6. Manakala, mahasiswa Bumiputera pula ditempatkan di syarikat dan organisasi swasta. Pecahan pelajar yang telah mengikuti program ini sepanjang lima (5) tahun tersebut adalah seperti berikut:

BIL	TAHUN	BILANGAN PELAJAR (ORANG)
1.	2015	1,022
2.	2016	1,221
3.	2017	1,480
4.	2018	1,495
5.	2019	1,535
JUMLAH (ORANG)		6,753

7. Bagi meneruskan program ini, Kementerian telah mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan telah memutuskan agar program latihan industri diterajui oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan konsep silang budaya akan dijadikan salah satu pengisian dalam program tersebut oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Sekian, terima kasih.



PENGGULUNGAN PERBAHASAN BELANJAWAN DEWAN NEGARA



PARLI
MALA

**UCAPAN PENGGULUNGAN
YB MENTERI PERPADUAN NEGARA
KE ATAS PERBAHASAN BELANJAWAN
DI PERINGKAT DASAR
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE-15 (2023), DEWAN NEGARA**

Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan Malaysia MADANI,

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Belanjawan 2023 dan menyentuh tentang perkara-perkara di bawah peranan Kementerian Perpaduan Negara iaitu:

BIL	Ahli Dewan Rakyat	Isu Yang Dibahaskan
1	YB Senator Ak Nan a/l Ehtook	Cadangan Kementerian Perpaduan Negara memberi pengiktirafan kepada wat siam untuk mendapatkan Bantuan Kewangan Penyelenggaraan Rumah Ibadat Selain Islam

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

BIL	Ahli Dewan Rakyat	Isu Yang Dibahaskan
2	YB Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang Sariyan	<ul style="list-style-type: none"> i. Meminta Kementerian Perpaduan Negara mengukuhkan asas perpaduan antara kaum dan meningkatkan penghayatan Rukun Negara ii. Meminta Kementerian Perpaduan Negara mengadakan program dengan melibatkan semua kaum bagi menyatu padukan rakyat Malaysia iii. Berharap supaya pegawai yang akan melancarkan program-program perpaduan merujuk Dasar Perpaduan Negara iv. Meminta Kerajaan menimbang semula pewujudan program-program ala PLKN
3	YB Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh	Peranan sistem pendidikan dalam pengukuhan perpaduan.

2. Kementerian Perpaduan Negara menghargai dan menyambut baik Belanjawan 2023 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Februari 2023. Belanjawan ini jelas menunjukkan komitmen Kerajaan dalam memastikan keharmonian dan kemakmuran rakyat terus dipelihara.
3. YB Senator Ak Nan a/l Ehtook telah membangkitkan cadangan supaya Kementerian Perpaduan Negara memberi pengiktirafan kepada wat siam untuk mendapatkan Bantuan Kewangan Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam.
4. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun ini, peranan pengurusan Bantuan Kewangan Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) telah dipindahkan kepada Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT). Sehubungan itu, KPKT adalah lebih sesuai untuk memberi pandangan berhubung cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

5. Walau bagaimanapun, Kementerian Perpaduan Negara telah menyalurkan sebanyak RM194,000.00 peruntukan kepada tiga (3) Wat Siam di Kedah pada tahun 2022. Wat Siam tersebut adalah:
 - (i) Wat Chai Dee Yar Ram, Alor Setar, Kedah;
 - (ii) Wat Chitraram, Jitra, Kedah; dan
 - (iii) Wat Thaichareon Kg Begia, Sik, Kedah.

6. Untuk makluman Dewan, pada tahun 2021 dan 2022, sebanyak 857 rumah ibadat bukan Islam telah menerima bantuan RIBI dengan peruntukan RM48.5 juta.

7. YB Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang Sariyan telah mencadangkan supaya Kementerian Perpaduan Negara mengukuhkan asas perpaduan dengan meningkatkan penghayatan Rukun Negara. Di samping itu, Kementerian perlu mengadakan program dengan melibatkan semua kaum bagi menyatu padukan rakyat berpandukan Dasar Perpaduan Negara.

8. YB Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh juga telah menentuhkan tentang peranan sistem pendidikan dalam menyatupadukan masyarakat sejak dari awal usia.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan pencetus kepada beberapa usaha serta komitmen Kerajaan dalam menangani isu perpaduan sehingga Rukun Negara diisytiharkan pada 31 Ogos 1970.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

10. Rukun Negara merupakan asas untuk membentuk perpaduan yang kukuh. Ingin saya menarik perhatian semua bahawa Rukun Negara mengandungi dua bahagian. Pertama, bahagian mukadimah (preamble) yang mengandungi lima perkara yang dicita-citakan untuk dicapai dan kedua, lima prinsip Rukun Negara sebagai alat untuk mencapai cita-cita tersebut.
11. Cita-cita dan Prinsip dalam Rukun Negara jelas menjadi kunci kepada keharmonian dan perpaduan, bertujuan menyemai nilai murni dalam kalangan masyarakat, nilai keagamaan, kesetiaan kepada Raja dan negara, kepatuhan kepada Perlembagaan dan undang-undang serta masyarakat yang sopan dan bertatasusila.
12. Kementerian Perpaduan Negara sejak penubuhannya pada 10 Mac 2020, sememangnya meletakkan Rukun Negara sebagai asas kepada penggubalan Dasar Perpaduan Negara dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 bagi menggerakkan agenda perpaduan nasional.
13. Antara strategi yang digariskan melalui Dasar Perpaduan Negara adalah meningkatkan literasi, pemahaman dan penghayatan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara bagi melahirkan masyarakat yang mempunyai semangat cintakan negara untuk mengekalkan keharmonian, keamanan dan kesejahteraan rakyat.
14. Dalam usahaini, Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif menerapkan nilai-nilai perpaduan dan penghayatan Rukun Negara bermula dari awal usia kanak-kanak.
15. Diperingkat Tabika Perpaduan, Kementerian telah memperkenalkan Modul Pendidikan Rukun Negara untuk memberi pendedahan awal kepada kanak-kanak tentang nilai-nilai murni bagi memupuk semangat perpaduan dan cintakan negara.

16. Manakala di peringkat sekolah, Kelab Rukun Negara (KRN) dan di peringkat Institut Pengajian Tinggi, Sekretariat Rukun Negara (SRN) telah ditubuhkan yang mana sehingga kini terdapat 6,843 KRN dan 187 SRN di seluruh negara.
17. Melalui Program KRN dan SRN, pelajar-pelajar boleh menghayati Rukun Negara, melibatkan diri secara aktif dalam program kenegaraan dan meningkatkan jaringan kerjasama dengan masyarakat.
18. Terkini, Kementerian perpaduan Negara telah mengambil inisiatif menghasilkan Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI berkonsepkan Perpaduan Dalam Kepelbagaian yang selari dengan Dasar Perpaduan Negara bagi mencapai agenda membangun Malaysia MADANI. Usaha ini adalah inisiatif yang dilaksanakan bagi terus memperkukuhkan perpaduan antara kaum.
19. Melalui Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI, flagship program yang diperkenalkan adalah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang akan diterajui oleh Kementerian Perpaduan Negara dimana tiga (3) kluster program akan dilaksanakan iaitu:
 - (i) Semarak Kenegaraan
bagi meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang Perlembagaan Persekutuan dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat. Empat (4) kumpulan sasaran adalah umum, mahasiswa, pelajar

sekolah dan komuniti. Program pengisian adalah seperti Dailog anak muda, Apresiasi dan pemeran Mini Rukun Negara, cross culture sharing session, bicara pemikiran Tokoh Negarawan, dan lain-lain.

(ii) Semarak Perpaduan

bagi menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dengan konsep perpaduan dalam kepelbagaian ke arah merealisasikan aspirasi Malaysia Madani. Program-program adalah untuk memupuk keharmonian masyarakat melalui detik-detik perpaduan (*moment of unity*) seperti Sambutan Minggu Perpaduan, Galeri Uniti, Uniti walk/run/cycling, liga sukan perpaduan, Uniti Keamatan-Gawai, dan lain-lain.

(iii) Komuniti Rahmah

untuk membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam KRT yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui kerjasama semua pihak kementerian, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti. Antara program adalah seperti Bakul Rahmah, Ziarah Rahmah, projek ekonomi KRT, Program Mesra Jiran, dan lain-lain.

20. Dengan penghasilan Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI ini, agenda perpaduan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui kerjasama dan kesepakatan daripada semua golongan masyarakat tanpa mengira fahaman dan ideologi bagi memastikan keamanan, keharmonian dan perpaduan dapat dicapai

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

21. Berhubung cadangan supaya Kerajaan menimbang semula pewujudan program-program ala PLKN.
22. Untuk makluman Yang Berhormat, susulan pemansuhan Biro Tatanegara (BTN) dan penjenamaan semula Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 Oktober 2018 telah memutuskan untuk menubuhkan sebuah institusi baharu di bawah KBS dengan fungsi-fungsi yang berlainan daripada jabatan yang telah dimansuhkan.
23. Susulan pemansuhan program PLKN dan BTN, i-LEAD diberi tanggungjawab untuk melaksanakan sebuah program nasional yang dinamakan Malaysia Future Leaders School (MFLS). MFLS adalah sebuah program nasional yang bertujuan untuk melahirkan pemimpin masa hadapan Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat juga, program yang telah dilancarkan pada 3 Mei 2019 ini, merupakan sebuah program terancang melibatkan 3 fasa yang dikenali sebagai Tier.
24. Bermula dari tahun 2023,

Tier 1 - Membantu pihak sekolah dalam proses saringan murid dengan lebih mudah dan lancar serta mempromosikan program MFLS secara lebih meluas di sekolah-sekolah dan saluran media yang terpilih dari semasa ke semasa.

Tier 2 - Program Ala Summer Camp di Kem Wawasan Negara i-LEAD KBS diseluruh Malaysia untuk tempoh 5 hari.

Tier 3 - Membangunkan belia yang menyumbang di peringkat nasional dan global.

25. Bagi memastikan kesinambungan dari kursus yang telah dilalui Alumni MFLS menubuhkan persatuan Angkatan Belia MFLS (ABM) yang berdaftar di bawah Pejabat Pertubuhan Belia (ROY) Kementerian Belia dan Sukan. Platform ini juga digunakan bagi menyumbang kembali kepada Masyarakat dan Negara.

Sekian, terima kasih.





PENGGULUNGAN PERBAHASAN TITAH DIRAJA DEWAN NEGARA



**UCAPAN PENGGULUNGAN
YB MENTERI PERPADUAN NEGARA
KE ATAS PERBAHASAN TITAH DIRAJA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE-15 (2023), DEWAN NEGARA**

Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan Malaysia MADANI,

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Belanjawan 2023 dan menyentuh tentang perkara-perkara di bawah peranan Kementerian Perpaduan Negara iaitu:

BIL	Ahli Dewan Negara	Isu Yang Dibahaskan
1	YB Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan	Adakah Dasar Perpaduan Negara dapat dilaksanakan dan menjadi kenyataan oleh Kementerian Perpaduan Negara?
2	YB Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insoi	Apakah dasar atau strategi kementerian untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara Malaysia?
3	YB Senator Tuan Mohd Hasbie Bin Muda	Bagaimanakan caranya pihak kementerian dapat memastikan kewujudan perpaduan dalam kalangan kaum yang sama?

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

BIL	Ahli Dewan Negara	Isu Yang Dibahaskan
4	YB Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli	<p>i Memohon Kementerian Perpaduan Negara untuk meluaskan bidang atau usaha supaya pemecah-belahan dapat dihentikan</p> <p>ii Adakah terdapat keperluan untuk penggubalan undang-undang baharu mengenai penyatuan perpaduan kaum di kalangan rakyat Malaysia atau perundingan untuk kesefahaman kaum perlu dilaksanakan</p>
5	YB Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan	Apakah respon daripada YB Menteri Perpaduan berkaitan isu perpaduan kaum yang dimainkan api permusuhan oleh segelintir pemimpin dari blok Kerajaan sedangkan rakyat hidup dalam aman dan harmoni.

2. Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan telah menyentuh tentang pelaksanaan Dasar Perpaduan Negara.
3. Kerajaan sentiasa mempergiatkan usaha untuk memperkukuhkan penyatuan masyarakat pelbagai kaum dan agama. Usaha ini sebenarnya telah bermula sejak sekian lama, di mana penubuhan Jabatan Perpaduan Negara pada 1 Julai 1969 membuktikan bahawa Kerajaan benar-benar meletakkan elemen perpaduan ini sebagai agenda utama untuk diuruskan.
4. Pada tahun 2013, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara atau National Unity Consultative Council (NUCC) sebagai satu badan bebas untuk menasihati Kerajaan mengenai hal-ehwal perpaduan dan integrasi nasional.
5. NUCC telah melaksanakan kajian persepsi rakyat tentang isu-isu yang mempengaruhi perpaduan. Hasil daripada analisis maklumbalas rakyat, terdapat beberapa cabaran utama telah dikenal pasti iaitu perbezaan kaum dan agama, pendidikan, politik dan media.

6. Pada tahun 2018, Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) telah mula dilaksanakan untuk mengukur tahap perpaduan dengan mengambilkira isu-isu perpaduan yang dikenalpasti hasil maklumbalas rakyat. IPNas 2018 telah mencatatkan skor 0.567 dan IPNas 2022 mencatatkan skor 0.629; ini membawa maksud kesepaduan national negara berada Pada tahap sederhana dan terkawal, namun masih mempunyai ruang untuk penambahbaikan dalam hubungan sosial rentas etnik dan tadbir urus dan pembangunan.
7. Berpandukan kepada hasil maklumbalas rakyat yang dilaksanakan oleh NUCC dan dapatan IPNas 2018 dan berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas pembentukan negara dan penyatupaduan masyarakat Kementerian Perpaduan Negara telah membangunkan Dasar Perpaduan Negara (DPN) dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030. Tiga (3) teras utama dalam Dasar Perpaduan Negara adalah:
 - (i) Patriotisme dan demokrasi;
 - (ii) Identiti nasional; dan
 - (iii) Ekosistem perpaduan.
8. Bagi menterjemahkan dasar tersebut ke dalam bentuk pelaksanaan, Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPTN) 2021-2030 telah dihasilkan. Pelbagai program telah disusun dan dilaksanakan dengan melibatkan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan (NGO), swasta dan masyarakat umum.
9. Teras dan strategi yang digariskan melalui dasar ini adalah selari dengan agenda pembangunan Malaysia Madani yang menjadi aspirasi Kerajaan pada masa ini.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

10. Berhubung pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insoi, YB Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli dan YB Senator Tuan Mohd Hasbie Bin Muda mengenai strategi dan usaha Kementerian untuk memastikan kewujudan perpaduan dan mengelakkan perpecahan.
11. Selaridengan hasrat membangun Malaysia MADANI, Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif menghasilkan Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI berkonsepkan Perpaduan Dalam Kepelbagaian (Unity in Diversity) bagi mencapai agenda membangun Malaysia MADANI.
12. Melalui Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI, flagship program yang diperkenalkan adalah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI dan telah dilancarkan pada 1 Mac 2023 di Muzium Negara dan ianya merupakan usaha Kementerian Perpaduan Negara untuk meningkatkan jati diri dan menyemarakkan semangat perpaduan. (3) kluster program akan dilaksanakan iaitu:
 - (i) Semarak Kenegaraan
bagi meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang Perlembagaan Persekutuan dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat. Empat (4) kumpulan sasaran adalah umum, mahasiswa, pelajar sekolah dan komuniti. Program pengisian adalah seperti Dailog anak muda, Apresiasi dan pemeran Mini Rukun Negara, cross culture sharing session, bicara pemikiran Tokoh Negerawan, dan lain-lain.

(ii) Semarak Perpaduan

bagi menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dengan konsep perpaduan dalam kepelbagaian ke arah merealisasikan aspirasi Malaysia Madani. Program-program adalah untuk memupuk keharmonian masyarakat melalui detik-detik perpaduan (*moment of unity*) seperti Sambutan Minggu Perpaduan, Galeri Uniti, Uniti walk/run/cycling, liga sukan perpaduan, Uniti Keamatan-Gawai, dan lain-lain.

(iii) Program Komuniti Rahmah

untuk membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam KRT yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui kerjasama semua pihak kementerian, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti. Antara program adalah seperti Bakul Rahmah, Ziarah RAHMAH, projek ekonomi KRT, Program Mesra Jiran, dan lain-lain.

12. Bagi memastikan pelan tindakan dan strategi yang disusun dapat dilaksanakan hingga ke peringkat akar umbi, kementerian menggerakkan jentera perpaduan khususnya Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di seluruh negara. Agenda kerja KRT atau RT4ALL telah dihasilkan dengan mengargariskan empat (4) Gerak Kerja iaitu Gerak Kerja - KRT Sejahtera, KRT Selamat, KRT Bersih dan Indah dan KRT Sihat. Pada masa ini terdapat 8,348 KRT di seluruh negara. Dan untuk makluman YB Senator Puan Rita Sarimah, sebanyak 1,064 KRT adalah di Sarawak dan 8 KRT di Selangau.
13. Bagi pertanyaan YB Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli berhubung keperluan untuk penggubalan undang-undang baharu mengenai penyatupaduan kaum di negara ini, saya ingin

menyatakan bahawa dalam menguruskan perpaduan, perkara yang paling utama adalah usaha-usaha menggalakan persefahaman, toleransi dan hormat-menghormati antara masyarakat pelbagai kaum dan agama. Realitinya, perpaduan adalah perkara yang perlu diurus melalui pelbagai mekanisme seperti interaksi dan jalinan hubungan sosial secara berterusan pada peringkat “inter” dan “intra” etnik dengan penuh berhemah.

15. Perlembagaan Persekutuan yang merupakan undang-undang tertinggi menjadi asas pembentukan negara ini serta identiti rakyat Malaysia. Sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan perlu dihayati dan difahami oleh semua rakyat kerana melibatkan tolak ansur, kompromi dan pengorbanan semua pihak serta berlandaskan proses persetujuan timbal balik atau perkongsian kuasa antara pelbagai etnik.
16. Manakala Rukun Negara (Cita-cita dan 5 Prinsip) pula merupakan satu ideologi untuk menyeragamkan dan meningkatkan kefahaman Perlembagaan dan kepatuhan kepada undang-undang di kalangan masyarakat pelbagai etnik dengan tujuan membentuk perpaduan yang kukuh.
17. Dasar-dasar utama Kerajaan turut memberi penekanan kepada elemen perpaduan sebagai asas untuk pembangunan negara. Bermula dengan Rancangan Malaysia Kedua (RMK-2) hinggalah Rancangan Malaysia seterusnya, Kerajaan telah menerapkan elemen pengukuhan dan kesepaduan sosial (social cohesion) dalam setiap dasar yang diperkenalkannya.
18. Di bawah Kementerian Perpaduan Negara pula telah ditubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa yang berperanan sebagai platform untuk membincangkan usaha-usaha pengukuhan perpaduan dan isu-isu berbangkit berkaitan perpaduan. Tiga (3) jawatankuasa utama adalah:

- (i) Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN)
MPPN merupakan penasihat Kerajaan dalam hal ehwal perpaduan dan menjadi platform bagi membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan isu dan cabaran perpaduan dan mencadangkan kaedah terbaik dalam mengurus isu-isu berbangkit. Ahli Majlis terdiri wakil pelbagai sektor termasuk akademik, korporat, sukan, belia, pengamal media, seni dan OKU.

- (ii) Jawatankuasa EXCO Perpaduan (MexUnity)
Jawatankuasa ini adalah platform bagi membincangkan isu perpaduan di peringkat negeri. Ahli Jawatankuasa ini terdiri EXCO perpaduan setiap negeri dan menteri yang menjaga hal ehwal perpaduan di Sabah dan Sarawak.

- (iii) Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) Jawatankuasa HARMONI ini adalah platform penting dalam menangani dan mengendurkan ketegangan berkait isu-isu sensitif agama yang berlaku. Platform ini menyediakan ruang kepada wakil-wakil penganut agama untuk:
 - a) berbincang dalam ruang tertutup melibatkan isu-isu sensitif berkaitan agama;

 - b) mendapatkan nasihat daripada pakar rujuk bagi sesuatu perkara (sekiranya ada keperluan);

 - c) mencapai konsensus atau kesefahaman antara badan-badan agama terhadap isu-isu yang berpotensi menyebabkan ketegangan; dan

- d) menentengahkan pandangan atau cadangan kepada Kerajaan.

Ahli Jawatankuasa Harmoni ini terdiri daripada pemimpin-pemimpin badan agama dan dipengerusikan bersama oleh Menteri Perpaduan Negara dan Menteri Agama.

19. Di samping itu, di peringkat komuniti pula, isu-isu perpaduan diuruskan oleh Mediator Komuniti (yang telah ditauliah oleh Kementerian), melalui langkah-langkah intervensi sosial berdasarkan isu atau insiden. Bagi kes-kes yang memerlukan tindakan bersepadu antara agensi, isu atau insiden akan dirujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan seperti PDRM, MCMC dan PBT. Pada masa ini terdapat 428 Mediator Komuniti di seluruh negara.
20. Dari segi perundangan, undang-undang sedia ada pada masa ini sudah memadai bagi memastikan perpaduan kaum kekal terpelihara. Antara akta dan perundangan yang berkuat kuasa adalah:
 - (i) Subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15] - iaitu kesalahan menghasut (KDN);
 - (ii) Seksyen 295 Kanun Keseksaan (Penal Code) [Akta 574] - iaitu kesalahan membencana atau mencemarkan tempat sembahyang dengan niat hendak mengaibkan agama mana-mana golongan (KDN);
 - (iii) Seksyen 296 Kanun Keseksaan - iaitu kesalahan mengganggu

- perhimpunan yang menjalankan sembahyang (KDN);
- (iv) Seksyen 298 Kanun Keseksaan - iaitu kesalahan menyebut perkataan-perkataan atau melakukan perbuatan-perbuatan lain dengan niat sengaja hendak melakukan perasaan agama seseorang (KDN);
 - (v) Seksyen 298A Kanun Keseksaan - iaitu kesalahan menyebabkan, atas alasan-alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan, perasaan permusuhan, benci-membenci atau niat jahat, atau memudaratkan pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan (KDN);
 - (vi) Seksyen 504 Kanun Keseksaan - iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan (KDN);
 - (vii) Seksyen 505 Kanun Keseksaan - iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam (KDN);
 - (viii) Seksyen 506 Kanun Keseksaan - iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah (KDN); dan
 - (ix) Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] - iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian (KKD).
21. Akta-akta sedia ada telah mengambil kira pelbagai aspek kawalan bagi mengekang unsur-unsur yang boleh menjejaskan keharmonian. Justeru, Kementerian ini berpendapat tiada keperluan untuk menggubal atau memperkenalkan suatu

undang-undang baharu pada masa ini, dan memadai dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang sedia ada. Walau bagaimanapun kalau keadaan mendesak dan kerajaan memikirkan bahawa undang-undang sedia ada perlu dibuat semakan semula untuk pindaan bagi mengekang sesetengah percakapan (hate speech) atau perbuatan provokasi yang boleh mengugat keharmonian, maka kementerian akan menyokong penuh hasrat tersebut.

22. Bagi pertanyaan YB Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan mengenai api permusuhan yang dimainkan oleh segelintir pemimpin dari blok Kerajaan sedangkan rakyat hidup dalam aman dan harmoni.
23. Saya sering nyatakan bahawa perpaduan ini bukan terletak di bahu Kementerian Perpaduan Negara semata-mata. Usaha menjaga keharmonian dan mengekalkan perpaduan negara adalah tanggung jawab secara bersama melibatkan semua pihak, daripada rakyat hinggalah pemimpin.
24. Semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dengan menjaga sensitiviti antara kaum dan agama supaya tidak berlaku pertelingkahan yang boleh mencetuskan kemarahan seterusnya mengugat keharmonian.
25. Di samping itu, kita semua faham bahawa sistem politik negara kita pada masa ini terbentuk hasil daripada sistem pemerintahan sejak zaman British di Tanah Melayu lagi. Sistem politik yang berasaskan kaum menjadi salah satu cabaranyang perlu ditangani dengan baik bagi memastikan ia tidak mencetuskan perselisihan

antara kaum.

26. Di sinilah pentingnya peranan pemimpin dalam memupuk nilai perpaduan. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga telah bertitah sempena Istiadat Pembukaan Penggal Kedua Parlimen Ke-15 pada 13 Februari 2023 supaya semua wakil rakyat mengetepikan agenda politik sempit dan bersatu hati atas nama perpaduan.
27. Dalam sistem politik federalisme yang mengikut kaum dan etnik, negara tetap mampu bergerak ke arah landskap politik yang menggalakkan perpaduan serta meningkatkan amalan saling menghormati dan toleransi dalam kalangan rakyat, dengan contoh teladan yang baik daripada pemimpin kepada rakyat.
28. Dasar Perpaduan Negara juga telah menggariskan strategi memperkukuhkan peranan pemimpin sebagai pemangkin perpaduan. Untuk itu, semua peringkat kepimpinan bermula dari peringkat persekutuan, negeri, daerah sehingga peringkat akar umbi perlu menjadi teladan dan contoh terbaik kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.



**DEWAN RAKYAT
MESYUARAT
KEDUA
PENGGAL KEDUA
PARLIMEN YANG
KELIMA BELAS
(2023)**



PARLI
MALA

**JUMLAH PERTANYAAN-PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
YANG KELIMA BELAS,
PENGAL KEDUA, MESYUARAT KEDUA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
22 MEI – 15 JUN 2023**

NO	KLUSTER	BILANGAN SOALAN		JUMLAH
		LISAN	BERTULIS	
1	Dasar & Perancangan	1	3	4
2	Kawasan Rukun Tetangga	2	-	2
3	IPNas	1	-	1
4	Taska Genius Perpaduan & Tabika Perpaduan	-	-	-
5	Kelab Rukun Negara & Sekretariat Rukun Negara	-	-	-
6	Rang Undang-Undang	4	-	4
7	Muzium	-	1	1
8	Arkib	-	1	1
9	Perpustakaan	-	-	-
	JUMLAH	8	5	13



DASAR & PERANCANGAN





SOALAN NO.8

DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA

23 MEI 2023 (SELASA)

Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan menyatakan sejauh manakah pencapaian Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 yang dilancarkan pada November 2021, dan senarai inisiatif yang telah dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 merupakan pelan induk tindakan perpaduan bagi menterjemahkan Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 ke dalam bentuk program dan inisiatif bagi memperkasakan agenda perpaduan nasional melalui pelbagai usaha untuk membinadan mengukuhkan tapak integrasi yang lebih terancang dengan penglibatan pelbagai Kementerian, agensi Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan (NGO), swasta dan masyarakat umum mengikut peranan dan fungsi masing-masing.
2. Bagi menyokong hasrat Malaysia MADANI, Kementerian ini turut menghasilkan kerangka dengan konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian yang akan menjadi rujukan kepada Kementerian Perpaduan Negara bagi melaksanakan program dan aktiviti ke arah melahirkan masyarakat MADANI dalam kalangan rakyat berbilang kaum.
3. Kembara Perpaduan Malaysia MADANI merupakan program flagship yang menerajui inisiatif di bawah agenda perpaduan nasional dengan matlamat menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam membangunkan Malaysia MADANI.
4. Kembara Perpaduan Malaysia MADANI memayungi tiga (3) kluster program yang berpaksikan kepada pencapaian objektif Dasar Perpaduan Negara melalui penglibatan dan kerjasama semua pihak termasuklah pemimpin, agensi Kerajaan, pihak swasta, NGO, CSO dan masyarakat secara keseluruhannya.

5. Tiga (3) kluster program tersebut adalah seperti berikut:

(i) Semarak Kenegaraan

Program kenegaraan yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat. Program pengisian adalah seperti Dailog anak muda, Apresiasi dan pameran Mini Rukun Negara, cross culture sharing session, bicara pemikiran Tokoh Negarawan, dan lain-lain.

(ii) Semarak Perpaduan

Program untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dgn konsep perpaduan dalam kepelbagaian. Program-program adalah untuk memupuk keharmonian masyarakat melalui detik-detik perpaduan (*moment of unity*) seperti Sambutan Minggu Perpaduan, Galeri Uniti, Uniti walk/run/cycling, liga sukan perpaduan, Uniti Keamatan-Gawai, dan lain-lain.

(iii) Komuniti Rahmah

Program yang dirangka bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggemblengan tenaga semua pihak KPN, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti. Antara program adalah seperti Bakul Rahmah, Ziarah Rahmah, projek ekonomi KRT, Prog Mesra Jiran, dan lain-lain.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

6. Berdasarkan kepada kerangka yang telah dihasilkan, program utama yang telah dilaksanakan baru-baru ini adalah Sambutan Minggu Perpaduan yang telah diadakan di seluruh negara pada 20 hingga 28 Mei 2023 dan telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah pada 21 Mei 2023. Program ini melibatkan kerjasama dan penyertaan pelbagai Kementerian dan agensi dengan konsep 'whole government approach'.
7. Kerjasama dan kesepakatan daripada semua golongan masyarakat tanpa mengira fahaman dan ideologi dalam pelaksanaan dasar dan pelan tindakan ini amat penting bagi memastikan usaha memupuk budaya toleransi dan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat dapat dicapai.
8. Dalam masa yang sama, Kementerian juga akan sentiasa membuat semakan terhadap dasar dan pelan tindakan yang dihasilkan untuk tujuan penambahbaikan dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO.45

DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA
BUKAN LISAN

Dr. Ahmad Fakhruddin Bin Fakhurrazi [Kuala Kedah] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan hasil garis panduan dan hala tuju Majlis Penasihat Perpaduan Negara yang merupakan panduan Kementerian dalam mengurus perdana agenda perpaduan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara telah menubuhkan Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) pada tahun 2020 untuk menasihati Kerajaan dalam:
 - (i) hal-ehwal perpaduan serta membincangkan isu-isu perpaduan;
 - (ii) usaha-usaha penyatuan nasional (national reconciliation) dari pelbagai sudut; dan
 - (iii) mencadangkan kaedah penyelesaian terbaik kepada Kerajaan untuk menangani isu dan cabaran perpaduan bagi terus mengukuhkan agenda perpaduan nasional.
2. Ini kerana pengukuhan perpaduan rakyat merupakan asas kepada kestabilan ekonomi, politik dan sosial serta keharmonian negara ini. Bagi tempoh selama dua tahun (2020-2022), seramai 23 orang ahli MPPN yang terdiri daripada tokoh-tokoh masyarakat dengan pelbagai latar belakang telah dilantik bagi membantu Kementerian menerajui agenda perpaduan agar dapat terus memelihara kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat.
3. Dalam tempoh antara 2020 - 2022, MPPN telah bermesyuarat sebanyak dua (2) kali sahaja disebabkan penularan pandemik COVID-19. Melalui mesyuarat tersebut, barisan ahli MPPN telah menjana idea dan mencadangkan beberapa inisiatif baharu dalam mengukuh dan menjulang agenda perpaduan negara. Namun,

disebabkan pandemik COVID-19, Kementerian Perpaduan Negara telah menghadapi banyak kekangan untuk meneruskan cadangan. Walau bagaimanapun, Kementerian berjaya menghasilkan Dasar Perpaduan Negara pada tahun 2021 dengan kerjasama dan komitmen ahli-ahli MPPN.

4. Di bawah pucuk kepimpinan negara yang baharu, Kementerian Perpaduan Negara telah mengemas kini dan menambahbaik struktur dan tadbir urus MPPN serta jawatankuasa-jawatankuasa perpaduan di bawahnya selari dengan aspirasi Membangun Malaysia MADANI. Ekoran dari langkah ini, seramai 18 orang ahli baharu telah dikenal pasti dan dilantik bagi menganggotai MPPN bagi penggal 2023 hingga 2025 bagi membolehkan MPPN terus menggalastugas mengurusperdanakan agenda perpaduan negara.
 - (i) Penambahbaikan Keahlian
Keahlian MPPN yang ditunjangi oleh barisan pakar dari pelbagai sektor termasuk dari Badan Bukan Kerajaan (NGO), pihak swasta dan individu yang berpengalaman akan memastikan mereka dapat menyumbang idea dan kepakaran dalam agar MPPN dapat melaksanakan tanggungjawab yang diberikannya mengikut terma rujukan yang ditetapkan bagi mengukuh dan meningkatkan agenda perpaduan negara;
 - (ii) Kepakaran Ahli
Variasi dalam keanggotaan ahli MPPN yang komited terhadap perpaduan negara dan mempunyai kredibiliti, bersifat terbuka, neutral, berpandangan konstruktif berhubung dengan hal-ehwal perpaduan dan juga merentasi wilayah dapat memastikan bahawa semua komuniti utama dan sektor masyarakat di negara ini

diwakili dan kepentingan serta kebajikan mereka tidak dipinggirkan. Ini bertujuan memastikan semua sektor masyarakat dilibatkan dalam agenda perpaduan negara dan tidak tercalar daripada arus pembangunan negara;

(iii) Kepelbagaian Kepakaran

Keanggotaan MPPN yang terdiri daripada pakar-pakar dari pelbagai sektor juga akan membantu Kerajaan dalam mengenalpasti kaedah-kaedah terbaik dalam meningkatkan usaha dan inisiatif perpaduan di samping mengatasi kelemahan sedia ada di pelbagai peringkat agar perpaduan negara terus terpelihara dan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum terus bersatu hati dan mempunyai semangat kenegaraan yang tinggi di bawah kepimpinan kerajaan semasa; dan

5. Penubuhan MPPN juga merupakan satu langkah bijak kerajaan dalam mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderate yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama sebagai usaha ke arah penyatuan nasional (*national reconciliation*).

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO.72

DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA
BUKAN LISAN

Dato' Seri Haji Aminuddin Bin Harun [Port Dickson] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan bagaimana cara Kementerian memperkukuh perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama, terutama dalam konteks yang semakin berubah dan kompleks dengan adanya isu-isu sosial dan politik yang sensitif.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 telah membuka mata pelbagai pihak tentang pentingnya usaha-usaha yang lebih serius diberikan tumpuan dalam menguruskan perbezaan serta sensitiviti yang terdapat dalam sebuah masyarakat majmuk seperti Malaysia.
2. Jabatan Perpaduan Negara yang ditubuhkan pada 1 Julai 1969 untuk menjadi peneraju bagi membina dan mengukuhkan penyatupaduan masyarakat pelbagai kaum. Kemudian, pada 1 Julai 1972, Kementerian Perpaduan Negara buat pertama kalinya ditubuhkan untuk memperkasakan lagi agenda perpaduan negara.
3. Komitmen Kerajaan dalam menangani cabaran perpaduan dan melihat perpaduan sebagai asas kestabilan masyarakat serta kunci kepada pembangunan dan kesejahteraan negara menyaksikan Kementerian Perpaduan Negara telah diwujudkan semula pada 10 Mac 2020 setelah dimansuhkan pada tahun 1974 bagi memastikan agenda perpaduan dapat dikendalikan secara bersepadu dan lebih tersusun.
4. Di bawah pentadbiran Kerajaan Perpaduan, konsep Membangun Malaysia MADANI telah menjadi iltizam YAB Perdana Menteri Malaysia dan bertindak sebagai ikhtiar yang menjelaskan strategi bagi mentadbir negara dengan berkesan.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

5. Matlamat utama MADANI adalah untuk mewujudkan sebuah masyarakat maju, terampil dan terangkum dan akhirnya membentuk Malaysia menjadi sebuah negara yang mampan, sejahtera, berdaya cipta, saling menghormati serta bersikap ihsan berdasarkan keyakinan antara satu sama lain.
6. Empat (4) strategi utama untuk membina Malaysia MADANI adalah:
 - (i) membina semula ekonomi;
 - (ii) menjamin kesejahteraan insan;
 - (iii) reformasi institusi demokrasi dan perundangan; dan
 - (iv) mewujudkan pentadbiran beramanah.
7. Bagi menyokong agenda membangun Malaysia MADANI, Kementerian ini telah menghasilkan Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian.
8. Kerangka ini menjadi rujukan dalam pelaksanaan program dan aktiviti berteraskan usaha ke arah melahirkan masyarakat MADANI dalam kalangan rakyat berbilang kaum.
9. Kerangka ini disusun seiring Dasar Perpaduan Negara dan memperjelaskan dengan lebih komprehensif strategi pelaksanaan serta sasaran yang hendak dicapai.
10. Program flagship yang diperkenalkan adalah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang menerajui inisiatif di bawah agenda perpaduan nasional dengan matlamat menyebarluas

pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam membangunkan Malaysia MADANI.

11. Tiga (3) kluster program tersebut adalah seperti berikut:
 - (i) Semarak Kenegaraan
Program kenegaraan yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.
 - (ii) Semarak Perpaduan
Program untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dgn konsep perpaduan dalam kepelbagaian.
 - (iii) Komuniti Rahmah
Program yang dirangka bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggembleran tenaga semua pihak KPN, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti.
12. Dengan penghasilan dokumen dasar, pelan tindakan dan inisiatif program yang dirancang, agenda memperkukuh perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui kerjasama pelbagai pihak di setiap peringkat daripada peringkat Kementerian hingga ke peringkat komuniti.

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO.561

DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA
BUKAN LISAN

YB Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan senarai program-program yang memupuk semangat perpaduan di seluruh negara. Apakah strategi Kementerian untuk mengatasi masalah ketegangan perkauman dan agama dalam kalangan masyarakat kita.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seiring dengan hasrat YAB Perdana Menteri untuk membangun Malaysia MADANI, Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif menghasilkan Kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian (Unity in Diversity) bagi menyusun agenda perpaduan dengan lebih inklusif dan bersepadu berpandukan Dasar Perpaduan Negara (DPN).

2. Flagship program yang diperkenalkan adalah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI melibatkan tiga (3) kluster program seperti berikut:
 - (i) Semarak Kenegaraan
Program kenegaraan yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.

 - (ii) Semarak Perpaduan
Program untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dengan konsep perpaduan dalam kepelbagaian

(iii) Komuniti Rahmah

Program yang dirangka bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggembengan tenaga semua pihak KPN, agensi Kerajaan, swasta, Badan Bukan Kerajaa (NGO) dan komuniti.

3. Melalui kerangka yang dibangunkan, pelbagai program disusun meliputi peringkat persekutuan sehingga ke akar umbi yang turut melibatkan pemimpin, agensi Kerajaan, pihak swasta, NGO, CSO dan masyarakat secara keseluruhannya bertujuan untuk mempromosi serta memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

4. Antara program-program tersebut adalah seperti berikut:

Kementerian Perpaduan Negara

- (i) Sambutan Minggu Perpaduan di seluruh negara;
- (ii) Galeri UNITI;
- (iii) Semarak Perpaduan;
- (iv) Kejohanan Liga Sukan UNITI;
- (v) Sumbangan Bakul RAHMAH kepada rumah kebajikan;
- (vi) Gotong - Royong di rumah kebajikan; dan
- (vii) Program RAHMAH Mesra bersama penghuni warga emas dan anak yatim.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

Jabatan Perpaduan Negara dan Intergasi Nasional (JPNIN)

- (i) Kembara Perpaduan: Gerak Kerja Pasca Banjir;
- (ii) Program Gerak RAHMAH - Jom Sihat melibatkan lebih 4,800 Komuniti Rukun Tetangga (KRT);
- (iii) Program Gerak RAHMAH - Jom Ronda melibatkan 3,085 Skim Rondaan Sukarela (SRS);
- (iv) Program Gerak RAHMAH - Jom Masak Bubur Lambuk;
- (v) Pertandingan Koir Perpaduan;
- (vi) UNITI SISWA: Pertandingan Seni Warisan dan Silang Budaya Sekretariat Rukun Negara (SRN);dan
- (vii) Kayuhan MAIPS Peduli Menyantuni Asnaf bersama Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibnu Tuanku Syed Sirajuddin Jamaluddin dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perlis.

Jabatan Muzium Malaysia

- (i) Nostalgia Anak Kampung;
- (ii) Festival Kebudayaan Kelantan;dan
- (iii) Pameran "Seniman Perak Sepanjang Zaman.

Arkib Negara Malaysia

- (i) Pameran Eksklusif Seniman Agung Tan Sri P. Ramlee;
- (ii) Pameran Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Tanah Melayu;dan
- (iii) Program Bicara Negarawan: Bapa Perpaduan Negara.

Perpustakaan Negara Malaysia

- (i) Riang Ria Cuti Sekolah di semua perpustakaan; dan
 - (ii) Bicara Eksekutif.
5. Di samping pelaksanaan program-program bagi memupuk semangat perpaduan, Kementerian Perpaduan Negara juga mempunyai mekanisme untuk mencari penyelesaian terhadap isu yang menggugat perpaduan dengan membawa isu ini ke jawatankuasa-jawatankuasa seperti:
- (i) Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) yang melibatkan perbincangan antara pemimpin-pemimpin agama dari Islam, Kristian, Buddha, Hindu, Tao, Sikh dan Baha'i; dan
 - (ii) Majlis Penasihat Perpaduan Negara yang melibatkan tokoh-tokoh dari pelbagai latar belakang (Akademik, Korporat, NGO, Swasta, Belia).
6. Di peringkat komuniti pula, isu-isu perpaduan diuruskan oleh Mediator Komuniti (yang telah ditauliah oleh Kementerian), melalui langkah-langkah intervensi sosial berdasarkan isu atau insiden. Bagi kes-kes yang memerlukan tindakan bersepadu antara agensi, isu atau insiden akan dirujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

7. Dengan penghasilan dokumen dasar, pelan tindakan dan inisiatif program yang dirancang, agenda perpaduan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui kerjasama dan kesepakatan daripada semua golongan masyarakat tanpa mengira fahaman dan ideologi bagi memastikan keamanan, keharmonian dan perpaduan dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.





KAWASAN RUKUN TETANGGA





SOALAN NO.73

DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA

23 MEI 2023 (SELASA)

Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan:

i.Senarai KRT di seluruh kawasan Parlimen Kapar; dan

ii.Senarai Tabika Perpaduan di Kapar untuk memupuk perpaduan dan mengintegrasikan masyarakat antara kaum sejak usia muda.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penubuhan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan Tabika Perpaduan secara meluas di serata negara merupakan inisiatif dan jentera perpaduan terpenting Kerajaan Perpaduan untuk membina kesefahaman, mempromosikan kesedaran mengenai kesederhanaan, menyuburkan rasa cinta kasih kepada negara dan memperkasakan semangat persaudaraan dalam kalangan rakyat daripada pelbagai peringkat umur, generasi dan kaum yang dapat menolak sebarang ruang perpecahan.
2. Kerajaan Perpaduan menerusi Kementerian Perpaduan Negara sentiasa prihatin terhadap pembangunan integrasi sosial dan peningkatan kualiti perpaduan komuniti setempat termasuk di kawasan Parliman P109 Kapar, Selangor.

JAWAPAN BERKAITAN SOALAN (i) – KRT

1. Sehingga kini, Kementerian menerusi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah berjaya mewujudkan sebanyak 8,348 KRT di 16 negeri.
2. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 54 KRT adalah terletak di bawah kawasan Parlimen P109 Kapar. Ini meliputi sepuluh KRT di DUN N42 Meru, 32 KRT di DUN N43 Sementa dan baki 12 KRT di DUN N44 Selat Klang.

JAWAPAN BERKAITAN SOALAN (ii) – TABIKA PERPADUAN

1. Seterusnya adalah berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak kendalian JPNIN. Jumlah Tabika Perpaduan di seluruh negara termasuk di kawasan bandar dan luar bandar adalah sebanyak 1,781.
2. Tabika Perpaduan ini telah dibangunkan untuk menjadi institusi unggul JPNIN ke arah penyediaan pendidikan awal yang berkualiti kepada kanak-kanak berusia empat sehingga enam tahun daripada pelbagai latar belakang etnik. Fokus utama Tabika Perpaduan adalah untuk membentuk kemenjadian murid yang berilmu dan berketrampilan dengan suntikan nilai-nilai murni, perpaduan dan kenegaraan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.
3. Terdapat sebanyak 11 Tabika Perpaduan beroperasi di kawasan Parlimen P109 Kapar, Selangor. Ini termasuk empat Tabika Perpaduan di DUN N42 Meru, tiga di DUN N43 Sementa dan selebihnya empat di DUN N44 Selat Klang.
4. Kementerian Perpaduan Negara telah memperkenalkan Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030. Pelan ini jelas menggambarkan komitmen Kerajaan dalam menyediakan rangka tindakan dan pembangunan yang menyokong transformasi yang lebih dinamik demi pemantapan kualiti dan kaedah pengurusan institusi pendidikan awal kanak-kanak yang komprehensif, berkesan, teratur dan berstruktur untuk tempoh sepuluh tahun akan datang.

Sekian, terima kasih.





SOALAN NO.135

DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA

23 MEI 2023 (SELASA)

Dato' Azman Bin Nasrudin [Padang Serai] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan bilangan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang ditubuhkan di seluruh negara untuk memperkasa komuniti setempat mengikut negeri, dan apakah usaha Kementerian untuk menggalakkan penyertaan anak muda dalam aktiviti kesukarelawanan di Rukun Tetangga.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kawasan Rukun Tetangga (KRT) telah dilancarkan pada 29 Ogos 1975 sebagai organisasi sukarela dan tonggak perpaduan dalam komuniti. Sehingga kini, terdapat sebanyak 8,348 KRT ditubuhkan di seluruh negara. Pecahan KRT mengikut 16 negeri adalah seperti berikut:
 - (i) Selangor – 1,077;
 - (ii) Sabah – 1,074;
 - (iii) Sarawak – 1,064;
 - (iv) Johor – 849;
 - (v) Perak – 583;
 - (vi) Pahang – 557;
 - (vii) Pulau Pinang – 511;
 - (viii) Terengganu – 519;
 - (ix) Kedah – 510;
 - (x) Kelantan – 470;
 - (xi) Negeri Sembilan – 354;
 - (xii) WP Kuala Lumpur – 298;
 - (xiii) Melaka – 252;
 - (xiv) Perlis – 139;
 - (xv) WP Putrajaya – 55; dan
 - (xvi) WP Labuan – 36.

2. JPNIN telah memperkasakan peranan dan memperluaskan akses komuniti dalam KRT menerusi pewujudan enam kelompok komuniti mengikut perkembangan zaman, berimpak tinggi dan bersasar mengikut umur. Platform ini termasuk penubuhan Jiran Muda, Jiran Wanita, Jiran Warga Emas, Tunas Jiran, Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan Skuad Uniti di bawah payung Jawatankuasa KRT.
3. Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap tahap keaktifan penglibatan dan penghayatan generasi muda dalam program kesukarelawan dalam komuniti setempat. Oleh itu, sebanyak 5,915 Jiran Muda telah wujud tepat pada masanya sebagai salah satu kelompok yang memperkasakan komuniti belia.
4. Antara lain, fokus kewujudan Jiran Muda dalam KRT termasuk:
 - (i) Melibatkan golongan muda dalam aktiviti-aktiviti kejiwaan dan pembangunan komuniti;
 - (ii) Memberi latihan kepimpinan dan perkembangan jasmani, rohani, emosi dan sosial;
 - (iii) Menyediakan peluang kepada golongan muda untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mereka tentang kepelbagaian kehidupan dalam masyarakat yang berbeza latar belakang dan budaya; dan
 - (iv) Menggalakkan golongan muda untuk melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarela.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

5. Justeru, berikut adalah pelbagai pendekatan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian dari semasa ke semasa:
- (i) Beberapa inisiatif telah digariskan dalam Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030 khususnya untuk golongan muda:
 - a) Penetapan kuota sekurang-kurangnya 30 peratus anggota dalam Jawatankuasa KRT dipegang oleh golongan muda yang berumur di antara 18 hingga 35 tahun;
 - b) Meningkatkan penglibatan golongan muda sebagai pemimpin pelapis Rukun Tetangga melalui beberapa program seperti Program Pemimpin Muda Lestari, Pemimpin Muda Prihatin, Program *Young, Effective and Smart (YES)*, Jelajah Pemimpin Muda, Midnight Adventure for Youngsters serta Pemikir Muda Inovatif dan Kreatif; dan
 - c) Memperkasakan kelompok komuniti Jiran Muda di bawah Teras Kelima dalam pelan ini melalui dua strategi utama iaitu memperluaskan penubuhan Jiran Muda dalam kawasan kejiranan serta menambah baik program dan aktiviti Jiran Muda. Terdapat lebih 20 program dan aktiviti berkaitan Jiran Muda telah dirangka dan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa. Ini merangkumi Program Usahawan Muda (*MyPreneur*), Program Jejak Kerjaya, Projek Inovasi Jiran Muda, Program *Internet of Thing (IoT)* dan Program Tuisyen Percuma.

- (ii) Memberi pengiktirafan kepada ahli-ahli Jiran Muda yang berprestasi tinggi dalam penyampaian perkhidmatan dan memberi sumbangan pembangunan yang berimpak tinggi kepada komuniti masing-masing menerusi Majlis Anugerah Perdana Rukun Tetangga yang dilaksanakan setiap dua tahun sekali. Pengiktirafan ini sekali gus dapat meningkatkan penglibatan aktif golongan muda dalam komuniti.
 - (iii) Mewujudkan kerjasama strategik di antara Kementerian dengan pelbagai luar seperti Agensi Kerajaan lain, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), sektor korporat dan pihak swasta dalam usaha memperbanyakkan dan mempelbagaikan program dan pengisian aktiviti kesukarelawan dan kemasyarakatan yang seiring dengan cabaran, keperluan, trend dan minat anak-anak muda masa kini.
6. Kelebihan golongan remaja dengan aura dan usia muda perlu dimanfaatkan sebaiknya. Oleh itu, ahli-ahli Jiran Muda dalam KRT dilihat sebagai denyut nadi dan penggerak kepada pembangunan masyarakat dan perpaduan negara MADANI yang inklusif. Menyedari akan kepentingan ini, Kementerian dan JPNIN akan terus menyediakan ruang, peluang dan mekanisme yang bersesuaian agar keterlibatan dan potensi kesukarelawan golongan muda terserlah dan berkembang ke tahap yang sepatutnya.

Sekian, terima kasih.



INDEKS PERPADUAN NASIONAL (IPNas)



**PARLI
MALA**





SOALAN NO.4

DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA

6 JUN 2023 (SELASA)

YB Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan Indeks Perpaduan Nasional Negara dan apakah situasi perpaduan negara pada masa ini. Apakah jenis program yang efektif, yang telah dirancang oleh Kementerian untuk mengeratkan lagi perpaduan, persefahaman dan penerimaan rakyat negara ini yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) adalah sebuah indeks nasional yang menjadi kayu ukur terhadap keberkesanan pelaksanaan inisiatif dan program oleh Kerajaan untuk memastikan sumbangannya kepada tahap perpaduan dan keharmonian negara.
2. IPNas dibangunkan Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pengukuran tahap perpaduan melalui IPNas telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada tahun 2018 dan 2022.
3. Tahap perpaduan rakyat diukur berdasarkan nilai kumulatif dalam konstruk kesepaduan sosial yang disumbang oleh lima faktor penting iaitu Tahap Keetnikan, Hubungan Sosial Rentas Etnik, Etos Bangsa, Tadbir Urus dan Pembangunan dan Defisit Sosial.
4. Skor Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2022 ialah 0.629 menunjukkan peningkatan sebanyak 0.062 berbanding skor 0.567 tahun 2018 yang bermaksud perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia berada pada tahap sederhana dan terkawal.
5. Pencapaian tahap perpaduan ini adalah hasil sumbangan signifikan faktor-faktor berikut iaitu Tadbir Urus dan Pembangunan, Etos Bangsa dan Hubungan Sosial Rentas Etnik. Sumbangan Tahap Keetnikan adalah kecil dan tidak signifikan.

6. Dapatan IPNas 2022 pula menunjukkan dua (2) perkara yang perlu diberi perhatian bagi mengukuhkan lagi perpaduan di negara ini iaitu tadbir urus dan pembangunan serta aspek hubungan sosial rentas etnik.
7. Dalam menguruskan perpaduan, perkara yang paling utama adalah usaha-usaha menggalakkan persefahaman, toleransi dan hormat-menghormati antara masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya. Realitinya perpaduan adalah perkara yang perlu diurus melalui pelbagai mekanisme seperti interaksi dan jalinan hubungan sosial secara berterusan pada peringkat 'inter' dan 'intra' etnik dengan penuh berhemah.
8. Berdasarkan dapatan IPNas 2022 inilah, Kementerian telah menyusun program-program di bawah flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI bagi terus menyemarakkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya.
9. Tiga (3) kluster program akan dilaksanakan iaitu:
 - (i) Semarak Kenegaraan
bagi meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang Perlembagaan Persekutuan dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat. Empat (4) kumpulan sasaran adalah umum, mahasiswa, pelajar sekolah dan komuniti. Program pengisian adalah seperti Dailog anak muda, Apresiasi dan pameran Mini Rukun Negara, cross culture sharing session, bicara pemikiran Tokoh Negarawan, dan lain-lain;

(ii) Semarak Perpaduan

bagi menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dengan konsep perpaduan dalam kepelbagaian ke arah merealisasikan aspirasi Malaysia Madani. Program-program adalah untuk memupuk keharmonian masyarakat melalui detik-detik perpaduan (moment of unity) seperti Sambutan Minggu Perpaduan, Galeri Uniti, Uniti walk/run/cycling, liga sukan perpaduan, Uniti Keamatan-Gawai, dan lain-lain; dan

(iii) Komuniti Rahmah

untuk membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam KRT yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui kerjasama semua pihak kementerian, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti. Antara program adalah seperti Bakul Rahmah, Ziarah Rahmah, projek ekonomi KRT, Program Mesra Jiran dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.





RANG UNDANG-UNDANG





SOALAN NO.113

DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA

6 JUN 2023 (SELASA)

YB Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan adakah Kementerian mempunyai bantuan dana atau peruntukan khusus buat mana-mana pertubuhan keagamaan selain agama Islam untuk mereka membuat sebarang bentuk aktiviti-aktiviti dan juga program pembangunan agar pertubuhan minoriti di negara turut aktif berkembang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi meraikan kepelbagaian dan merapatkan jurang perbezaan pihak Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah diperuntukkan sebanyak RM 50 juta dalam belanjawan tahun 2023 bagi pelbagai program antaranya 'Kembara Perpaduan Malaysia Madani' dan 'Ini Warisan Kita'. Program ini akan menganjurkan pelbagai aktiviti perpaduan dan integrasi sosial antara komuniti seperti liga sukan perpaduan, pertandingan kebudayaan, fiesta perayaan dan cita rasa menu masyarakat Malaysia yang melibatkan semua kaum dan agama di seluruh negara termasuklah selain Islam.
2. Bagi peruntukan pembangunan di bawah belanjawan tahun 2023, peruntukan penyelenggaraan dan baik pulih rumah ibadat bukan Islam di seluruh negara telah diletakkan di bawah penyelarasan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT).
3. Di bawah Inisiatif Belanjawan 2023, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah diberikan tanggungjawab untuk menguruskan inisiatif penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) bagi tahun 2023 sebanyak RM50 juta bermula pada April 2023. Objektif inisiatif ini adalah untuk meringankan beban kewangan pihak pengurusan rumah ibadat bukan Islam dalam menanggung kos-kos pembaikan, penyelenggaraan dan kerja-kerja kecemasan di rumah-rumah ibadat bukan Islam masing-masing.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

4. Pada masa kini KPKT sedang dalam tindakan memuktamadkan Garis Panduan Permohonan Inisiatif Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam 2023. Garis panduan ini termasuk borang permohonan akan dimuktamadkan sebelum akhir bulan Mei dan KPKT akan memaklumkan tarikh mula dan tutup permohonan dalam tempoh masa terdekat.

Sekian, terima kasih.





SOALAN NO.159

DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA

6 JUN 2023 (SELASA)

YB Tuan Ganabatiru A/L Veraman [Klang] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan saban hari kita mendengar isu rasis dan ekstrem dijadikan modal tuduhan berkaitan perkauman dan agama oleh pihak-pihak tertentu dan ini telah mempengaruhi sentimen sesuatu kaum di negara ini. Adakah dalam masa terdekat Kerajaan akan mengusulkan suatu undang-undang seperti anti perkauman hate speech atau undang-undang minority protection act dan sebagainya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa semua orang adalah sama di sisi undang-undang dan berhak untuk mendapat perlindungan yang sama rata dan adil. Kecuali sebagaimana yang dibenarkan dengan nyata oleh Perlembagaan Persekutuan, diskriminasi terhadap warganegara tidak boleh diamalkan semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, warna kulit, tempat lahir atau jantina.

2. Pada masa ini, undang-undang sedia ada sudah memadai dalam memastikan hubungan antara kaum terpelihara. Sesiapa yang dengan sengaja melakukan apa-apa perbuatan, mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang menggugat perpaduan kaum dan agama boleh disiasat dan didakwa, antara lain, di bawah akta-akta yang berikut:
 - (i) Subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15] iaitu kesalahan menghasut;

 - (ii) Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian;

 - (iii) Seksyen 295 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan membencana atau mencemarkan tempat sembahyang dengan niat hendak mengaibkan agama mana-mana golongan;

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

- (iv) Seksyen 296 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan mengganggu perhimpunan yang menjalankan sembahyang;
- (v) Seksyen 298 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menyebut perkataan-perkataan atau melakukan perbuatan-perbuatan lain dengan niat sengaja hendak melukakan perasaan agama seseorang;
- (vi) Seksyen 298A Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menyebabkan, atas alasan-alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan, perasaan permusuhan, benci-membenci atau niat jahat, atau memudaratkan pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan;
- (vii) Seksyen 504 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan;
- (viii) Seksyen 505 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam; dan
- (ix) Seksyen 506 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

3. Justeru, Kementerian ini berpendapat tiada keperluan untuk menggubal atau memperkenalkan suatu undang-undang baharu pada masa ini dan memadai dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang sedia ada. Walau bagaimanapun, kalau keadaan mendesak dan Kerajaan memikirkan bahawa undang-undang sedia ada perlu dibuat semakan semula untuk pindaan bagi mengekang sesetengah percakapan (hate speech) atau perbuatan provokasi yang boleh menggugat keharmonian, maka Kementerian akan menyokong penuh hasrat tersebut.

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO.6

DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA

12 JUN 2023 (ISNIN)

YB Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan Kementerian Perpaduan Negara terlibat dalam proses pemantauan dan suntingan drama dan filem bagi memastikan nilai-nilai kerukunan dalam karya-karya yang dihasilkan serta tidak menyentuh isu sensitif yang melibatkan sensitiviti kaum dan agama.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara tidak terlibat dalam proses pemantauan dan suntingan drama dan filem bagi memastikan nilai-nilai kerukunan dalam karya-karya yang dihasilkan serta tidak menyentuh isu sensitif yang melibatkan sensitiviti kaum dan agama.

2. Urusan yang berkaitan dengan proses penerbitan dan penggambaran sesebuah filem dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), di bawah Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD). Manakala setelah sesebuah filem siap, urusan pemberian kelulusan ke atas kandungan filem sebelum ditayangkan kepada masyarakat umum pula terletak di bawah tanggungjawab Lembaga Penapis Filem (LPF), Kementerian Dalam Negeri (KDN), kecuali bagi tayangan melalui medium internet berdasarkan kepada Akta Penapisan Filem 2022 [Akta 620]. Dalam melaksanakan penapisan filem, LPF merujuk kepada Garis Panduan Penapisan Filem KDN Tahun 2010 yang mengandungi empat (4) aspek utama iaitu:
 - (i) Keselamatan dan Ketenteraman Awam;
 - (ii) Keagamaan;
 - (iii) Sosiobudaya; dan
 - (iv) Ketertiban dan Ketatasusilaan.

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO.118

DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA

12 JUN 2023 (ISNIN)

YB Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan Akta Keharmonian Negara bagi memastikan terdapat keseimbangan untuk memupuk keharmonian merentasi pelbagai budaya dan agama, di samping mengawal selia pihak yang tidak bertanggungjawab menyalahgunakan kebebasan bersuara dan menjejaskan suasana harmoni dan sensitiviti perkauman dalam negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa semua orang adalah sama di sisi undang-undang dan berhak untuk mendapat perlindungan yang sama rata dan adil. Kecuali sebagaimana yang dibenarkan dengan nyata oleh Perlembagaan Persekutuan, diskriminasi terhadap warganegara tidak boleh diamalkan semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, warna kulit, tempat lahir atau jantina.

2. Pada masa ini, undang-undang sedia ada sudah memadai dalam memastikan hubungan antara kaum terpelihara. Sesiapa yang dengan sengaja melakukan apa-apa perbuatan, mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang menggugat perpaduan kaum dan agama boleh disiasat dan didakwa, antara lain, di bawah akta-akta yang berikut:
 - (i) Subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15] iaitu kesalahan menghasut;

 - (ii) Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian;

 - (iii) Seksyen 295 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan membencana atau mencemarkan tempat sembahyang dengan niat hendak mengaibkan agama mana-mana golongan;

 - (iv) Seksyen 296 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan mengganggu perhimpunan yang menjalankan sembahyang;

- (v) Seksyen 298 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menyebut perkataan-perkataan atau melakukan perbuatan-perbuatan lain dengan niat sengaja hendak melukakan perasaan agama seseorang;
 - (vi) Seksyen 298A Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menyebabkan, atas alasan-alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan, perasaan permusuhan, benci-membenci atau niat jahat, atau memudaratkan pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan;
 - (vii) Seksyen 504 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan;
 - (viii) Seksyen 505 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menandatangani khianat awam; dan
 - (ix) Seksyen 506 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah.
3. Justeru, Kementerian ini berpendapat tiada keperluan untuk menggubal atau memperkenalkan suatu undang-undang baharu seperti Akta Keharmonian Negara pada masa ini, dan memadai dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undangsediaada. Walaubagaimanapun kalau keadaan mendesak dan Kerajaan memikirkan bahawa undang-undang sedia ada perlu dibuat semakan semula untuk pindaan bagi mengekang sesetengah percakapan (hate speech) atau perbuatan provokasi yang boleh memecahbelahkan masyarakat dengan sentimen perkauman, maka Kementerian akan menyokong penuh hasrat tersebut.

4. Dalam masa yang sama Kementerian Perpaduan Negara telah dan akan mengadakan pelbagai program dan usaha bagi menyatupadukan dan memupuk keharmonian dikalangan rakyat yang berbilang kaum, bangsa dan agama.

Sekian, terima kasih.





MUZIUM





SOALAN NO.476

DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA
BUKAN LISAN

YB Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan sejauh manakah perancangan pihak Kementerian bagi projek pembinaan muzium untuk mengekalkan warisan sejarah dan tokoh-tokoh perjuangan di Temerloh.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Muzium Malaysia (JMM) sebagai sebuah jabatan di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) sentiasa berusaha memperkasa perkhidmatan utamanya dengan menjalankan aktiviti permuziuman bagi mengekalkan warisan sejarah khususnya menerusi muzium-muzium di bawah pentadbirannya di seluruh negara.
2. JMM juga menjalinkan kerjasama dengan muzium-muzium negeri, swasta dan persendirian bagi memastikan warisan khazanah warisan negara di seluruh tanah air terus terpelihara.
3. Setakat ini, pihak Kementerian menerusi JMM tidak mempunyai perancangan untuk membina muzium bagi mengekalkan warisan sejarah dan tokoh-tokoh perjuangan di Temerloh. Walau bagaimanapun, JMM bersedia memberikan bantuan dari segi khidmat nasihat sekiranya diperlukan oleh Perbadanan Muzium Negeri Pahang atau pihak-pihak lain yang bercadang berbuat demikian.

Sekian, terima kasih.





ARKIB





SOALAN NO.34

DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA
BUKAN LISAN

YB Dato' Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan pendekatan holistik di bawah Penyelidikan Khas Negara, Arkib Negara Malaysia bagi membawa pulang keseluruhan arkib sejarah dan warisan negara yang disimpan di luar negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Arkib Negara Malaysia (ANM) sentiasa berusaha untuk membawa pulang keseluruhan salinan arkib sejarah dan warisan negara yang disimpan di luar negara. Namun, usaha ini memerlukan peruntukan dari semasa ke semasa daripada Kementerian Kewangan Malaysia. Usaha ini dijalankan melalui pendekatan berikut:
 - (i) Pengesanan dan penyelidikan – kerja pengesanan dan penyelidikan ini dilakukan sebagai usaha untuk mengenalpasti dan memperoleh dan mengumpul bahan arkib tentang Malaysia yang terdapat di institusi arkib, muzium dan perpustakaan luar negara seperti Australia, Belanda, India, Portugal, United Kingdom dan lain-lain negara yang bertujuan untuk mengisi jurang maklumat dan melengkapkan kumpulan rekod dalam koleksi ANM;
 - (ii) Pembelian bahan – bahan yang telah dikenal pasti terdapat di luar negara akan dibuat pembelian salinan dalam bentuk digital dan disimpan di ANM untuk penyelidikan. Sebagai contoh, ANM banyak membeli salinan digital bahan sejarah Malaysia yang terdapat di The National Archives of United Kingdom.
 - (iii) Pemerolehan bahan – bahan luar negara akan diperolehi daripada orang perseorangan, agensi, institusi dan organisasi bukan kerajaan dalam dan luar negara melalui kaedah sumbangan, pemberian, derma, wasiat, penyalinan bahan dan deposit. Misalnya, ANM menyimpan koleksi Surat

Persendirian Prof. Dato' Dr. Nik Anuar bin Nik Mahmud (allahyarham) yang mempunyai banyak salinan bahan Malaysia yang beliau peroleh daripada institusi luar negara.

- (iv) Kolaborasi strategik – mengadakan kolaborasi strategik dengan individu, agensi, institusi dan organisasi bukan kerajaan yang mempunyai bahan arkib sejarah dan warisan negara untuk menyimpan salinan bahan tersebut di ANM. Sebagai contoh, kerjasama strategik dengan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu dalam mendapatkan salinan manuskrip Melayu di luar negara.
- (v) Permeteraian perjanjian persefahaman atau protokol kerjasama – mengadakan perjanjian persefahaman atau protokol kerjasama seperti Cultural Exchange Programme (CEP) antara Malaysia dengan negara luar tertentu untuk mendapatkan bahan sejarah negara di negara berkenaan. Misalnya, CEP antara Malaysia dengan India yang membolehkan ANM bekerjasama dengan National Archives of India (NAI) untuk melaksanakan projek pendigitalan bahan sejarah tentang Malaysia yang disimpan di NAI. Selain itu, ANM dalam usaha untuk menjalinkan kerjasama strategik dengan The Directorate of State Archives of the Presidency of the Republic of Turkey. Salah satu hasrat kerjasama ini adalah untuk meningkatkan inisiatif pengesanan dan pemerolehan bahan sejarah berkaitan Malaysia di Turkiye serta memperkasakan koleksi warisan sejarah negara untuk rujukan dan penyelidikan.
- (vi) Pelupusan rekod di Malawakil – bahan arkib atau sejarah yang bernilai kekal telah dikenalpasti dan perlu dibawa pulang.

Sekian, terima kasih.



**DEWAN
NEGARA
MESYUARAT
KEDUA
PENGGAL KEDUA
PARLIMEN YANG
KELIMA BELAS
(2023)**



**JUMLAH PERTANYAAN-PERTANYAAN DEWAN NEGARA
YANG KELIMA BELAS, PENGGAL KEDUA, MESYUARAT KEDUA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
19 JUN – 27 JUN 2023**

NO	KLUSTER	BILANGAN SOALAN		JUMLAH
		LISAN	BERTULIS	
1	Dasar & Perancangan	5	1	6
2	Kawasan Rukun Tetangga	-	-	-
3	IPNas	1	-	1
4	Taska Genius Perpaduan & Tabika Perpaduan	1	-	1
5	Kelab Rukun Negara & Sekretariat Rukun Negara	-	-	-
6	Rang Undang-Undang	1	-	1
7	Muzium	-	-	-
8	Arkib	-	-	-
9	Perpustakaan	-	-	-
	JUMLAH	8	1	9



DASAR & PERANCANGAN

INDEKS PERPADUAN NASIONAL (IPNAS) DASAR & PERANCANGAN





SOALAN NO.136

DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA

19 JUN 2023 (ISNIN)

YB Senator Tuan Ak Nan A/L Ehtook minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi melindungi seluruh rakyat Malaysia, pelbagai bangsa dan agama daripada dihina oleh mereka yang tidak bertanggungjawab demi kepentingan diri. Adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan kecekapan penguatkuasaan/ pencegahan dengan menubuhkan badan penasihat yang merangkumi pelbagai bangsa dan agama.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam usaha memperkukuhkan penyatupaduan rakyat pelbagai kaum, agama dan budaya, Kementerian Perpaduan Negara telah menghasilkan Dasar Perpaduan Negara yang bertunjangan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Melalui dasar ini, pelbagai strategi dan program telah dirangka bagi menyemarakkan semangat perpaduan dan membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi dan saling menghormati di kalangan rakyat.
2. Sebagai pemantapan tadbir urus perpaduan, Kementerian juga telah mengemas kini dan menyusun semula struktur mekanisme perpaduan sedia ada selari dengan keperluan semasa.
3. Sehubungan itu, Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) yang telah ditubuhkan pada tahun 2020 telah diperkukuhkan bagi memastikan ia dapat memainkan peranan dengan lebih berkesan sebagai penasihat kepada Kerajaan dalam menangani isu-isu perpaduan. Keanggotaan Majlis Penasihat Perpaduan Negara telah dikemaskini dengan menambah kepelbagaian bidang kepakaran dan pengalaman ahli-ahli yang dilantik dan dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri II.
4. Segala keputusan yang dibuat oleh Majlis ini berhubung isu-isu yang dibincangkan serta cadangan penyelesaian akan diangkat ke peringkat Jemaah Menteri untuk pelaksanaan.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

5. Bagi menyokong peranan yang dimainkan oleh MPPN di peringkat federal, Majlis Mesyuarat Menteri Perpaduan Bersama Menteri Perpaduan Negeri Sabah dan Sarawak serta Exco-Exco Perpaduan Negeri atau MExUnity juga telah ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh Menteri Perpaduan Negara.

6. Bagi menangani isu-isu yang berkait dengan keharmonian hubungan antara penganut agama, Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) telah ditubuhkan sejak tahun 2010. Jawatankuasa ini telah dijenamakan semula kepada Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama atau HARMONI pada tahun 2020.

7. Jawatankuasa HARMONI merupakan platform bagi:
 - (i) meningkatkan kefahaman terhadap pelbagai agama;

 - (ii) membincangkan isu-isu yang boleh menggugat keharmonian agama dan ketenteraman awam; dan

 - (iii) mencadangkan dasar-dasar kepada Kerajaan berteraskan nilai agama.

8. Seramai 28 ahli mewakili semua Ketua Agama, ahli akademik dan profesional serta tokoh masyarakat dilantik untuk membincangkan isu berkaitan keharmonian agama.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

9. Di samping pemantapan mekanisme perpaduan, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) juga membuat pemantauan ke atas isu-isu yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian masyarakat seperti ucapan atau penulisan yang berbau penghinaan ke atas agama dan bangsa melalui sistem e-SEPAKAT yang dibangunkan sejak tahun 2010.

10. Hasil laporan daripada sistem e-SEPAKAT, Kementerian mengambil langkah intervensi sosial berdasarkan isu atau insiden seperti melaksanakan program-program dialog, perbincangan kefahaman antara agama dan sebagainya. Selain itu, dilaksanakan juga sesi mediasi oleh Mediator Komuniti. Manakala bagi kes-kes yang memerlukan tindakan bersepadu antara agensi, isu atau insiden akan dirujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan seperti PDRM, MCMC dan PBT.

11. Dari segi pengawalan dan penguatkuasaan, undang-undang sedia ada pada masa ini sudah memadai dalam memastikan hubungan antara kaum terpelihara. Sesiapa yang dengan sengaja melakukan apa-apa perbuatan, mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang menggugat perpaduan kaum dan agama boleh disiasat dan didakwa, antara lain, di bawah akta-akta yang berikut:
 - (i) Subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15] iaitu kesalahan menghasut;

 - (ii) Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian;

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

- (iii) Seksyen 295 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan membencana atau mencemarkan tempat sembahyang dengan niat hendak mengaibkan agama mana-mana golongan;
- (iv) Seksyen 296 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan mengganggu perhimpunan yang menjalankan sembahyang;
- (v) Seksyen 298 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menyebut perkataan-perkataan atau melakukan perbuatan-perbuatan lain dengan niat sengaja hendak melukakan perasaan agama seseorang;
- (vi) Seksyen 298A Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menyebabkan, atas alasan-alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan, perasaan permusuhan, benci-membenci atau niat jahat, atau memudaratkan pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan;
- (vii) Seksyen 504 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan;
- (viii) Seksyen 505 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam; dan
- (ix) Seksyen 506 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah.

Sekian, terima kasih.





SOALAN NO.15

DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA

20 JUN 2023 (SELASA)

YB Senator Tuan Ak Nan A/L Ehtook minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan butiran dan berapakah jumlah peruntukan di bawah Belanjawan 2023 yang disediakan untuk pembelajaran bahasa ibunda dan kebudayaan gologan minoriti, termasuk masyarakat Siam. Adakah peruntukan tersebut disediakan dalam bentuk sumbangan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) mewakili masyarakat Siam iaitu Persatuan Siam Malaysia sebagai badan pelaksana atau ada kaedah lain yang harus masyarakat Siam lakukan untuk memanfaatkan peruntukan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kekuatan negara terbina daripada kepelbagaian kaum, adat resam, budaya, kepercayaan dan bahasa ibunda. Khazanah dan warisan yang tidak ternilai ini perlu dipelihara tanpa meminggirkan mana-mana kaum untuk diwariskan kepada generasi akan datang.
2. Untuk itu, Kementerian Perpaduan Negara memainkan peranan untuk memastikan warisan bangsa ini terus terpelihara dan dilestarikan dalam seluruh masyarakat sebagai asas pembangunan jati diri pengukuhan perpaduan.
3. Melalui Belanjawan 2023, Kementerian Perpaduan Negara telah diperuntukkan sebanyak RM10juta bagi tujuan pelaksanaan inisiatif dan program pengekalan warisan tradisi di bawah nama Ini Warisan Kita. Objektif inisiatif ini adalah untuk:
 - (i) Memelihara dan memulihara kepelbagaian warisan negara yang menjadi tunjang kepada perpaduan;
 - (ii) Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepelbagaian warisan negara;
 - (iii) Mengukuhkan semangat toleransi dan kebersamaan dalam masyarakat pelbagai kaum; dan
 - (iv) Meningkatkan semangat jati diri dan cinta kepada tanah air.

4. Peruntukan yang dluluskan ini tidak menetapkan kadar pembahagian dan agihan mengikut kaum atau mana-mana golongan. Sebaliknya ia digunakan bagi pelaksanaan program berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan warisan termasuk pembelajaran bahasa ibunda dan kebudayaan yang telah disusun di bawah inisiatif Ini Warisan Kita. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk Komuniti Rukun Tetangga, Institusi Pengajian Tinggi, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan agensi swasta.

5. Selain daripada melalui inisiatif Ini Warisan Kita, program-program berbentuk kesedaran terhadap warisan, adat dan budaya ini turut dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara melalui kluster Semarak Kenegaraan dan Semarak Perpaduan yang telah disusun di bawah flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI.

6. Pelaksanaan program ini diperkukuhkan lagi dengan penglibatan tiga (3) agensi baru di bawah Kementerian Perpaduan Negara iaitu:
 - (i) Jabatan Muzium Malaysia;
 - (ii) Arkib Negara Malaysia; dan
 - (iii) Perpustakaan Negara Malaysia.

7. Sambutan Minggu Perpaduan yang telah berlangsung selama seminggu pada akhir bulan Mei lalu di seluruh negara juga menekankan pengisian program berbentuk warisan, adat dan budaya seperti Showcase Galeri Uniti, Pameran Rumah Etnik yang memaparkan alat-alat muzik, makanan, pakaian dan permainan tradisional pelbagai etnik.

8. Kementerian juga telah menganjurkan program secara khusus bersama Masyarakat Siam iaitu Program Warisan Masyarakat Siam Kelantan yang berlangsung di Watt Siam Tumpat, Kelantan pada 17 Jun 2023. Program tersebut bertujuan memberi pendedahan dan pengetahuan berkaitan adat resam, budaya seperti pakaian tradisional, makanan dan persembahan kesenian serta perayaan kepada masyarakat Siam pelbagai lapisan generasi.

9. Program seumpama ini akan diteruskan dan dipergiatkan lagi bagi memastikan khazanah dan warisan budaya setiap kaum di negara ini terus kekal dan dapat diwarisi kepada generasi akan datang.

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO.94

DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA

22 JUN 2023 (KHAMIS)

YB Senator Tuan Abun Sui Anyit minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan adakah Kementerian Perpaduan Negara berhasrat untuk mengembangkan lagi peranannya dalam mengadakan lebih banyak aktiviti dan menambah peruntukan bagi memupuk perpaduan yang lebih baik dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum seperti mana yang dizahirkan melalui Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Minggu Perpaduan pada 21 Mei 2023 yang lalu bahawa perpaduan adalah aset negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara menjunjung kasih ke atas titah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah semasa majlis perasmian Sambutan Minggu Perpaduan yang menekankan nilai perpaduan yang perlu diterapkan daripada rumah, mengurangkan jurang perbezaan antara kaum serta menjadikan perpaduan sebagai aset negara paling utama demi masa depan.
2. Semenjak bulan Disember 2022, pelbagai program telah dilaksanakan di peringkat persekutuan sehingga ke akar umbi yang bertujuan untuk mempromosi perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.
3. Pelaksanaan program di bawah Kementerian Perpaduan Negara diperkukuhkan lagi dengan memasukkan tiga (3) agensi baru iaitu:
 - (i) Jabatan Muzium Malaysia (JMM);
 - (ii) Arkib Negara Malaysia (ANM); dan
 - (iii) Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).
4. Program-program yang melibatkan penyertaan pelbagai agensi, NGO dan pihak swasta turut dilaksanakan bagi mempromosi perpaduan melalui kepelbagaian adat dan budaya.
5. Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif menghasilkan Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI berkonsepkan Perpaduan Dalam Kepelbagaian yang selari dengan

Dasar Perpaduan Negara bagi mencapai agenda membangun Malaysia MADANI. Usaha ini adalah inisiatif yang dilaksanakan bagi terus memperkukuhkan perpaduan antara kaum.

6. Melalui Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI, flagship program yang diperkenalkan adalah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang akan diterajui oleh Kementerian Perpaduan Negara di mana tiga (3) kluster program akan dilaksanakan iaitu:

- (i) Semarak Kenegaraan

Program yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.

Contoh program:

- (i) Citra Nusa@Muzium;
- (ii) Apresiasi Rukun Negara;
- (iii) Ikrar Setiaku; dan
- (iv) Lain-lain.

- (ii) Semarak Perpaduan

Program ini untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya. Aktiviti yang dilaksanakan untuk menambah dan mempelbagaikan tapak integrasi dan medium interaksi sosial.

Contoh program:

- (i) Sambutan Minggu Perpaduan;
- (ii) Galeri UNITI;
- (iii) Showcase Rumah KAMI; dan
- (iv) Lain-lain.

(iii) Komuniti Rahmah

Program yang dirangka bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan melalui penggemblengan tenaga semua pihak termasuk agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti.

Contoh program:

- (i) Bantuan Bakul RAHMAH;
- (ii) Tuisyen RAHMAH;
- (iii) Gerak RAHMAH: Jom Ronda SRS; dan
- (iv) Lain-lain

7. Pelaksanaan program di bawah Flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI ini bukan hanya melibatkan Kementerian Perpaduan Negara dan agensinya sahaja tetapi akan menggunakan whole of government approach iaitu kerjasama antara agensi Kerajaan merentasi sempadan portfolio organisasi dengan berkongsi tindakan untuk mencapai matlamat pembangunan Malaysia MADANI.

8. Dengan penghasilan Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI ini, program-program perpaduan yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui kerjasama dan kesepakatan daripada semua golongan masyarakat tanpa mengira fahaman dan ideologi bagi memastikan keamanan, keharmonian dan perpaduan dapat dicapai.

9. Sehubungan itu, Kementerian Perpaduan Negara akan sentiasa memohon sejumlah peruntukan yang besar untuk meneruskan dan mengembangkan lagi peranannya dalam mengadakan lebih banyak program bagi memupuk perpaduan yang lebih baik dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum seperti mana yang dizahirkan melalui Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Sambutan Minggu Perpaduan pada 21 Mei 2023 yang lalu.

Sekian, terima kasih.





SOALAN NO.98

DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA

22 JUN 2023 (KHAMIS)

YB Senator Tuan Amir Bin Md Ghazali minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan satu Jawatankuasa Tetap Khas yang mengkaji isu-isu berkaitan dengan Agama Islam dan Bukan Agama Islam bagi menangani isu-isu sensitif antara agama agar kekeliruan dalam masyarakat tidak berlaku. Contohnya, isu pembesar suara azan yang pernah berlaku di Selangor tidak lama dahulu dan terbaharu berlaku lagi di Pulau Pinang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Menyedari bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum, maka adalah penting untuk sentiasa memelihara keharmonian dan perpaduan dalam kalangan rakyatnya. Kepelbagaian yang wujud sudah tentu menimbulkan perbezaan yang sedikit sebanyak akan menimbulkan salah faham yang boleh mengganggu gugat keharmonian masyarakat khususnya dalam konteks sensitiviti agama.
2. Oleh itu, Kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara telah menubuhkan Jawatankuasa Keharmonian Antara Agama (HARMONI) yang memainkan peranan penting dalam menangani dan mengendurkan ketegangan berkaitan isu-isu sensitif khususnya berkaitan agama yang berlaku di negara ini. Jawatankuasa ini bermula sejak 2010 yang pada mulanya dikenali sebagai Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA).
3. Jawatankuasa HARMONI ini dipengerusikan bersama oleh YB Menteri Perpaduan Negara dan YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan dianggotai oleh pemimpin badan-badan keagamaan dan wakil pertubuhan iaitu sepuluh wakil agama Islam, dua wakil agama Hindu, dua wakil agama Tao, seorang wakil agama Sikh, seorang wakil agama Baha'i dan seorang wakil dari Unit Hal Ehwal Agama-agama Lain (UNIFOR) Sarawak.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

4. Fungsi jawatankuasa ini adalah tertumpu kepada meningkatkan kefahaman terhadap pelbagai agama, membincangkan isu-isu yang boleh menggugat keharmonian agama dan ketenteraman masyarakat, mencadangkan dasar-dasar kepada Kerajaan yang berteraskan nilai agama serta melaksanakan program atau aktiviti kemasyarakatan bersama-sama pihak kerajaan.
5. Terma rujukan Jawatankuasa HARMONI adalah seperti yang berikut:
 - (i) memperkukuhkan iklim perhubungan yang baik, mesra dalam kalangan pemimpin dan penganut pelbagai agama berteraskan semangat saling hormat-menghormati serta bekerjasama di semua peringkat;
 - (ii) menggalakkan semua penganut agama memahami dan menghormati Perlembagaan Persekutuan;
 - (iii) meningkatkan penghayatan semua penganut agama kepada nilai-nilai murni selaras dengan Prinsip Rukun Negara; dan
 - (iv) mencadangkan program dan aktiviti bagi meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam bagi memperkukuhkan keharmonian negara.
6. Melalui pelbagai aktiviti dan sesi perbincangan diharap objektif untuk memperkukuhkan keharmonian antara agama akan dapat dipelihara.

Sekian, terima kasih.





SOALAN NO.63

DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA

26 JUN 2023 (ISNIN)

YB Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan apakah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) termasuk pencapaian bagi program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang telah diperuntukkan jutaan ringgit dalam menggalakkan perpaduan dan integrasi sosial dalam kalangan masyarakat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seiring dengan hasrat YAB Perdana Menteri untuk membangun Malaysia MADANI, Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif menghasilkan Kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian (Unity in Diversity) bagi menyusun agenda perpaduan dengan lebih inklusif dan bersepadu berpandukan Dasar Perpaduan Negara (DPN).

2. Flagship program yang diperkenalkan adalah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI melibatkan tiga (3) kluster program seperti berikut:
 - (i) Semarak Kenegaraan
Program kenegaraan yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.

 - (ii) Semarak Perpaduan
Program untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dengan konsep perpaduan dalam kepelbagaian.

(iii) Komuniti Rahmah

Program yang dirangka bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggabungan tenaga semua pihak KPN, agensi Kerajaan, swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti.

3. Dalam flagship program Kembara Perpaduan, pelbagai program telah disusun yang meliputi peringkat persekutuan sehingga ke akar umbi yang turut melibatkan pemimpin, agensi Kerajaan, pihak swasta, NGO, CSO dan masyarakat secara keseluruhannya bertujuan untuk mempromosi serta memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

4. Antara program yang telah dianjurkan adalah:
 - (i) Sambutan Minggu Perpaduan;
 - (ii) Ini Warisan Kita;
 - (iii) Kejohanan Liga Sukan UNITI;
 - (iv) Program Gerak RAHMAH - Jom Bersih dan Indah;
 - (v) Program HARMONI;
 - (vi) Nostalgia Anak Kampung;
 - (vii) Forum Rukun Negara dan Perpaduan; dan
 - (viii) Wacana Manuskrip Melayu.

5. Pelaksanaan program-program di atas adalah melibatkan kesemua agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara iaitu:
 - (i) Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN);
 - (ii) Jabatan Muzium Malaysia (JMM);
 - (iii) Jabatan Arkib Negara (ANM); dan
 - (iv) Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

6. Program utama yang telah dilaksanakan pada tahun ini adalah Sambutan Minggu Perpaduan yang telah berlangsung di seluruh negara pada 20 hingga 28 Mei 2023 dan disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong pada 21 Mei 2023. Program ini melibatkan kerjasama dan penyertaan pelbagai Kementerian dan agensi dengan konsep “whole government approach” serta mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat tempatan yang melibatkan lebih 200,000 pengunjung.

7. Bagi menilai keberkesanan program yang dianjurkan, Kementerian dengan kerjasama Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) telah melaksanakan kajian tinjauan keberkesanan Program Sambutan Minggu Perpaduan 2023 di seluruh negara melalui soal selidik bagi mendapatkan maklum balas pengunjung yang hadir ke program tersebut.

8. Antara hasil kajian yang dijalankan adalah seperti berikut:
 - (i) sebanyak 98.1% responden menyatakan program ini dapat meningkatkan perasaan cintakan tanah air (patriotisme);

- (ii) sebanyak 98.2% responden menyatakan program ini mampu meningkatkan tahap perpaduan dan integrasi dalam kalangan rakyat; dan
 - (iii) sebanyak 98.5% responden menyatakan program ini telah meningkatkan kefahaman mengenai kepentingan memelihara perpaduan dan keharmonian kaum.
9. Keseluruhan hasil kajian menunjukkan program Sambutan Minggu Perpaduan telah mendapat sambutan yang sangat baik dan boleh dijadikan penanda aras bagi program-program perpaduan lain yang bakal dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara.
10. Manakala bagi menilai tahap perpaduan semasa perpaduan negara, Kementerian telah melaksanakan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) yang juga menjadi kayu ukur terhadap keberkesanan pelaksanaan inisiatif dan program perpaduan secara keseluruhan.
11. IPNas dibangunkan oleh Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pengukuran tahap perpaduan melalui IPNas telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada tahun 2018 dan 2022.
12. Nilai Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) pada tahun 2018 adalah 0.567. Pada tahun 2022, IPNas mencatatkan peningkatan iaitu dengan skor 0.629. Melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

(RMKe-12), sasaran yang ditetapkan bagi pencapaian tahap perpaduan pada tahun 2025 adalah pada skor 0.7.

13. Melalui penganjuran pelbagai program yang telah disusun sebagai tapak integrasi sosial, diharap tahap perpaduan nasional dapat diperkukuhkan.

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO.73

DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA
BUKAN LISAN

**YB Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta Menteri
Perpaduan Negara menyatakan :-**

- i. Apakah langkah-langkah Kerajaan dalam menangani isu-isu berkaitan perkauman yang kian merisaukan; dan**

- ii. Adakah Kerajaan bercadang mewujudkan sebuah akta/ undang-undang sebagai badan penguatkuasa dalam melindungi kepelbagaian serta mengambil tindakan ke atas mana-mana individu yang menggugat perpaduan negara.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- i. Apakah langkah-langkah Kerajaan dalam menangani isu-isu berkaitan perkauman yang kian merisaukan

1. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah mengambil inisiatif menghasilkan beberapa dokumen dasar dan pelan tindakan perpaduan bagi memupuk dan mengeratkan perpaduan kaum di Malaysia seperti berikut:
 - (i) Dasar Perpaduan Negara (DPN) merupakan dasar payung yang julung kali dihasilkan oleh Kerajaan secara khusus bagi memupuk, mengukuh serta memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat melalui konsep “Perpaduan Dalam Kepelbagaian”. Dasar ini menetapkan agenda dan halatuju perpaduan nasional berdasarkan tiga (3) teras utama iaitu:
 - a) Patriotisme dan demokrasi;
 - b) Identiti nasional; dan
 - c) Ekosistem perpaduan.

 - (ii) Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030 merupakan dokumen yang menggariskan anjakan strategik bagi mencapai objektif yang terkandung di dalam DPN secara komprehensif. Dokumen ini menetapkan 3 aspirasi, 12 strategi dan 41 anjakan strategi dalam usaha membina dan mengekalkan perpaduan negara dan integrasi nasional.

- (iii) Bagi menterjemahkan strategi yang digariskan melalui dokumen DPN dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030 ke dalam bentuk pelaksanaan, Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030 juga telah dihasilkan dengan menyusun program dan inisiatif secara khusus, inklusif dan holistik melibatkan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan (NGO), swasta dan masyarakat umum.
2. Kementerian Perpaduan Negara juga turut memainkan peranan yang penting bagi membangun Malaysia MADANI dalam konteks sosial, khususnya aspek kemasyarakatan dan kebudayaan selain turut menyumbang kepada aspek pendidikan, institusi, ekonomi dan kewangan, perundangan, bandar dan luar bandar.
 3. Bagi menyokong hasrat membangun Malaysia MADANI, Kementerian ini turut menghasilkan kerangka membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian yang akan menjadi rujukan kepada Kementerian Perpaduan Negara bagi melaksanakan program dan aktiviti berteraskan usaha ke arah melahirkan masyarakat MADANI dalam kalangan rakyat berbilang kaum.
 4. Kerangka ini disusun seiring Dasar Perpaduan Negara dan memperjelaskan dengan lebih komprehensif strategi pelaksanaan serta sasaran yang hendak dicapai.
 5. Antara inisiatif program yang diperkenalkan adalah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI. Program ini merupakan program flagship yang menerajui inisiatif di bawah agenda perpaduan nasional dengan matlamat menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam membangunkan Malaysia MADANI.

6. Kembara Perpaduan Malaysia MADANI memayungi tiga (3) kluster program yang berpaksikan kepada pencapaian objektif Dasar Perpaduan Negara melalui penglibatan dan kerjasama semua pihak termasuklah pemimpin, agensi Kerajaan, pihak swasta, NGO, CSO dan masyarakat secara keseluruhannya.

7. Tiga (3) kluster program tersebut adalah seperti berikut:
 - (i) Semarak Kenegaraan
Program kenegaraan yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.

 - (ii) Semarak Perpaduan
Program untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dgn konsep perpaduan dalam kepelbagaian.

 - (iii) Komuniti Rahmah
Program yang dirangka bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihani dan menghargai melalui penggemblengan tenaga semua pihak KPN, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti.

8. Dengan penghasilan dokumen dasar, pelan tindakan dan inisiatif program yang dirancang, agenda perpaduan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui kerjasama pelbagai pihak di setiap peringkat daripada peringkat Kementerian hingga ke peringkat komuniti.
 - ii. Adakah Kerajaan bercadang mewujudkan sebuah akta undang-undang sebagai badan penguatkuasa dalam melindungi kepelbagaian serta mengambil tindakan ke atas mana-mana individu yang menggugat perpaduan negara
1. Kementerian Perpaduan Negara mempunyai mekanisme untuk mencari penyelesaian isu yang menggugat perpaduan dengan membawa isu ini ke jawatankuasa-jawatankuasa seperti:
 - a) Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) yang melibatkan perbincangan antara pemimpin-pemimpin agama dari Islam, Kristian, Buddha, Hindu, Tao, Sikh dan Baha'i; dan
 - b) Majlis Penasihat Perpaduan Negara yang melibatkan tokoh-tokoh dari pelbagai latar belakang (Akademik, Korporat, NGO, Swasta, Belia).
2. Di samping itu, di peringkat komuniti pula, isu-isu perpaduan diuruskan oleh Mediator Komuniti (yang telah ditauliah oleh Kementerian), melalui langkah-langkah intervensi sosial berdasarkan isu atau insiden. Bagi kes-kes yang memerlukan tindakan bersepadu antara agensi, isu atau insiden akan dirujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan seperti PDRM, MCMC dan PBT.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

3. Bagi menangani ekstremisme yang nampak semakin serius, Kerajaan akan mengambil tindakan ke atas mana-mana pihak yang sengaja mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang mengganggu gugat perpaduan dan mengancam keharmonian rakyat. Oleh itu, Kerajaan berusaha mengekalkan keharmonian antara kaum dengan melaksanakan melalui perundangan sedia ada iaitu:
 - (i) Akta Hasutan 1948 [Akta 15] iaitu akta bagi mengawal kesalahan menghasut;
 - (ii) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] bagi mengawal kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan atau perkhidmatan rangkaian; dan
 - (iii) Kanun Keseksaan (Penal Code) [Akta 574] – iaitu akta yang digubal bagi membolehkan seseorang dihukum atas kesabitan jenayah, di mana ia terdapat 7 Seksyen yang berkaitan dengan perpaduan kaum dan keagamaan.
4. Ini merupakan antara langkah memelihara keharmonian antara kaum dan mendidik rakyat bagi menghormati undang-undang sedia ada. Dengan mewujudkan jawatankuasa keharmonian kaum dan memperketat penguatkuasaan serta mengenakan hukuman setimpal terhadap individu yang mencetus isu perkauman dan keagamaan dapat membuka mata rakyat supaya menghormati undang-undang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.





INDEKS PERPADUAN NASIONAL (IPNas)

TASKA GENIUSINDEKS PERPADUAN NASIONAL (IPNas)





SOALAN NO.46

DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA

19 JUN 2023 (ISNIN)

YB Senator Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) dan apakah situasi perpaduan pada masa ini selepas pelancaran Minggu Perpaduan Negara Malaysia Madani.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) adalah sebuah indeks nasional yang menjadi kayu ukur terhadap keberkesanan pelaksanaan inisiatif dan program oleh Kerajaan untuk memastikan sumbangannya kepada tahap perpaduan dan keharmonian negara.
2. IPNas dibangunkan Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pengukuran tahap perpaduan melalui IPNas telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada tahun 2018 dan 2022.
3. Tahap perpaduan rakyat diukur berdasarkan nilai kumulatif dalam konstruk kesepaduan sosial yang disumbang oleh lima faktor penting iaitu Tahap Keetnikan, Hubungan Sosial Rentas Etnik, Etos Bangsa, Tadbir Urus dan Pembangunan dan Defisit Sosial.
4. Skor Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2022 ialah 0.629 menunjukkan peningkatan sebanyak 0.062 berbanding skor 0.567 tahun 2018 yang bermaksud perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia berada pada tahap sederhana dan terkawal.
5. Berdasarkan dapatan IPNas 2022 inilah, Kementerian telah menyusun program-program di bawah flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI bagi terus menyemarakkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya.

6. Flagship program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara dimana tiga (3) kluster program tersebut ialah:

(i) Semarak Kenegaraan

bagi meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang Perlembagaan Persekutuan dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat. Empat (4) kumpulan sasaran adalah umum, mahasiswa, pelajar sekolah dan komuniti. Program pengisian adalah seperti Dailog anak muda, Apresiasi dan pemeran Mini Rukun Negara, cross culture sharing session, bicara pemikiran Tokoh Negarawan, dan lain-lain.

(ii) Semarak Perpaduan

bagi menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dengan konsep perpaduan dalam kepelbagaian ke arah merealisasikan aspirasi Malaysia Madani. Program-program adalah untuk memupuk keharmonian masyarakat melalui detik-detik perpaduan (moment of unity) seperti Sambutan Minggu Perpaduan, Galeri Uniti, Uniti walk/ run/ cycling, liga sukan perpaduan, Uniti Keamatan-Gawai, dan lain-lain.

(iii) Komuniti Rahmah

untuk membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam KRT yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui kerjasama semua pihak kementerian, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti. Antara program adalah seperti Bakul Rahmah, Ziarah Rahmah, projek ekonomi KRT, Prog Mesra Jiran, dan lain-lain.

7. Sambutan Minggu Perpaduan telah diadakan di seluruh negara pada 20 hingga 28 Mei 2023. Seramai 100,000 orang telah menyertai program ini. Program Sambutan Minggu Perpaduan peringkat kebangsaan yang diadakan di Kuching, Sarawak telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.
8. Semasa majlis perasmian, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah menitahkan tiga (3) perkara utama yang menjadi elemen perpaduan, iaitu:
- (i) Kita seharusnya menjadikan nilai perpaduan ini sebagai satu aset negara kita demi masa hadapan yang lebih baik;
 - (ii) Kita seharusnya mengurangkan perbezaan sesama yang lain, merapatkan jurang kaum, bangsa dan negara; dan
 - (iii) Pepatah Inggeris ada mengatakan "charity begins at home", oleh yang demikian, sempena program Kembara Perpaduan ini, maka kita sesuaikannya seperti "unity begins at home" atau maksudnya perpaduan bermula daripada rumah.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

9. Semasa Sambutan Minggu Perpaduan juga, Kementerian telah mencatatkan dua (2) rekod Malaysia Book of Record (MBOR) iaitu Program Pemakaian Busana Etnik Teramai yang melibatkan penyertaan seramai 2,471 orang dan Penyertaan Kumpulan Etnik Terbanyak Dalam Pameran Kebudayaan iaitu sebanyak 17 etnik. Semasa program ini juga, terdapat dua (2) buah lagu telah dilancarkan iaitu Setia Perpaduan dan Sama-Sama Kita bagi meningkatkan pemahaman terhadap perpaduan dalam kepelbagaian seiring dengan konsep segulai sejalai yang diketengahkan oleh YAB Perdana Menteri semasa Sambutan Hari Gawai 2023.

10. Bagi mengukur impak pelaksanaan program di bawah flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI, kementerian dengan kerjasama Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) sedang melaksanakan kajian keberkesanan program yang dijangka dapat diselesaikan sepenuhnya pada awal Jun 2023.

Sekian, terima kasih.



TASKA GENIUS PERPADUAN & TABIKA PERPADUAN

RANG TASKA GENIUS PERPADUAN & TABIKA PERPADUAN



**PARLI
MALA**



SOALAN NO.62

DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA

27 JUN 2023 (SELASA)

YB Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memperkasa Tabika Perpaduan dari segi kualiti perkhidmatan dan jumlah bilangan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan tiada sebarang keciciran bagi kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun untuk menerima pendidikan separa formal iaitu pendidikan awal kanak-kanak. Sehingga kini Kementerian Perpaduan Negara (KPN) mempunyai sebanyak 1,781 buah Tabika Perpaduan diseluruh negara yang memberikan didikan awal kepada lebih 37,000 orang.

2. Bagi memastikan keberhasilan murid dimaksimumkan, Kementerian Perpaduan Negara juga telah melancarkan Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030 pada 24 Julai 2021. Matlamatnya adalah untuk memperkasakan peranan Tabika Perpaduan sebagai institusi pendidikan awal kanak-kanak di samping meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep sendiri yang positif pada diri murid agar mereka bersedia untuk menghadapi cabaran dan mengikuti pembelajaran seterusnya

3. Di bawah Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030 ini, 10 inisiatif baharu diperkenalkan selain program-program sedia ada yang diteruskan dengan dibuat penambahbaikan. Inisiatif baharu yang akan dilaksanakan adalah:
 - (i) Modul Pendidikan Rukun Negara
Modul Pendidikan Rukun Negara diperkenalkan dalam pengajaran dan pembelajaran Tabika Perpaduan bertujuan memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara di peringkat awal usia kanak-kanak.

(ii) Modul Komunikasi Asas Pelbagai Bahasa

Kementerian Perpaduan Negara turut memperkenalkan modul Komunikasi Asas Pelbagai Bahasa di Tabika Perpaduan iaitu:

- a) Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil di semua Tabika Perpaduan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan;
- b) Bahasa Kadazan di semua Tabika Perpaduan di Sabah;
- c) Bahasa Iban di semua Tabika Perpaduan di Sarawak; dan
- d) Bahasa isyarat.

(iii) Modul Kemahiran Jom Urus Diri

Program ini memberi pendedahan kepada murid tentang kemahiran asas pengurusan diri di rumah. Pengajaran program Jom Urus Diri akan membolehkan murid meningkatkan kemahiran, kekemasan dan disiplin dalam pengurusan diri.

(iv) Buku Aktiviti Tabika Perpaduan Dan Lembaran Kerja

Kementerian Perpaduan Negara telah menerbitkan buku khusus yang akan digunakan kepada semua murid Tabika Perpaduan dalam program Pengajaran dan Pembelajaran di Tabika Perpaduan. Buku tersebut telah diterapkan dengan elemen kenegaraan, perpaduan dan nilai murni bagi memastikan proses Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) yang dijalankan mencapai impak yang ditetapkan, pengukuhan dilaksanakan melalui pelaksanaan aktiviti menggunakan Lembaran Kerja yang disediakan bagi setiap mata pelajaran.

(v) Modul Kursus Dan Latihan Guru Tabika Perpaduan

Kursus dan latihan bagi peningkatan pengetahuan, kompetensi dan kemahiran yang lengkap merangkumi keseluruhan bidang tugas guru disediakan sebagai usaha memastikan guru Tabika Perpaduan memiliki pengetahuan, kompetensi dan kemahiran yang diperlukan sesuai dengan persekitaran dan kehendak semasa.

(vi) Buku Panduan Pengajaran Tahunan Mingguan / Harian Tabika Perpaduan

Buku Panduan Pengajaran Tahunan / Mingguan / Harian Tabika Perpaduan berasaskan kepada Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) akan menjadi garis panduan kepada guru-guru Tabika Perpaduan untuk merancang dan melaksanakan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dengan lebih teratur dan sistematik di semua Tabika Perpaduan.

(vii) Buku Pentaksiran Pengajaran Harian / Bulanan Tabika Perpaduan

Dokumen pentaksiran berasaskan buku panduan Pengajaran Tahunan / Mingguan / Harian turut disediakan sebagai panduan kepada guru Tabika Perpaduan melaksanakan pentaksiran secara harian dan bulanan.

(viii) Buku Pengurusan dan Pentadbiran Tabika Perpaduan

Buku Pengurusan dan Pentadbiran Tabika Perpaduan bertujuan untuk memberikan maklumat dan panduan

pengurusan dan pentadbiran yang jelas kepada guru dan semua yang terlibat dalam memastikan pengoperasian Tabika Perpaduan diurus secara berkesan.

(ix) Unit Naziran Tabika Perpaduan

Unit Naziran telah diwujudkan di peringkat Kementerian bagi memantau dan penilaian kualiti Tabika Perpaduan. Pemantauan dan penilaian adalah berdasarkan kepada tiga (3) dimensi iaitu dimensi kualiti guru, dimensi kurikulum dan dimensi pentadbiran.

(x) Imej Dan Identiti Tabika Perpaduan

Pemantapan imej dan identiti adalah melalui pengenalan logo dan pakaian seragam Tabika Perpaduan serta keseragaman warna bangunan dan kelas Tabika Perpaduan di seluruh negara.

4. Kementerian Perpaduan Negara juga memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan enrolmen dengan menambahbaik fasiliti dan infrastruktur Tabika Perpaduan dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Disamping itu juga, KPN sentiasa mengalu-alukan kerjasama dan kolaborasi bersama pelbagai pihak yang berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak dalam usaha meningkatkan kesedaran kepada ibubapa dan masyarakat bagi memastikan kanak-kanak mendapat akses pendidikan prasekolah.

Sekian, terima kasih.







RANG UNDANG-UNDANG



**PARL
MALA**

|

SOALAN NO.22

DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA

22 JUN 2023 (KHAMIS))

YB Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan usaha untuk menggubal Akta Kebencian Agama dan Kaum bagi mengekang usaha memecahbelahkan masyarakat dengan sentimen perkauman.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Keharmonian dan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, kaum dan agama dapat dipelihara dengan peruntukan undang-undang sedia ada. Buat masa ini, apa yang kita perlukan bukanlah undang-undang baharu tetapi lebih kepada pemerkasaan penguatkuasaan, pelaksanaan dan pendidikan kesedaran.
2. Dari segi penguatkuasaan, sudah tentunya Kementerian Perpaduan Negara percaya bahawa perkara ini di bawah bidang kuasa pihak Kementerian Dalam Negeri yang akan bertindak tegas melalui penguatkuasaan Polis Diraja Malaysia bagi melakukan tangkapan dan pendakwaan terhadap mana-mana individu yang melakukan kesalahan menghina, mempersendakan atau memainkan isu-isu agama berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.
3. Selanjutnya, peranan Kementerian Perpaduan Negara pula ialah untuk mengadakan pelbagai program dan usaha bagi menyatupadukan dan memupuk keharmonian dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum, bangsa dan agama melalui strategi 5P iaitu penilaian, penggalakan, pencegahan, pencelahan dan pemulihan. Pada masa ini juga, Kerajaan telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa bagi menangani isu-isu agama dan perkauman seperti yang berikut:

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

- (i) Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) yang ditubuhkan di peringkat kebangsaan bagi menasihati Kerajaan dalam hal-ehwal perpaduan serta membincangkan isu-isu perpaduan, usaha-usaha penyatuan nasional (national reconciliation) dari pelbagai sudut dan mencadangkan kaedah penyelesaian terbaik kepada Kerajaan untuk menangani isu dan cabaran Perpaduan;
- (ii) Jawatankuasa Perpaduan (MExUnity) ditubuhkan di peringkat kementerian untuk menyokong MPPN;
- (iii) Jawatankuasa Tindakan Padu Negeri (JKTPN) telah ditubuhkan di peringkat negeri untuk menyokong MPPN dan MExUnity; dan
- (iv) Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) yang berfungsi meningkatkan kefahaman terhadap pelbagai agama, membincangkan isu-isu yang boleh menggugat keharmonian agama dan ketenteraman masyarakat, mencadangkan dasar-dasar kepada Kerajaan yang berteraskan nilai agama serta melaksanakan program atau aktiviti kemasyarakatan bersama-sama pihak kerajaan.

Sekian, terima kasih.



**PENGGULUNGAN
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KHAS
PENGGAL KEDUA
PARLIMEN YANG
KELIMA BELAS
(2023)**



**PARL
MALA**

**UCAPAN PENGGULUNGAN
YB MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**KE ATAS PERBAHASAN KAJIAN SEPARUH PENGGAL
RANCANGAN MALAYSIA KE-12 (RMKE-12)
MESYUARAT KHAS, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE-15 (2023), DEWAN RAKYAT**

Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan Malaysia MADANI,

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Saya ingin merakamkan terima kasih kepada YB Kapar yang telah menyentuh isu Rukun Negara semasa mengambil bahagian dalam Perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) tahun 2023.
2. Kementerian Perpaduan Negara menghargai dan memberi sokongan yang penuh pada Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) tahun 2023 yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 September 2023 yang lalu. Kajian Separuh Penggal RMKe-12 ini jelas menunjukkan komitmen Kerajaan bagi memastikan pembangunan sosioekonomi terus diberi keutamaan dalam menuju ke arah negara yang mampan, sejahtera dan berpendapatan tinggi.
3. Seperti mana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, peranan Kementerian Perpaduan Negara seperti yang termaktub di dalam dokumen Kajian Separuh Penggal (KSP) RMKe-12 adalah berdasarkan Bab 7 iaitu: Meningkatkan Perpaduan, Pertahanan,

Keselamatan dan Kesejahteraan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Merujuk kepada ucapan daripada YB Kapar mengenai strategi membentuk jati diri berteraskan Rukun Negara. Saya berterima kasih atas sokongan Yang Berhormat Kapar terhadap anjakan baru pembudayaan masyarakat Madani.
5. Hasrat Kerajaan adalah untuk memupuk perpaduan melalui pelbagai strategi dan satu daripadanya adalah penghayatan, pemahaman dan pengamalan Rukun Negara. Yang Berhormat Kapar maklum betapa pentingnya Rukun Negara sebagai asas dan ideologi perpaduan negara kita.
6. Rukun Negara telah diisytiharkan dengan rasminya oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin, Yang di-Pertuan Agong pada 31 Ogos 1970. Pengisytiharan Rukun Negara ini merupakan usaha serius kerajaan untuk menyemai prinsip kerukunan dan perpaduan dalam kalangan rakyat.
7. Rentetan daripada peristiwa perkauman pada 13 Mei 1969, kerajaan mula sedar bahawa perpaduan rakyat merupakan teras kepada cita-cita ke arah pembentukan bangsa dan negara. Majlis Gerakan Negara (MAGERAN), diketuai oleh YAB Tun Abdul Razak telah berusaha menangani permasalahan perkauman demi memperkukuhkan ketahanan negara dan mengekalkan perpaduan bangsa.

8. Maka dengan itu, beberapa dasar baru telah diperkenalkan bertujuan merapatkan jurang ekonomi dan mewujudkan keharmonian antara kaum. Melalui Majlis Perundangan Negara, dasar ekonomi telah diperkenalkan menerusi Dasar Ekonomi Baru dan dasar perpaduan pula telah dilancar menerusi Rukun Negara.
9. Rukun Negara adalah asas penyatuan bangsa Malaysia yang harus menjadi pegangan, panduan serta amalan oleh seluruh rakyat Malaysia ke arah memupuk dan pengukuhan semangat perpaduan, ketaatan dan kecintaan pada bangsa dan negara. Rukun Negara menggariskan hasrat dan kesungguhan negara untuk mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan, cara hidup demokratik, masyarakat yang adil, liberal dan progresif.
10. Setelah 53 tahun Pengisytiharan Rukun Negara, prinsip-prinsip ini semakin luput dan kurang dipupuk bagi memastikan perpaduan nasional terus kekal dan utuh. Titah Diraja yang terkandung dalam Rukun Negara haruslah sentiasa diterima sebagai panduan dan bimbingan dalam perhubungan sosial, kebudayaan, ekonomi mahu pun politik. Oleh itu, titah 'Pengisytiharan' Rukun Negara ini perlulah sentiasa dilafaz sebagai ikrar penyatuan rakyat.
11. Kalau dahulu, kita lafaz Rukun Negara dengan lima (5) prinsip sahaja, kini Kementerian sedar betapa pentingnya untuk melafazkan Rukun Negara sepenuhnya dengan membaca mukadimah yang mempunyai cita-cita Rukun Negara dan diikuti dengan lima (5) prinsip. Dengan itu, Kementerian telah membawa kertas Jemaah Menteri kepada mesyuarat Jemaah Menteri supaya Rukun Negara dihidupkan semula dan dilafazkan secara penuh di perhimpunan sekolah dan majlis-majlis rasmi Kerajaan. Kabinet telah meluluskan cadangan tersebut pada 25 Julai 2023.

12. Dengan kelulusan kabinet ini, Kementerian Perpaduan Negara seterusnya telah mengadakan majlis peluncuran Program Eksplorasi Rukun Negara pada 13 Ogos 2023 di MyTown Shopping Centre, Cheras dan juga eksplorasi Rukun Negara di peringkat sekolah seluruh negara dilaksanakan di Dewan Kompleks Seri Bintang pada 14 Ogos 2023 yang melibatkan lebih 36,000 pelajar sekolah. Program ini dapat meningkatkan penghayatan Rukun Negara yang bertindak sebagai agen penyatupaduan rakyat Malaysia dan menyemai taat setia serta rasa cinta kepada negara. Program ini menyediakan ruang, peluang dan suasana kepada rakyat Malaysia yang merupakan katalis perpaduan untuk berinteraksi antara satu sama lain dalam program dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.

13. Sambutan oleh Kerajaan Perpaduan sekarang amat nyata, apabila lafaz ikrar Rukun Negara ini juga telah dilaksanakan semasa Hari Merdeka pada 31 Ogos 2023 di Putrajaya dan juga Hari Malaysia pada 16 September 2023 di Kuching.

14. Dan baru-baru ini, Kementerian Perpaduan Negara telah mencadangkan kepada speaker Dewan Rakyat supaya ikrar Rukun Negara dilafazkan secara penuh semasa pembukaan setiap penggal Mesyuarat Dewan Rakyat diadakan. Walau bagaimanapun, ianya belum dapat dilaksanakan sekarang kerana perlu melalui proses tertentu di bawah Jawatankuasa Pilihan Khas juga perlu, pindaan kepada peraturan-peraturan mesyuarat Dewan Rakyat dan seterusnya usul Menteri di Dewan Rakyat untuk diluluskan.

Sekian, terima kasih.



**PENGGULUNGAN
DEWAN NEGARA
MESYUARAT KHAS
PENGGAL KEDUA
PARLIMEN YANG
KELIMA BELAS
(2023)**



**UCAPAN PENGGULUNGAN
YB MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**KE ATAS PERBAHASAN KAJIAN SEPARUH PENGGAL
RANCANGAN MALAYSIA KE-12 (RMKE-12)
MESYUARAT KHAS, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE-15 (2023), DEWAN NEGARA**

Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan Malaysia MADANI,

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 Tahun 2023 yang menyentuh perkara di bawah skop peranan Kementerian Perpaduan Negara.
2. Antara Yang Berhormat yang terlibat adalah:
 - (i) Yang Berhormat Senator Tuan Ak Nan a/l Ehtook,
 - (ii) Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohamad Fatmi bin Haji Che Saleh;
 - (iii) Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr Awang bin Sariyan;
 - (iv) Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit;

- (v) Yang Berhormat Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin; dan
 - (vi) Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya.
3. Kementerian Perpaduan Negara menghargai dan memberi sokongan yang penuh pada Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-12 tahun 2023 yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 September 2023 yang lalu. Kajian Separuh Penggal RMKe-12 ini jelas menunjukkan komitmen Kerajaan bagi memastikan pembangunan sosioekonomi terus diberi keutamaan dalam menuju ke arah negara yang mampan, sejahtera dan berpendapatan tinggi.
 4. Seperti mana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, peranan Kementerian Perpaduan Negara seperti yang termaktub di dalam dokumen Kajian Separuh Penggal (KSP) RMKe-12 adalah digariskan melalui Bab 7 iaitu: Meningkatkan Perpaduan, Pertahanan, Keselamatan dan Kesejahteraan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Yang Berhormat Senator Ak Nan a/l Ehtook telah mencadangkan supaya Kementerian Perpaduan Negara menjadi “gatekeeper” bagi dasar-dasar negara supaya dasar yang digubal adalah selari dengan hasrat perpaduan nasional.
6. Untuk makluman Yang Berhormat, penggubalan apa-apa dasar utama kerajaan adalah melalui satu proses yang lengkap dan menyeluruh serta mengambil kira pelbagai aspek termasuk elemen perpaduan. Sesi libat urus semestinya dilaksanakan bersama pelbagai kementerian dan agensi untuk memastikan tidak ada perkara yang terpinggir dan tidak diambil kira dalam penghasilan dasar berkenaan.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

7. Setelah mendapat input dan maklum balas daripada kementerian dan agensi terlibat, draf dasar berkenaan akan diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri sebelum ia dilaksanakan. Bukan sahaja di peringkat penggubalan, pelaksanaan dasar juga melibatkan jalinan kerjasama pelbagai agensi berdasarkan skop peranan masing-masing yang diselaraskan melalui penubuhan beberapa peringkat jawatankuasa.

 8. Apa yang menjadi keutamaan adalah pemantauan ke atas pelaksanaan dasar-dasar berkenaan supaya ia mencapai matlamat yang ditetapkan. Antara dasar-dasar kerajaan yang mengambil kira elemen perpaduan kaum yang sedia ada adalah:
 - i. Dasar Kebudayaan Negara 2021 (DAKEN 2021) di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Kebudayaan (MOTAC);

 - ii. Dasar Pendidikan Kebangsaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);

 - iii. Dasar Sosial Negara (2003) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK); dan

 - iv. Dasar Pembangunan Belia Negara di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS);
-

Tuan Yang di-Pertua,

9. Seterusnya, cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohamad Fatmi bin Haji Che Saleh supaya Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dikaji semula.
10. Rukun Tetangga merupakan Organisasi Berasaskan Komuniti atau Community Based Organization (dengan izin) yang ditubuhkan sejak tahun 1975 di bawah Peraturan-peraturan Perlu Rukun Tetangga 1975 dalam Ordinan Darurat 1969. Pada ketika itu, KRT berfokuskan kepada aspek keselamatan komuniti.
11. Pada tahun 2011, apabila Ordinan Darurat dimansuhkan, Akta Rukun Tetangga 2012 telah digubal. Melalui akta ini, fungsi Rukun Tetangga telah diperluas dan diperkukuhkan lagi sebagai peneraju keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian dalam komuniti.
12. Pada tahun 2021, Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif menghasilkan Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Rukun Tetangga 2021 -2030 dengan menyusun agenda kerja melalui empat (4) Gerak Kerja di peringkat komuniti iaitu:
 - i. Komuniti Sejahtera;
 - ii. Komuniti Selamat;
 - iii. Gerak Kerja Komuniti Sihat; dan
 - iv. Gerak Kerja Komuniti Bersih dan Indah.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

13. Pada masa ini, terdapat sejumlah 8,397 KRT di seluruh negara yang melibatkan lebih daripada 250,000 keahlian Jawatankuasa KRT. Selari dengan hasrat Kerajaan yang dinyatakan melalui dokumen Kajian Separuh Penggal RMKe-12 dan menyokong agenda membangun Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat, Kementerian Perpaduan Negara mengambil inisiatif untuk memperkasakan lagi peranan KRT.
14. Melalui inisiatif ini, KRT akan berperanan sebagai penggerak utama dan penghubung jalin (bridge builder) melalui peningkatan dan struktur pentadbiran yang kukuh serta kerjasama strategik semua pihak bagi merealisasikan aspirasi masyarakat progresif.
15. Dengan pemerksaan ini, KRT akan menjadi satu entiti yang penting dan inklusif serta berupaya membangun komuniti yang mampan dan progresif melalui lapan (8) bidang peranan iaitu:
 - i. Keselamatan Komuniti;
 - ii. Pendidikan Sepanjang Hayat;
 - iii. Ekonomi Dan Sara Hidup;
 - iv. Daya Cipta;
 - v. Alam Sekitar;
 - vi. Kepimpinan;
 - vii. Kesejahteraan Komuniti; dan
 - viii. Warisan Dan Budaya.

- 6 Cadangan pemeraksanaan Peranan KRT inisedang di peringkat akhir penyediaan Kertas Jemaah Menteri di mana beberapa sesi libat urus di peringkat dalaman dan juga bersama agensi-agensi luar telah pun diadakan bagi mendapatkan input dan maklum balas berkaitan sebelum kertas cadangan diangkat untuk pertimbangan Jemaah Menteri dalam masa terdekat. Diharap cadangan ini mendapat pertimbangan sebaik mungkin demi kehidupan masyarakat yang lebih berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua,

17. Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr Awang bin Sariyan telah menyentuh tentang tiga (3) perkara. Yang pertama, berkenaan pengaruh ahli politik yang menjadi punca kepada kerapuhan perpaduan pada masa ini. Perkara ini saya akan jawab secara bersama dengan perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit mengenai penggunaan sentimen 3R (Race, Religion dan Royal) untuk mendapatkan sokongan politik.
18. Ingin saya tekankan bahawa perpaduan merupakan tanggungjawab semua pihak, daripada rakyat hinggalah kepada pemimpin negara. Semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dengan menjaga sensitiviti antara kaum dan agama supaya tidak berlaku pertelingkahan yang boleh mencetuskan ketegangan seterusnya boleh menggugat perpaduan.
19. Di samping itu, kita semua faham bahawa sistem politik negara kita pada masa ini terbentuk hasil daripada sistem “pecah dan perintah” sejak zaman British di Tanah Melayu lagi. Sistem politik

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

yang berasaskan kaum menjadi salah satu cabaran yang perlu ditangani dengan baik bagi memastikan ia tidak mencetuskan perselisihan antara kaum. Di sinilah pentingnya peranan pemimpin dan ahli-ahli politik dalam memupuk nilai perpaduan.

20. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga telah bertitah sempena Istiadat Pembukaan Penggal Kedua Parlimen Ke-15 pada 13 Februari 2023 yang lepas, supaya semua wakil rakyat mengetepikan agenda politik sempit dan bersatu hati atas nama perpaduan.
21. Melalui Dasar Perpaduan Negara juga telah digariskan strategi memperkukuhkan peranan pemimpin sebagai pemangkin perpaduan. Untuk itu, semua peringkat kepimpinan bermula dari peringkat persekutuan, negeri, daerah sehingga peringkat akar umbi perlu menjadi teladan dan contoh terbaik kepada rakyat.
22. Menyedari pentingnya penghayatan Rukun Negara kepada pengukuhan perpaduan, Kabinet telah bersetuju supaya Rukun Negara dihidupkan semula dan dilafazkan secara penuh di perhimpunan sekolah dan majlis-majlis rasmi Kerajaan.
23. Dengan ini, Kementerian Perpaduan Negara seterusnya telah melancarkan Program Eksplorasi Rukun Negara pada 13 Ogos 2023 di MyTown Shopping Centre, Cheras dan juga Eksplorasi Rukun Negara di peringkat sekolah seluruh negara yang dilaksanakan di Dewan Kompleks Seri Bintang pada 14 Ogos 2023 yang melibatkan lebih 36,000 pelajar sekolah.
24. Program ini dapat meningkatkan penghayatan Rukun Negara yang bertindak sebagai agen penyatupaduan rakyat Malaysia

dan menyemai taat setia serta rasa cinta kepada negara. Program ini menyediakan ruang, peluang dan suasana kepada rakyat Malaysia yang merupakan katalis perpaduan untuk berinteraksi antara satu sama lain dalam program dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.

Tuan Yang di-Pertua,

25. Perkara kedua yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr Awang bin Sariyan adalah berhubung Program Kembara Perpaduan yang dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara. Yang Berhormat mencadangkan supaya program ini turut mendapatkan sokongan ilmuwan dan para budayawan supaya ia lebih dekat dan dijiwai masyarakat. Perkara ini dijawab bersekali dengan cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin untuk mempertingkatkan lagi program Kembara Perpaduan untuk memupuk semangat perpaduan dalam diri setiap rakyat Malaysia.
26. Untuk makluman Yang Berhormat, Program Kembara Perpaduan merupakan program flagship di bawah Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI yang dihasilkan oleh Kementerian Perpaduan Negara. Program ini telah dilancarkan pada 1 Mac 2023 untuk meningkatkan jati diri, semangat cintakan negara dan menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum dan agama.
27. Flagship Kembara Perpaduan memayungi tiga (3) kluster program yang berpaksikan kepada pencapaian objektif Dasar Perpaduan Negara. Tiga (3) kluster program tersebut adalah Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah.

28. Pelaksanaan program di bawah flagship Kembara Perpaduan ini bukan hanya melibatkan Kementerian Perpaduan Negara dan agensi-agensi di bawahnya sahaja, malahan ia melibatkan kerjasama dan penglibatan pelbagai agensi dengan konsep 'whole of government approach' yang turut mendapat penyertaan para cendekiawan dan budayawan.
29. Antara program yang melibatkan penyertaan para cendekiawan dan budayawan adalah seperti Wacana Perpaduan Mendepani Defisit Sosial pada 4 Julai 2023 di Bangi Konvensyen Centre yang mengupas isu-isu perpaduan dalam negara. Kementerian Perpaduan Negara juga telah melaksanakan program Explorasi Rukun Negara @ IPT yang melibatkan pelajar IPT, para pensyarah, ilmuwan dan cendekiawan.
30. Kementerian Perpaduan Negara akan terus menggerakkan pelbagai program dengan lebih terancang dan tersusun meliputi semua golongan masyarakat tanpa mengira kaum, budaya dan agama bagi memastikan keamanan, keharmonian dan perpaduan dapat dicapai.

Tuan Yang di-pertua,

31. Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr Awang bin Sariyan juga mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji dan menerbitkan karya-karya ilmu dalam manuskrip Melayu lama.
32. Manuskrip Melayu merupakan warisan ilmu yang telah wujud dari zaman silam yang tidak ternilai harganya. Ia merujuk kepada 'karya-karya bertulis tangan menggunakan skrip Jawi dalam bahasa rumpun Melayu mengenai alam Melayu yang dihasilkan

seawal-awalnya pada akhir abad ke-15 atau dalam lingkungan abad ke-16 dan selewat-lewatnya pada awal abad ke-20' serta berusia sekurang-kurangnya 100 tahun'.

33. Koleksi ini amat berharga dan bernilai kerana ia mengandungi korpus ilmu dari pelbagai subjek seperti sejarah, kesusasteraan, bahasa, perubatan tradisional, perundangan dan ketatanegaraan serta lain-lain yang masih relevan ilmunya sehingga ke hari ini. Ia juga merupakan sumber rujukan primer yang tidak dapat dinafikan kesahihan kandungannya.
34. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sehingga kini terdapat sebanyak 5,205 naskhah manuskrip Melayu di Perpustakaan Negara Malaysia sejak Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu ditubuhkan pada tahun 1985. Dalam masa yang sama, Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia melaksanakan usaha pengesanan manuskrip Melayu asli yang terdapat di dalam dan luar negara.
35. Selain daripada itu, Kementerian juga sedang giat melaksanakan inisiatif pendigitalan manuskrip Melayu bagi tujuan pemuliharaan khazanah warisan negara disamping memudahkan akses kepada koleksi manuskrip Melayu. Koleksi Manuskrip Melayu sehingga Ogos 2023 adalah sebanyak 3,836 judul (438,877 muka surat). Baki koleksi manuskrip yang belum didigitalkan adalah sebanyak 1,369 judul. Usaha ini akan terus dipergiatkan lagi melalui Inisiatif Eksplorasi Maya dan Digital Khazanah Negara pada tahun 2024.
36. Kementerian juga sentiasa cakna dan mengambil pendekatan terkini dalam bidang penyelidikan naskhah dengan meneliti kepentingan naskhah terbabit daripada aspek persejarahan, keintelektualan, kebudayaan dan epistemologi Melayu dan bidang-bidang lain serta mendapat kerjasama daripada pelbagai

pihak termasuk pengkaji, penyelidik serta individu perseorangan.

Tuan Yang di-pertua,

37. Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya menanyakan samada Kementerian Perpaduan Negara mempunyai perancangan untuk memperluaskan bidang sukan yang lain di bawah Program Liga Sukan Uniti.
38. Untuk makluman Yang Berhormat, Program Liga Sukan Uniti telah diperkenalkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara pada tahun 2022 yang melibatkan 2 acara sukan iaitu Futsal dan Bola Jaring.
39. Pada tahun ini, Liga Sukan Uniti diperluaskan kepada 4 acara sukan iaitu Futsal, Bola Jaring, Bola Keranjang dan Badminton yang turut melibatkan kerjasama strategik Kementerian Belia Sukan dan didukung erat oleh badan-badan induk sukan seperti Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM), Persatuan Badminton Malaysia (BAM), Persatuan Bola Jaring Malaysia (PBJM), dan juga Persatuan Bola Keranjang Malaysia (MABA). Liga Sukan Uniti telah pun bermula dengan membabitkan lebih 2,000 pasukan yang merangkumi lebih 20,000 peserta di 15 lokasi seluruh negara.
40. Acara kemuncak Liga Sukan Uniti akan diadakan pada hujung November yang dicadangkan akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri sendiri.

Sekian, terima kasih.



**DEWAN RAKYAT
MESYUARAT
KETIGA
PENGGAL KEDUA
PARLIMEN YANG
KELIMA BELAS
(2023)**



**JUMLAH PERTANYAAN-PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
YANG KELIMA BELAS,
PENGAL KEDUA, MESYUARAT KETIGA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
7 OKTOBER – 5 DISEMBER 2023**

NO	KLUSTER	BILANGAN SOALAN		JUMLAH
		LISAN	BERTULIS	
1	Dasar & Perancangan	1	-	1
2	Kawasan Rukun Tetangga	-	2	2
3	Rukun Negara	1	-	1
4	Masyarakat Siam	-	1	1
5	Rang Undang-Undang	1	-	1
6	Muzium	2	-	2
	JUMLAH	5	3	8





DASAR & PERANCANGAN





SOALAN NO.21

DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA

7 NOVEMBER 2023 (SELASA)

Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan prestasi terkini dan hala tuju semua program dan inisiatif untuk memupuk dan memperteguh perpaduan, permuafakatan, kebersatuan dan kebersamaan di peringkat akar umbi terutama di semua peringkat sekolah, pendidikan tinggi dan dalam komuniti serta strategi penambahbaikan untuk mencapai outcome yang ditetapkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih diucapkan kepada YB Ampang di atas soalan yang dikemukakan kepada Kementerian.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, halatuju inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah untuk mencapai satu matlamat yang cukup besar iaitu mewujudkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu, demokratik, liberal, progresif dan sopan-santun. Halatuju ini dinyatakan dengan jelas di bawah Dasar Perpaduan Negara yang telah digubal berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.
3. Kementerian telah menghasilkan Kerangka Membangun Malaysia Madani melalui Perpaduan Dalam Kepelbagaian yang menyepadukan program melalui Flagship Kembara Perpaduan yang turut terbahagi kepada tiga (3) kluster utama.
 - i. Semarak Kenegaraan
 1. Explorasi Rukun Negara
 2. Citra Nusa @ Muzium
 3. Bicara Negarawan
 4. Wacana Manuskrip Melayu
 5. Semarak Merdeka
 6. Kembara Perpaduan@Kampus
 7. Pameran Malaysia Tanah Airku
 8. Pameran Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Tanah Melayu

- ii. Semarak Perpaduan
 - 9. Sambutan Minggu Perpaduan
 - 10. Ini Warisan Kita (Geran Ini Warisan Kita, Pameran Etnik Minoriti, Bicara Bahasa Kolokial, Pengajaran Bahasa Siam & Misi Sukarelawan Siswa)
 - 11. Wacana Perpaduan Defisit Sosial
 - 12. Debat Perpaduan
 - 13. Kem Anak Malaysia
 - 14. Jalinan Integrasi Mahasiswa
 - 15. Liga Sukan Uniti
 - 16. Food Unites
 - 17. Kempen Cakap Baik-Baik
 - 18. Galeri Uniti

- iii. Komuniti RAHMAH
 - 19. Dapur Komuniti
 - 20. Bakul Rahmah
 - 21. Ziarah Rahmah
 - 22. Program Gerak Muhibah
 - 23. Tuisyen KAMI
 - 24. Program Integrasi Sosial Antara Komuniti

- 4. Sehingga bulan September 2023, sebanyak 433 program telah dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara serta melalui agensi : Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, Muzium, Arkib, Perpustakaan, Yayasan Sukarelawan Siswa, Yayasan Tunku Abdul Rahman dan Yayasan Tun Razak.

5. Kementerian Perpaduan Negara akan terus melipatgandakan usaha untuk melaksanakan pelbagai strategi untuk melahirkan bangsa yang patriotik dalam mengukuhkan tapak integrasi nasional dan ekosistem perpaduan negara. Rata-rata kesemua program yang dilaksanakan pada tahun 2023 akan diteruskan pada tahun hadapan. Antara inisiatif baharu yang telah dirancang oleh kementerian bagi tahun 2024 adalah:
- i. Pemerkasaan Model Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang akan berperanan sebagai penggerak utama dan penjalin hubungan (bridge builder) bagi merealisasikan aspirasi masyarakat progresif.
 - ii. Sambutan Minggu Perpaduan- eamah Menteri telah meluluskan supaya sambutan ini dilaksanakan secara berkala setiap tahun pada hujung bulan Mei. Pada tahun 2024, sambutan ini akan diadakan di Negeri Johor.
 - iii. Harmoni Madani- Inisiatif baru ini akan dijalankan bagi memupuk semangat penerimaan dan budaya hormat menghormati dalam kalangan rakyat Malaysia. Antara program yang bakal dilaksanakan di bawah inisiatif ini adalah Bicara Harmoni MADANI, Tinta Harmoni, Sambutan Hari Toleransi Sedunia, Sambutan Minggu Harmoni Sedunia, dan program- program Interfaith.

- iv. Eksplorasi Rukun Negara- Usaha untuk meningkatkan penghayatan Rukun Negara sebagai agen penyatupaduan rakyat Malaysia. Antara perkara yang akan dijalankan adalah Pameran Rukun Negara, Simposium Rukun Negara, Ekspresi Rukun Negara, Kem Anak Malaysia dan Program Raja Kita, Akar Kita.
 - v. Konvensyen Bahasa Kolokial Malaysia- bahasa kolokial atau bahasa etnik merupakan khazanah warisan negara yang harus dipelihara dan diwarisi dari generasi ke generasi
 - vi. Simposium Friends of Unity- FoU merupakan inisiatif Kementerian Perpaduan Negara (KPN) untuk mengukuhkan kolaborasi bersama pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam menjayakan agenda perpaduan nasional.
 - vii. Kempen Malaysia Madani Membaca (lancar awal tahun depan)- Kempen ini akan dilaksanakan melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dalam memupuk kembali amalan dan budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.
6. Keberkesanan inisiatif program yang dilaksanakan di bawah Dasar Perpaduan Negara diukur melalui Indeks Perpaduan Nasional (IPNas). Pengukuran tahap perpaduan melalui IPNas telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada tahun 2018 dan 2022. Nilai Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) pada tahun 2018 adalah 0.567. Pada tahun 2022, IPNas mencatatkan peningkatan iaitu dengan skor 0.629 yang bermaksud perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia berada pada tahap sederhana dan terkawal.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

7. Melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), sasaran yang ditetapkan bagi pencapaian tahap perpaduan pada tahun 2025 adalah pada skor 0.7. Pada tahun 2024, Kementerian akan menjalankan kajian berasingan IPNas 3.0 bagi Semenanjung, Sabah, Sarawak dan kebangsaan (secara keseluruhan).

8. Bagi memastikan hasrat ini tercapai, kerjasama dan kesepakatan daripada semua golongan masyarakat tanpa mengira fahaman dan ideologi dalam pelaksanaan dasar dan pelan tindakan ini amat penting bagi memastikan usaha memupuk budaya toleransi dan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Sekian, terima kasih.





KAWASAN RUKUN TETANGGA





SOALAN NO.236

DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA
BUKAN LISAN

**Puan Hajah Salariah binti Mohd Nor [Temerloh] minta Menteri
Perpaduan Negara menyatakan:**

- a) Senarai KRT di seluruh Parlimen Temerloh; dan**
- b) Senarai Tabika Perpaduan di Temerloh untuk memupuk perpaduan dan mengintegrasikan masyarakat antara kaum sejak usia muda**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak penubuhan Rukun Tetangga pada tahun 1975, institusi rukun tetangga telah memainkan peranannya sebagai pemacu dalam komuniti kejiranan terutamanya dalam membantu membangunkan komuniti setempat dalam aspek pengukuhan semangat kejiranan, keselamatan, pembelajaran sepanjang hayat, ekonomi komuniti serta kesejahteraan hidup komuniti.
2. Sehingga kini, jumlah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di Malaysia adalah 8,348 KRT. Di Negeri Pahang sahaja, jumlah KRT adalah 557 KRT dan di Parlimen Temerloh adalah berjumlah 42 KRT. Senarai KRT Parlimen Temerloh adalah seperti di Lampiran.
3. Pendedahan tentang perpaduan dan keharmonian kaum turut diterapkan kepada kanak-kanak pelbagai kaum berumur 4 hingga 6 tahun yang mengikuti pendidikan awal di Tabika Perpaduan.
4. Sehingga kini, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) mempunyai sebanyak 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara dengan jumlah murid seramai 36,619 orang. Di Parlimen Temerloh Pahang, terdapat 14 Tabika Perpaduan yang mempunyai seramai 245 murid yang terdiri daripada pelbagai kaum.
5. Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sentiasa komited bagi memastikan agenda perpaduan dapat dilaksanakan diperingkat awal usia lagi dalam membentuk sebuah masyarakat yang harmoni dan bersatu padu.

Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN
SENARAI KAWASAN RUKUN TETANGGA BAGI
PARLIMEN TEMERLOH (P088)

BIL	DAERAH / BAHAGIAN	DUN	NAMA KRT	NAMA TABIKA PERPADUAN
1	TEMERLOH	KUALA SEMANTAN	TAMAN-TAMAN PERUMAHAN BAHAGIA	TABIKA PERPADUAN TAMAN PERUMAHAN BAHAGIA
2	TEMERLOH	KUALA SEMANTAN	BUKIT ANGIN	-
3	TEMERLOH	KUALA SEMANTAN	BANDAR TEMERLOH	-
4	TEMERLOH	KUALA SEMANTAN	TAMAN SRI SEMANTAN	-
5	TEMERLOH	KUALA SEMANTAN	TAMAN SETIA / TAMAN CAHAYA	-
6	TEMERLOH	KUALA SEMANTAN	KG BUKIT KEMUNING	-
7	TEMERLOH	KUALA SEMANTAN	TAMAN SEBERANG TEMERLOH / TAMAN TINAH	TABIKA PERPADUAN TAMAN SEBERANG TEMERLOH
8	TEMERLOH	KUALA SEMANTAN	KUARTERS HOSPITAL TEMERLOH	-
9	TEMERLOH	KUALA SEMANTAN	TAMAN PAMAH KASIH	-
10	TEMERLOH	KUALA SEMANTAN	TAMAN PULAI IDAMAN	-
11	TEMERLOH	KUALA SEMANTAN	TAMAN SEBERANG PERMAI	-
12	TEMERLOH	KUALA SEMANTAN	TAMAN JAYA 1 MALAYSIA	-
13	TEMERLOH	KUALA SEMANTAN	TAMAN JAYA JALAN MARAN	-
14	TEMERLOH	KUALA SEMANTAN	TAMAN SETIA JASA	-
15	TEMERLOH	KUALA SEMANTAN	TAMAN BUKIT TINGKAT	-
16	TEMERLOH	KUALA SEMANTAN	KG PAYA MENKUNANG	-
17	TEMERLOH	LANCHANG	BANDAR LANCHANG	TABIKA PERPADUAN BANDAR LANCHANG
18	TEMERLOH	KUALA SEMANTAN	KG LEBAK SEBERANG	-
19	TEMERLOH	KUALA SEMANTAN	TAMAN JAYA 3 FASA BARU	-
20	TEMERLOH	LANCHANG	KG BARU PENGKALAN JAYA	-
21	TEMERLOH	LANCHANG	TAMAN SAGA	1.TABIKA PERPADUAN TAMAN SAGA 2.TABIKA PERPADUAN TAMAN SAGA 2

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

22	TEMERLOH	LANCHANG	TAMAN MENTAKAB INDAH	TABIKA PERPADUAN TAMAN MENTAKAB INDAH
23	TEMERLOH	LANCHANG	TAMAN PERUMAHAN DESA JAYA	-
24	TEMERLOH	LANCHANG	TAMAN SRI LAYANG	-
25	TEMERLOH	LANCHANG	TAMAN SAGA INDAH	-
26	TEMERLOH	LANCHANG	KG SEMPADAN	-
27	TEMERLOH	LANCHANG	TAMAN MURNI LANCHANG	-
28	TEMERLOH	LANCHANG	FELDA LAKUM	-
29	TEMERLOH	MENTAKAB	TAMAN RIMBA	TABIKA PERPADUAN TAMAN RIMBA 1
30	TEMERLOH	MENTAKAB	TAMAN BUKIT BENDERA	1.TABIKA PERPADUAN TAMAN BUKIT BENDERA 1 2.TABIKA PERPADUAN TAMAN BUKIT BENDERA 2
31	TEMERLOH	MENTAKAB	TAMAN TUALANG INDAH	TABIKA PERPADUAN TAMAN TUALANG INDAH
32	TEMERLOH	MENTAKAB	BANDAR MENTAKAB	-
33	TEMERLOH	MENTAKAB	SRI ARA	-
34	TEMERLOH	MENTAKAB	TAMAN PERUMAHAN BANDAR (KSM)	TABIKA PERPADUAN TAMAN KSM
35	TEMERLOH	MENTAKAB	TAMAN SETIA MENTAKAB	-
36	TEMERLOH	MENTAKAB	TAMAN BUKIT CERMIN	-
37	TEMERLOH	MENTAKAB	TAMAN SRI KEMUNING INDAH	-
38	TEMERLOH	MENTAKAB	TAMAN SRI KEMUNING	-
39	TEMERLOH	MENTAKAB	TAMAN TEMERLOH JAYA	1.TABIKA PERPADUAN TAMAN TEMERLOH JAYA 1 2.TABIKA PERPADUAN TAMAN TEMERLOH JAYA 3
40	TEMERLOH	MENTAKAB	TAMAN TEMERLOH MAKMUR	TABIKA PERPADUAN TAMAN TEMERLOH MAKMUR
41	TEMERLOH	MENTAKAB	TAMAN TEMERLOH JAYA INDAH	-
42	TEMERLOH	MENTAKAB	TAMAN CHENGAL	-



SOALAN NO.277

DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA
BUKAN LISAN

Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan prestasi terkini dan hala tuju semua program dan inisiatif untuk memupuk dan memperteguh perpaduan, permuafakatan, kebersatuan dan kebersamaan di peringkat akar umbi terutama di semua peringkat sekolah, pendidikan tinggi dan dalam komuniti serta strategi penambahbaikan untuk mencapai outcome yang ditetapkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa kini, kadar geran Rukun Tetangga adalah sebanyak RM6,000.00 setahun. Jumlah peruntukan ini sememangnya tidak mencukupi untuk membiayai kos pentadbiran dan pelaksanaan program/aktiviti Rukun Tetangga. Justeru itu, Kementerian telah mengkaji peruntukkan ini dan mencadangkan supaya kadar geran ini dinaikkan daripada RM6,000.00 kepada sekurang-kurangnya RM10,000.00 setahun. Antara kegunaan geran ini adalah untuk urusan pentadbiran, pelaksanaan program/aktiviti, bayaran bil utiliti, kelengkapan dan peralatan pejabat dan urusan surat menyurat.
2. Selaras dengan inisiatif anjakan besar pembudayaan masyarakat Madani yang digariskan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke - 12 di mana Rukun Tetangga akan diperkasa sebagai penggerak dan perantara penting dalam penganjuran program komuniti, kesukarelawanan kenegaraan dalam peringkat akar umbi. Oleh yang demikian, fokus pelaksanaan program/aktiviti yang berimpak tinggi kepada komuniti amat diperlukan, maka kadar geran yang lebih tinggi wajar dinaikkan. Antara justifikasi kenaikan kadar geran Rukun Tetangga adalah seperti berikut:
 - i. Kos pengoperasian Rukun Tetangga yang meningkat
Pemberian Geran Rukun Tetangga sebanyak RM6,000.00 telah bermula sejak tahun 2012. Dengan kenaikan kos barangandanperkhidmatanyangketarabagipengurusandan pengoperasian RT. Maka, Rukun Tetangga tidak mampu beroperasi dengan cekap dan berkesan dengan peruntukan sedia ada ini.

- ii. **Penyertaan Komuniti Rukun Tetangga Tidak Menyeluruh**
Dengan jumlah peruntukan sedia ada ini, Rukun Tetangga hanya mampu melaksanakan program/aktiviti yang berskala kecil yang hanya melibatkan 10% hingga 20% sahaja daripada jumlah keseluruhan penduduk. Oleh yang demikian, program/aktiviti yang dilaksanakan dapat dapat memberikan impak secara menyeluruh kepada komuniti dalam kawasan RT.

- iii. **Keberkesanan Program**
Program/aktiviti yang berimpak tinggi memerlukan peruntukan yang mencukupi agar ianya dapat dilaksanakan secara konsisten dan berterusan. Ini kerana, untuk memupuk perpaduan dan memastikan kesejahteraan komuniti, program/aktiviti dianjurkan oleh Rukun Tetangga merupakan tapak integrasi terpenting yang menyediakan ruang untuk komuniti bertemu dan berinteraksi.

Sekian, terima kasih.



RUKUN NEGARA





SOALAN NO.52

DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA

17 OKTOBER 2023 (SELASA)

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan sejauh mana Rukun Negara yang menjadi inti pati Kerajaan Perpaduan berjaya dilaksanakan dan diterapkan dalam masyarakat pelbagai kaum di negara ini supaya menjadi teras Malaysia Madani.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan amat komited untuk melaksanakan pelbagai inisiatif berterusan bagi memastikan keharmonian dan perpaduan dalam kalangan rakyatnya sentiasa terpelihara. Usaha signifikan ke arah itu bermula dengan pembentukan Rukun Negara sebagai satu ideologi untuk menyeragamkan fahaman dalam kalangan pelbagai kelompok etnik di negara ini dengan tujuan utama membentuk perpaduan yang kukuh.

2. Rukun Negara diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 merupakan inisiatif awal Kerajaan menangani isu perpaduan kaum rentetan peristiwa pergolakan kaum pada 13 Mei 1969. Rukun Negara menjadi pegangan, panduan serta amalan oleh seluruh rakyat Malaysia ke arah memupuk dan mengukuhkan semangat perpaduan, ketaatan dan kecintaan kepada bangsa dan negara.

3. Selaras dengan amalan sistem demokrasi berperlembagaan, kerajaan telah membangunkan Dasar Perpaduan Negara berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Dasar Perpaduan Negara merupakan kerangka asas dan hala tuju agenda perpaduan telah menetapkan tiga (3) Teras Perpaduan negara iaitu:
 - (i) Patriotisme dan Demokrasi;
 - (ii) Identiti Nasional; dan
 - (iii) Ekosistem Perpaduan.

Tuan Yang Dipertua,

4. Rukun Negara bukan sekadar dijulung secara simbolik menerusi lafaz ikrar lima (5) prinsip Rukun Negara tetapi sebaliknya prinsip dan cita-cita Rukun Negara hendaklah dihayati dan menjadi panduan kepada semua pihak termasuklah pemimpin negara dan rakyat Malaysia keseluruhannya.
5. Cita-cita dan prinsip Rukun Negara perlu dijadikan asas pegangan dan panduan setiap rakyat di negara ini secara lebih praktikal. Ini kerana Rukun Negara merupakan mekanisme terbaik menyatukan rakyat bukan sahaja dalam konteks ideologi yang sama tetapi juga ke arah membentuk perpaduan sejagat kalangan masyarakat majmuk di negara ini.
6. Kerajaan pada 25 Julai 2023 telah bersetuju usaha berterusan menyemarakkan penghayatan Rukun Negara perlu diperkemaskan dengan menyuntik pendekatan baharu yang lebih jelas dan berkesan. Pendekatan tersebut adalah pelaksanaan lafaz ikrar penuh Rukun Negara bermula dengan cita-cita sebagai mukadimah diikuti lima prinsip Rukun Negara dalam program rasmi kerajaan termasuklah semasa majlis perhimpunan di peringkat sekolah.
7. Sebagai rakyat Malaysia kita seharusnya memahami secara menyeluruh hasrat yang dicita-citakan sebagaimana Mukadimah (preamble) Rukun Negara dan hendaklah ditanamkan dalam diri setiap rakyat Malaysia. Cita-cita Rukun Negara menterjemahkan kesungguhan rakyat Malaysia:

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

- (i) mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya;
 - (ii) memelihara satu cara hidup demokratik;
 - (iii) mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
 - (iv) menjamin satu cara hidup yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak; dan
 - (v) membina sebuah masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.
8. Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri, Kementerian Perpaduan Negara telah merangka program di bawah Flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI dalam kluster Semarak Kenegaraan iaitu Eksplorasi Rukun Negara. Inisiatif ini merupakan usaha untuk memperkasakan pembudayaan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian masyarakat.
9. Pelbagai pengisian Eksplorasi Rukun Negara yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara dilaksanakan sebagai cetus gerakan berterusan usaha merakyatkan Rukun Negara di semua peringkat.
10. Bermula dengan segmen bersama masyarakat umum, Kementerian Perpaduan Negara telah melaksanakan Eksplorasi Rukun Negara pada 12hb dan 13hb Ogos 2023 di MyTown Kuala Lumpur dan peluncurannya disempurnakan pada 13hb Ogos 2023 bersempena bulan kemerdekaan.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

11. Seterusnya Eksplorasi Rukun Negara terus disemarakkan di peringkat Sekolah pada 14 Ogos 2023 yang menyaksikan bacaan lafaz ikrar penuh Rukun Negara di lafazkan serentak di sekolah-sekolah seluruh negara bermula dengan peringkat pra sekolah, sekolah rendah dan juga sekolah menengah.
12. Kejayaan menyemarakkan Rukun Negara terus dipergiatkan dengan pelbagai pendekatan termasuklah pelaksanaannya melalui kerjasama rakan strategik perpaduan. Kementerian Perpaduan Negara menjayakan kolaborasi rakan strategik ini melalui penganjuran Eksplorasi Rukun Negara di peringkat Institusi Pendidikan Tinggi pada 2 Oktober 2023 dengan Kerjasama Universiti Putra Malaysia dan juga Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan serta Majlis Perwakilan Pelajar Universiti. Usaha ini diketengahkan dengan pendekatan menyasarkan para mahasiswa menjadi Rakan Eksplorasi Rukun Negara dalam menyemarakkan pembudayaan Rukun Negara di peringkat Institusi Pendidikan Tinggi.
13. Tuntasnya pelaksanaan Eksplorasi Rukun Negara di semua peringkat merupakan satu kejayaan dalam menyemarakkan pembudayaan Rukun Negara dan mengembalikan kesedaran masyarakat terhadap semangat patriotisme dan kenegaraan.
14. Menerapkan pembudayaan cita-cita dan perinsip Rukun Negara sebagai asas pegangan dan panduan setiap rakyat di negara ini secara lebih praktikal merupakan strategi berkesan ke arah merealisasikan hasrat Malaysia menjadi sebuah negara majmuk yang bersatu padu dan makmur sejajar dengan hasrat pembentukan negara MADANI.

Sekian, terima kasih.



MASYARAKAT SIAM





SOALAN NO.212

DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA
BUKAN LISAN

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan langkah yang telah diambil bagi memastikan bangsa Siam khususnya tidak tercicir dalam aspek pembangunan mahupun bantuan yang disalurkan Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara telah menyediakan beberapa inisiatif bagi memperkasa agenda perpaduan nasional. Agenda ini dilaksanakan melalui pelbagai usaha untuk membina dan memperkukuh tapak integrasi sebagai landasan hubungan muhibah dalam kalangan rakyat.
2. Penghasilan Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030 merupakan dokumen dasaryangmenjadikerangkaasasdanhalatujuagenda perpaduan negara. Inisiatif ini diperkukuhkan lagi melalui penghasilan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 yang merupakan pelan induk tindakan perpaduan bagi menterjemahkan Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 ke dalam bentuk program dan inisiatif yang lebih terancang dan terangkum tanpa meminggirkan mana-mana pihak.
3. Dengan penghasilan dokumen dasar dan pelan tindakan ini, agenda perpaduan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui program-program yang dilaksanakan meliputi semua golongan masyarakat tanpa mengira kaum, budaya dan agama bagi memastikan keamanan, keharmonian dan perpaduan dapat dicapai.
4. Program dan bantuan kewangan yang dikhususkan kepada bangsa Siam oleh KPN adalah:

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

- (i) Pelaksanaan Program Warisan Masyarakat Siam Kelantan 2023 pada 17 Jun 2023 bertempat di Wat Pikhultong Vararam, Tumpat Kelantan. Objektif program ini adalah untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat umum berkaitan bahasa, budaya, adat dan tradisi masyarakat Siam di Negeri Kelantan. Program ini telah dilaksanakan oleh KPN dengan kerjasama Persatuan Seni Budaya Sri Gelam Tumpat, Persatuan Siam Kelantan dan Wat Pikhultong Vararam Tumpat.

- (ii) Bantuan kewangan sebanyak RM500,000.00 kepada Persatuan Siam Malaysia untuk pelaksanaan Program Pendidikan Bahasa Ibunda, Kebudayaan dan Adat Resam kaum Siam bagi tahun 2023. Objektif bantuan kewangan ini adalah untuk menyelaraskan pelaksanaan Kelas Bahasa Thai melalui Sekolah Wat di seluruh Malaysia supaya kaedah pembelajaran Bahasa Thai dapat diseragamkan termasuk adat warisan dan kebudayaan masyarakat Siam.

- (iii) Bantuan kewangan sebanyak RM50,000.00 kepada Persatuan Manora Kedah untuk pelaksanaan Program Jom Mengenal Etnik pada 10 Disember 2022 bertempat di Universiti Malaya. Objektif program ini adalah untuk mempromosikan Tarian Manora kaum Siam di samping elemen kebudayaan etnik-etnik lain di Malaysia kepada orang awam khususnya kepada para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi.

Sekian, terima kasih.



RANG UNDANG-UNDANG





SOALAN NO.212

DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA

7 NOVEMBER 2023 (SELASA)

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan adakah Akta Hasutan dan Akta Komunikasi mencukupi dalam menghadapi isu 3R ataupun adakah Kerajaan berhasrat memperkenalkan satu RUU baru berkaitan keharmonian kaum.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, undang-undang sedia ada sudah memadai untuk mencegah isu provokasi 3R di Malaysia. Akta dan perundangan yang berkuat kuasa adalah:
 - (i) Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu akta yang digubal bagi membolehkan seseorang dihukum atas kesabitan jenayah, di mana ia terdapat tujuh (7) Seksyen yang berkaitan dengan perpaduan kaum dan keagamaan iaitu:
 - a) Seksyen 295 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan membencana atau mencemarkan tempat sembahyang dengan niat hendak mengaibkan agama mana-mana golongan;
 - b) Seksyen 296 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan mengganggu perhimpunan yang menjalankan sembahyang;
 - c) Seksyen 298 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menyebut perkataan-perkataan atau melakukan perbuatan-perbuatan lain dengan niat sengaja hendak melukakan perasaan agama seseorang;
 - d) Seksyen 298A Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menyebabkan, atas alasan-alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan, perasaan permusuhan, benci-membenci atau niat jahat, atau memudaratkan pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan;

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

- e) Seksyen 504 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan;
 - f) Seksyen 505 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam; dan
 - g) Seksyen 506 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah
- (ii) Subseksyen 8A(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301] iaitu hasil penerbitan yang menyiarkan dengan niat jahat, apa-apa berita yang tidak benar maka pencetak, penulis, penerbit dan penyunting boleh dikenakan hukuman;
- (iii) Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] bagi apa-apa komen, permintaan, cadangan atau komunikasi lain yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain;
- (iv) Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1848 [Akta 15] bagi mengawal kesalahan menghasut.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan terdahulu pada tahun 2019 melalui Jawatankuasa Kerja Perundangan dan Dasar-dasar Mempromosikan Keharmonian Negara telah mengangkat tiga (3) cadangan iaitu:

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

- (i) RUU Jenayah Kebencian Kaum dan Agama (TOLAK)- kerana cadangan peruntukan tersebut telah terkandung di dalam Kanun Keseksaan
 - (ii) RUU Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional (TOLAK)- kerana termaktub dalam Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan
 - (iii) Penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional (SETUJU pada 2019) – Walaubagaimanapun, kerajaan pada tahun 2020 telah memutuskan penubuhan suruhanjaya ini tidak sesuai ditubuhkan.
3. Untuk makluman Yang Berhormat, berhubung isu 3R, satu Sesi Libat Urus dan Dialog telah diadakan pada 21 Julai 2023, bertempat di Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (AIAC), Kuala Lumpur telah dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi). Dialog ini adalah bertujuan untuk mengkaji keberkesanan perundangan sedia ada, mengenalpasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh agensi penguatkuasaan dari segi menjalankan siasatan serta pendakwaan, mencadangkan perundangan alternatif yang bersifat sivil, serta modal-modal perundangan lain yang dirasakan sesuai.
4. Sesi tersebut ini telah dikendalikan dalam bentuk perbincangan kumpulan fokus (focus group discussion) yang tertumpu kepada tiga (3) hala tuju perundangan iaitu sama ada:
- (i) Pemansuhan perundangan sedia ada seperti Akta Hasutan 1948 [Akta 15] dan digantikan dengan penggubalan Akta baharu bagi kesalahan yang lebih spesifik berbentuk jenayah atau quasi jenayah / sivil;

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

- (ii) Pindaan kepada perundangan sedia ada bagi memastikan isu provokasi 3R dapat ditangani secara holistik; atau
 - (iii) Tiada pindaan perundangan (status quo) di mana usaha menangani isu provokasi 3R diteruskan melalui pendekatan lain.
5. Pada masa sekarang, Kementerian ini berpendapat tiada keperluan untuk menggubal atau memperkenalkan suatu undang-undang baharu, dan memadai dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang sedia ada.
6. Walau bagaimanapun, kalau keadaan mendesak dan Kerajaan memikirkan bahawa undang-undang sedia ada perlu dibuat semakan semula untuk pindaan bagi mengekang elemen permusuhan antara kaum dan agama, maka Kementerian akan menyokong penuh hasrat tersebut.

Sekian, terima kasih.



MUZIUM





SOALAN NO.8

DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA

17 OKTOBER 2023 (SELASA)

YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membina sebuah pusat konservasi artifak (Conservation Centre) yang berfungsi seperti di Heritage Conservation Centre (HCC), Singapura bagi menjaga warisan ketara negara dan artifak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Muzium Malaysia (JMM) bertanggungjawab ke atas kerja-kerja pengumpulan, pemuliharaan dan pengekalan warisan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara. Jabatan Muzium Malaysia telah mempunyai sebuah pusat konservasi di ibu pejabat yang mempunyai satu makmal konservasi sahaja untuk menampung keperluan bagi melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan artifak.
2. Sehubungan itu, terdapat keperluan untuk penambahan ruang makmal yang mengkhusus kepada koleksi tekstil, seramik, organik dan bukan organik. Penambahan ruang juga diperlukan untuk ruang rawatan artifak, ruang humidifikasi, ruang fumigasi, ruang pembersihan artifak menggunakan air dan ruang pewarnaan untuk tujuan sokongan artifak.
3. JMM pernah memohon penubuhan sebuah pusat konservasi artifak (Conservation Centre) yang berfungsi seperti di Heritage Conservation Centre (HCC), Singapura menerusi cadangan Pelan Pembangunan Kompleks Bersepadu Jabatan Muzium Malaysia di bawah permohonan Rolling Plan ke-3, Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12).

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO.32

DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA

26 OKTOBER 2023 (KHAMIS)

YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membina sebuah pusat konservasi artifak (Conservation Centre) yang berfungsi seperti di Heritage Conservation Centre (HCC), Singapura bagi menjaga warisan ketara negara dan artifak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Citra Nusa @ Muzium Matang yang telah berlangsung pada 8 hingga 10 September 2023 baru-baru ini merupakan satu inisiatif Kementerian Perpaduan Negara di bawah flagship Kembara Perpaduan dan telah digerakkan oleh Jabatan Muzium Malaysia melalui Muzium Matang, Taiping, Perak.
2. Program berkonsepkan fiesta dan peremajaan muzium ini telah diisi dengan pelbagai program seperti Pameran Malaysia Tanah Airku, pameran agensi, Jualan Rahmah, jualan produk, persembahan kebudayaan pelbagai kaum, Fun Ride Perpaduan serta pelbagai pertandingan yang disertai oleh pelbagai kaum dan kategori umur. Berdasarkan rekod statistik pengunjung, program ini telah berjaya menarik sejumlah 18,633 orang pengunjung dan merekodkan hasil dari gerai-gerai jualan sebanyak RM100,295.45 sepanjang tempoh tiga hari ia berlangsung. Program Citra Nusa @ Muzium Matang ini adalah program yang bersifat terbuka dan penglibatan semua lapisan masyarakat adalah amat dialu-alukan. KPN akan memastikan apa-apa jemputan akan turut dipanjangkan kepada semua pihak yang berkenaan termasuk Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri.

Sekian, terima kasih.





PENGGULUNGAN PERBAHASAN RANG UNDANG- UNDANG PERBEKALAN 2024 PERINGKAT DASAR



**UCAPAN PENGGULUNGAN
YB MENTERI PERPADUAN NEGARA
KE ATAS PERBAHASAN BELANJAWAN 2024
DI PERINGKAT DASAR
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE-15, DEWAN RAKYAT**

Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan Malaysia MADANI,

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Belanjawan 2024 Peringkat Dasar dan menyentuh tentang perkara-perkara di bawah peranan Kementerian Perpaduan Negara iaitu:

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

BIL	AHLI DEWAN RAKYAT	ISU YANG DIBAHASKAN
1	YB Semporna	Mencadangkan supaya peruntukkan Kementerian sebanyak RM600 juta ditambah.
2	YB Alor Setar	Membangkitkan isu tentang bangunan warisan di Bandaraya Alor Setar yang terdapat di tanah persendirian menyukarkan proses pemuliharaan dan pemuliharaan.
3	YB Jeli	Mencadangkan nama bagi pencalonan sebagai Ikon Perpaduan Nasional.
4	YB Mersing	Mencadangkan supaya Muzium Arkeologi dinaiktaraf dan diperkukuhkan perjawatan konservator.
5	YB Hulu Langat	Memohon agar Rukun Negara dihadamkan dan dihayati oleh seluruh masyarakat, termasuk di pejabat-pejabat kerajaan, institusi pengajian tinggi, sekolah-sekolah, pusat perniagaan kedai dan pasar raya demi semangat cintakan negara.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

2. Kementerian Perpaduan Negara amat menghargai dan menyambut baik Belanjawan 2024 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 13 Oktober 2023. Belanjawan ini jelas menunjukkan komitmen Kerajaan dalam memastikan keharmonian dan kemakmuran rakyat terus dipelihara.
3. Kementerian Perpaduan Negara telah diperuntukkan sejumlah RM635,821,900. Jumlah ini menunjukkan pertambahan sebanyak 11.29% atau RM64,480,400 berbanding dengan RM571,341,500 bagi belanjawan tahun 2023.
4. Pada tahun 2024, Kementerian Perpaduan Negara memperolehi RM547,590,900 peruntukan Mengurus dan merupakan tambahan sebanyak RM5,995,600 iaitu (1.11%). Manakala peruntukan pembangunan pada tahun 2024 adalah sebanyak RM88,231,000 dan ada penambahan sebanyak RM58,484,800 iaitu (196.61%) kerana Geran Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebanyak RM54juta telah diletakkan di bawah Belanja Pembangunan.
5. Peruntukan 2024 bagi agensi-agensi di bawah Kementerian yang telah diluluskan adalah seperti berikut:
 - (i) JPNIN – RM379,342,000
 - (ii) Arkib Negara Malaysia – RM55,239,200
 - (iii) Muzium Negara Malaysia – RM61,003,000
 - (iv) Perpustakaan Negara Malaysia – RM105,329,000

JUMLAH KESELURUHAN – RM600,895,000

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

6. Terdapat inisiatif-inisiatif baru yang telah diluluskan dalam tahun 2024 yang melibatkan peruntukan sebanyak RM48juta, antaranya:
- a) KPN
 - a. Peruntukan Pemberian Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) – RM800 ribu

 - b) JPNIN
 - a. Pemerkasaan KRT – RM20 juta
 - b. Tambahan RM1 Bantuan Makanan Tambahan (BMT) – RM9 juta
 - c. Emolumen Kakitangan Kontrak – RM11.5 juta

 - c) Arkib Negara Malaysia
 - a. Sewaan Kenderaan SPANCO Arkib – RM600 ribu
 - b. Lesen Perisian Pusat Data Arkib – RM2 juta

 - d) Muzium Negara Malaysia
 - a. One-Off Pembaikan Bangunan dan Infrastruktur Muzium – RM1.3 juta

 - e) Perpustakaan Negara Malaysia
 - a. Aset dan Lesen Perisian PNM – RM2.5 juta
 - b. One-Off Kenderaan PNM – RM300 ribu

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

7. Melalui peruntukan belanjawan tahun 2024, Kementerian Perpaduan Negara juga telah diluluskan sebanyak RM20 juta bagi memperkasa Model Kawasan Rukun Tetangga (KRT). Melalui pemeraksanaan ini, KRT akan berperanan sebagai penggerak utama dan penjalin hubung (bridge builder) bagi merealisasikan aspirasi masyarakat progresif.

 8. Selain itu, Kementerian Perpaduan Negara telah diluluskan peruntukan sebanyak RM40juta untuk pelaksanaan Kembara Perpaduan Negara MADANI sebagai program flagship agenda perpaduan nasional dengan program-program seperti berikut:
 - (i) Sambutan Minggu Perpaduan;
 - (ii) Eksplorasi Rukun Negara;
 - (iii) Ini Warisan Kita;
 - (iv) Citra Nusa Muzium;
 - (v) Harmoni Madani; dan
 - (vi) Promosi Perpaduan.

 9. Kementerian akan memastikan peruntukan yang diluluskan bagi tahun 2024, dibelanjakan mengikut perancangan dan strategi yang telah disusun bagi mencapai matlamat dan objektif yang disasarkan.
-

YB Semporna

Tuan Yang Dipertua,

10. YB Semporna telah mencadangkan supaya peruntukan kepada Kementerian Perpaduan Negara sepatutnya ditambah kerana perpaduan merupakan satu perkara penting untuk kestabilan negara. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Semporna kerana prihatin dalam menyatupadukan rakyat tanpa mengira kaum dan agama.
11. Untuk makluman YB Semporna, Kementerian Perpaduan Negara akan menggunakan peruntukan yang diberi oleh Kerajaan untuk melaksanakan program-program perpaduan di bawah flagship Kembara Perpaduan yang telah dirancang. Bagi tujuan tersebut, Kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM40 juta bagi pelaksanaan enam (6) program utama iaitu;
 - i. Sambutan Minggu Perpaduan
Kementerian akan meneruskan program Sambutan Minggu Perpaduan pada tahun 2024 berdasarkan impak yang terhasil daripada program yang telah dilaksanakan pada tahun 2023 di Kuching, Sarawak. Kementerian juga telah berjaya merekodkan dua (2) pencapaian dalam Malaysia Book of Records iaitu pameran rumah etnik yang terbanyak dan pemakaian baju etnik teramai. Pada tahun 2024, Sambutan Minggu Perpaduan akan dilaksanakan di Negeri Johor yang telah diputuskan melalui Mesyuarat MExUnity.

ii. Eksplorasi Rukun Negara

Program ini merupakan usaha untuk memperkasakan pembudayaan dan penghayatan prinsip Rukun Negara sebagai agen penyatupaduan terutamanya dari kelompok generasi muda. Inisiatif ini adalah bertujuan menyemarakkan semangat patriotik, taat setia dan perasaan cintakan negara dengan memahami dan menghayati Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

iii. Ini Warisan Kita

Pelaksanaan program pada hari ini adalah bagi melestarikan perpaduan dengan meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat pelbagai kaum mengenai khazanah warisan negara. Program ini akan diteruskan pada tahun 2024. Antara program yang telah dilaksanakan pada tahun ini ialah:

- ▶ Pengajaran Bahasa Siam kepada pelajar sekolah di Kelantan
- ▶ Pameran 5 etnik minoriti iaitu Siam, Baba Nyonya, Chetti, Portugis dan Orang Asli Mahmeri di pusat beli-belah IOI City Mall
- ▶ Misi Ini Warisan Kita Sukarelawan Siswa (YSS) ke Negeri Sabah dan Sarawak (Kenali budaya di samping menjalan aktiviti khidmat komuniti)
- ▶ Program Ini Warisan Kita di SMK Perempuan Methodist, Klang
- ▶ Program Warisan Masyarakat Siam di Kelantan
- ▶ Program Warisan Masyarakat Chetti & Portugis di Melaka
- ▶ Program FoodUnites di i-City Shah Alam
- ▶ Siri Bicara Bahasa Kolokial (Kuantan, Kota Kinabalu,

Ipoh, Kuching)

- ▶ Pameran 40 Tahun Malaysia-Korea
- ▶ Pameran Rahsia Kebaya

iv. Citra Nusa Muzium

Program ini adalah untuk mengukuhkan pemantapan jatidirdansemangatcintakannegaramenerusipenghayatan terhadap warisan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara melalui pendekatan 'rejuvenate muzium' melalui seni dan teknologi moden. Program ini akan diteruskan pada tahun 2024. Program Citra Nusa Muzium yang telah dilaksanakan pada tahun ini adalah:

- ▶ Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan di Kuching,
- ▶ Sambutan 60 Tahun Muzium Negara
- ▶ Pameran Malaysia Tanah Airku
- ▶ CitraNusa@Muzium Matang
- ▶ CitraNusa@Muzium Kota Kayang
- ▶ Pameran Rahsia Kebaya
- ▶ Pameran Magis Belantara
- ▶ Pameran Nostalgia Anak Kampung
- ▶ Pameran 100 Tahun Sinema Malaysia
- ▶ Pameran Acuan Kuih Tradisional
- ▶ Pameran Seniman Perak sepanjang zaman

- ▶ Pameran Numismatik-Mata Wang
- ▶ Pameran Malaysia era Perang Dunia ke-2

v. Harmoni Madani

Program ini bertujuan untuk mengukuhkan kefahaman dan keharmonian antara penganut pelbagai agama. Melalui inisiatif ini kita dapat membina masyarakat yang lebih toleran dan bernilai tinggi serta memperkukuhkan perpaduan untuk negara lebih makmur. Antara program Harmoni Madani yang telah dilaksanakan adalah:

- ▶ Program Harmoni Madani : Perpaduan Dalam Kepelbagaian Agama Di Malaysia
- ▶ Program Turun Padang Harmoni (gotong royong, ramah mesra & harmony lunch)
- ▶ International Interfaith Peace Conference
- ▶ Bicara Harmoni (forum, dialog & wacana)
- ▶ Tinta Harmoni (kempen, infografik dan promosi di media sosial)
- ▶ Jawatankuasa Harmoni (mesyuarat bersama wakil penganut agama)

vi. Promosi Perpaduan

Usaha untuk mempromosikan mengenai perpaduan, program kementerian, bahan sejarah, adat resam, pantang larang, istiadat perkahwinan dan sambutan perayaan mengikut agama-agama di Malaysia. Antara yang telah dilaksanakan:

- ▶ Kempen Cakap Baik-Baik
- ▶ Tiktok Challenge- Cakap Baik-Baik

- ▶ Jom Unite Tiktok Challenge
- ▶ Infografik Kanvas Uniti & Trivia Warisan
- ▶ Kempen Jom Melawat Muzium
- ▶ Road Tour Perpaduan bersama ASTRO
- ▶ Tiktok Challenge CitraNusa Muzium Kota Koyang
- ▶ Tiktok Merdeka Challenge @ Muzium Perak
- ▶ Rancangan TV : Selamat Pagi Malaysia, Apa Khabar Malaysia, Bicara Naratif, Ruang Bicara dan Malaysia Hari Ini

YB Jeli

Tuan Yang Dipertua,

12. Kementerian Perpaduan Negara menyambut baik cadangan yang diutarakan oleh YB Jeli berhubung mengangkat beberapa individu dari Kelantan seperti Mek Yun (Wee Yun Nee), Pak Cu (Eyo Hock Seng) dan Che Ann (Kang Boon Ann) sebagai Ikon Perpaduan Nasional.
13. Kementerian sememangnya prihatin dan menghargai akan usaha-usaha masyarakat Malaysia dalam mengukuhkan agenda perpaduan. Pengiktirafan sumbangan sama ada di peringkat individu, pertubuhan ataupun syarikat sememangnya telah dilaksanakan bersempena beberapa program kementerian yang turut melibatkan pelaksanaan di peringkat agensi. Pengiktirafan kepada seseorang khususnya sebagai duta perpaduan/ Ikon Perpaduan adalah ditentukan berdasarkan sumbangannya kepada pengukuhan agenda perpaduan.
14. Kementerian Perpaduan Negara telah mengadakan tiga (3) program yang mengiktirafkan individu yang berjaya memupuk

perpaduan di kalangan masyarakat iaitu:

- ▶ Kalung Perpaduan (penghargaan kepada media, korporat dan komuniti)
 - ▶ Anugerah My Hero (individu yang berjasa kepada masyarakat)
 - ▶ Duta Perpaduan (agen mesej perpaduan)
15. Untuk makluman YB, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah bekerjasama dengan kerajaan Negeri Johor dan Negeri Selangor dalam melaksanakan program Duta Perpaduan. Manakala JPNIN Melaka akan turut melaksanakan program Duta Perpaduan pada tahun depan dan akan disusuli dengan negeri-negeri yang lain.
16. Peranan dan tanggungjawab Duta Perpaduan adalah seperti berikut:
- (i) pendokong institusi raja
 - (ii) menerapkan nilai perpaduan dan patriotisme
 - (iii) penyampaian pendidikan perpaduan
 - (iv) pendokong aspirasi perpaduan
 - (v) Sebar luas mesej positif
 - (vi) Peribadi dan akhlak mulia
 - (vii) mentor kepada Sekretariat Rukun Negara dan Kelab Rukun Negara
 - (viii) aktiviti komuniti – kreatif dan inovatif
17. Selain daripada yang dinyatakan, Kementerian Perpaduan Negara juga telah mengiktiraf alumni Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) sebagai Duta Perpaduan mulai tahun depan. Selaras

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

dengan peranan penting mereka dalam memupuk perpaduan melalui pelbagai aktiviti seperti program pasca bencana, budaya masyarakat dan pusat tuisyen bersama masyarakat. Kementerian turut mengiktiraf Datuk Pandelega Rinong, Ahli Lembaga Pengarah YSS sebagai Ikon Perpaduan Negara.

YB Hulu Langat

Tuan Yang Dipertua,

18. YB Hulu Langat ada membangkitkan isu berhubung Rukun Negara dan mencadangkan supaya Rukun Negara ini dihadamkan dalam kalangan masyarakat serta mencadangkan supaya ia aplikasikan di sekolah dan digantungkan di pejabat-pejabat Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi, pusat perniagaan kedai dan pasaraya.

19. Rentetan daripada peristiwa perkauman pada 13 Mei 1969, kerajaan mula sedar bahawa perpaduan rakyat merupakan teras kepada cita-cita ke arah pembentukan bangsa dan negara. Sehubungan dengan itu, Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang diketuai oleh Tun Abdul Razak telah dibentuk susulan sistem kerajaan Berparlimen telah digantung oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pengisytiharan darurat. Perisytiharan Darurat telah diwartakan dan berkuat kuasa pada 16 Mei 1969 di bawah Ordinan No. 2 (kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1969. MAGERAN ketika itu telah menubuhkan tiga badan iaitu Majlis Muhibah Negara, Jabatan Perpaduan Negara dan Majlis Perundingan Negara (MPN). Melalui MPN, Rukun Negara telah dibentuk sebagai tiang seri perpaduan negara.

20. Rukun Negara menjadi pegangan, panduan serta amalan oleh seluruh rakyat Malaysia ke arah memupuk dan mengukuhkan

semangat perpaduan, ketaatan dan kecintaan kepada bangsa dan negara. Dari awal tahun ini, Kementerian Perpaduan Negara melihat kepentingan untuk Rukun Negara dihayati semula oleh rakyat Malaysia supaya cita-cita utama Rukun Negara iaitu mewujudkan rakyat Malaysia yang bersatu padu, demokratik, liberal, progresif bertatasusila, dan sopan santun dapat direalisasikan.

21. Dalam menyokong hasrat tersebut, pada 25 Julai 2023 Kerajaan telah bersetuju dengan cadangan supaya lafaz ikrar Rukun Negara dibaca penuh bermula dengan mukadimah dan diikuti dengan lima prinsip Rukun Negara dalam program-program rasmi Kerajaan termasuk semasa majlis perhimpunan di semua sekolah bagi menyemarakkan semula penghayatan Rukun Negara.
22. Kementerian Perpaduan Negara telah melancarkan inisiatif Explorasi Rukun Negara yang bertujuan meningkatkan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan (4P) Rukun Negara dalam kalangan rakyat Malaysia.
 - i) Peringkat masyarakat telah dilancarkan pada 13 Ogos 2023 di MyTown, Kuala Lumpur dengan pelaksanaan program seperti:
 - ▶ Dialog Anak Muda;
 - ▶ Ekspresi Rukun Negara;
 - ▶ Muzikal Eksplorasi Rukun Negara;
 - ▶ Hero Impian Untuk Malaysia;
 - ▶ Pameran Mini Rukun Negara;
 - ▶ Kisah Kejayaan Malaysia Kita;

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

- ▶ Kapsul Suara Anak Malaysia;
 - ▶ E-Sport Challenge; dan
 - ▶ Pameran Agensi Kerajaan
- ii) Peringkat pelajar sekolah pula telah dilaksanakan pada 14 Ogos 2023 di Kompleks Seri Bintang, Kuala Lumpur dengan melibatkan pelaksanaan lafaz ikrar rukun negara oleh hampir 36,000 pelajar dari 13 negeri & 3 wilayah persekutuan.
- iii) Explorasi Rukun Negara turut diadakan di peringkat mahasiswa IPT di Universiti Putra Malaysia pada 2 Oktober 2023 dengan penglibatan seramai 3,500 mahasiswa.
23. Selain itu, Kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integarasi Nasional (JPNIN) telah mengadakan pelbagai aktiviti dan inisiatif dalam mengukuhkan penghayatan aspirasi Rukun Negara dan kenegaraan dalam kalangan anak muda. Antaranya:
- ▶ Chit Chat Belia
 - ▶ Kembara Perpaduan@Kampus
 - ▶ Debat Perpaduan
 - ▶ Kem Anak Malaysia
 - ▶ Jalinan Integrasi Mahasiswa
 - ▶ Perkhemahan Perpaduan
 - ▶ Integarasi Sosial antara Sekretariat Rukun Negara

24. Sehingga kini, terdapat sebanyak 125 Skwad Unit, 6,847 Kelab Rukun Negara dan 188 Sekretariat Rukun Negara yang menjadi wadah utama penyebaran semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia berbilang bangsa dan agama.

YB Alor Setar

Tuan Yang Dipertua,

25. Berhubung cadangan YB Alor Setar, Kementerian Perpaduan Negara amat menyokong sebarang usaha dan hasrat untuk memelihara bangunan warisan bagi mengangkat identiti serta menjulang ketamadunan negara yang akhirnya akan memantapkan jati diri rakyat dan memupuk semangat perpaduan.
26. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanggungjawab kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan warisan di negara ini terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Warisan Negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).
27. Berkaitan 24 buah bangunan warisan yang terdapat di Bandaraya Alor Setar tersebut, saya difahamkan bahawa bangunan-bangunan berkenaan termasuk yang berada di atas tanah persendirian masih belum diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan. Di bawah Seksyen 24 Akta Warisan Kebangsaan, Pesuruhjaya Warisan boleh menetapkan mana-mana tapak yang mempunyai warisan semula jadi atau warisan kebudayaan yang penting menjadi tapak warisan.

28. Sebarang usaha atau tindakan untuk memperolehi, memeriksa, tanggungjawab menjaga dan membiayai pemuliharaan tapak warisan adalah tertakluk kepada Seksyen 38, 39, 42 dan 43 Akta Warisan Kebangsaan mengikut apa-apa ketetapan Pesuruhjaya Warisan dan dengan keizinan Pihak Berkuasa Negeri.
29. Kementerian sememangnya cakna dan mengambil perhatian terhadap bangunan-bangunan warisan yang dimiliki oleh pihak persendirian atau swasta yang mempunyai nilai sejarah dan ketamadunan negara.

YB Mersing

Tuan Yang Dipertua,

30. Berhubung cadangan YB Mersing supaya Muzium Arkeologi dinaiktaraf dan diperkukuhkan perjawatan konservator. Kementerian ini melalui Jabatan Muzium Malaysia (JMM) yang bertanggungjawab ke atas pengurusan muzium-muzium persekutuan sentiasa berusaha untuk memastikan kemudahan dan prasarana awam yang disediakan di muzium-muzium berada dalam keadaan yang baik, selamat dan selesa.
31. Terdapat beberapa buah muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia yang berasaskan tapak arkeologi iaitu:
 - ▶ Muzium Arkeologi Lembah Bujang (sedang dinaiktaraf)
 - ▶ Muzium Chimney
 - ▶ Muzium Kota Kayang
 - ▶ Muzium Kota Kuala Kedah
 - ▶ Muzium Kota Johor Lama

32. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konservasi di Malaysia secara umumnya dilaksanakan di bawah beberapa jabatan dan agensi kerajaan iaitu Jabatan Muzium Malaysia (JMM), Arkib Negara Malaysia (ANM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Jabatan Warisan Negara (JWN) dan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara kerana ia meliputi konservasi koleksi yang terdiri daripada artifak, dokumen dan manuskrip serta konservasi monumen dan juga tapak tanah bersejarah.
33. Perjawatan konservator adalah terangkum di dalam Skim Perkhidmatan Kurator, Penolong Kurator dan Pembantu Muzium. Bidang tugas dan tanggungjawab skim perkhidmatan ini termasuklah pengurusan pemeliharaan dan pemuliharaan koleksi serta spesimen yang dilaksanakan oleh konservator.
34. Kementerian melalui Jabatan Muzium Malaysia sedang merancang untuk mengukuhkan pengurusan perjawatan konservator menerusi Pelan Strategik Jabatan Muzium Malaysia 2023 -2027. Jabatan Muzium Malaysia akan meneliti skim perkhidmatan Kurator, Penolong Kurator dan Pembantu Muzium mendapat pengiktirafan mengikut bidang pengkhususan tugas yang dilakukan termasuklah penyandang yang melaksanakan kerja-kerja konservasi.

PENUTUP

35. Dengan peruntukan Belanjawan 2024 ini, Kementerian akan berusaha untuk melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.



**PENGGULUNGAN
PERBAHASAN
RANG UNDANG-
UNDANG
PERBEKALAN 2024
PERINGKAT
JAWATANKUASA**



**DI PERINGKAT JAWATANKUASA
SELASA , 7 NOVEMBER 2023**

(MAKSUD B. 14 – KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA)

Tuan Yang di-Pertua,

Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan Malaysia MADANI,

1. Terlebih dahulu Kementerian Perpaduan Negara ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan dan telah menyentuh isu berkaitan Kementerian Perpaduan Negara.
2. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menghargai dan menyambut baik Belanjawan 2024 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri, pada 13 Oktober 2023. Belanjawan ini jelas menunjukkan komitmen Kerajaan untuk mengangkat taraf ekonomi negara.
3. Bagi pihak Kementerian Perpaduan Negara, saya mengucapkan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri kerana telah meluluskan peruntukan keseluruhan 2024 sebanyak RM635,821,900. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM547,590,900 untuk perbelanjaan Mengurus (OE) dan sebanyak RM88,231,000 untuk perbelanjaan Pembangunan (DE). Terdapat peningkatan sebanyak 11.29% daripada peruntukan tahun 2023 iaitu berjumlah RM64,480,400.

4. Di samping itu, Kementerian Perpaduan Negara juga sangat menghargai kelulusan peruntukan tambahan bagi melaksanakan inisiatif di bawah Ikhtiar 11: Memperkukuh Perpaduan dan Keselamatan sebanyak RM20 juta bagi memperkasa Model Kawasan Rukun Tetangga (KRT) bagi mengukuhkan peranan KRT sebagai penggerak utama dan penghubung jalin (bridge builder) bagi merealisasikan aspirasi masyarakat progresif.
5. Dalam konteks ini, Kementerian akan memastikan semua peruntukan yang diluluskan akan diuruskan secara cekap dan bertanggungjawab bagi mencapai hasrat pemegang taruh Kementerian dan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.
6. Kementerian Perpaduan Negara akan melaksanakan program-program yang dirancang pada tahun 2024 dengan menggunakan peruntukan yang diluluskan (“we will make do”) selaras dengan prinsip Kerajaan MADANI yang mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan rakyat Malaysia.
7. Bagi perbelanjaan Mengurus sebanyak RM547,590,900, pecahan kategori peruntukan adalah seperti berikut:

OBJEK AM	PERKARA	PERUNTUKAN 2023 (RM)	PERUNTUKAN 2024 (RM)	% BEZA
10000	Emolumen	197,954,200	201,245,000	+1.66%
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	248,899,000	261,128,500	+4.91%
30000	Aset	6,649,900	10,924,600	+93.36%

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

OBJEK AM	PERKARA	PERUNTUKAN 2023 (RM)	PERUNTUKAN 2024 (RM)	% BEZA
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran tetap	87,126,200	72,322,800	-16.99%
50000	Lain-Lain Perbelanjaan	1,966,000	1,970,000	+0.20%
	JUMLAH	541,595,300	547,590,900	+1.11%

8. Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM547,590,900 ini juga diagihkan mengikut Kementerian/Jabatan seperti berikut:

BIL	KEMENTERIAN / JABATAN	PERUNTUKAN 2023 (RM)	PERUNTUKAN 2024 (RM)	% BEZA
1	Kementerian Perpaduan Negara	32,736,700	25,908,700	-20.86%
2	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)	319,351,700	315,361,000	-1.25%
3	Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)	49,799,800	101,029,000	+10.02%
4	Jabatan Muzium Malaysia (JMM)	48,100,000	50,503,000	+5.00%
5	Arkib Negara Malaysia (ANM)	91,607,100	54,789,200	+10.29%
	JUMLAH	541,595,300	547,590,900	+1.11%

**UCAPAN PENGGULUNGAN PERBAHASAN
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2024
DI PERINGKAT JAWATANKUASA
SELASA , 7 NOVEMBER 2023**

(MAKSUD P. 14 – KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA)

Tuan Yang di-Pertua,

Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan Malaysia MADANI,

3. Bagi Peruntukan Pembangunan 2024, sebanyak RM88,231,000.00 telah diluluskan melibatkan 5 projek baru dan 29 projek sambungan RMKe-12. Peruntukan ini adalah tambahan sebanyak 196.61% berbanding peruntukan yang diluluskan tahun 2023 iaitu RM29,746,200. Perincian program dan projek 2024 adalah seperti berikut:

BUTIRAN PROJEK	TAJUK	BILANGAN PROJEK	PERUNTUKAN 2024 (RM)
00100	Pembaikan, Naik Taraf dan Ubah Suai Premis Perpaduan di Kementerian Perpaduan Negara	16	7,000,000
17200	Pusat Aktiviti Perpaduan	2	5,300,000
17300	Pusat Rukun Tetangga	8	54,600,000

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

BUTIRAN PROJEK	TAJUK	BILANGAN PROJEK	PERUNTUKAN 2024 (RM)
17500	PPP/PFI	1	4,081,000
42700	Naiktaraf Bangunan-Bangunan Arkib Negara Malaysia	2	5,300,000
45100	Ubahsuai dan Naiktaraf Muzium	3	10,500,000
50000	Perpustakaan Negara Malaysia	2	1,450,000
JUMLAH		34	88,231,000

Perincian Projek

Butiran Projek	00100
Tajuk Projek	Pembaikan, Naik Taraf Dan Ubah Suai Premis Perpaduan Di Kementerian Perpaduan Negara

2. Kementerian Kewangan telah memperuntukkan sebanyak RM7,000,000 bagi Projek Pembaikan, Naik Taraf dan Ubah Suai Premis Perpaduan di Kementerian Perpaduan Negara seperti berikut:

BIL	PROJEK	KOS KESELURUHAN (RM)	PERUNTUKAN 2024 (RM)
1	Projek Pembaikan, Ubah Suai dan Naik Taraf Premis Perpaduan di Negeri Perlis	300,000	40,000
2	Projek Pembaikan, Ubah Suai dan Naik Taraf Premis Perpaduan di Negeri Kedah	2,950,000	1,316,000

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

BIL	PROJEK	KOS KESELURUHAN (RM)	PERUNTUKAN 2024 (RM)
3	Projek Pembaikan, Ubah Suai dan Naik Taraf Premis Perpaduan di Negeri Pulau Pinang	1,050,000	34,000
4	Projek Pembaikan, Ubah Suai dan Naik Taraf Premis Perpaduan di Negeri Perak	950,000	40,000
5	Projek Pembaikan, Ubah Suai dan Naik Taraf Premis Perpaduan di Negeri Sembilan	1,600,000	800,000
6	Projek Pembaikan, Ubah Suai dan Naik Taraf Premis Perpaduan di Negeri Melaka	1,000,000	200,000
7	Projek Pembaikan, Ubah Suai dan Naik Taraf Premis Perpaduan di Negeri Johor	1,800,000	500,000
8	Projek Pembaikan, Ubah Suai dan Naik Taraf Premis Perpaduan di Negeri Selangor	1,200,000	400,000
9	Projek Pembaikan, Ubah Suai dan Naik Taraf Premis Perpaduan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	2,700,000	1,000,000
10	Projek Pembaikan, Ubah Suai dan Naik Taraf Premis Perpaduan di Negeri Pahang	850,000	500,000

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

BIL	PROJEK	KOS KESELURUHAN (RM)	PERUNTUKAN 2024 (RM)
11	Projek Pembaikan, Ubah Suai dan Naik Taraf Premis Perpaduan di Negeri Terengganu	350,000	50,000
12	Projek Pembaikan, Ubah Suai dan Naik Taraf Premis Perpaduan di Negeri Kelantan	550,000	400,000
13	Projek Pembaikan, Ubah Suai dan Naik Taraf Premis Perpaduan di Negeri Sabah	3,050,000	1,000,000
14	Projek Pembaikan, Ubah Suai dan Naik Taraf Premis Perpaduan di Negeri Sarawak	1,200,000	500,000
15	Projek Pembaikan, Ubah Suai dan Naik Taraf Premis Perpaduan di Wilayah Persekutuan Labuan	300,000	120,000
16	Projek Pembaikan, Ubah Suai dan Naik Taraf Premis Perpaduan di Wilayah Persekutuan Putrajaya	150,000	100,000
	JUMLAH	20,000,000	7,000,000

Perincian Projek

Butiran Projek	17200
Tajuk Projek	Pusat Aktiviti Perpaduan

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

3. Kementerian Kewangan telah memperuntukkan sebanyak RM5,300,000 bagi butiran di bawah Pusat Aktiviti Perpaduan seperti berikut:

BIL	BUTIRAN PROJEK	KOS PROJEK (RM)	PERUNTUKAN 2024 (RM)	STATUS
1	Pembinaan Baru Kompleks Perpaduan Perlis	16,800,000	5,000,000	Projek Sambungan RMKe-12
2	Menaiktaraf Pusat Aktiviti Perpaduan Taman Sri Rampai Kepada Pusat Latihan Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN)	1,600,000	300,000	Projek Baru RMKe-12
JUMLAH		18,400,000	5,300,000	



**JAWAPAN
BERTULIS
PENGKULUNGAN
PERBAHASAN
RANG UNDANG-
UNDANG
PERBEKALAN 2024**



PARLI
MALA



DASAR & PERANCANGAN





JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

BAJET LUAR NEGARA

YB Puan Hajah Rodziah Binti Ismail [Ampang] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan mengenai keperluan bertugas di luar negara naik ke RM1juta.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Setelah tiga tahun penubuhan dan pementapan agenda pemeraksanaan perpaduan di peringkat tempatan, Kementerian Perpaduan Negara kini perlu membina hubungan kerjasama strategik di peringkat antarabangsa bagi mengetengahkan keunikan Malaysia dalam memperkasa agenda perpaduan nasional.
2. Keperluan Kementerian melaksanakan program penandaarasan berdasarkan amalan baik global (global best practices) juga perlu diteliti memandangkan agensi-agensi baharu di bawah seliaan Kementerian seperti Arkib Negara Malaysia (ANM) dan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) terlibat secara aktif di dalam program kerjasama dan penyelidikan di peringkat antarabangsa.
3. Oleh yang demikian, bagi tahun 2024, antara cadangan awal adalah untuk diadakan Lawatan Penanda Aras ke Australia bagi mempelajari model:
 - i. Pelaksanaan Multicultural Framework oleh Department of Home Affairs; dan
 - ii. Australia Harmony Week.
4. Anggaran keperluan ke luar negara ini turut melibatkan penglibatan agensi-agensi di bawah KPN, iaitu muzium, arkib

dan perpustakaan. Agensi-agensi ini mempunyai keanggotaan dengan badan-badan di peringkat antarabangsa serta aktif dalam menyertai persidangan, kerjasama pameran, program pembinaan kapasiti dan sebagainya. Penglibatan ini dilihat penting bagi mengukuhkan kolaborasi strategik di peringkat antarabangsa serta berkongsi kepakaran dalam memastikan kesinambungan dalam usaha memelihara khazanah warisan negara.

5. Program kerjasama ke luar negara oleh Kementerian ini akan dapat mengetengahkan keunikan Malaysia dalam memperkasa agenda perpaduan nasional serta mengekalkan warisan khazanah negara yang berimpak tinggi terhadap kelestarian tamadun bangsa dan peradaban negara.

Sekian, terima kasih.





JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

BAJET LUAR NEGARA

YB Dr. Siti Mastura Binti Muhammad [Kepala Batas] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan mengenai program khusus B 050100 bertugas ke luar negara.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Kenaikan mendadak peruntukan bertugas ke luar negara Kementerian ini adalah berikutan perpindahan 3 agensi iaitu Arkib Negara, Perpustakaan Negara dan Jabatan Muzium Malaysia dari MOTAC ke KPN. Ketiga-tiga agensi ini adalah merupakan anggota keahlian tetap institusi profesional masing-masing di peringkat antarabangsa. Ketiga-tiga agensi ini perlu menghadiri persidangan, mesyuarat dan pembentangan profesionalisme serta imej negara di mata dunia.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

BLUEPRINT PERPADUAN

YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan sejauh manakah kerajaan mahu bekerjasama dengan semua stakeholders atau golongan berkepentingan, termasuk Ahli Parlimen Pembangkang untuk menghasilkan Blueprint Perpaduan Nasional yang betul-betul mantap dan inklusif?

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Terima kasih diucapkan kepada YB Kapar di atas soalan dikemukakan kepada Kementerian.
2. Untuk makluman YB, Kementerian Perpaduan Negara telah menghasilkan Dasar Perpaduan Negara yang telah dilancarkan pada 15 Februari 2021 yang dilihat selari dan bertepatan dengan dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan amalan nilai-nilai murni di kalangan masyarakat seluruh keluarga Malaysia.
3. Selain daripada Dasar Perpaduan Negara yang merupakan dasar payung kepada agenda perpaduan nasional, Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030 juga perlu dilihat bersama bagi menjelaskan lagi langkah-langkah strategik yang perlu diambil agar ia dapat menghasilkan impak secara langsung kepada rakyat.
4. Selain daripada dua dokumen dasar tersebut, Kementerian Perpaduan Negara juga telah menghasilkan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 yang merentasi Kementerian/agensi, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan swasta bagi mencapai agenda perpaduan nasional.
5. Bagi menyokong agenda membangun Malaysia MADANI, Kementerian ini juga telah menghasilkan Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI yang menjurus kepada dua fokus utama iaitu Kemasyarakatan dan Kebudayaan.

6. Kembara Perpaduan Malaysia MADANI memayungi tiga (3) kluster program yang berpaksikan kepada pencapaian objektif Dasar Perpaduan Negara melalui penglibatan dan kerjasama semua pihak termasuklah pemimpin, agensi Kerajaan, pihak swasta, NGO, CSO dan masyarakat secara keseluruhannya.

7. Tiga (3) kluster program tersebut adalah seperti berikut:
 - a. Semarak Kenegaraan
Program kenegaraan yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.

 - b. Semarak Perpaduan
Program untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dgn konsep perpaduan dalam kepelbagaian.

 - c. Komuniti Rahmah
Program yang dirangka bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggemblengan tenaga semua pihak KPN, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti.

8. Dengan penghasilan dokumen dasar, pelan tindakan dan inisiatif program yang komprehensif, agenda memperkukuh perpaduan

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui kerjasama pelbagai pihak di setiap peringkat daripada peringkat Kementerian hingga ke peringkat komuniti.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

FUNGSI BAHAGIAN DI KEMENTERIAN

YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan mengenai butiran 020200 dan 020300, menyenaraikan perbezaan antara Perhubungan Masyarakat dan Pembangunan Masyarakat dan apakah program yang akan dilaksanakan?

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Bahagian Pembangunan Masyarakat

1. Untuk makluman YB, Bahagian Pembangunan Masyarakat bertanggungjawab untuk menggalakkan pembangunan sosioekonomi masyarakat dan memupuk kesepaduan sosial menerusi jaringan kerjasama antara agensi kerajaan, universiti, pusat latihan kemahiran dan sektor swasta melibatkan Jentera Perpaduan yang merangkumi Kawasan Rukun Tetangga, Tabika Perpaduan, Taska Genius Perpaduan, Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara ke arah pembudayaan perpaduan.

2. Bahagian ini berfungsi dengan tiga (3) Seksyen seperti berikut:
 - ▶ Seksyen Kolaborasi Strategik
 - ▶ Seksyen Kesepaduan Sosial
 - ▶ Seksyen Naziran

3. Antara program yang akan dilaksanakan di bawah bahagian ini adalah:
 - ▶ Sambutan Minggu Perpaduan
 - ▶ Explorasi Rukun Negara

- ▶ Ini Warisan Kita
- ▶ Liga Sukan Uniti
- ▶ FoodUnites
- ▶ Pengajaran Bahasa Siam
- ▶ Kempen Cakap Baik-Baik
- ▶ Galeri Uniti
- ▶ Pameran Rumah Etnik
- ▶ Simposium Rukun Negara
- ▶ Konvensyen Friends of Unity
- ▶ Konvensyen Mediator Komuniti

Bahagian Perhubungan Masyarakat

4. Manakala, Bahagian Perhubungan Masyarakat menyelaras usaha-usaha untuk mempertingkatkan dan memperkukuhkan perpaduan masyarakat, memupuk keharmonian di kalangan penganut agama dan memantau serta mengesan isu dan konflik yang berpotensi menggugat perpaduan dalam masyarakat. Bahagian ini mempunyai 3 Seksyen iaitu;
 - ▶ Seksyen Keharmonian Agama
 - ▶ Seksyen Pengurusan Perpaduan
 - ▶ Seksyen Kajian Petunjuk Perpaduan

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

5. Antara program yang akan diadakan oleh bahagian ini pula adalah:

- ▶ Mesyuarat Jawatankuasa Antara Penganut Agama
- ▶ Wacana Keharmonian
- ▶ Program Interfaith
- ▶ Bicara Harmoni Madani
- ▶ Tinta Harmoni Madani
- ▶ Sambutan Hari Toleransi Sedunia
- ▶ Sambutan Minggu Harmoni Sedunia

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

GOLONGAN MINORITI

YB Tuan Ganabatirau a/l Veraman [Klang] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan Peruntukan sebanyak RM2.68 juta dianggar untuk dibelanja demi pembangunan masyarakat. Saya percaya ini adalah satu peruntukan yang sangat kecil. Untuk masyarakat yang begitu besar dalam Malaysia, 30 juta penduduk, RM2.68 juta adalah satu jumlah yang sangat-sangat kecil. Saya percaya Kementerian Perpaduan patut mohon lebih banyak peruntukan lagi. Apakah rancangan Kementerian Perpaduan untuk memperkasakan suara kaum minoriti dan pastikan mereka tidak terasa dirinya sebagai orang asing menggunakan peruntukan ini? Adakah inisiatif yang dipelan ini akan membantu mengurangkan rasa salah faham dan perbezaan antara kaum majoriti dan minoriti?

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Terima kasih diucapkan kepada YB Klang di atas soalan dikemukakan kepada Kementerian.
2. Seiring dengan hasrat YAB Perdana Menteri untuk membangun Malaysia MADANI, Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif menghasilkan Kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian (Unity in Diversity) bagi menyusun agenda perpaduan dengan lebih inklusif dan bersepadu berpandukan Dasar Perpaduan Negara (DPN).
3. Flagship program yang diperkenalkan adalah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI melibatkan tiga (3) kluster program seperti berikut:
 - i. Semarak Kenegaraan;
 - ii. Semarak Perpaduan; dan
 - iii. Komuniti Rahmah.
4. Melalui kerangka yang dibangunkan, pelbagai program disusun meliputi peringkat persekutuan sehingga ke akar umbi yang turut melibatkan pemimpin, agensi Kerajaan, pihak swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO), CSO dan masyarakat secara keseluruhannya tanpa meminggirkan mana-mana kelompok Masyarakat bertujuan untuk mempromosi serta memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.
5. Antara program yang dilaksanakan adalah Ini Warisan Kita.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

Program ini merupakan program yang bertujuan untuk mengekal dan menyemarakkan adat dan budaya masyarakat pelbagai kaum terutamanya melibatkan kelompok minoriti, dan meningkatkan penerimaan masyarakat terhadap perbezaan sekali gus dapat meraikan kepelbagaian.

6. Antara elemen yang ditekankan di dalam program ini adalah pengajaran dan pengkayaan bahasa ibunda sesuatu kaum kepada komuniti setempat bertujuan untuk meraikan kewujudan kepelbagaian bahasa dalam masyarakat Malaysia. Melalui program ini juga, masyarakat akan lebih memahami sensitiviti sesuatu kaum melalui penggunaan bahasa ibunda.
7. Program ini membawa prinsip asas memahami, menghormati dan menerima terhadap tiga (3) kluster warisan kita iaitu budaya, bahasa dan adat.
8. Perbezaan kaum, agama dan budaya dalam masyarakat di negara ini menjadi satu keunikan dan keistimewaan buat negara kita. Oleh yang demikian, pelaksanaan program oleh Kementerian ini adalah bersifat terangkum tanpa meminggirkan mana-mana pihak serta tidak fokus kepada kelompok tertentu sahaja.
9. Dengan penghasilan dokumen dasar, pelan tindakan dan inisiatif program yang dirancang, agenda perpaduan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui kerjasama dan kesepakatan daripada semua golongan masyarakat tanpa mengira fahaman dan ideologi bagi memastikan keamanan, keharmonian dan perpaduan dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.





JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

PROGRAM

YB Tuan Ganabatirau a/l Veraman [Klang] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan apakah program-program yang telah atau sedang dirancang oleh Kementerian Perpaduan Negara kita untuk memupuk perpaduan atau masyarakat pelbagai kaum dalam negara kita menggunakan peruntukan tersebut. Sebab tadi saya telah menyatakan yang majoriti satu-satu negara majoritinya rasa terancam. Bagaimana dapat mendidik mereka.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Terima kasih diucapkan kepada YB Klang di atas soalan dikemukakan kepada Kementerian.
2. Seiring dengan hasrat YAB Perdana Menteri untuk membangun Malaysia MADANI, Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif menghasilkan Kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian (Unity in Diversity) bagi menyusun agenda perpaduan dengan lebih inklusif dan bersepadu berpandukan Dasar Perpaduan Negara (DPN).
3. Flagship program yang diperkenalkan adalah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI melibatkan tiga (3) kluster program seperti berikut:
 - i. Semarak Kenegaraan
Program kenegaraan yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.

- ii. Semarak Perpaduan
Program untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dengan konsep perpaduan dalam kepelbagaian.
- iii. Komuniti Rahmah
Program yang dirangka bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggembleran tenaga semua pihak KPN, agensi Kerajaan, swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti.
4. Melalui kerangka yang dibangunkan, pelbagai program disusun meliputi peringkat persekutuan sehingga ke akar umbi yang turut melibatkan pemimpin, agensi Kerajaan, pihak swasta, NGO, CSO dan masyarakat secara keseluruhannya bertujuan untuk mempromosi serta memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.
5. Dengan penghasilan dokumen dasar, pelan tindakan dan inisiatif program yang dirancang, agenda perpaduan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui kerjasama dan kesepakatan daripada semua golongan masyarakat tanpa mengira fahaman dan ideologi bagi memastikan keamanan, keharmonian dan perpaduan dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.





JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

PROGRAM

YB Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permatang Pauh] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan apakah perancangan pihak kerajaan untuk memupuk semangat saling menghormati antara kita di kalangan orang dewasa, beliau malah pelajar di dalam negara kita ini, khususnya dengan memberikan penekanan agar golongan majoriti menghormati golongan minoriti di dalam negara ini.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Terima kasih diucapkan kepada YB Permatang Pauh, di atas soalan dikemukakan kepada Kementerian.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, halatuju inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah untuk mencapai satu matlamat yang cukup besar iaitu mewujudkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu, demokratik, liberal, progresif dan sopan-santun. Halatujui ini dinyatakan dengan jelas di bawah Dasar Perpaduan Negara yang telah digubal berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.
3. Seiring dengan hasrat YAB Perdana Menteri untuk membangun Malaysia MADANI, Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif menghasilkan Kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian (Unity in Diversity) bagi menyusun agenda perpaduan dengan lebih inklusif dan bersepadu berpandukan Dasar Perpaduan Negara (DPN).
4. Flagship program yang diperkenalkan adalah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI melibatkan tiga (3) kluster program seperti berikut:

- i. Semarak Kenegaraan
Program kenegaraan yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.
 - ii. Semarak Perpaduan
Program untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dengan konsep perpaduan dalam kepelbagaian.
 - iii. Komuniti Rahmah
Program yang dirangka bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggemblengan tenaga semua pihak KPN, agensi Kerajaan, swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti.
5. Sehingga bulan September 2023, sebanyak 433 program telah dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara serta melalui agensi Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, Muzium, Arkib Perpustakaan, Yayasan Sukarelawan Siswa, Yayasan Tunku Abdul Rahman dan Yayasan Tun Razak.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

6. Dengan penghasilan dokumen dasar, pelan tindakan dan inisiatif program yang dirancang, agenda perpaduan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui kerjasama dan kesepakatan daripada semua golongan masyarakat tanpa mengira fahaman dan ideologi bagi memastikan keamanan, keharmonian dan perpaduan dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

PROGRAM

YB Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menyelaraskan kepada semua kementerian dan program-program bersama kementerian? Kerana kita lihat program-program kementerian itu berbeza dengan Kementerian Perpaduan ini.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Terima kasih diucapkan kepada YB Segamat di atas soalan dikemukakan kepada Kementerian.
2. Untuk makluman YB, Kementerian Perpaduan Negara memainkan peranan sebagai peneraju agenda perpaduan nasional yang bersifat inklusif merentasi pelbagai golongan masyarakat demi kemakmuran bersama.
3. Dasar Perpaduan Negara (DPN) dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030 merupakan dokumen utama Kementerian dalam merangka halatuju agenda perpaduan nasional dan dokumen dasar yang dihasilkan adalah selari dengan Kerangka MADANI yang menekankan kepada Perlembagan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas pembentukan negara dan penyatu paduan masyarakat.
4. Program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian di dalam Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI juga adalah berdasarkan kepada tiga (3) teras utama Dasar Perpaduan Negara seperti berikut;
 - i. Patriotisme dan demokrasi;
 - ii. Identiti nasional; dan
 - iii. Ekosistem perpaduan.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

5. Melalui kerangka yang dibangunkan, pelbagai program disusun meliputi peringkat persekutuan sehingga ke akar umbi yang turut melibatkan pemimpin, agensi Kerajaan, pihak swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO), CSO dan masyarakat secara keseluruhannya bertujuan untuk mempromosi serta memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

6. Kementerian Perpaduan Negara akan terus menjadi peneraju kepada agenda perpaduan negara. Selain itu, kerjasama merentasi Kementerian-Kementerian dan Agensi Kerajaan serta NGO yang berkaitan akan terus diperkasa bagi memastikan benih-benih perpaduan dapat disemai di semua lapisan masyarakat.

Sekian, terima kasih.





JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

FUNGSI KEMENTERIAN

YB Tuan Haji Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta Menteri Perpaduan Negara mohon pertimbangkan agar Muzium dan Perpustakaan Negara dikembalikan kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bagi menentukan hala tuju yang jelas kerana adanya rungutan daripada kakitangan awam. Hal ini bertepatan dengan amalan di negara-negara lain kebanyakannya meletakkan Perpustakaan dan Muzium sebagai instrumen untuk memperkenalkan identiti dan sejarah negara. Begitu juga apabila kakitangan negara kita mewakili negara ke peringkat antarabangsa, Muzium dan Perpustakaan Negara berada di bawah seni budaya.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) yang kini di bawah Kementerian Perpaduan Negara bertekad mengekalkan jati diri bangsa berteraskan prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Rukun Negara. Perpustakaan sebagai agen perpaduan yang juga menjadi medium dan landasan untuk masyarakat bertukar pandangan, mengembang idea dan melaksanakan pembaharuan dalam kalangan masyarakat yang berpandukan konsep dan asas masyarakat madani melalui program/aktiviti pembudayaan ilmu dan pemeliharaan khazanah intelek negara.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

MPPN

**YB Dato' Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta
Menteri Perpaduan Negara menyatakan apakah pencapaian
yang telah dicapai di bawah Majlis Penasihat Perpaduan
Negara setakat ini?**

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Pada tahun 2020, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah menubuhkan Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) yang berperanan untuk menasihati Kerajaan dalam hal-ehwal perpaduan serta membincangkan isu-isu perpaduan, usaha-usaha penyatuan nasional (national reconciliation) dari pelbagai sudut dan mencadangkan kaedah penyelesaian terbaik kepada Kerajaan untuk menangani isu dan cabaran perpaduan bagi terus mengukuhkan agenda perpaduan nasional.
2. Bagi sesi 2020-2022, MPPN telah dipengerusikan oleh YB Menteri Kanan Kluster Sosial dan dianggotai oleh 23 orang tokoh masyarakat yang dilantik oleh YAB Perdana Menteri. Keahlian MPPN merangkumi pelbagai sektor termasuk wakil dari Badan Bukan Kerajaan (NGO), badan korporat, ahli akademik, ahli politik, ahli sukan dan individu yang berpengalaman dan berkepakaran dalam bidang perpaduan.
3. Manakala bagi sesi 2023-2025, MPPN dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri II dan dianggotai oleh 18 orang tokoh masyarakat merangkumi pelbagai sektor termasuk wakil dari Badan Bukan Kerajaan (NGO), pihak swasta, ahli akademik, aktivis masyarakat, pengamal media, belia dan individu yang berpengalaman dan berkepakaran dalam bidang perpaduan.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

4. Kriteria pelantikan ahli-ahli MPPN adalah mereka terdiri daripada individu yang berpengalaman serta komited terhadap perpaduan negara dan integrasi nasional serta mempunyai kredibiliti, bersifat inklusif, terbuka, neutral dan mempunyai pandangan konstruktif serta mewakili semua lapisan masyarakat.
5. Selaras dengan terma rujukan yang ditetapkan bagi MPPN, perancangan Majlis ini dalam menangani isu dan cabaran perpaduan adalah seperti berikut:
 - i) Menjadi forum untuk membincangkan isu dan masalah yang sukar dan kompleks bagi merintis jalan penyelesaian ke arah jurang yang menghalang perpaduan;
 - ii) Menjana idea ke arah penggubalan Dasar Perpaduan Negara yang holistik dan komprehensif;
 - iii) Melaksanakan strategi komunikasi berkesan bagi mengekang sebarang penularan isu perkauman dan pergeseran salah faham agama dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini;
 - iv) Mengenalpasti dan mengesyorkan bidang-bidang kajian yang diperlukan bagi memantapkan lagi agenda perpaduan negara ke arah mewujudkan masyarakat yang harmoni dan negara yang makmur; dan
 - v) Memastikan terdapat usaha-usaha perpaduan secara bersepadu dari peringkat kebangsaan, negeri dan daerah tanpa mengira fahaman politik agar semua lapisan masyarakat Malaysia mempunyai satu suara yang sama dan bergerak menuju matlamat Malaysia MADANI

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

6. Dalam tempoh 2020-2022, sebanyak dua (2) mesyuarat MPPN sahaja dapat diadakan akibat penularan wabak COVID-19 dalam tempoh tersebut. Pada tahun 2023, Mesyuarat MPPN yang pertama telah diadakan pada 20 Julai 2023 bertempat di Jabatan Perdana Menteri manakala mesyuarat yang kedua dijadual untuk diadakan pada 20 November 2023 di Parlimen. Memandangkan MPPN merupakan satu platform diskusi yang berupaya membincangkan isu-isu dan cabaran perpaduan secara lebih strategik, pandangan dan nasihat yang dikemukakan oleh ahli-ahli Majlis akan diangkat untuk makluman dan pertimbangan Jemaah Menteri agar dapat dijadikan dasar atau strategi untuk disampaikan bagi tujuan pelaksanaan di peringkat negeri dan daerah.
7. Antara pencapaian MPPN adalah:
- i) Menasihati Kerajaan dalam penggubalan Dasar Perpaduan Negara yang pertama dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030 di bawah KPN;
 - ii) Membantu KPN dalam pembangunan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030;
 - iii) Membantu KPN dalam penyediaan Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030 dan Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030
 - iv) Membantu Kerajaan dalam memberikan pandangan dan cadangan terhadap usaha KPN untuk memperkasakan Rukun Tetangga sebagai penggerak komuniti progresif;

- v) Menasihati KPN dalam menambahbaik pelaksanaan Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 3.0 pada tahun 2024; dan
- vi) Membantu KPN dalam menambahbaik pelaksanaan bentuk-bentuk program di bawah flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI.

Sekian, terima kasih.



RUKUN NEGARA





JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

RUKUN NEGARA

YB Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan dengan Rukun Negara ini, kena dibahaskan, kena dicerakinkan dan diajar soal berkaitan dengan lima prinsip Rukun Negara ini. Bukan setakat kita cakap saja. Bukan yang pertama kita cakap, kesetiaan kepada-kepercayaan, Perlembagaan, undang-undang, kesopanan dan kesusilaan.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Rukun Negara adalah satu ideologi untuk menyeragamkan fahaman kalangan pelbagai kelompok etnik di negara ini. Tujuan utama adalah untuk membentuk perpaduan yang lebih kukuh dalam kalangan rakyat Malaysia.

2. Rukun Negara menggariskan hasrat dan kesungguhan negara:
 - i. Mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat dikalangan semua masyarakatnya;

 - ii. Memelihara satu cara hidup demokratik;

 - iii. Mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara dapat dinikmati secara adil dan saksama;

 - iv. Membentuk satu sikap yang prihatin terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak; dan

 - v. Membina sebuah masyarakat yang progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

RUKUN NEGARA

YB Dr. Siti Mastura Binti Muhammad [Kepala Batas] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan apakah jenis-jenis program yang akan dilaksanakan bagi memperkasakan seperti inti pati Rukun Negara dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbeza agama dan juga kaum.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Pernyataan Rukun Negara menggariskan cita-cita dan lima prinsip sebagai pegangan dan panduan membentuk asas perpaduan dan identiti negara Malaysia ke arah merealisasikan hasrat Malaysia menjadi sebuah negara yang makmur dan stabil.
2. Antara inisiatif dari Kementerian Perpaduan Negara bagi meningkatkan penghayatan Rukun Negara adalah melalui pelaksanaan Program Eksplorasi Rukun Negara di tiga (3) peringkat iaitu:
 - i. Peringkat awam yang diadakan di Pusat Membeli Belah MyTown Kuala Lumpur pada 12 hingga 13 Ogos 2023;
 - ii. Peringkat sekolah yang diadakan di Sekolah Rendah Kebangsaan Bukit Bintang pada 14 Ogos 2023;
 - iii. Peringkat Institut Pengajian Tinggi Awam yang diadakan di Universiti Putra Malaysia pada 20 Oktober 2023; dan
 - iv. Keputusan Jemaah Menteri bagi pelaksanaan lafaz ikrar Rukun Negara melibatkan penjawat awam telah dikuatkuasakan pada 25 Ogos 2023. Beberapa kementerian dan agensi kerajaan telah pun mula membudayakan bacaan lafaz ikrar dalam majlis-majlis rasmi.
3. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara komited untuk meneruskan program seperti ini di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

RUKUN NEGARA

YB Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan dengan Rukun Negara ini, kena dibahaskan, kena dicerakinkan dan diajar soal berkaitan dengan lima prinsip Rukun Negara ini. Bukan setakat kita cakap saja. Bukan yang pertama kita cakap, kesetiaan kepada-kepercayaan, Perlembagaan, undang-undang, kesopanan dan kesusilaan.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Rukun Negara adalah satu ideologi untuk menyeragamkan fahaman kalangan pelbagai kelompok etnik di negara ini. Tujuan utama adalah untuk membentuk perpaduan yang lebih kukuh dalam kalangan rakyat Malaysia.

2. Rukun Negara menggariskan hasrat dan kesungguhan negara:
 - i. Mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat dikalangan semua masyarakatnya;

 - ii. Memelihara satu cara hidup demokratik;

 - iii. Mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara dapat dinikmati secara adil dan saksama;

 - iv. Membentuk satu sikap yang prihatin terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak; dan

 - v. Membina sebuah masyarakat yang progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

SAMBUTAN 55 TAHUN RUKUN NEGARA

YB Dato' Sri Saifuddin Bin Abdullah [Indera Mahkota] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan apakah tahun depan akan dibuat program-program yang khusus bagi mempersiapkan sambutan Rukun Negara 55 tahun pada tahun 2025 sehingga ia menjadi benar-benar suatu falsafah kehidupan rakyat Malaysia yang di-internalize, dihayati.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berikut adalah perkara yang dirancang oleh Kementerian Perpaduan Negara pada tahun 2024 dan seterusnya :
 - i. Ekplorasi Rukun Negara
Bagi menyemarakkan lagi penghayatan dan pemahaman rukun negara, Kementerian akan terus mengadakan inisiatif ERN di bawah flagship Kembara Perpaduan yang akan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat, aspirasi inisiatif ini adalah untuk meningkatkan penghayatan rukun negara sebagai wadah penyatupaduan rakyat Malaysia.
 - ii. Memperkasakan KRT sebagai penggerak masyarakat yang progresif.
Melalui perbelanjaan tahun 2024, sejumlah RM 20 juta telah diperuntukkan untuk memperkasakan peranan KRT sebagai rujukan sosial yang menyediakan perkhidmatan dan penyebaran maklumat serta memupuk perpaduan dalam komuniti.
 - iii. Kajian Index Perpaduan Nasional (IPNAS) 3.0
Kementerian akan menjalankan kajian IPNAS 3.0 pada tahun 2024 untuk mengukur pencapaian tahap perpaduan semasa dalam kalangan rakyat Malaysia. IPNAS adalah sebuah indeks nasional yang menjadi kayu ukur terhadap keberkesanan pelaksanaan inisiatif dan program oleh kerajaan untuk

memastikan sumbangannya kepada tahap perpaduan dan keharmonian negara.

iv. Harmoni MADANI

Inisiatif baru ini akan dijalankan bagi memupuk semangat penerimaan dan budaya hormat menghormati dalam kalangan rakyat Malaysia. Konsep utama yang akan diterapkan adalah “Faham, Hormat dan Terima” sebagai pegangan utama masyarakat berbilang kaum, agama dan bangsa.

Sekian, terima kasih.



PERHUBUNGAN MASYARAKAT





JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

ISLAMOFOBIA

YB Tuan Haji Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan perhubungan masyarakat berfungsi salah satu bahagian untuk mengukuhkan hubungan antara kaum dan agama. Namun, sehingga ke hari ini, negara kita masih menghadapi cabaran dalam mengurangkan sentimen Islamofobia. Begitu juga dengan posting- posting yang dilihat mengacau sentimen perpaduan masyarakat yang saya tidaklah nak kata bahawa ia bermaksud demikian, tetapi, posting seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Teluk Intan sebagai contoh.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Objektif penubuhan Bahagian Perhubungan Masyarakat adalah untuk menyelaras usaha-usaha ke arah mempertingkatkan dan memperkukuhkan perpaduan masyarakat, memupuk keharmonian di kalangan penganut agama dan memantau serta mengesan isu dan konflik yang berpotensi menggugat perpaduan dalam masyarakat.
2. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah melaksanakan program dan aktiviti di bawah flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang memayungi tiga (3) kluster program yang berpaksikan kepada pencapaian objektif Dasar Perpaduan Negara iaitu Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah.
3. Antara aktiviti yang berfokus kepada menyemarakkan semangat perpaduan dan keharmonian beragama dalam kalangan masyarakat berbilang kaum dan budaya adalah seperti berikut:
 - a) Program Harmoni MADANI: Perpaduan dalam kepelbagaian yang telah dilaksanakan di setiap negeri seluruh negara;
 - b) Forum Kesihatan Rohani Menurut Agama-Agama Sempena Sambutan Minggu Keharmonian Antara Agama Sedunia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang telah dilaksanakan pada Januari 2023;

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

- c) Program Bicara Harmoni: Prinsip Rukun Negara sebagai asas kepada titik perpaduan dan integrasi nasional yang dilaksanakan secara bersiri sebanyak lima (5) siri pada Oktober yang lalu;
 - d) KPN telah mewujudkan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) bagi meningkatkan kefahaman terhadap pelbagai agama; membincangkan isu-isu yang boleh menggugat keharmonian agama dan ketenteraman awam; dan mencadangkan dasar-dasar kepada Kerajaan berteraskan nilai agama. Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) yang telah diadakan pada 28 Oktober 2023 di The Westin Hotel Kuala Lumpur dipengerusikan bersama dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama. Jawatankuasa HARMONI dianggotai oleh 30 orang ahli yang terdiri daripada wakil Kerajaan, pemimpin badan-badan keagamaan dan wakil-wakil pertubuhan di Malaysia iaitu tiga orang wakil Kerajaan, sepuluh orang wakil agama Islam, empat orang wakil agama Buddha, empat orang wakil agama Kristian, dua orang wakil agama Hindu, dua orang wakil agama Tao, seorang wakil agama Sikh, seorang wakil agama Baha'i dan seorang wakil dari Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain (UNIFOR) Sarawak; dan
 - e) Program Tinta Harmoni yang dilaksanakan sepanjang tahun melalui pendekatan media sosial dalam mengungkapkan berhubung keharmonian dan perpaduan Masyarakat.
4. Bagi mengekang posting - posting yang dilihat mengacau sentimen perpaduan masyarakat, negara kita mempunyai beberapa akta yang telah digubal bagi menghadapi isu-isu ini seperti Akta Hasutan 1948 dan Akta Penerbitan dan Mesin

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

Cetak penguatkuasaannya di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) serta Akta Komunikasi Multimedia penguatkuasaannya di bawah Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD). Akta sedia ada ini mampu mengawal keadaan negara daripada penularan isu-isu sensitif dalam memastikan keharmonian dan perpaduan kaum terus terpelihara.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

AGAMA

YB Datuk Willie Anak Mongin [Puncak Borneo] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan mengenai kancah politik konflik Palestin-Israel ini di mana dari kaca mata saya, program solidariti ini harus dilaksanakan di peringkat setiap Parlimen secara sopan dan aman dan sepatutnya diterajui oleh Kementerian Perpaduan dengan pengisian doa mengikut fahaman agama masing-masing, elemen penerapan kemanusiaan dan penanaman benih perpaduan.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Kementerian Perpaduan Negara (KPN), menyambut baik keprihatinan yang diberikan berhubung dengan isu konflik Palestin-Israel. Sebagaimana yang telah acap kali disuarakan oleh YAB Perdana Menteri bahawa Malaysia tetap konsisten dalam menyatakan pendirian dan sokongan tidak berbelah bahagi terhadap perjuangan Palestin termasuk di peringkat antarabangsa di Pentas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.
2. KPN juga terus dengan usaha melaksanakan program dan aktiviti di bawah program flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang memayungi tiga (3) kluster program yang berpaksikan kepada pencapaian objektif Dasar Perpaduan Negara iaitu Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

AGAMA

YB Datuk Willie Anak Mongin [Puncak Borneo] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan Butiran 020200 – Perhubungan Masyarakat. Begitu rendah iaitu RM1.8 juta lebih kurang dan saya memohon supaya peruntukan ini boleh ditambah dan peruntukan ini juga boleh disalurkan kepada Bahagian Perhubungan Masyarakat supaya mereka dapat melaksanakan program di setiap kawasan Parlimen bersama dengan Ahli Parlimen tanpa mengira latar belakang parti mereka. Ini demi keharmonian agama, pengurusan perpaduan dan juga pemantauan petunjuk perpaduan.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menyambut baik usaha untuk tambahan peruntukan di bawah Bahagian Perhubungan Masyarakat namun perkara ini tertakluk kepada tambahan dari Kementerian Kewangan Malaysia. Sungguhpun demikian, KPN akan melaksanakan program-program yang dirancang pada tahun 2024 dengan mengguna pakai peruntukan yang diluluskan (“we will make do”) selaras dengan prinsip Kerajaan MADANI yang mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan rakyat Malaysia dengan mengambil kira penglibatan semua lapisan masyarakat dalam memperkasa perpaduan di negara ini.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

IPNas

YB Dato' Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan mengenai semakan semula Indeks Perpaduan Nasional (IPNas). Berapakah indeks perpaduan yang telah dicapai dalam negara kita setakat ini? Adakah kementerian bercadang menyemak semula komposisi Indeks Perpaduan Nasional yang mengandungi tujuh konstruksi dan juga 34 dimensi demi memperhalusi dan menambah baik satu-satunya petunjuk prestasi utama bagi Kementerian Perpaduan yang dijangka mencecah 0.7 peratus.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) adalah sebuah indeks nasional yang menjadi kayu ukur terhadap keberkesanan pelaksanaan inisiatif dan program oleh Kerajaan untuk memastikan sumbangannya kepada tahap perpaduan dan keharmonian negara.
2. Skor Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2022 ialah 0.629 menunjukkan peningkatan 6.25% berbanding skor 0.567 tahun 2018 yang bermaksud perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia berada pada tahap sederhana dan terkawal.
3. Pengukuran tahap perpaduan IPNas perlu dilaksanakan sebanyak dua (2) kali dalam tempoh lima (5) tahun untuk mencapai skor 0.7 menjelang tahun 2025 seperti mana yang telah ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) iaitu pada tahun 2022 dan 2024.
4. Tahap perpaduan rakyat diukur berdasarkan 5 konstruk kesepaduan sosial, iaitu Tahap Keetnikan, Hubungan Sosial Rentas Etnik, Etos Bangsa, Tadbir Urus dan Pembangunan dan Defisit Sosial. Manakala terdapat enam (6) Dimensi Kesepaduan Sosial, iaitu Rasa Kekitaan, Penyertaan, Kesamarataan, Pengiktirafan, Legitimasi dan Keterangkuman.
5. Kementerian Perpaduan Negara akan menyemak semula komposisi Indeks Perpaduan Nasional. Kementerian akan mengukur tahap perpaduan melalui pelaksanaan kajian

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

mengikut zon iaitu Semenanjung, Sabah, Sarawak dan juga laporan kajian melibatkan keseluruhan negara.

6. Melalui kaedah ini, KPN dapat menilai kawasan mana yang mempunyai tahap perpaduan yang paling baik dan faktor-faktor yang mewujudkan suasana tersebut. Amalan terbaik dan kaedah daripada kawasan tersebut akan digunakan sebagai model untuk dicontohi di kawasan lain di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.





JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

HARI KEHARMONIAN KAUM

YB Dato' Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan mengenai pelaksanaan Hari Keharmonian Kaum.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Kementerian Perpaduan Negara melaksanakan program-program keharmonian antara penganut agama dan kaum setiap tahun dibawah Program Harmoni. Program Harmoni ini adalah salah satu sub program di bawah payung Program Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) yang dilaksanakan dengan kerjasama NGO Agama, Agensi Kerajaan/Swasta dan pelajar IPT/IPTA.
2. Di bawah Kerangka Membangun Malaysia MADANI, Program Harmoni telah dikategorikan di bawah kluster kedua program flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI iaitu Semarak Perpaduan dengan fokus meraikan dan menghargai kepelbagaian lapisan rakyat dalam aspek agama, budaya, adat resam, bahasa dan nilai murni.
3. Antara program yang dirancang adalah:
 - i. Program Harmoni Madani: Keharmonian Dalam Kepelbagaian Agama ;
 - ii. Program Tinta Harmoni: Ungkapan Harmoni;
 - iii. Program Tinta Harmoni: Eksperimen Sosial; dan
 - iv. Program Bicara Harmoni: Mencari Titik Perpaduan.
4. Program Harmoni MADANI: Keharmonian Dalam Kepelbagaian Agama adalah program turun padang berkolaborasi dengan

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

pelbagai Agensi Kerajaan/ Bukan Kerajaan/ Badan Korporat / IPT bersama-sama Exco Perpaduan di seluruh negeri.

5. Pada tahun ini, 16 Program Harmoni Madani bertemakan "Malaysia MADANI Dalam Kepelbagaian Agama" telah berjaya dilaksanakan oleh JPNIN Negeri dengan kerjasama persatuan dan badan pelbagai agama di institusi kebajikan di bawah kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan institusi swasta yang terpilih di seluruh Malaysia pada bulan Februari 2023 bersempena Sambutan Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia. Seramai 400 orang sukarelawan dan lebih 1800 penerima manfaat turut terlibat dalam program ini.
6. Pengisian program merangkumi pelbagai aktiviti khidmat masyarakat termasuk gotong royong, Majlis Ramah Mesra dan pemberian sumbangan Kotak Rahmah kepada para penghuni di institusi-institusi kebajikan peringkat negeri.
7. Selain itu, Program Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 seperti:
 - i. Program Tinta Harmoni: Ungkapan Harmoni
Program ini merupakan program penggalakan iaitu berbentuk hebahan mesej-mesej harmoni dan perpaduan antara agama melalui poster dan video kreatif dan dihebahkan di media sosial.
 - ii. Program Tinta Eksperimen Sosial: Membudayakan Perpaduan dan Meraikan Kepelbagaian
Program ini adalah program kolaborasi bersama RTM sempena Sambutan Hari Merdeka 2023

Program ini telah diadakan secara rakaman oleh Penerbit RTM pada 25 Ogos 2023 dengan penglibatan seramai 10 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik di Malaysia. Rakaman program ini telah disiarkan dalam Laporan Khas Berita Perdana RTM 1 pada 30 Ogos 2023 pukul 8.00 malam.

Program ini diwujudkan bagi menggalakkan pemahaman, toleransi, kerjasama dan perpaduan dalam kalangan responden. Melalui program ini jabatan dapat mengumpul maklum balas langsung daripada responden tentang persepsi, kesan dan kesediaan berinteraksi dengan rakan-rakan berlainan agama dan pegangan dalam kehidupan mereka. Secara tidak langsung melalui pelaksanaan program ini jabatan dapat menilai pengaruh penggunaan media sosial pada sikap dan tingkah laku responden tentang kepelbagaian agama.

KPN merancang untuk meneruskan lagi program seumpamanya ini pada tahun depan dengan diperluaskan lagi penglibatannya kepada orang awam khususnya para belia dan murid-murid sekolah.

iii. Program Bicara Harmoni: Mencari Titik Perpaduan

Program ini telah dilaksanakan secara bersiri sebanyak lima (5) siri pada Oktober yang lalu. Program ini merupakan program perbincangan berbentuk ilmiah yang dilaksanakan secara rakaman atau dialog interaksi dalam bentuk digital audio (podcast) ini dilihat semakin diminati dan menjadi pilihan generasi muda masa kini. Kaedah ini amat berkesan dan bersesuaian dengan dinamik persekitaran dan keperluan semasa generasi masa kini dalam mengakses ilmu baharu, fahaman dan penghayatan nilai murni mengenai kepelbagaian agama dalam negara.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

8. Selain daripada itu, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) juga telah mewujudkan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) bagi meningkatkan kefahaman terhadap pelbagai agama; membincangkan isu-isu yang boleh menggugat keharmonian agama dan ketenteraman awam; dan mencadangkan dasar-dasar kepada Kerajaan berteraskan nilai agama.

9. Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) yang pertama telah diadakan pada 28 Oktober 2023 di The Westin Hotel Kuala Lumpur dan dipengerusikan bersama Menteri Perpaduan Negara dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama.

10. Jawatankuasa HARMONI dianggotai oleh 30 orang ahli yang terdiri daripada wakil Kerajaan, pemimpin badan-badan keagamaan dan wakil-wakil pertubuhan di Malaysia iaitu tiga orang wakil Kerajaan, sepuluh orang wakil agama Islam, empat orang wakil agama Buddha, empat orang wakil agama Kristian, dua orang wakil agama Hindu, dua orang wakil agama Tao, seorang wakil agama Sikh, seorang wakil agama Baha'i dan seorang wakil dari Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain (UNIFOR) Sarawak.

Sekian, terima kasih.



KOMUNIKASI KORPORAT



PARLI
MALA



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

MESEJ PERPADUAN

YB Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permatang Pauh] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan dua (2) platform ini iaitu TikTok dan juga Twitter ini perlu diberikan penekanan yang lebih berkaitan dengan mesej perpaduan.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) sentiasa menitikberatkan penggunaan media baharu sebagai salah satu platform dalam menyampaikan mesej-mesej perpaduan kepada masyarakat Malaysia dengan lebih meluas seperti Whatsapp, Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok. Berikut merupakan nama akaun media sosial tersebut:
 - i. Whatsapp Channel : Kementerian Perpaduan Negara
 - ii. Facebook : Kementerian Perpaduan Negara
 - iii. Instagram : @perpaduannegara
 - iv. Twitter : @perpaduannegara
 - v. TikTok : @perpaduan_negara

2. Merujuk kepada persoalan YB Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan, KPN sememangnya mempunyai akaun rasmi TikTok dan Twitter. Sehingga kini, jumlah pengikut TikTok KPN adalah seramai 6,782 dan Twitter seramai 7,016.

3. Antara kempen perpaduan yang diadakan melalui platform ini adalah seperti:-
 - i. Kempen #cakapbaikbaik;
 - ii. TikTok Challenge 'Kongsi Cerita Merdeka';
 - iii. TikTok Challenge 'Jom UNITES';

- iv. Food Unites: Ini Warisan Kita;
 - v. Galleri UNITI;
 - vi. Kembara Muzium;
 - vii. Rukun Negara;
 - viii. Sambutan Minggu Perpaduan;
 - ix. Road Tour Perpaduan;
 - x. Liga Sukan UNITI;
 - xi. UNITI Berita Challenge;
 - xii. Ziarah Kasih 'Pesta Bola Merdeka';
 - xiii. Jom Gerak Muhibah 'Kembara Perpaduan';
 - xiv. Tuisyen KAMI;
 - xv. Citra Merdeka; dan
 - xvi. Debat Perpaduan dan Wacana Perpaduan.
4. Dalam menjayakan kempen-kempen ini, KPN turut bekerjasama dengan pempengaruh bagi menyampaikan mesej perpaduan dengan pengguna platform TikTok dan Twitter. Penggunaan hashtag khas untuk kempen juga dilaksanakan bagi meningkatkan keberkesanan dan penglibatan pengguna platform tersebut. Melalui platform ini, KPN dapat mencapai audiens yang meluas dalam usaha menyampaikan mesej-mesej perpaduan secara maya.
5. Berdasarkan statistik Creator Centre TikTok Analytics TikTok rasmi KPN sehingga 7 November 2023, seramai 648 ribu tontonan video telah dapat dicapai dan sebanyak 19,151 orang pelawat yang mengunjungi akaun tersebut TikTok KPN juga telah menerima sebanyak 106.8 ribu tanda suka serta menerima interaksi/ komen yang memberangsangkan daripada pengikut atau pelawat.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

6. Bagi Twitter rasmi KPN pula, berdasarkan Twitter Analytics sehingga 7 November 2023, sebanyak 58.8 ribu impressions diterima dan meningkat secara progresif dari masa ke semasa.

KEMPEN #CAKAPBAIKBAIK

7. #cakapbaikbaik adalah satu lagi inisiatif KPN untuk meraih minat orang awam melibatkan diri dengan program-program yang dianjurkan pihak Kementerian Perpaduan Negara.
8. Program ini berbentuk pertandingan klip video dan video Public Service Advertisement (PSA) kempen Budi Bahasa anjuran Kementerian Perpaduan Negara dengan menggunakan platform aplikasi digital popular TikTok yang telah bermula pada Ogos sehingga November 2023.
9. Data menunjukkan bahawa tontonan hashtag #cakapbaikbaik di platform tiktok telah mencapai 3.3 juta tontonan. Kesenambungan daripada itu, #Jom Unite Tik Tok Challenge pula telah mendapat sebanyak 1.7 juta tontonan.
10. Berdasarkan statistik, daripada Tik Tok Analytics bagi #perpaduannegara dan #kementerianperpaduannegara telah mencapai sebanyak 1.3 juta tontonan. Data terkini tontonan daripada pempengaruh adalah sebanyak 1.41 juta.

KEMBARA MUZIUM

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

11. #KembaraMuzium kini telah mencapai 256.4 ribu tontonan dengan 37 video penyertaan daripada pelbagai akaun setakat 31 Julai 2023 ini. Angka tontonan dan video penyertaan tersebut telah menunjukkan peningkatan yang sangat positif.

JOM UNITE TIKTOK CHALLENGE

12. Jom Unite TikTok Challenge merupakan sebuah pertandingan kandungan digital yang mengajak pengguna aplikasi TikTok yang kian mengembang di Malaysia. Pertandingan ini bermula dari bulan Mac sehingga hujung April 2023 dan telah mendapat sambutan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan kaum.
13. Kempen tersebut diterajui oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN), bermatlamat untuk menanamkan sikap saling hormat-menghormati dan menghargai kepelbagaian antara pengguna TikTok di negara kita. Aplikasi TikTok sudah pasti menjadi platform digital terbaik yang boleh dimanfaatkan untuk menyampaikan mesej tersebut kepada semua rakyat Malaysia.
14. #JomUniteTikTokChallenge kini telah mencapai 563.9K tontonan dengan 63 video penyertaan daripada pelbagai akaun. Jumlah penyertaan dan tontonan dijangka meningkat setiap hari kerana menerima penyertaan baru setiap hari

#SELEKSI PANTUN KAMI

15. Perkembangan tontonan hashtag mengikut tarikh di platform tiktok bagi #seleksipantunkami adalah sebanyak 1.7 juta.

PERANCANGAN JANGKA MASA PANJANG

16. Walau bagaimanapun, cabaran kewujudan media baharu seumpama platform ini pada masa hadapan turut menjadi persediaan KPN dalam menyahut perubahan teknologi digital. Antara langkah proaktif yang menjadi landasan KPN dalam memastikan platform seumpama ini digunakan untuk menyampaikan mesej-mesej perpaduan adalah:
- i. Meneruskan kerjasama dengan pempengaruh:
Mengenalpasti dan bekerjasama dengan lebih banyak pempengaruh yang mempunyai impak besar dan relevan di platform sosial utama.
 - ii. Kandungan yang berkualiti:
Memberi fokus kepada penghasilan kandungan menarik dan berkualiti tinggi yang boleh menyentuh hati masyarakat.
 - iii. Penglibatan komuniti:
Mewujudkan dialog dan interaksi dengan komuniti secara langsung, seperti sesi soal jawab atau pertandingan yang melibatkan pengikut.
 - iv. Analisis prestasi:
Memantau prestasi kempen secara berkala dan menggunakan maklum balas untuk meningkatkan prestasi kempen.
 - v. Kesenambungan:
Memastikan usaha perpaduan yang berterusan tanpa

mengabaikan peluang untuk memperkukuhkan lagi mesej perpaduan.

17. Melalui pelaksanaan langkah-langkah tersebut, KPN akan dapat membina kewujudan yang mampan di platform media sosial dan sekali gus memberi impak positif kepada Masyarakat dalam menyampaikan mesej-mesej perpaduan.
18. Secara keseluruhannya, mendapati peranan media massa dan media sosial sangat penting dalam menyebarkan segala isu yang berkaitan dengan aspek perpaduan secara cepat dan meluas. Hal ini dapat memupuk semangat cintakan negara dalam diri masyarakat serta membangkitkan kesedaran rakyat Malaysia dalam mencapai kesepaduan sosial kepada seluruh masyarakat dan negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta dan bangga akan tanah air.

Sekian, terima kasih.



KAWASAN RUKUN TETANGGA



PARLI
MALA



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

PUSAT RUKUN TETANGGA

YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan mengenai mengapa peruntukan Pusat Rukun Tetangga meningkat pada tahun 2024 peruntukan RM54 juta dibandingkan tahun 2023. Sila perincikan dan begitu juga dengan naik taraf ubah suai di kementerian, peruntukan RM7 juta.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Peruntukan Pembangunan tahun 2024 meningkat disebabkan Geran Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebanyak RM50 juta yang diluluskan di bawah peruntukan Mengurus pada tahun 2023 telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan bagi Belanjawan 2024.
2. Agihan peruntukan sebanyak RM7,000,000 bagi Projek Pembaikan, Naik Taraf dan Ubah Suai Premis Perpaduan di Kementerian Perpaduan Negara adalah seperti berikut:

BIL	AGIHAN PROJEK (NEGERI)	PERUNTUKAN 2024 (RM)
1	Perlis	40,000
2	Kedah	1,316,000
3	Pulau Pinang	34,000
4	Perak	40,000
5	Negeri Sembilan	800,000
6	Melaka	200,000
7	Johor	500,000
8	Selangor	400,000
9	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	1,000,000

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

BIL	AGIHAN PROJEK (NEGERI)	PERUNTUKAN 2024 (RM)
10	Pahang	500,000
11	Terengganu	50,000
12	Kelantan	400,000
13	Sabah	1,000,000
14	Sarawak	500,000
15	Wilayah Persekutuan Labuan	120,000
16	Wilayah Persekutuan Putrajaya	100,000
JUMLAH		7,000,000

Sekian, terima kasih.





JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

KRT AKTIF

YB Dr. Siti Mastura Binti Muhammad [Kepala Batas] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan berapakah jumlah Kawasan Rukun Tetangga yang masih aktif di setiap negeri sehingga kini? Bagaimanakah peruntukan KRT itu diagihkan? Penyertaan anak muda dalam KRT dapat membantu mengurangkan isu sosial setempat. Mencadangkan agar Kementerian Perpaduan dapat bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan dengan memasukkan program ini sebagai sebahagian daripada inisiatif Rakan Muda bagi menarik minat anak muda menyertainya.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Sehingga kini, sebanyak 7,761 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang aktif berbanding 8,348 KRT di seluruh negara (data sehingga bulan Disember 2023; Bilangan KRT sehingga Oktober 2023 – 8,397 KRT).
2. Setiap KRT Aktif diberikan peruntukan geran sebanyak RM6,000.00 setahun untuk tadbir urus dan pelaksanaan program/aktiviti berdasarkan empat (4) Agenda Gerak Kerja KRT iaitu:
 - a) Gerak Kerja KRT Sejahtera;
 - b) Gerak Kerja KRT Selamat;
 - c) Gerak Kerja KRT Sihat; dan
 - d) Gerak Kerja KRT Bersih dan Indah.
3. Penglibatan golongan muda dalam KRT digerakkan melalui Jiran Muda yang ditubuhkan sebagai satu kelompok di bawah Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (JKRT) untuk menarik dan melibatkan golongan muda dalam aktiviti-aktiviti kejurangan dan pembangunan komuniti. Antara lain, peranan Jiran Muda ialah untuk:
 - a) Merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti untuk keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian komuniti setempat, khususnya golongan muda;

- b) Meningkatkan daya kepimpinan golongan muda sebagai golongan pemimpin pelapis dalam komuniti setempat;
 - c) Menggalakkan pembudayaan kreativiti dan daya inovasi golongan muda dalam komuniti; dan
 - d) Meningkatkan kefahaman golongan muda mengenai kepelbagaian masyarakat di Malaysia.
4. Antara program/aktiviti yang dilaksanakan oleh Jiran Muda ialah Bengkel Young, Effective and Smart (YES), Jom Kenali Budaya Kita, Keusahawanan, Sukan Uniti, Jom Sihat, Kem dan lain-lain lagi.
5. Kementerian sentiasa bersedia bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan dalam penganjuran program/aktiviti yang bersesuaian untuk golongan muda.

Sekian, terima kasih.





JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

GERAN KRT

**YB Dr. Siti Mastura Binti Muhammad [Kepala Batas] minta
Menteri Perpaduan Negara menyatakan mengenai kenaikan
kadar geran KRT.**

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Pada masa kini, kadar geran Rukun Tetangga adalah sebanyak RM6,000.00 setahun. Jumlah peruntukan ini sememangnya tidak mencukupi untuk membiayai kos pentadbiran dan pelaksanaan program/aktiviti Rukun Tetangga. Justeru itu, Kementerian telah mengkaji peruntukkan ini dan mencadangkan supaya kadar geran ini dinaikkan daripada RM6,000.00 kepada sekurang-kurangnya RM10,000.00 setahun.

2. Keperluan kenaikan kadar geran ini adalah selaras dengan inisiatif anjakan besar pembudayaan masyarakat Madani yang digariskan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 di mana Rukun Tetangga akan diperkasa sebagai penggerak dan perantara penting dalam penganjuran program komuniti, kesukarelawanan dan kenegaraan dalam peringkat akar umbi. Bagi tujuan tersebut, fokus pelaksanaan program/aktiviti mestilah yang berimpak tinggi kepada komuniti yang bertujuan untuk:
 - a) Memperkukuhkan daya kepimpinan Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (JKRT) dan komuniti sebagai pemangkin perpaduan.

 - b) Memperkasakan peranan Rukun Tetangga sebagai penggerak masyarakat progresif;

 - c) Mewujudkan persekitaran kejiranan yang selamat dan kondusif;

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

- d) Memperkasakan ekonomi komuniti untuk menjana pendapatan dan meningkatkan kesejahteraan komuniti;
- e) Memelihara warisan dan budaya sebagai tapak integrasi untuk memupuk keharmonian dalam komuniti; dan
- f) Memperkasakan jentera Rukun Tetangga (Skim Rondaan Sukarela, Skuad Uniti & Mediator Komuniti) dan kelompok komuniti (Jiran Muda, Jiran Wanita, Jiran Warga Emas dan Tunas Jiran).

Sekian, terima kasih.



TABIKA PERPADUAN





JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

TABIKA PERPADUAN DI KAPAR

YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan mengenai butiran 030300 & 030400. Berapakah jumlah tabika perpaduan di Kapar dan berapakah penambahan Tabika Perpaduan di Kapar tahun 2024? Penjelasan mengenai bantuan makanan tambahan dan bantuan geran per kapita bagi Tabika Perpaduan.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Jumlah Tabika Perpaduan di seluruh negara termasuk di kawasan bandar dan pinggir bandar adalah sebanyak 1,781. Terdapat sebanyak 11 Tabika Perpaduan beroperasi di kawasan Parlimen P109 Kapar, Selangor. Ini termasuk empat Tabika Perpaduan di DUN N42 Meru, tiga di DUN N43 Sementa dan selebihnya empat di DUN N44 Selat Klang.
2. Tabika Perpaduan ini telah dibangunkan untuk menjadi institusi unggul JPNIN ke arah penyediaan pendidikan awal yang berkualiti kepada kanak-kanak berusia empat sehingga enam tahun daripada pelbagai latar belakang etnik. Fokus utama Tabika Perpaduan adalah membentuk kemenjadian murid yang berilmu dan berketerampilan dengan suntikan nilai-nilai murni, perpaduan dan kenegaraan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Bantuan Makanan Tambahan

3. Terdapat peningkatan peruntukan Bantuan Makanan Tambahan (BMT) bagi tahun 2023 berbanding tahun 2024. Kadar kenaikan BMT bagi Tabika Perpaduan ialah RM3.00 bagi tahun 2024 berbanding RM2.00 bagi tahun 2023 di Semenanjung Malaysia manakala bagi Sabah dan Sarawak, RM3.25 bagi tahun 2024 berbanding RM2.25 bagi tahun 2023.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

4. Jumlah keseluruhan peruntukan BMT tahun 2024 ialah RM30,545,687.50 berbanding RM21,195,437.50. Terdapat peningkatan sebanyak 44.1 %. Kenaikan BMT ini bakal memberi manfaat kepada kira-kira 40 ribu murid di 1,781 Tabika Perpaduan dan 41 buah Taska Genius Perpaduan. Bantuan Makanan Tambahan (BMT) merupakan salah satu inisiatif kerajaan di dalam memastikan kemenjadian kanak-kanak berkembang secara seimbang dari segi jasmani dan rohani, yang mana aspek pemakanan sihat dan seimbang adalah salah satu elemen yang menjadi keutamaan.

Bantuan Geran Per kapita Tabika Perpaduan

5. Bantuan Geran per kapita Tabika Perpaduan kekal sama bagi tahun 2023 dan 2024 sebanyak RM 4,452,500. Kiraan bagi setiap tahun adalah seperti berikut:
 - i. $25 \text{ murid} \times 1,781 \text{ Tabika Perpaduan} \times \text{RM}100.00 = \text{RM}4.45 \text{ juta}$
6. Geran ini digunakan bagi pengurusan dan pentadbiran kelas:
 - i. Pembelian peralatan/bahan bantu mengajar;
 - ii. Perbelanjaan aktiviti kelas;
 - iii. Mesyuarat; dan
 - iv. Bil utiliti.

Sekian, terima kasih.





JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

NISBAH MURID DI TABIKA PERPADUAN

YB Tuan Ganabatirau a/l Veraman [Klang] minta Menteri Perpaduan Negara mengeluarkan nisbah kaum di Tabika-tabika Perpaduan di seluruh negara supaya kita dapat tahu bahawa adakah program-program khusus ini memanfaatkan perwakilan daripada semua kaum. Pada masa yang sama, saya ingin tanya apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Perpaduan Negara untuk menggalakkan lebih banyak pelajar-pelajar daripada kaum minoriti menyertai Tabika-tabika Perpaduan ini.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan tiada sebarang keciciran bagi kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun untuk menerima pendidikan separa formal iaitu pendidikan awal kanak-kanak. Sehingga kini, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) mempunyai sebanyak 1,781 buah Tabika Perpaduan diseluruh negara dengan jumlah murid 36, 619 murid Tabika Perpaduan sehingga ogos 2023. Daripada jumlah ini kaum Melayu 28,237 orang (77%) India 604 orang (2%) Cina 2,116 orang(6%) Kadazan 679 orang (2%) Iban 1,227 orang (3%) Lain-lain 3,756 orang (10%).
2. Seजार dengan penubuhan Kementerian Perpaduan Negara pada bulan Mac 2020, konsep Tabika Perpaduan telah dimantapkan dengan memberi penumpuan kepada penghayatan pendidikan Rukun Negara dan Nilai-Nilai Murni bagi memupuk semangat perpaduan dan cintakan Negara.

Inisiatif yang dilaksanakan untuk menarik perhatian penyertaan ke Tabika Perpaduan

a) Pengajaran Pendidikan Rukun Negara

Tujuannya adalah untuk memupuk semangat patriotisme dancintakan negaradiperingkatawalusiakanak-kanak. Murid Tabika Perpaduan diberikan pengetahuan dan pemahaman bagaimana prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

Negara boleh diamalkan dalam kehidupan seharian dan meraikan kepelbagaian kaum yang ada dalam persekitaran mereka.

- b) Pengajaran Komunikasi Asas Pelbagai di Tabika Perpaduan
Memberi pendedahan kepada murid tentang asas komunikasi bahasa kaum-kaum utama di Malaysia. Bahasa ketiga yang diajar adalah seperti berikut:
 - a. Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil (di Tabika Perpaduan Semenanjung Malaysia dan W.P. Labuan);
 - b. Bahasa Kadazan (Di Tabika Peraduan di Negeri Sabah);
 - c. Bahasa Iban (Di Tabika Perpaduan Negeri Sarawak);dan
 - d. Bahasa Isyarat di seluruh Tabika Perpaduan.
- c) Buku Aktiviti Khusus untuk Tabika Perpaduan dan Lembaran Kerja

Nilai tambah dari segi elemen kenegaraan, perpaduan dan nilai murni dalam setiap buku tersebut. Buku yang diterbitkan adalah :

- i. Buku Bahasa Melayu;
 - ii. Buku Bahasa Inggeris;
 - iii. Buku Matematik Awal;
 - iv. Buku Sains Awal; dan
 - v. Buku Pendidikan Moral.
- d) Pelaksanaan Aktiviti di Tabika Perpaduan Berteraskan elemen Kenegaraan, Perpaduan dan Nilai Murni

Ini adalah bagi membentuk murid yang lebih menghayati dan memahami berkaitan dengan perpaduan dan nilai murni.

3. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sentiasa komited bagi memastikan agenda perpaduan dapat dilaksanakan diperingkat awal usia lagi dalam membentuk sebuah masyarakat yang harmoni dan bersatu padu.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

BANTUAN MAKANAN TAMBAHAN

YB Tuan Ganabatirau a/l Veraman [Klang] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan di mana peruntukan sebanyak RM30.2 juta diperuntukkan untuk program Bantuan Makanan Tambahan Tabika Perpaduan. Ini adalah satu inisiatif yang sangat membantu. Walau bagaimanapun kita harus memastikan inisiatif seperti ini memanfaatkan anak-anak kita daripada semua kaum.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Terdapat peningkatan peruntukan Bantuan Makanan Tambahan (BMT) bagi tahun 2023 berbanding tahun 2024. Kadar kenaikan BMT bagi Tabika Perpaduan ialah RM3.00 bagi tahun 2024 berbanding RM2.00 bagi tahun 2023 di Semenanjung Malaysia manakala bagi Sabah dan Sarawak, RM3.25 bagi tahun 2024 berbanding RM2.25 bagi tahun 2023.
2. Jumlah keseluruhan peruntukan BMT bagi Tabika Perpaduan dan Taska Genius Perpaduan tahun 2024 ialah RM30,545,687.50 berbanding RM21,195,437.50. Terdapat peningkatan sebanyak 44.1%. Kenaikan BMT ini bakal memberi manfaat kepada kira-kira lebih 40,000 murid di 1,781 Tabika Perpaduan dan 41 Taska Genius Perpaduan. Bantuan Makanan Tambahan (BMT) merupakan salah satu inisiatif kerajaan di dalam memastikan kemenjadian kanak-kanak berkembang secara seimbang dari segi jasmani dan rohani, yang mana aspek pemakanan sihat dan seimbang adalah salah satu elemen yang menjadi keutamaan.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

TABIKA PERPADUAN DI SEGAMAT

YB Tuan Ganabatirau a/l Veraman [Klang] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan di mana peruntukan sebanyak RM30.2 juta diperuntukkan untuk program Bantuan Makanan Tambahan Tabika Perpaduan. Ini adalah satu inisiatif yang sangat membantu. Walau bagaimanapun kita harus memastikan inisiatif seperti ini memanfaatkan anak-anak kita daripada semua kaum.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Kementerian Perpaduan Negara telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM352,207.00 bagi kerja-kerja pembaikan Tabika Perpaduan Daerah Segamat. Peruntukan pembaikan ini diambil daripada Projek Pembaikan, Ubah Suai Dan Naik Taraf Premis Perpaduan tahun 2023 yang telah disalurkan oleh pihak Kementerian Ekonomi kepada Kementerian Perpaduan Negara.
2. Sebanyak 8 premis Tabika Perpaduan di Daerah Segamat telah mendapat manfaat melalui penyaluran ini yang melibatkan kerja-kerja pembaikan tabika untuk tujuan keselamatan dan keselesaan pelajar. Senarai terperinci bagi kerja-kerja pembaikan dan jumlah penyaluran bagi setiap premis adalah seperti di jadual berikut:

**SENARAI PERMOHONAN PEMBAIKAN TAHUN 2023 DAN 2024
JABATAN: JABATAN PERPADUAN NEGARA
DAN INTEGRASI NASIONAL
NEGERI : JOHOR**

BIL	NAMA PREMIS	NCGARAN KOS PEMBAIKAN (RM)	UTIRAN KEROSAKAN / JUSTIFIKASI	PERABOT	ANGGARAN KOS PERABOT (RM)	JUSTIFIKASI PERABOT	TEMPOH SIAP KERJA (Mula-akhir)			
							2023		2024	
							Mula	Siap	Mula	Siap
1	TABIKA PERPADUAN BALAI BOMBA SUKARELA CHAAH DAERAH : SEGAMAT	50,000	1. Memasang penutup keluli gril untuk parit berukuran 300mm x 60.00m 2. Membuka dan membuang satu unit tandas cangkung seramik sedia ada serta memasang satu unit tandas duduk seramik baru 3. Membaik pulih bumbung logam berukuran 6.00m x 6.00m 4. Mengecat semula keseluruhan bangunan berukuran 5.18m x 15.54m 5. Memasang satu unit pintu pagar keluli tahan karat gril berukuran 1050mm x 4800mm 6. Memasang 8 unit soket 13 AMP serta pendawaian 7. Membuka rangkai pagar sedia ada dan membekal, membina dan menyiapkan tembok batu bata berlepa simen plaster di permukaan tembok	-	-	-	SEPT	OKT	-	-
2	TABIKA PERPADUAN BANDAR CHAAH 1 DAERAH : SEGAMAT	50,000	1. Memasang 4 unit pintu papan lapis berserta pintu keluli gril 2. Mengecat semula keseluruhan bangunan 3. Memasang 4 unit soket serta pendawaian 4. Membuka dan membuang satu unit tangki air sedia ada dan memasang satu unit tangki air baru serta memasang paip air berkaitan 5. Membuka dan membuang satu unit tandas cangkung seramik sedia ada serta memasang satu unit tandas duduk seramik baru 6. Memasang 9 unit tiub tunggal LED berukuran 1200mm 7. Membaik pulih bumbung logam dan siling simen fiber 8. Memasang satu unit loceng elektrik pada tiang pintu utama 9. Mengecat semula tembok 1. Membuka dan membuang 8 unit tingkap logam berbilang kaca sedia ada serta memasang 8 unit tingkap berbingkai aluminium dan kaca dan boleh gelongsor	-	-	-	SEPT	OKT	-	-

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

3	TABIKA PERPADUAN KUATERS IPD SEGAMAT DAERAH : SEGAMAT	60,000	baru 2. Mengecat semula keseluruhan bangunan 3. Membuka dan membuang 8 unit pintu sedia ada dan memasang baru 8 unit pintu papan lapis baru 4. Memasang mozek di dalam pejabat dan ruang pelajar 5. Memasang 3 unit pintu keluli gril 6. Memasang 2 unit tandas duduk seramik untuk kanak-kanak 7. Memasang satu unit pintu tandas aluminium	-	-	-	SEPT	OKT	-	-
4	TABIKA PERPADUAN KG JAWA SEGAMAT DAERAH : SEGAMAT	50,000	1. Membuka dan membuang satu unit pintu sedia ada dan memasang satu unit pintu papan lapis baru berserta keluli gril baru 2. Membuka rangkai pagar sedia ada dan membekal, membina dan menyiapkan tembok batu bata serta berlepa simen plaster di permukaan tembok 3. Mengecat semula keseluruhan bangunan 4. Membaik pulih bumbung zink 5. Membuka dan membuang satu unit pintu sedia ada dan memasang satu unit pintu papan lapis baru berserta keluli gril baru 6. Membuka dan membuang satu unit pintu pagar sedia ada dan memasang satu unit pintu pagar keluli tahan karat gril baru 7. Memasang rangka pintu kayu 8. Memasang slab konkrit serta bertelulang	-	-	-	SEPT	OKT	-	-
5	TP KG. ABDULLAH 'B' DAERAH : SEGAMAT	50,000	1. Membaik pulih bumbung logam 2. Membuka dan membuang satu unit tandas cangkung seramik sedia ada serta memasang satu unit tandas duduk seramik baru 3. Mengecat semula keseluruhan bangunan	-	-	-	SEPT	OKT	-	-
6	TABIKA PERPADUAN BATU ANAM A SEGAMAT DAERAH : SEGAMAT	19,802	- Membaiki bumbung yang rosak	-	-	-	SEPT	OKT	-	-
7	TABIKA PERPADUAN TENANG STESEN DAERAH : SEGAMAT	32,405	- Menggantikan siling yang runtuh - Memasang besi penghalang keselamatan untuk semua tingkat	-	-	-	SEPT	OKT	-	-
8	TABIKA PERPADUAN TAN LENG ANN A SEGAMAT DAERAH : SEGAMAT	40,000	- Membaiki bumbung yang bocor - Menukar pagar yang usang	-	-	-	SEPT	OKT	-	-
JUMLAH PERMOHONAN SEGAMAT (RM)		352,207								



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

TABIKA PERPADUAN

YB Dato' Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan Sejauh mana status objektif yang telah dicapai melalui Tabika Perpaduan ini? Adakah kerajaan bercadang untuk menyatukan Tadika KEMAS, Tabika Perpaduan dan prasekolah ini di bawah institusi kementerian? Saya ingin tahu juga, berapakah kos peruntukan mengikut setiap kepala pelajar yang telah diperuntukkan di bawah Tabika Perpaduan?

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Status Pencapaian Objektif

1. Tabika Perpaduan mempunyai objektif seperti berikut:
 - a) Membentuk murid yang mempunyai semangat patriotisme dan semangat perpaduan; dan
 - b) Membentuk kemenjadian murid dan memperkembangkan konsep sendiri.
2. Bagi mencapai objektif Tabika Perpaduan, program pengajaran dan pembelajaran di Kelas Tabika Perpaduan adalah berfokuskan kepada pendidikan Rukun Negara dan nilai-nilai murni serta adat resam masyarakat di Malaysia. Penerapan nilai-nilai perpaduan dan kenegaraan juga diterjemahkan melalui penerbitan buku aktiviti yang mempunyai elemen perpaduan dan kenegaraan.
3. Pengajaran pendidikan Rukun Negara juga diperkenalkan di Tabika Perpaduan diseluruh Malaysia. Penilaian pengetahuan terhadap Pendidikan Rukun Negara murid Tabika Perpaduan bagi Tahun 2022 adalah sebanyak 54.53%.
4. Dalam memastikan kemenjadian murid dalam perkembangan sendiri, modul jom urus diri diperkenalkan dan diajar sebagai pendedahan untuk membentuk murid-murid mempunyai kemahiran asas dan berdisiplin dalam pengurusan diri.

Cadangan menyatukan Tadika KEMAS, Tabika Perpaduan dan prasekolah

5. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional memberi keutamaan pengwujudan Tabika Perpaduan berdasarkan permintaan penduduk setempat yang melibatkan kawasan bandar dan pinggir bandar. Sasaran murid Tabika Perpaduan adalah meliputi murid pelbagai kaum dalam komuniti. Kurikulum yang digunakan di Tabika Perpaduan adalah Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang di bangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Walau bagaimanapun, Kementerian Perpaduan Negara telah menerapkan elemen kenegaraan dan perpaduan sebagai nilai tambah dalam pengajaran dan pembelajaran di Tabika Perpaduan yang bertujuan menyemai dan memupuk semangat patriotisme dan perpaduan kepada murid seawal usia empat (4) hingga enam (6) tahun.

Peruntukan setiap murid Tabika Perpaduan

6. Peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan bagi setiap murid Tabika Perpaduan adalah seperti berikut:
 - a) Bantuan Makanan Tambahan sebanyak RM 2.00 di Semenanjung Malaysia dan RM 2.25 di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan mengikut hari persekolahan. Melalui bajet 2024, kerajaan telah memperuntukkan tambahan RM 1.00 kepada Geran Bantuan Makanan bagi setiap kanak-kanak; dan
 - b) Geran PerKapita jugadiberikankepadasemuamuridsebanyak RM 100.00 setiap murid.

Sekian, terima kasih.



MUZIUM



PARLI
MALA



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

MEMODENKAN MUZIUM

YB Puan Syerleena Binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan strategi-strategi spesifik yang dirancang untuk dilaksanakan oleh kerajaan untuk memodenkan infrastruktur sedia ada muzium dan juga pengintegrasian teknologi untuk menjadikan pameran lebih interaktif dan juga menarik kepada semua?

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Kerajaan menerusi Kementerian Perpaduan Negara sentiasa mengambil berat infrastruktur di muzium-muzium bagi tujuan kemudahan dan keselesaan pelawat. Bagi tujuan tersebut, Jabatan Muzium Malaysia dari semasa ke semasa akan melakukan penyelenggaraan dan naik taraf muzium-muzium. Ini termasuklah kerja-kerja naik taraf dan pemodenan infrastruktur serta kemudahan pelawat, naik taraf /facelift pameran, keceriaan lanskap dan keselamatan.

2. Bagi tahun 2023, projek penyelenggaraan dan naik taraf kemudahan prasarana dan infrastruktur di muzium-muzium melibatkan 42 projek dengan nilai peruntukan sebanyak RM4,520,149.60. Butiran ialah seperti berikut;

BIL	SUMBER	BIL. PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1	Penyelenggaraan JMM (OS28000)	30	2,640,149.60
2	Akaun Amanah	1	700,000.00
3	Pemeriksaan MOTAC	4	650,000.00
4	Projek Inisiatif	1	50,000.00
5	Projek Pemeliharaan, Pemuliharaan, Ubahsuai dan Naik taraf KPN	6	480,000.00

3. Dalam usaha menjadikan pameran lebih interaktif dan menarik, Jabatan Muzium Malaysia telah menggunakan aplikasi teknologi menerusi virtual 360 tour, virtual exhibition tour, mobile apps, AR apps dan interactive wall. JMM juga merancang untuk mengintergrasikan teknologi baharu (new technologies) seperti Augmented Reality (AR), Virtual Reality (VR), Extended Reality (XR), Artificial Intelligence (AI), Internet of Things (IoT) dan metaverse di muzium-muzium. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada peruntukan kewangan yang diluluskan.

Sekian, terima kasih.





JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

MUZIUM DIRAJA

YB Puan Syerleena Binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan berapakah jumlah yang diperuntukan bagi memelihara Muzium Diraja dan bagaimana ia dapat dikaitkan dengan penghayatan Rukun Negara.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Status Pencapaian Objektif

1. Untuk makluman YB, bagi tahun 2024:
 - i. RM 6,500,000 diperuntukkan bagi Pemuliharaan dan pemeliharaan Bangunan Muzium Diraja; dan
 - ii. RM2,500,000 diperuntukkan bagi projek pembaikan runtuh cerun di Muzium Diraja.
2. Muzium Diraja yang bertempat di Istana Negara Lama, Jalan Istana, Kuala Lumpur merupakan tempat bersemayam Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong I hingga XIII (1957-2011). Setelah itu, bangunan Istana Negara Lama dijadikan muzium yang dikenali sebagai Muzium Diraja dan mula dibuka kepada orang ramai pada bulan 1 Februari 2013.
3. Muzium Diraja adalah salah satu muzium yang menjadi tarikan kepada orang ramai. Statistik jumlah pengunjung ke Muzium Diraja sejak ia dibuka ialah sebanyak 1,412,708 orang manakala kutipan tiket yang direkodkan sepanjang tempoh pengoperasiannya ialah sebanyak RM6,027,468.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

4. Di muzium ini juga telah dilaksanakan pelbagai pameran diraja berkaitan Institusi Raja Berperlembagaan. Antara pameran yang telah diadakan:
- i. Pameran Koleksi Terpilih KDYMM Raja-Raja Melayu Siri I dan Siri II: Negeri Sembilan, Kelantan, Perlis, Pahang, Kedah, Terengganu dari tahun 2014 sehingga 2017 yang melibatkan pejabat Istana negeri dan Muzium-Muzium Diraja Negeri;
 - ii. Program Pendidikan Muzium seperti Wacana Muzium Diraja (lebih 50 siri telah diadakan dari tahun 2020 hingga 2022); Bicara Perlembagaan dan Bicara Galeri (2017-2022);
 - iii. Pameran Istana Negara Lama: 54 Tahun Masyhur Berdaulat (2015);
 - iv. Pameran Majlis Raja-Raja: Penaung Legasi Raja-Raja Melayu (2013);
 - v. Pameran Raja Kita Sempena Majlis Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah (2012);
 - vi. Pameran Raja Kita Sempena Majlis Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V (2017); dan
 - vii. Pameran Raja Kita Sempena Majlis Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah (2019).

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

5. Pameran ini adalah sebahagian usaha Kementerian dalam menyebarkan penghayatan Rukun Negara kepada rakyat Malaysia. Melalui ini, kita dapat menekankan prinsip kedua Rukun negara iaitu Kesetiaan kepada Raja dan Negara. Untuk makluman YB, Jabatan Muzium Malaysia akan menganjurkan program "Pameran Raja Kita" pada tahun hadapan bagi menerapkan elemen Raja Berperlembagaan dalam kalangan anak muda. Selain itu, kerjasama dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Intergrasi Nasional turut dirancang bagi tujuan ini.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

MUZIUM LURAH BILUT

**YB Puan Syerleena Binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta
Menteri Perpaduan Negara menyatakan mengenai Muzium
Lurah Bilut.**

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Muzium Lurah Bilut bukan terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Muzium Malaysia di peringkat persekutuan. Muzium ini merupakan inisiatif oleh FELDA, namun Jabatan Muzium Malaysia bersedia memberi khidmat nasihat sekiranya diperlukan.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

PENDIDIKAN DI MUZIUM

YB Puan Syerleena Binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan program pendidikan dalam muzium.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Jabatan Muzium Malaysia (JMM) yang merupakan ahli International Council of Museum (ICOM) sememangnya menjalankan tugas teras seperti pemeliharaan, pengurusan koleksi, pameran, pendidikan dan pengembangan. Salah satu program pendidikan muzium yang utama ialah program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM). Program ini merupakan satu program pendidikan muzium berstruktur yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia sejak dilancarkan pada tahun 2019 untuk menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah secara lebih komprehensif dengan menjadikan muzium sebagai platform pembelajaran. Di samping itu, guru boleh menjadikan muzium sebagai sistem sokongan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang mantap dalam usaha meningkatkan jati diri dan patriotisme murid. Program IPIM melibatkan 44 buah muzium di seluruh negara termasuklah muzium-muzium di bawah kerajaan negeri.
2. JMM juga melaksanakan lebih 150 program jangkauan luar (out-reach) dan jangkauan dalam (in-reach) dengan sekolah dan pusat pengajian tinggi di seluruh negara. Program-program ini memberi pendedahan secara langsung berkaitan sejarah, budaya dan alam semulajadi kepada para pelajar menerusi aktiviti-aktiviti yang menggunakan pendekatan 'edutainment'.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

SMITHSONIAN INSTITUTION

YB Puan Syerleena Binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] dan YB Dr. Mohammed Taufiq Bin Johari [Sungai Petani] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan bahawa muzium di Malaysia harus jadikan model Smithsonian Institution yang merupakan kompleks muzium terbesar dunia sebagai inspirasi bagaimana muzium boleh menjadi institusi pendidikan dan hiburan untuk masyarakat melalui teknologi pendigitalan. Muzium juga boleh menjadi faktor perpaduan dan penyatuan masyarakat.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Jabatan Muzium Malaysia (JMM) menyedari bahawa Smithsonian Institution merupakan antara institusi muzium yang terhebat di dunia. Namun begitu, peruntukan untuk pengoperasian institusi ini bagi tahun 2023 ialah sebanyak USD1.144 billion. Selain Smithsonian Institution, JMM turut melihat kepada muzium-muzium di Asia khususnya muzium di Jepun dan Korea Selatan sebagai 'benchmark' dan inspirasi jabatan.
2. Dalam menjadikan muzium sebagai institusi pendidikan dan hiburan untuk masyarakat melalui teknologi pendigitalan, beberapa inisiatif telah diambil termasuklah penggunaan aplikasi teknologi virtual 360 tour, virtual exhibition tour, mobile apps, AR apps dan interactive wall. Melalui Pelan Strategik Pendigitalan 2023-2027, JMM merancang untuk memastikan transformasi digital di muzium-muzium melalui penggunaan teknologi baharu (new technologies) seperti Augmented Reality (AR), Virtual Reality (VR), Extended Reality (XR), Artificial Intelligence (AI), Internet of Things (IOT) dan metaverse.
3. Jabatan Muzium Malaysia melalui peranannya turut menjadi faktor kepada perpaduan dan penyatuan masyarakat menerusi penganjuran program dan aktiviti permuziuman. Program-program ini menonjolkan kebersamaan serta kepelbagaian kaum dan agama sepertimana yang terungkup di bawah tema 'unity in culture diversity' (perpaduan dalam kepelbagaian budaya).

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

KETAMADUNAN

YB Dr. Mohammed Taufiq Bin Johari [Sungai Petani] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan pentingnya muzium untuk dijadikan satu ketamadunan kerana muzium kita, tamadun kita. Kita lihat di setiap negeri, terdapat kisahnya masing-masing. Contohnya di Kedah, kita boleh menampilkan Tamadun Kesultanan Kedah.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Kerajaan menerusi Kementerian Perpaduan Negara sememangnya sedar akan kepentingan muzium dalam memelihara dan melestari bukti ketamadunan negara bangsa menerusi peranan Jabatan Muzium Malaysia. Tanggungjawab ini juga turut dikongsi bersama dengan muzium-muzium di bawah Kerajaan Negeri.
2. Bagi memelihara bukti ketamadunan ini, muzium-muzium di bawah kerajaan persekutuan melaksanakan kerja-kerja pengurusan dan konservasi koleksi artifak serta bertanggungjawab merancang, memantau dan menyelaras pengumpulan, pendaftaran, pendokumentasian, inventori koleksi serta pemeliharaan dan penstoran koleksi artifaknya. Ini selaras dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM).
3. Muzium juga menjalankan penyelidikan dan menyebarkan ilmu pengetahuan berkaitan sejarah, budaya dan alam semulajadi dengan melaksanakan pelbagai aktiviti permuziuman khususnya pameran dan pengembangan. Sebagai contoh pada tahun 2023, Jabatan Muzium Malaysia telah melaksanakan sebanyak 154 program yang berkaitan dengan aktiviti permuziuman. Objektif program bertujuan untuk memupuk kesedaran masyarakat terhadap kepentingan ketamadunan sekaligus meningkatkan apresiasi mereka terhadap khazanah budaya bangsa.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

KETAMADUNAN

YB Dr. Siti Mastura Binti Muhammad [Kepala Batas] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan adakah terdapat peruntukan yang disediakan untuk mendapatkan semula artifak dan juga khazanah sejarah negara yang disimpan di muzium luar negara dan berapakah jumlah kurator muzium yang telah dilantik sehingga hari ini? Adakah mereka ditugaskan untuk memelihara dan memulihara artifak yang dikumpul agar terpelihara kualiti dan nilainya? Mohon perinciakan juga maklumat tentang jumlah pelawat yang telah direkodkan di muzium-muzium di bawah seliaan Kementerian Perpaduan bagi tempoh dua tahun selepas pasca pandemik COVID-19.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Untuk makluman YB, pada tahun 2023 dan 2024 tiada sebarang peruntukan untuk mendapatkan kembali artifak yang tersimpan di muzium luar negara.
2. Berkaitan perjawatan pula, terdapat seramai 53 orang kurator di Jabatan Muzium Malaysia (JMM) merangkumi gred 41 sehingga JUSA B. Kurator-kurator di JMM melaksanakan aktiviti permuziuman seperti penyelidikan, pameran, program pendidikan dan pengembangan serta pengurusan koleksi dan konservasi yang melibatkan pemeliharaan dan pemuliharaan artifak. JMM juga melaksanakan program pembangunan kepakaran permuziuman melibatkan latihan kepakaran dalam dan luar negara. Program yang dilaksanakan ini menjurus kepada bidang pengurusan koleksi, konservasi dan taksidermi yang bertujuan untuk memastikan profesionalisme dapat ditingkatkan dan seterusnya melahirkan Subject Matter Expert (SME) dalam bidang permuziuman.
3. Jumlah perincian pelawat yang direkodkan di muzium-muzium di bawah seliaan Kementerian Perpaduan bagi tempoh dua tahun selepas pasca pandemik COVID-19 adalah seperti berikut:

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

BIL	MUZIUUM	TAHUN 2022	Tahun 2023 (sehingga 31 Okt)
1	Muzium Negara	190,434	403,355
2	Muzium Kota Kayang	44,847	100,107
3	Muzium Arkeologi Lembah Bujang	51,645	76,616
4	Muzium Matang	28,985	50,790
5	Muzium Muzik	32,014	50,061
6	Muzium Tekstil Negara	10,084	27,013
7	Muzium Etnologi Dunia Melayu	42,754	59,506
8	Muzium Kota Kuala Kedah	94,592	110,031
9	Muzium Perak	132,155	142,129
10	Muzium Adat	9,075	18,670
11	Muzium Seni Bina Malaysia	12,745	22,093
12	Muzium Marin Labuan	85,658	90,757

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

BIL	MUZIUM	TAHUN 2022	Tahun 2023 (sehingga 31 Okt)
13	Muzium Diraja	8,985 (outreach)	13,355 (outreach)
14	Muzium Sungai Lembing	47,493	51,427
15	Muzium Lukut	16,199	18,430
16	Muzium Automobil Nasional	29,415	31,380
17	Muzium Labuan	20,600	22,133
18	Muzium Seni Kraf Orang Asli	61,285	61,686
19	Muzium Kota Johor Lama	10,847	10,689
20	Muzium Chimney	37,579	34,321
21	Muzium Alam Semulajadi	17,117 (outreach)	6,904 (outreach)
22	Pameran/Program Di Luar	172,830	132,864
23	Galeria Perdana	(ditutup untuk kerja-kerja naik taraf)	
	JUMLAH	1,157 338	1,534 044

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

NAIK TARAF MUZIUM

**YB Dr. Siti Mastura Binti Muhammad [Kepala Batas] minta
Menteri Perpaduan Negara memperincikan jenis naik taraf bagi
setiap muzium yang terlibat.**

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Kementerian Perpaduan Negara menerusi Jabatan Muzium Malaysia (JMM) melaksanakan kerja-kerja naik taraf muzium yang melibatkan naik taraf kemudahan dan fasiliti serta penyelenggaraan bangunan. Ini meliputi kerja-kerja mekanikal dan elektrik, sivil, naik taraf pameran dan kemudahan ICT.

2. Antara projek ubahsuai dan naiktaraf JMM adalah melibatkan bangunan-bangunan seperti berikut:
 - i. Pemuliharaan Dan Pemeliharaan Bangunan Muzium Diraja, Kuala Lumpur;

 - ii. Projek Pembaikan Runtuhan Cerun di Muzium Diraja, Kuala Lumpur; dan

 - iii. Menaiktaraf Galeria Perdana Langkawi.

3. Berikut juga merupakan sumber kewangan yang diperuntukkan bagi tujuan tersebut:

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

BIL	SUMBER	BIL PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1	Penyenggaraan JMM (OS28000)	30	2,640,149.60
2	Akaun Amanah JMM	1	700,000.00
3	Peruntukan geran bagi Projek Pemerkasaan dari Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	4	650,000.00
4	Peruntukan Projek Inisiatif bagi bangunan-bangunan yang telah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan	1	50,000.00
5	Peruntukan Pemulihan dan Pemuliharaan, Ubah Suai dan Naik Taraf bagi agensi-agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara	6	480,000.00
	JUMLAH	42	4,520,149.60





JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

PROMOSI MUZIUM

YB Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permatang Pauh] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan apa perancangan kerajaan untuk mempromosikan semula muzium-muzium di Malaysia ini agar ia menjadi tarikan dan seterusnya menjadi sebahagian daripada elemen pembentukan jati diri rakyat Malaysia.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Kementerian Perpaduan menerusi Jabatan Muzium Malaysia sentiasa berusaha untuk menyebarkan maklumat yang berkaitan dengan warisan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara ke setiap kumpulan sasaran. Justeru, promosi dan pemasaran muzium sentiasa diperkemas dan dipergiatkan menerusi pelbagai strategi.
2. Menerusi Pelan Pemasaran Muzium, promosi muzium-muzium akan dilaksanakan secara lebih terancang dan meluas. Untuk tujuan ini, JMM menggunakan pelbagai platform seiring dengan perkembangan teknologi termasuklah media sosial termasuklah Facebook, Instagram, Youtube, Tik Tok, Twitter dan lain-lain.
3. Selain itu, kolaborasi dengan pelbagai pihak terutama rakan mediaturutdiberiperhatianmenerusi program smart partnership. JMM juga mengadakan sesi libat urus bersama pelbagai pihak dari semasa ke semasa bagi memastikan promosi yang dilaksanakan sampai ke kumpulan sasaran. Manakala untuk menarik minat generasi muda, muzium menggunakan pendekatan 'rejuvenate' (meremajakan) muzium melalui seni dan teknologi.
4. Untuk makluman YB., jumlah pengunjung ke muzium-muzium sentiasa meningkat setiap tahun. Secara purata, jumlah pengunjung di muzium-muzium di seluruh negara ialah di antara 6 hingga 7 juta orang. Bagi muzium-muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia, jumlah pelawat sehingga Oktober 2023 tahun

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

ini telah mencapai 1,534,044 orang pengunjung. Sehubungan itu, Kementerian Perpaduan Negara amat mengalu-alukan kehadiran YB ke muzium semasa program diadakan agar mendapat gambaran sebenar.

Sekian, terima kasih.



ARKIB





JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

PENERBITAN BUK

YB Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan meminta supaya Arkib Negara, Muzium Negara menerbitkan buku-buku berkenaan dengan tokoh-tokoh kita. Lim Kit Siang, Karpal Singh, P. Patto, Allahyarham Tok Guru Nik Aziz supaya kita dapat baca. Tak kiralah parti politik mana. Ini adalah pemimpin-pemimpin.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Proses memperolehi bahan berkaitan tokoh-tokoh berkenaan sedang dijalankan oleh Arkib Negara Malaysia (ANM) daripada sumber rasmi dan persendirian.
2. Setelah maklumat dan peruntukan mencukupi, ANM akan menerbitkan buku berkaitan tokoh-tokoh tersebut.

Sekian, terima kasih.

Muzium Malaysia,



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

PEROLEHAN BAHAN ARKIB

YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan mengenai banyak bahan sejarah mengenai negara Malaysia di luar negara. Jadi, saya nak tahu adakah tidak kementerian ini mahu mendapatkan peruntukan untuk bawa pulang bahan-bahan sejarah yang berada di luar negara termasuk peta, manuskrip dan sebagainya. Dulu difahamkan RMI juta tetapi sekarang saya tak nampak.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Arkib Negara Malaysia (ANM) sentiasa berusaha untuk membawa pulang keseluruhan salinan arkib sejarah dan warisan negara yang disimpan di luar negara melalui pendekatan berikut:
 - (i) Pengesanan dan penyelidikan – kerja pengesanan dan penyelidikan ini dilakukan sebagai usaha untuk memperoleh dan mengumpul bahan arkib tentang Malaysia yang terdapat di institusi arkib, muzium dan perpustakaan luar negara seperti Australia, Belanda, India, Portugal, United Kingdom, dan lain-lain yang bertujuan untuk mengisi jurang maklumat dan melengkapkan kumpulan rekod dalam koleksi ANM.
 - (ii) Pembelian bahan – bahan yang telah dikenal pasti terdapat di luar negara akan dibuat pembelian salinan dalam bentuk digital dan disimpan di ANM untuk penyelidikan. Sebagai contoh, ANM banyak membeli salinan digital bahan sejarah Malaysia yang terdapat di The National Archives of United Kingdom.
 - (iii) Pemerolehan bahan – bahan luar negara akan diperolehi daripada orang perseorangan, agensi, institusi dan organisasi bukan kerajaan dalam dan luar negara melalui kaedah sumbangan, pemberian, derma, wasiat, penyalinan bahan dan deposit. Misalnya, ANM menyimpan koleksi Surat Persendirian Prof. Dato' Dr. Nik Anuar bin Nik Mahmud (allahyarham) yang mempunyai banyak salinan bahan Malaysia yang beliau peroleh daripada institusi luar negara.

- (iv) Kolaborasi strategik – mengadakan kolaborasi strategik dengan individu, agensi, institusi dan organisasi bukan kerajaan yang mempunyai bahan arkib sejarah dan warisan negara untuk menyimpan salinan bahan tersebut di ANM. Sebagai contoh, kerjasama strategik dengan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu dalam mendapatkan salinan manuskrip Melayu di luar negara.
 - (v) Permeteraian perjanjian persefahaman atau protokol kerjasama – mengadakan perjanjian persefahaman atau protokol kerjasama seperti Cultural Exchange Programme (CEP) antara Malaysia dengan negara luar tertentu untuk mendapatkan bahan sejarah negara di negara berkenaan. Misalnya, CEP antara Malaysia dengan India yang membolehkan ANM bekerjasama dengan National Archives of India (NAI) untuk melaksanakan projek pendigitalan bahan sejarah tentang Malaysia yang disimpan di NAI.
2. Peruntukan bagi melaksanakan penyelidikan dan pemerolehan salinan bahan ini akan dipohon daripada Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa. Penyelidikan dan perolehan bahan ini meliputi bahan-bahan bersejarah yang terdapat di dalam dan luar negara. Tiada peruntukan khusus setakat ini.

Sekian, terima kasih.





JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

PEROLEHAN BAHAN ARKIB

YB Dr. Siti Mastura Binti Muhammad [Kepala Batas] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan terdapat peningkatan peruntukan yang tinggi bagi tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya iaitu daripada RM100,000 bagi tahun 2023 kepada RM1 juta bagi tahun 2024. Apakah rasionalnya peningkatan ini dan Kepala Batas mohon perincian destinasi serta peningkatan keperluan para wakil kementerian ini dihantar bertugas ke luar negara.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Setelah tiga tahun penubuhan dan pematapan agenda pemerkasaan perpaduan di peringkat tempatan, Kementerian Perpaduan Negara kini perlu membina hubungan kerjasama strategik di peringkat antarabangsa bagi mengetengahkan keunikan Malaysia dalam memperkasa agenda perpaduan nasional.
2. Keperluan Kementerian melaksanakan program penandaarasan berdasarkan amalan baik global (global best practices) juga perlu diteliti memandangkan agensi-agensi baharu di bawah seliaan Kementerian seperti Arkib Negara Malaysia (ANM) dan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) terlibat secara aktif di dalam program kerjasama dan penyelidikan di peringkat antarabangsa.
3. Oleh yang demikian, bagi tahun 2024, antara cadangan awal adalah untuk diadakan Lawatan Penanda Aras ke Australia bagi mempelajari model:
 - i. Pelaksanaan Multicultural Framework oleh Department of Home Affairs; dan
 - ii. Australia Harmony Week.
4. Anggaran keperluan ke luar negara ini turut melibatkan penglibatan agensi-agensi di bawah KPN, iaitu muzium, arkib dan perpustakaan. Agensi-agensi ini mempunyai keanggotaan dengan badan-badan di peringkat

antarabangsa serta aktif dalam menyertai persidangan, kerjasama pameran, program pembinaan kapasiti dan sebagainya. Penglibatan ini dilihat penting bagi mengukuhkan kolaborasi strategik di peringkat antarabangsa serta berkongsi kepakaran dalam memastikan kesinambungan dalam usaha memelihara khazanah warisan negara.

5. Sebagai contoh, penglibatan Arkib Negara Malaysia di luar negara adalah menganggotai keahlian institusi kearkiban, mempunyai kelayakan dan kuasa mengundi semasa General Assembly, sebagai Setiausaha Tetap, kajian dan penyelidikan yang melibatkan beberapa negara seperti United Kingdom, India, Turkiye, Norway, Filipina dan Portugal, program penandaarasan dan latihan penempatan di institusi kearkiban luar negara. Di samping itu, penglibatan dapat memperkasa jaringan strategik dan melahirkan pakar Subject Matter Expert (SME) dalam bidang kearkiban.
6. Program kerjasama ke luar negara oleh Kementerian ini akan dapat mengetengahkan keunikan Malaysia dalam memperkasa agenda perpaduan nasional serta mengekalkan warisan khazanah negara yang berimpak tinggi terhadap kelestarian tamadun bangsa dan peradaban negara.

Sekian, terima kasih.





JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

PEROLEHAN BAHAN ARKIB

YB Tuan Wan Razali Bin Wan Nor [Kuantan] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan berapa banyak bahan arkib yang berada di luar negara telah di bawa balik sejak 10 tahun kebelakangan?

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Sejak tahun 2013, sebanyak 3,268 bahan (salinan) arkib yang berada di institusi kearkiban di luar negara telah dirujuk dan dibuat salinan oleh Arkib Negara Malaysia. Bahan-bahan ini telah diperolehi dari United Kingdom, Netherlands, India, Amerika Syarikat, Thailand, Australia, Portugal dan Singapura.
2. Institusi-institusi yang telah dilawati bagi menjalankan kerja pengesanan dan penyelidikan sejak 2013 ialah:
 - i. United Kingdom - The National Archives of United Kingdom, The British Library, School of Oriental and African Studies (SOAS) University of London, Royal Asiatic Society, University of Oxford dan Komuniti Melayu Liverpool;
 - ii. Netherlands - The National Archives of the Netherlands;
 - iii. India - The National Archives of India;
 - iv. Amerika Syarikat - The National Archives and Records Administration (NARA) dan Library of Congress;
 - v. Thailand - The National Archives of Thailand, Library Institute of Ministry Internal Affairs dan Muslim Studies Centre, Institute of Asian Studies, University of Chulalongkorn;

- vi. Australia - The National Archives of Australia, The National Museum Of Australia, State Library of New South Wales, Australian War Memorial dan National Library Australia.
- vii. Portugal - Arquivo Nacional Da Torre Do Tombo, Lisbon.
- viii. Singapura – The National Archives of Singapore.

Sekian, terima kasih.





JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

SEKSYEN PENYELIDIKAN KHAS

YB Tuan Wan Razali Bin Wan Nor [Kuantan] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan terdapat juga bahan-bahan arkib yang melibatkan isu persempadanan negara termasuk Pulau Batu Puteh, Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan. Namun, difahamkan peruntukan bagi seksyen penyelidikan khas Arkib Negara Malaysia dikurangkan. Saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, apakah prioriti pihak kerajaan dalam memastikan bahan arkib negara khususnya melibatkan kepentingan kedaulatan negara?

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Arkib Negara Malaysia akan terus menjalankan kerja pengesanan dan penyelidikan secara berterusan walaupun tiada peruntukan diluluskan. Pengesanan dan penyelidikan ini dijalankan bergantung kepada keutamaan kes persempadanan dan kedaulatan negara yang sedang dikendalikan oleh kerajaan. Pengesanan bahan terus dilakukan melalui semakan secara dalam talian. Arkib Negara Malaysia akan sentiasa memohon peruntukan bagi tujuan pengesanan bahan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

SEKSYEN PENYELIDIKAN KHAS

YB Tuan Wan Razali Bin Wan Nor [Kuantan] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan berapa peratus daripada bahan-bahan arkib di negara kita turut disimpan secara digital bagi memastikan maklumat berkaitan kekal tersimpan, khususnya yang melibatkan dokumen?

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Arkib Negara Malaysia (ANM) telah menjalankan kerja-kerja pendigitalan sejak tahun 1990an lagi. Sehingga kini, sebanyak 11.3 juta helai bahan arkib telah didigitalkan.
2. Sehingga 30 Oktober 2023, bahan fail yang telah didigitalkan adalah sebanyak 9,880,202 helaian, manakala bahan terbitan pula adalah sebanyak 1,506,408 helaian menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 11,386,610 helaian bahan.

Sekian, terima kasih.





PERPUSTAKAAN





JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

PERPUSTAKAAN

**YB Dr. Hajah Halimah binti Ali [Kapar] minta Menteri Perpaduan
Negara menyatakan:**

- a. Kapar mahu tahu, kenapa peruntukan dikurangkan
untuk 2024 bagi Perpustakaan Negara dikurangkan hanya
RM1,450,000.00 berbanding tahun 2022 sebanyak
RM2.7 juta;**

- b. Oleh kerana Perpustakaan Negara telah diletak di bawah
Kementerian Perpaduan, Maka sangat wajar semua unit
Perpustakaan sama ada desa mahupun kawasan miskin
bandar perlu dinaiktaraf dan dipelbagaikan fungsi bahkan
boleh menjadi unit untuk menyemai benih perpaduan di
kalangan rakyat pelbagai kaum. Jangan biar perpustakaan**

menjadi tempat meletakkan koleksi yang sudah lusuh, kuning, bahan bacaan yang tidak banyak pilihan dan mencadangkan perpustakaan hendaklah ditukar wajah dipastikan ada internet, dicat supaya lebih ceria, dimasukkan pendingin hawa, dilengkapi dengan permainan (toys libraries) supaya ada alat permainan berunsur pendidikan, unsur permainan agar semua termasuk B40 dapat peluang (No one left behind). Perpustakaan sepatutnya perlu bersifat magnetic. PPAS Selangor sebagai contoh Kementerian boleh lihat. Pihak Kementerian sepatutnya boleh menaja gerakan menulis bukan sahaja gerakan membaca, untuk hasil publication bagi dijadikan koleksi PNM;

c. Malaysia kaya dengan golongan akademik, sarjana dan golongan pesara penjawat awam yang mempunyai (tacit knowledge), pengalaman dan kemahiran. Mencadangkan seeloknya pengalaman mereka dibukukan untuk rujukan masa hadapan dan dijadikan koleksi Perpustakaan Negara; dan

d. Difahamkan banyak bahan bersejarah diluar negara. Adakah kementerian ini mendapat peruntukan bawa pulang bahan-bahan sejarah termasuk peta, manuskrip dan sebagainya.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Jawapan (a):

1. Peruntukan keseluruhan yang disalurkan Kerajaan adalah meningkat dan bukan berkurangan. Untuk makluman YB peruntukan yang diterima oleh Perpustakaan Negara Malaysia yang dimaksudkan oleh YB ini adalah peruntukan pembangunan sahaja. Peruntukan pembangunan ini menurun kerana peruntukan ini bagi tujuan bayaran akhir projek sebanyak RM1juta dan 1 projek baharu yang akan memulakan kerja-kerja awalan di tapak yang dijangka akan menggunakan peruntukan sebanyak RM450,000.00 sahaja.

Jawapan (b):

1. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan rakyat bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur termasuk perkhidmatan perpustakaan khususnya di kawasan luar bandar. Sehubungan itu, sejak dari tahun 1991 hingga 2023, kerajaan telah membina sebanyak 1,080 buah perpustakaan desa di seluruh negara.
2. Daripada jumlah ini, sebanyak 574 unit Perpustakaan Desa telah dibina bawah Peruntukan Pembangunan (RMKe-6 hingga RM Ke 8) yang diurus tadbir oleh Perpustakaan Awam Negeri (PAN) dan Pihak Berkuasa Tempatan, manakala 506 unit Perpustakaan Desa telah dibina bawah Peruntukan Khas Belanja Mengurus Kerajaan Persekutuan. Negeri Selangor

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

mempunyai 70 buah Perpustakaan Desa dan daripada jumlah ini sebanyak 16 buah Perpustakaan Desa adalah di bawah urustadbir Perpustakaan Negara Malaysia.

3. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengurusan dan perkhidmatan perpustakaan termasuk menaik taraf premis perpustakaan desa seluruh negara melalui peruntukan yang disalurkan kepada semua perpustakaan Awam Negeri (PAN) di bawah Bantuan Belanja Mengurus Sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri (PAN) dan Perpustakaan Negeri Sabah serta Pustaka Negeri Sarawak mulai 1992 sehingga tahun 2023 berjumlah RM1.28 bilion.
4. Peruntukan ini bertujuan untuk membantu mempertingkatkan pembangunan perpustakaan awam di negeri-negeri dan menyeimbangkan pembangunan rangkaian perpustakaan serta koleksi seiring dengan perkembangan semasa. Di mana ianya juga merangkumi pemerksaan rangkaian internet di Perpustakaan Desa seluruh negara, namun masih terdapat beberapa Perpustakaan Desa yang masih belum menerima kemudahan internet akibat kekangan fasiliti (daripada penyedia perkhidmatan) yang masih dalam proses naik taraf rangkaian terutamanya di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak.

Jawapan (c):

1. Kementerian Perpaduan Negara, melalui Perpustakaan Negara (PNM) mengambil perhatian cadangan ini kerana perpustakaan Negara sentiasa memainkan peranan dalam menyediakan koleksi sumber perpustakaan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan. Sebagai agen penggerak kebudayaan dan memberi

sumbangan yang penting di dalam mewujudkan masyarakat berilmu (knowledge based society), berbudaya membaca dan menyokong pembelajaran sepanjang hayat (life-long learning) bagi mencetuskan budaya berfikir secara inovatif dan kreatif.

2. PNM sentiasa menyokong penerbit tempatan untuk menulis berkaitan ketokohan bukan sahaja terdiri dari ahli politik malah dari pelbagai bidang keilmuan dan pelbagai kepakaran. Perolehan dalam negara melalui koleksi-koleksi penulis tempatan berkaitan seperti tokoh tempatan sentiasa dilakukan dari masa ke semasa. Pada tahun 2023, PNM telah menerbitkan e-Katalog Beranotasi YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim dan akan berusaha untuk menerbitkan e-buku tokoh-tokoh negarawan yang lain pada masa akan datang.
3. PNM juga giat melaksanakan pelbagai program bual bicara dengan mensasarkan golongan ilmuwan, tokoh dalam pelbagai kepakaran sama ada ahli akademik termasuk yang sudah bersara, termasuk golongan street smart dan yang mempunyai tacit knowledge sebagai tetamu jemputan. Program ini akan menyentuh dan mengupas perkongsian kisah pengalaman, kepakaran cabaran dan kejayaan mereka.
4. Perkongsian-perkongsian mereka direkod melalui video dan disiarkan terus melalui laman PNM TV Channel yang dapat ditonton melalui Facebook dan Youtube. Melalui kaedah ini kita mensasarkan perkongsian ilmu pengetahuan (knowledge management) secara lisan dapat dikumpul, dikongsi, dan disebar luas. Sasaran kita perkongsian pengalaman bukan setakat yang ditulis melalui buku-buku tetapi kita berhasrat menyampaikan manfaat yang lebih luas termasuk kepada sasaran orang-orang buta, orang yang tidak boleh membaca. Suara-suara mereka dapat didengari dan diterjemahkan terus melalui

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

program anjuran PNM antaranya bicara intelektual, bicara tokoh, program wacana dan lain-lain.

5. Perpustakaan sebagai agen perpaduan yang juga menjadi medium dan landasan untuk masyarakat bertukar pandangan, mengembang idea dan melaksanakan pembaharuan dalam kalangan masyarakat yang berpandukan konsep dan asas masyarakat madani melalui program/aktiviti pembudayaan ilmu dan pemeliharaan khazanah intelek negara.

Jawapan (d):

1. Kementerian Perpaduan Negara melalui Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dari semasa ke semasa berusaha mengesan dan memperoleh manuskrip Melayu dan bahan-bahan nadir iaitu koleksi warisan negara yang berharga serta melambangkan kebitaraan bangsa Melayu zaman silam. Namun demikian, usaha memperoleh bahan-bahan ini dalam bentuk asal mengalami kesukaran kerana terikat dengan akta dan peraturan di negara tersebut yang tidak membolehkan bahan-bahan ini dibawa semula ke Malaysia.
2. Walau bagaimanapun, usaha mendapatkan salinan dalam bentuk mikrofilem dan digital sentiasa diteruskan agar segala ilmu yang menukikkan kebijaksanaan bangsa dapat dirungkai dan diimplimentasi dalam membangunkan negara bangsa.
3. Sejak penubuhannya sehingga kini, PNM telah berjaya mengesan dan memperolehi sejumlah 772 salinan manuskrip Melayu dari 27 institusi penyimpanan bahan di luar negara. Antaranya sebanyak 24 salinan naskhah diperolehi daripada National Library Board Singapore, 166 bahan dari Bibliothèque Nationale de Paris, 112 bahan dari Leiden University Library serta 105 bahan dari

4. Usaha mendapatkan salinan naskhah manuskrip dan buku nadir masih berterusan bagi memastikan negara ini mempunyai sumber ilmu rujukan dan intelektual yang berkualiti untuk generasi akan datang. Oleh yang demikian, pada tahun 2024, PNM merancang untuk membuat pengesanan dan pendokumentasian manuskrip Melayu di tiga buah negara iaitu England, Rusia dan Indonesia (Aceh) kerana masih terdapat manuskrip Melayu di sana yang boleh didokumentasi. Anggaran peruntukan bagi perbelanjaan sepanjang projek pengesanan ini adalah sebanyak RM205,000.00.

Sekian, terima kasih.





JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

PERPUSTAKAAN DI KAPAR

**YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta Menteri Perpaduan
Negara menyatakan mengenai butiran 030500, apakah status
perpustakaan desa di Sementa, Kapar.**

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Untuk makluman YB, Perpustakaan Desa (PD) Sementa yang berada di bawah pengawasan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) telah dirobohkan pada tahun 1985 dan dibina sekolah agama. Sehingga kini, tiada pembinaan PD baharu. Pada masa yang masa, juga tiada sebarang PD di bawah penyeliaan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di Sementa, Kapar.
2. Ketika ini, di Kawasan Parlimen Kapar terdapat dua (2) buah PD di bawah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor iaitu PD Meru dan PD Bukit Kapar.
3. Walaubagaimanapun, pihak Kementerian melalui PNM mengemukakan permohonan baharu bagi pembinaan PD di Sementa, Kapar PPAS yang perlu dikemukakan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dan seterusnya dimohon kepada PNM melalui projek Rancangan Malaysia akan datang. Permohonan projek perlu mengambil kira kriteria seperti:
 - (i) Kawasan perlu bebas banjir dan bukan bekas tempat pelupusan sampah;
 - (ii) Tanah perlu digazetkan untuk kegunaan perpustakaan;

- (iii) Berada sekurang- kurangnya 5km daripada perkhidmatan perpustakaan sedia ada;dan
 - (iv) Berkeluasan tanah sekurang-kurangnya 3000 kps.
- 4 .Justeru, PNM turut menyediakan perkhidmatan u-Pustaka yang boleh diakses setiap masa tanpa sempadan lokasi. Di bawah perkhidmatan ini pengguna boleh membuat pinjaman buku di dua belas perpustakaan konsortium iaitu Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Negeri Sabah, Pustaka Sarawak, Perpustakaan Awam Selangor, Perpustakaan Awam Pahang, Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Perpustakaan Awam Melaka, Perpustakaan Awam Terengganu, Perpustakaan Awam Kedah, Perpustakaan Awam Perlis, Perpustakaan Kuala Lumpur dan Perpustakaan Intan Bukit Kiara. Buku yang dipinjam di perpustakaan - perpustakaan ini boleh dihantar ke rumah dengan kos penghantaran yang minima.
5. Pengguna juga boleh menikmati akses percuma kepada bahan digital seperti e-Buku, buku audio, e-Suratkhobar, e-Majalah, e-Jurnal dan e-Pembelajaran daripada lebih 22 pangkalan data komersial yang dilanggan oleh kerajaan yang merangkumi lebih dari 900 ribu judul bahan digital.

Sekian, terima kasih.





JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

PENDIGITALAN PERPUSTAKAAN

**YB Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta
Menteri Perpaduan Negara menjelaskan:**

**Berikutan perkembangan teknologi AI, Majoriti rakyat
kini menggunakan sumber internet dan carian maklumat
berdasarkan teknologi AI seperti ChatGPT, Chatsonic dan
pelbagai lagi Chatbox dan soalan:**

**a. Apakah inisiatif Kementerian bagi memastikan perpustakaan
kekal relevan dan akan terus dimanfaatkan oleh rakyat; dan**

b. Adakah Kementerian akan mengusahakan satu Laman Buku Digital Perpustakaan Negara seperti Amazon Kindle supaya rakyat mempunyai inisiatif mengakses buku-buku perpustakaan secara digital. Saya kira sudah tiba waktunya Kementerian memikirkan perkara ini secara serius memandangkan negara kini bergerak ke arah digitization. Maka setiap kemudahan pendidikan dan pengetahuan mestilah diselarikan dengan aspirasi. Dan ini saya percaya sekaligus akan dapat membantu rakyat mendapat akses maklumat yang lebih tepat, lebih pantas, sahih dan dari sumber yang mempunyai integrity dan tidak perlu pergi secara fizikal dan maklumat ini boleh diakses secara dalam talian.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Jawapan (a):

1. Kementerian ambil maklum mengenai keperluan pendigitalan perpustakaan. Peranan perpustakaan di negara ini masih relevan dan terus berkembang pesat walaupun menghadapi cabaran maklumat digital dan media sosial. Kementerian ini melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah merancang untuk melaksanakan pelaksanaan inisiatif digital dalam Pelan Strategik PNM 2024-2028 dan juga Pelan Strategik Pendigitalan PNM 2024-2028.
2. Inisiatif digital yang telah dirancang adalah seperti pembangunan projek metaverse, robotik dan memperkasakan kandungan digital tempatan. Kementerian ini juga merancang untuk memohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia ke-13 bagi membangunkan aplikasi mudah alih (Super Apps) bagi memudahkan rakyat menggunakan perkhidmatan perpustakaan dan seiring dengan keperluan dan teknologi semasa.
3. Kementerian ini melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menyediakan perkhidmatan u-Pustaka sejak tahun 2011 melalui portal u-Pustaka di www.u-pustaka.gov.my. Perkhidmatan ini adalah percuma dan boleh diakses oleh seluruh rakyat Malaysia^{24/7} di mana-mana sahaja. Ia menyediakan perkhidmatan pinjaman buku secara fizikal dan pinjaman secara dalam talian. Pengguna boleh meminjam bahan bacaan daripada sebanyak 12 buah perpustakaan konsortium melalui sistem u-Pustaka.

Bahan yang terkandung di dalam u-Pustaka merangkumi bahan e-buku, e-jurnal, e-surat khabar, e-pembelajaran, e-komik, serta buku audio untuk golongan OKU penglihatan dan ketidakupayaan cetakan.

4. Di samping itu, PNM, turut mempergiatkan jalinan kerjasama strategik dengan agensi swasta dalam menyediakan kemudahan mengakses bahan bacaan digital melalui perkhidmatan e-book Beacon Zone di 12 lokasi terpilih, antaranya di KL Sentral, Muzium Negara, Institut Jantung Negara (IJN), Taman Burung Kuala Lumpur, Central Market, Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Motac, Malacca River Cruise, KL City Walk, Terminal Bersepadu Selatan (TBS), Masjid Putra, Putrajaya dan PNM bagi bacaan umum kepada orang awam seperti di stesen keretapi/komuter/lrt. Perkhidmatan ini juga boleh diakses pada bila-bila masa di lokasi yang terpilih secara percuma.

Jawapan (b):

1. Kementerian ini melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menawarkan perkhidmatan perpustakaan digital kepada rakyat Malaysia mulai 31 Mac 2011 melalui portal u-Pustaka di www.u-pustaka.gov.my. Perkhidmatan perpustakaan ini adalah secara maya dan dapat diakses secara 24/7 di mana-mana sahaja. Perkhidmatan ini ditawarkan secara percuma dengan penyediaan kandungan digital sebanyak 903,854 judul bahan tersedia merangkumi pelbagai bahan bacaan seperti e-buku, e-jurnal, e-surat khabar, e-pembelajaran, e-komik serta buku audio untuk golongan OKU penglihatan dan ketidakupayaan cetakan. Bahan-bahan digital ini boleh diakses di kesemua perpustakaan awam

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

negeri. Pengguna juga boleh meminjam buku fizikal daripada 12 buah perpustakaan konsortium seluruh negara melalui portal u-Pustaka. Buku fizikal ini akan dihantar secara pos terus ke rumah peminjam.

Sekian, terima kasih.





JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

KAKITANGAN KONTRAK

YB Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan] minta Menteri Perpaduan Negara penjelasan berkenaan adakah terdapat pertambahan kakitangan kontrak kerana dalam perbincangan bajet bulan Mac 2023 saya pernah membangkitkan berkenaan kakitangan Perpustakaan Desa dengan status kontrak yang telah berkhidmat lebih 15 tahun dan Yang Berhormat Menteri jawab mereka sepatutnya diserap ke jawatan tetap mengikut syarat semasa. Saya mohon perincian berapa ramai kakitangan Perpustakaan Desa telah diserap ke jawatan tetap bagi tempoh tiga (3) tahun terakhir.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Sehingga Oktober 2023, jumlah perjawatan kontrak Petugas Perpustakaan Desa adalah sebanyak 1,030 dengan pengisian sebanyak 996 perjawatan.
2. Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia akan mengangkat satu kertas pertimbangan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk kelulusan penyerapan bagi 320 orang kakitangan yang telah bertugas lebih 15 tahun untuk diserap ke jawatan tetap.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

PUSAT BACAAN KEBANGSAAN

YB Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta Menteri Perpaduan Negara menjadikan Perpustakaan Negara sebagai Pusat Bacaan Kebangsaan yang menyediakan pelbagai jenis bahan bacaan ilmiah berinformasi dalam pelbagai bahasa.

Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menerapkan dan juga membuat penterjemahan kepada bahasa-bahasa lain supaya dapat mengeratkan lagi perpaduan antara kaum mulai dari sekolah, agensi-agensi dan kerajaan semua sekali?

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Perpustakaan Negara Malaysia setiap tahun melalui peruntukan Belanja Mengurus yang disediakan memperoleh bahan bacaan dalam bentuk fizikal dan dalam talian, yang meliputi pelbagai bahasa. Data tahun 2022 merekodkan jumlah perolehan bagi bahan bahasa Melayu, bahasa Inggeris adalah sebanyak 8,992 naskhah, bahasa Cina 578 naskhah dan bahasa Tamil sebanyak 116 naskhah bagi perolehan koleksi dalam usaha menjadikan Perpustakaan sebagai Pusat Bacaan Kebangsaan.
2. PNM sentiasa menyokong kepada kempen membaca di kalangan rakyat Malaysia dengan menyediakan Koleksi Pinjaman Dewasa dan Koleksi Pinjaman Kanak-kanak. Peminjam dibenarkan meminjam maksimum enam (6) buah bahan pada satu masa untuk tempoh satu (1) bulan dengan sekali pembaharuan pinjaman.
3. Perpustakaan Negara Malaysia juga menyediakan perkhidmatan rujukan bagi bahan Malaysiana dari Aras 6-10, Menara PNM. Sebanyak 893,512 naskhah bahan bacaan yang terdiri daripada buku, majalah, surat khabar (fizikal dan mikrofilem), warta kerajaan, laporan tahunan dan lain-lain tersedia untuk rujukan para pengguna.
4. Bahan bacaan melalui pangkalan data di dalam portal u-Pustaka juga menawarkan pelbagai bacaan dalam pelbagai bahasa dari 22 pangkalan data yang dilanggan antaranya Overdrive di dalam portal u-Pustaka yang mempunyai bahan e-buku berjumlah

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

17,588 dalam bahasa Inggeris, 1,763 dalam bahasa Malaysia, 1,024 dalam bahasa Cina dan 134 dalam bahasa Tamil.

5. Perpustakaan Negara Malaysia telah melaksanakan program galakan membaca sebanyak 273 program bermula Januari sehingga September 2023 dengan penyertaan sebanyak 1,905,383 orang. Antara program membaca signature PNM adalah:
 - (i) Jom baca bersama 10 minit;
 - (ii) Program Negara Membaca;
 - (iii) Bacaan Kegemaran Saya;
 - (iv) Bengkel Penulisan Kreatif;
 - (v) Program Literasi Maklumat;
 - (vi) Program Kembara Ilmu;
 - (vii) Karnival Semarak Jawi; dan
 - (viii) Festival Sastera kanak-kanak.

6. Program-program yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk memartabatkan budaya membaca dan budaya ilmu pelbagai kaum, budaya dan latar belakang. Program yang dilaksanakan menyokong Dasar Perpaduan Negara di bawah program Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah, yang mana program-program ini berimpak tinggi yang menyokong Malaysia MADANI, Dekad Membaca Kebangsaan dan pembelajaran sepanjang hayat.

Sekian, terima kasih.





JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

PERPUSTAKAAN DIGITAL

**YB Dato' Siti Zailah Binti Mohd Yusoff minta Menteri Perpaduan
Negara menyatakan:**

- a. Apakah program yang telah dilaksanakan oleh Perpustakaan;**
- b. Apakah usaha - inisiatif untuk mewujudkan perpustakaan digital?**
- c. Sejauh manakah usaha yang telah dibuat untuk membudayakan ilmu kepada komuniti setempat?**
- d. Bagaimanakah usaha untuk tingkatkan minat masyarakat untuk mengunjungi perpustakaan?**

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Jawapan (a):

1. Perpustakaan Negara Malaysia telah melaksanakan program galakan membaca sebanyak 273 program bermula Januari sehingga September 2023 dengan penyertaan sebanyak 1,905,383 orang. Antara program membaca signature PNM adalah:
 - (i) Jom baca bersama 10 minit;
 - (ii) Program Negara Membaca;
 - (iii) Bacaan Kegemaran Saya;
 - (iv) Bengkel Penulisan Kreatif;
 - (v) Program Literasi Maklumat;
 - (vi) Program Kembara Ilmu;
 - (vii) Karnival Semarak Janji; dan
 - (viii) Festival Sastera kanak-kanak.

2. Program-program yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk memartabatkan budaya membaca dan budaya ilmu. Program yang dilaksanakan menyokong Dasar Perpaduan Negara di bawah program Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah, yang mana program-program ini berimpak tinggi yang menyokong Malaysia MADANI dan pembelajaran sepanjang hayat.

Jawapan (b):

1. Kementerian ini melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah merancang untuk melaksanakan pelaksanaan inisiatif digital dalam Pelan Strategik PNM 2024-2028 dan juga Pelan Strategik Pendigitalan PNM 2024-2028. Inisiatif digital yang telah dirancang adalah seperti pembangunan metaverse, robotik dan memperkasakan kandungan digital tempatan. Kementerian ini juga merancang untuk memohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia ke-13 bagi membangunkan aplikasi mudah alih (Super Apps) bagi memudahkan rakyat menggunakan perkhidmatan perpustakaan dan seiring dengan keperluan dan teknologi semasa.
2. PNM telah menyediakan perkhidmatan u-Pustaka sejak tahun 2011. Perkhidmatan ini adalah percuma dan boleh diakses oleh seluruh rakyat Malaysia. Ia menyediakan perkhidmatan pinjaman buku secara fizikal dan pinjaman secara dalam talian. Pengguna boleh meminjam bahan bacaan daripada sebanyak 12 buah perpustakaan konsortium melalui sistem u-Pustaka. Bahan yang terkandung di dalam u-Pustaka merangkumi bahan e-buku, e-jurnal, e-surat khabar, e-pembelajaran dan e-komik untuk bacaan umum.

Jawapan (c):

1. PNM yang telah dilantik sebagai Urus Setia Galakan Membaca Kebangsaan sejak tahun 1995 memainkan peranan penting dalam menggalakkan budaya membaca dan meningkatkan literasi di kalangan rakyat Malaysia meliputi setiap peringkat umur. Program galakan membaca dilaksanakan secara terancang dan bersepadu pada setiap tahun melalui kerjasama dengan pelbagai pihak dari sektor awam dan swasta di peringkat kebangsaan

sejajar dengan usaha memperkasakan budaya menjadikan Malaysia sebagai negara maju berbudaya tinggi. Budaya buku juga amat penting dijadikan agenda pembangunan nasional yang mampu mengembangkan kepelbagaian pemikiran dan meningkatkan budaya serta moral rakyat dan perkara ini berkait rapat dengan konsep masyarakat 'berbudaya ilmu' iaitu masyarakat yang berakal budi dan celik budaya.

Jawapan (d):

1. Kementerian ini melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) memainkan peranannya dengan menyediakan koleksi sumber perpustakaan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan. Ia mempunyai peranan sebagai agen penggerak kebudayaan dan memberi sumbangan yang penting di dalam mewujudkan masyarakat berilmu (knowledge based society), berbudaya membaca dan menyokong pembelajaran sepanjang hayat (life-long learning).
2. Perkembangan perpustakaan mengikut trend semasa seperti penggunaan peralatan ICT terkini, reka bentuk bangunan serta rekaan dalaman yang menarik yang disediakan dapat menjadi daya penarik kepada masyarakat untuk datang dan menggunakan perkhidmatan perpustakaan. Melalui penggunaan perkhidmatan yang disediakan secara tidak langsung dapat meningkatkan ilmu pengetahuan masyarakat. Kepentingan ilmu perlu diperkasa dan diterjemahkan melalui perkhidmatan perpustakaan yang ditawarkan kepada masyarakat mengikut perkembangan semasa dan trend terkini.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

3. Sebanyak 273 program telah dilaksanakan bermula Januari sehingga September 2023 dengan penyertaan sebanyak 1,905,383 orang. Antara program membaca signature PNM adalah:
- (i) Jom baca bersama 10 minit;
 - (ii) Program Negara Membaca;
 - (iii) Bacaan Kegemaran Saya;
 - (iv) Bengkel Penulisan Kreatif;
 - (v) Program Literasi Maklumat;
 - (vi) Program Kembara Ilmu;
 - (vii) Karnival Semarak Jawi; dan
 - (viii) Festival Sastera kanak-kanak.
4. Selain itu, pelbagai program telah dilaksanakan untuk menyokong usaha dan menjadikan perpustakaan sebagai pusat penyebaran ilmu kebangsaan. Kementerian akan berterusan memastikan perkhidmatan dan suasana perpustakaan berada dalam keadaan selamat, kondusif, lokasi yang strategik, inisiatif akses jalur lebar yang baik agar dapat menarik minat masyarakat ke perpustakaan.

Sekian, terima kasih.





JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

PENERBITAN BUKU

YB Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta Menteri Perpaduan Negara iaitu (Perpustakaan, Arkib Negara, Muzium Negara) menerbitkan buku-buku yang berkenaan tokoh-tokoh politik seperti arwah Tok Guru Nik Aziz, Lim Kit Siang, Karpal Singh dan lain-lain supaya kita dapat baca. Tak kiralah parti politik mana untuk memberi penjelasan kepada rakyat terhadap perjuangan mereka untuk generasi akan datang.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Sungguhpun Perpustakaan Negara tidak menerbitkan buku-buku berkaitan tokoh-tokoh politik tetapi dari masa kesemasa PNM berusaha mengumpul bahan-bahan terbaik berkaitan tokoh-tokoh politik di Malaysia untuk disimpan sebagai warisan negara sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80).

2. Untuk makluman, perolehan pelbagai koleksi buku berkaitan tokoh politik negara seperti Tuan Guru Haji Nik Aziz bin Nik Mat, Tan Sri Lim Kit Siang, dan Dato' Seri Utama Karpal Singh telah berada dalam koleksi PNM antaranya:
 - (i) 100 Kilauan Permata Kata : Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat (2014);
 - (ii) Biografi YAB Tuan Guru Hj. Nik Abdul Aziz b. Hj. Nik Mat, Menteri Besar Kelantan Darulnaim (1992);
 - (iii) Himpunan kata-kata hikmat Tuan Guru Haji Nik Aziz Nik Mat (1992);
 - (iv) Kemuncup dalam perjuangan / Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat (2008);

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

- (v) Peranan ulama dalam politik Nik Abdul Aziz Nik Mat 1931-2015 (1994);
 - (vi) Kepimpinan gaya nabi : biografi Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat (2008);
 - (vii) Pemikiran tuan guru : Nik Abdul Aziz Nik Mat (2011);
 - (viii) Hak untuk berbeza pendapat : sebuah lakaran biografi tentang Lim Kit Siang (2012); dan
 - (ix) Karpal Singh : Tiger of Jelutong (2013).
3. Pada tahun 2023, PNM telah menerbitkan e-Katalog Beranotasi YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim dan akan berusaha untuk menerbitkan ebuku tokoh-tokoh negarawan yang lain pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



YAYASAN SUKARELAWAN SISWA



PARLI
MALA



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

YAYASAN SUKARELAWAN SISWA

YB Tuan Wan Razali Bin Wan Nor [Kuantan] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan bilakah Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) ditubuhkan dan apakah aktiviti yang dijalankan oleh YSS?

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) telah ditubuhkan pada tahun 2012 dan diletakkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Pada tahun 2022, YSS telah dipindahkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara.
2. Jumlah program bagi tahun 2023 adalah 30 program. Antaranya adalah:
 - i. Misi Sukarelawan Siswa di Sabah dan Sarawak;
 - ii. Tuisyen KAMI; dan
 - iii. Jalinan Integrasi Mahasiswa.
3. Pada tahun hadapan akan diadakan Misi Sukarelawan Siswa ke Kedah dan Kelantan.

Sekian, terima kasih.





BELANJAWAN 2024 KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



**PARLI
MALA**



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

PERUNTUKAN JPNIN

YB Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] dan YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan sebab pengurangan peruntukan JPNIN sebanyak 12.7%.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Pengurangan peruntukan Mengurus Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sebanyak 12.7% disebabkan Geran Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebanyak RM50 juta yang diluluskan di bawah peruntukan Mengurus pada tahun 2023 telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan bagi Belanjawan 2024.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

PAP & PRT

YB Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan pengurangan bajet pembangunan bagi Pusat Aktiviti Perpaduan (PAP) dan Pusat Rukun Tetangga (PRT).

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Peruntukan Pembangunan bagi Pusat Aktiviti Perpaduan (PAP) dan Pusat Rukun Tetangga (PRT) tahun 2024 sebenarnya meningkat berbanding tahun 2023 seperti berikut:
 - i. Peruntukan Pembangunan PAP berjumlah RM2.96 juta pada tahun 2023 telah meningkat kepada RM5.7 juta untuk 2024; dan
 - ii. Peruntukan Pembangunan PRT berjumlah RM0.999 juta pada tahun 2023 telah meningkat kepada RM54 juta untuk 2024.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

PERUNTUKAN PNM

YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan mengapakah peruntukan dikurangkan untuk tahun 2024? Hanya RM1,450,000 berbanding dengan tahun 2022 yang RM2.7 juta lebih, jauh beza. Oleh kerana Perpustakaan Negara telah diletak di bawah Kementerian Perpaduan, maka sangat wajarlah semua unit perpustakaan sama ada di desa mahupun di kawasan miskin bandar perlu dinaiktarafkan dan dipelbagaikan fungsi. Bahkan, boleh menjadi unit yang boleh menyemaikan benih perpaduan di kalangan rakyat pelbagai kaum.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Pengurangan Peruntukan Pembangunan bagi projek Perpustakaan Negara Malaysia daripada RM1.7 juta pada tahun 2023 kepada RM1.45 juta pada tahun 2024 disebabkan amaun yang diluluskan ini bertujuan untuk mambayar baki projek Perpustakaan Negara Malaysia sebanyak RM1 juta dan juga bayaran kerja-kerja awalan bagi projek baharu berjumlah RM450,000.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

NAIK TARAF MUZIUM

YB Dr. Siti Mastura Binti Muhammad [Kepala Batas] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan mengenai butiran 45100 iaitu jenis naik taraf muzium. Mohon perincian jenis naik taraf bagi setiap muzium yang terlibat.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Kementerian Perpaduan Negara menerusi Jabatan Muzium Malaysia (JMM) melaksanakan kerja-kerja naik taraf muzium yang melibatkan naik taraf kemudahan dan fasiliti serta penyelenggaraan bangunan. Ini meliputi kerja-kerja mekanikal dan elektrik, sivil, naik taraf pameran dan kemudahan ICT.
2. Antara projek ubahsuai dan naiktaraf JMM adalah melibatkan bangunan-bangunan seperti berikut berikut:
 - i. Pemuliharaan Dan Pemeliharaan Bangunan Muzium Diraja, Kuala Lumpur;
 - ii. Projek Pembaikan Runtuhan Cerun di Muzium Diraja, Kuala Lumpur; dan
 - iii. Menaiktaraf Galeria Perdana Langkawi.
3. Berikut juga merupakan sumber kewangan yang diperuntukkan bagi tujuan tersebut:

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

BIL	SUMBER	BIL PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1	Penyenggaraan JMM (OS28000)	30	2,640,149.60
2	Akaun Amanah JMM	1	700,000.00
3	Peruntukan geran bagi Projek Pemerkasaan dari Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	4	650,000.00
4	Peruntukan Projek Inisiatif bagi bangunan-bangunan yang telah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan	1	50,000.00
5	Peruntukan Pemulihan dan Pemuliharaan, Ubah Suai dan Naik Taraf bagi agensi-agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara	6	480,000.00
	JUMLAH	42	4,520,149.60

Sekian, terima kasih.





JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

PREMIS PERPADUAN DI KUANTAN

**YB Tuan Wan Razali Bin Wan Nor [Kuantan] minta Menteri
Perpaduan Negara menyatakan berapakah bilangan
pembaikan premis perpaduan tahun 2023 dan berapakah
bilangan pembaikan premis di Kuantan?**

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Bilangan pembaikan Premis Perpaduan tahun 2023 adalah sebanyak 330 premis dengan peruntukan sebanyak RM9.18 juta. Terdapat 2 premis perpaduan yang terlibat di Kuantan iaitu:
 - i. Pejabat Perpaduan Kuantan; dan
 - ii. Tabika Perpaduan, Mahkota Jaya.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

PREMIS PERPADUAN

YB Datuk Seri Dr. Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan butiran pembaikan bagi projek naik taraf Premis Perpaduan yang diluluskan sebanyak RM7 juta pada tahun 2024. Berapakah pecahan agihan tersebut?

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Bilangan Premis Perpaduan yang terlibat adalah sebanyak 275 premis.
2. Agihan peruntukan sebanyak RM7,000,000 bagi Projek Pembaikan, Naik Taraf dan Ubah Suai Premis Perpaduan di Kementerian Perpaduan Negara adalah seperti berikut

BIL	AGIHAN PROJEK (NEGERI)	PERUNTUKAN 2024 (RM)
1	Perlis	40,000
2	Kedah	1,316,000
3	Pulau Pinang	34,000
4	Perak	40,000
5	Negeri Sembilan	800,000
6	Melaka	200,000
7	Johor	500,000
8	Selangor	400,000
9	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	1,000,000
10	Pahang	500,000
11	Terengganu	50,000
12	Kelantan	400,000
13	Sabah	1,000,000
14	Sarawak	500,000
15	Wilayah Persekutuan Labuan	120,000
16	Wilayah Persekutuan Putrajaya	100,000
	JUMLAH	7,000,000

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

PUSAT AKTIVITI PERPADUAN

YB Datuk Seri Dr. Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan apakah kriteria Pusat Aktiviti Perpaduan (PAP)? Apakah keutamaan yang dipilih oleh kementerian dalam membangunkan pusat ini dan berapakah kos bagi setiap satu pusat ini apabila ia dilaksanakan ataupun didirikan?

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Kriteria utama bagi membangunkan Pusat Aktiviti Perpaduan (PAP) atau Kompleks Perpaduan adalah seperti berikut
 - i. Negeri yang tidak mempunyai Pusat Aktiviti Perpaduan (PAP) atau Kompleks Perpaduan atau lain-lain premis perpaduan; dan
 - ii. Tapak tanah yang tersedia, tiada bebanan dan hak milik Pesuruhjaya Tanah Persekutaan.

2. Kos pembinaan Pusat Aktiviti Perpaduan atau Kompleks Perpaduan adalah berdasarkan kepada skop, kedudukan tanah, perabot dan lain-lain keperluan asas pembangunan yang diluluskan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

BAJET KPN

YB Datuk Willie Anak Mongin [Puncak Borneo] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan Butiran 020000 – Perpaduan Negara, diperuntukkan sebanyak RM353,305,500 pada tahun 2023 iaitu berkurangan ke RM343,903,200 iaitu berkurangan sebanyak RM9 juta, RM9.5- lebih kurang RM9 juta lebih berkurangan. Peruntukan ini dikurangkan, walhal patutnya ditambah ataupun sekurang-kurangnya dikekalkan supaya lebih banyak Program Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional yang dapat dilaksanakan di seluruh negara.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Pengurangan peruntukan di bawah Butiran 020000 – Perpaduan Negara disebabkan Geran Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebanyak RM50 juta yang diluluskan di bawah peruntukan Mengurus pada tahun 2023 telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan bagi Belanjawan 2024. Pengurangan peruntukan ini tidak menjejaskan pelaksanaan program dan aktiviti perpaduan di seluruh negara pada tahun 2024.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

BAJET KPN

YB Datuk Willie Anak Mongin [Puncak Borneo] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan Butiran 020200 – Perhubungan Masyarakat. Begitu rendah iaitu RM1.8 juta lebih kurang dan saya memohon supaya peruntukan ini boleh ditambah dan peruntukan ini juga boleh disalurkan kepada Bahagian Perhubungan Masyarakat supaya mereka dapat melaksanakan program di setiap kawasan Parlimen bersama dengan Ahli Parlimen tanpa mengira latar belakang parti mereka. Ini demi keharmonian agama, pengurusan perpaduan dan juga pemantauan petunjuk perpaduan.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menyambut baik usaha untuk tambahan peruntukan di bawah Bahagian Perhubungan Masyarakat namun perkara ini tertakluk kepada tambahan dari Kementerian Kewangan Malaysia. Sungguhpun demikian, KPN akan melaksanakan program-program yang dirancang pada tahun 2024 dengan menggunakan peruntukan yang diluluskan (“we will make do”) selaras dengan prinsip Kerajaan MADANI yang mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan rakyat Malaysia dengan mengambil kira penglibatan semua lapisan masyarakat dalam memperkasa perpaduan di negara ini.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

BAJET KPN

**YB Tuan Haji Azli Bin Yusof [Shah Alam] minta Menteri
Perpaduan Negara menyatakan penurunan dalam Butiran
020100 – Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sebanyak
RM24 juta.**

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Penurunan peruntukan di bawah Butiran 020100 disebabkan Geran Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebanyak RM50 juta yang diluluskan di bawah peruntukan Mengurus pada tahun 2023 telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan bagi Belanjawan 2024.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

PUSAT RUKUN TETANGGA

YB Tuan Haji Azli Bin Yusof [Shah Alam] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan Pusat Rukun Tetangga yang menerima kenaikan berjumlah RM53 juta. Ini satu kenaikan yang besar. Adakah untuk membina Pusat-pusat Rukun Tetangga yang baharu ataupun untuk usaha-usaha membaik pulih? Seingat saya, di Shah Alam ada satu Pusat Rukun Tetangga. Itu pun dah uzur, dah usang. Mungkin dah 30, 40 tahun dahulu dan perlu usaha-usaha pembaikan.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Agihan Peruntukan Pembangunan 2024 sebanyak RM54.6 juta di bawah Butiran Projek 17300 Pusat Rukun Tetangga adalah seperti berikut:
 - i. Pembinaan 5 Pusat Rukun Tetangga;
 - ii. Pembinaan Sebuah Dewan Terbuka Rukun Tetangga;
 - iii. Kajian Indeks Perpaduan Nasional 2024; dan
 - iv. Dana Program Pemerkasaan Kawasan Rukun Tetangga Tahun 2024.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

EMOLUMEN KAKITANGAN KONTRAK

YB Puan Hajah Rodziah Binti Ismail [Ampang] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan Adakah kenaikan 13.9 peratus bagi Butiran 030200 – Emolumen Kakitangan Kontrak yang dinyatakan sebanyak RM104 juta ini merupakan petanda hala tuju strategi perjawatan dalam Kementerian Perpaduan Negara yakni pengambilan alih ramai pekerja kontrak?

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Peruntukan Emolumen Kakitangan Kontrak sebanyak RM104 juta merupakan bayaran komited kepada semua pegawai kontrak di bawah Kementerian Perpaduan Negara. Kenaikan peruntukan sebanyak 13.89% bagi butiran 030200 – Emolumen Kakitangan Kontrak ini disebabkan pelarasan emolumen bagi kakitangan kontrak sedia ada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) pada tahun 2024.
2. Pelarasan ini melibatkannya kenaikan emolumen tahunan kakitangan kontrak dan bukannya bermaksud kementerian menambah bilangan perjawatan kontrak kerana bilangan perjawatan kontrak sedia ada masih sama.

Sekian, terima kasih.



JAWAPAN BERTULIS PENGGULUNGAN RUU
PERBEKALAN 2024 PERINGKAT JAWATANKUASA

BAJET ANM DAN JMM

YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Ampang] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan peningkatan bajet aset muzium dan arkib. Merujuk kepada Butiran 020000 dan juga sub Butiran 020400 - Arkib Negara. Sebanyak RM2.4 juta diperuntukkan di bawah kod 30000 iaitu Aset. Jadi, mohon penjelasan mengenai apakah aset-aset ini? Dan Butiran 020500 menyaksikan perbezaan peningkatan sebanyak RM310,000. Oleh itu, bolehkah huraikan apakah penambahan aset-aset terlibat?

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

1. Arkib Negara Malaysia diluluskan peruntukan sebanyak RM2,434,000 bagi perolehan lesen perisian Pusat Data Arkib Negara Malaysia. Manakala Jabatan Muzium Malaysia diluluskan peruntukan sebanyak RM510,000 bagi perolehan harta modal untuk tujuan pengoperasian.

Sekian, terima kasih.





**DEWAN NEGARA
MESYUARAT
KETIGA
PENGGAL KEDUA
PARLIMEN YANG
KELIMA BELAS
(2023)**



**JUMLAH PERTANYAAN-PERTANYAAN
DEWAN NEGARA
YANG KELIMA BELAS,
PENGKAL KEDUA, MESYUARAT KETIGA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
27 NOVEMBER – 14 DISEMBER 2023**

NO	KLUSTER	BILANGAN SOALAN		JUMLAH
		LISAN	BERTULIS	
1	Dasar & Perancangan	2	-	2
2	Kawasan Rukun Tetangga	3	-	3
3	Tabika Perpaduan	1	1	2
4	Rang Undang-Undang	1	-	1
6	Muzium	1	-	1
7	Perpustakaan	2	-	2
	JUMLAH	10	1	11



DASAR & PERANCANGAN





DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA

29 NOVEMBER 2023 (RABU)

**YB Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta Menteri
Perpaduan Negara menyatakan:**

a) Bagaimanakah Kementerian menerapkan pengukuhan semangat kebangsaan dan rasa memiliki dan cinta terhadap Malaysia dalam kalangan generasi muda; dan

b) Kaedah penyelesaian Kementerian untuk meningkatkan peranan masyarakat awam dalam mempromosi perpaduan dan keharmonian di Malaysia.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Jawapan (a):

1. Kementerian Perpaduan Negara telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam mengukuhkan semangat kebangsaan, kenegaraan serta muhibah dalam kalangan generasi muda.

2. Dalam usaha menyemai semangat perpaduan antara kaum bermula daripada peringkat awal persekolahan, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Pendidikan Rukun Negara yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara yang dianggotai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). Inisiatif ini berperanan untuk meletakkan kembali Rukun Negara dalam semua peringkat sistem pendidikan negara, bermula dari pra sekolah sehingga peringkat pengajian tinggi.

3. Antara inisiatif Kementerian Perpaduan Negara adalah melalui:
 - i. Tabika Perpaduan yang bertindak sebagai institusi pendidikan awal kanak-kanak dalam melaksanakan program pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan kepada penghayatan pendidikan Rukun Negara dan penerapan nilai-nilai murni di kalangan kanak-kanak.

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

Setakat ini terdapat sebanyak 1,781 Tabika Perpaduan di seluruh negara.

- ii. Di peringkat sekolah rendah dan menengah pula terdapat 6,849 Kelab Rukun Negara (KRN) yang bertindak sebagai penggerak kepada penerapan semangat kebangsaan dan cinta akan negara di kalangan pelajar sekolah. Sebagai contoh, KPN dengan kerjasama KPM telah menganjurkan Program Eksplorasi Rukun Negara dan Kenali Budaya.
 - iii. Sejumlah 189 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di setiap institut pengajian tinggi telah dilantik dan digerakkan sebagai medium dalam menjalankan program-program perpaduan di peringkat belia. Pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan melalui Sekretariat Rukun Negara seperti berikut:
 - a. Kembara Perpaduan @Kampus;
 - b. Jalinan Integrasi Mahasiswa;
 - c. Program Chit-Chat Belia Madani;
 - d. Program Belia Rukun Negara; dan
 - e. Debat Perpaduan.
 - iv. Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) turut memainkan peranan penting dalam membantu mengukuhkan semangat kebangsaan melalui program-program sukarelawan. Sehingga kini, 53 misi sukarelawan yang merangkumi lebih 7,000 projek berimpak tinggi telah dijalankan.
4. Kementerian melalui Jabatan Muzium Malaysia, Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia turut menjalankan

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

aktiviti-aktiviti bagi mengukuhkan semangat kebangsaan seperti berikut:

- a. Explorasi Merdeka;
 - b. Bermalam di Muzium;
 - c. Program Jelajah Geologi dan Sejarah;
 - d. Program Arkib@Sekolah;
 - e. Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium;
 - f. Kuiz Kemerdekaan
 - g. Festival Kanak-Kanak
5. Selain itu, Kementerian Perpaduan Negara juga menganjurkan program-program bagi meningkatkan penglibatan masyarakat berbilang bangsa dan etnik khususnya golongan muda. Antara program yang telah dijalankan adalah seperti:
- a. Dialog Anak Muda;
 - b. Ekspresi Rukun Negara;
 - c. Muzikal Eksplorasi Rukun Negara;
 - d. Hero Impian Untuk Malaysia;
 - e. Pameran Mini Rukun Negara;
 - f. Kisah Kejayaan Malaysia Kita;
 - g. Kapsul Suara Anak Malaysia;

- h. E-Sport Challenge; dan
- i. Kem Anak Malaysia.

Jawapan (b):

1. Kementerian Perpaduan Negara komited dalam meningkatkan peranan masyarakat awam dalam mempromosi perpaduan dan keharmonian di Malaysia melalui pelaksanaan pelbagai program-program di bawah flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI melalui 3 kluster utama iaitu Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah.
2. Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional turut menggembeleng jentera-jentera perpaduan khususnya Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dalam menyemarakkan lagi semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia. Sejumlah 8,397 KRT menjadi barisan hadapan bagi menjalankan aktiviti dalam meningkatkan dan mengukuhkan semangat kejiranan serta keharmonian dalam masyarakat setempat.
3. Mulai tahun 2024, Kementerian Perpaduan Negara turut mengiktiraf alumni YSS sebagai Duta Perpaduan atas usaha dan sumbangan mereka dalam menggerakkan elemen perpaduan dalam kalangan generasi muda sekaligus menyebarkan mesej-mesej perpaduan kepada akar umbi.
4. Kementerian Perpaduan Negara juga turut menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak bagi menyemarakkan semangat perpaduan di pelbagai lapisan masyarakat. Antara kerjasama dengan pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) adalah seperti berikut:

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

- i. Liga Sukan Uniti (peserta seramai 15,000 orang);
 - ii. Festival Peranakan Malaysia;
 - iii. Pesta Tuai Malaysia;
 - iv. Forum Bangsa Malaysia;
 - v. Program Sayangi Komuniti & Kesejahteraan Rakyat;
 - vi. Galeri Uniti;
 - vii. Program Jom Unite Tiktok Challenge.
5. Selain itu, kementerian turut menjalankan aktiviti di platform media sosial seperti TikTok bagi meraih minat orang awam terlibat sama dalam menyampaikan mesej-mesej perpaduan. Antara TikTok Challenge yang telah dijalankan adalah:
- i. Kempen Cakap Baik-Baik (3.4 juta tontonan);
 - ii. Jom Unite (1.8 juta tontonan);dan
 - iii .Perpaduan Negara (1.3 juta tontonan)
6. Sehingga 15 November 2023, sebanyak 632 program telah dijalankan oleh kementerian yang turut melibatkan semua segmen masyarakat dalam usaha meningkatkan semangat muhibah dan keharmonian rakyat. Oleh itu, kementerian sentiasa mengalu-alukan kerjasama pelbagai pihak dalam menjayakan agenda perpaduan negara.

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO. 25

BELANJAWAN 2023

DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA

14 MAC 2023

YB Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan apakah aspek pencegahan yang sedang ditumpukan bagi membendung budaya LGBTQ di negara ini terutamanya golongan pengkid yang secara terbuka menjalinkan hubungan intim dengan kaum sejenis memandangkan perilaku tersebut seolah-olah mencabar nilai kesopanan dan kesusilaan yang merupakan Prinsip Rukun Negara yang kelima.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. LGBTQ adalah singkatan bagi perkataan lesbian, gay, biseksual, transeksual dan queer. LGBT bukan hanya bertentangan dengan agama, moral dan budaya malah, bertentangan dengan undang-undang negara. Di negara kita, kegiatan itu (LGBT) adalah salah dari aspek undang-undang jenayah Syariah dan undang-undang Sivil.

2. Daripada aspek pencegahan budaya LGBT, kerajaan telah mengambil beberapa langkah melalui:
 - i. Undang-undang : Di bawah Seksyen 377 Kanun Keseksaan (Kementerian Dalam Negeri), adalah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana orang yang melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan fitrah.

 - ii. Dasar & Pelan Tindakan : Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengambil inisiatif dengan membangunkan Pelan Tindakan Sosial Islam (PTSI) 2019-2025 manakala Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) turut membangunkan Dasar Sosial Negara bagi menangani gejala dan permasalahan sosial dalam kalangan masyarakat.

 - iii. Rukun Negara : Kita semua sedia maklum, Rukun Negara dibentuk dengan matlamat untuk mencapai rakyat Malaysia

yang bersatu padu, sopan santun, berkelakuan baik dan bertatasusila. Dalam membendung budaya LGBT, rakyat Malaysia perlu kembali menghayati prinsip Rukun Negara iaitu Kesopanan dan Kesusilaan. Prinsip ini menjadi panduan supaya perilaku masyarakat perlu sentiasa terpelihara sesuai dengan keperibadian bangsa dan nilai-nilai murni. Konsep kesopanan ini harus difahami dari semua aspek bukan sahaja menerusi pengamalan tingkah laku, malah corak dan gaya pemikiran supaya falsafah ketimuran dijunjung selama ini dapat dilestarikan dan tidak tercalar dek kedangkalan kita dalam menghayatinya. Rakyat perlu meletakkan nilai-nilai yang baik pada tingkah laku, beradab sopan dan mengikut undang-undang negara seperti mana dituntut dalam falsafah Rukun Negara

3. Untuk makluman YB Senator, pencegahan amalan dan kelakuan LGBTQ adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Sekian, terima kasih.



KAWASAN RUKUN TETANGGA





SOALAN NO. 5

DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA
28 NOVEMBER 2023 (SELASA)

YB Senator Tuan Ak Nan A/L Ehtook minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan jumlah peruntukan yang digunakan dan kumpulan sasar dalam melaksanakan program Tuisyen KAMI. Berapa bilangan murid yang mendapat manfaat daripada program ini dan berdasarkan penilaian yang dibuat adakah program ini akan diteruskan bagi tahun-tahun berikutnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Tuisyen KAMI (K = Komuniti, A = Aman, M = Muhibah, I = Ihsan) merupakan suatu inisiatif Kementerian Perpaduan Negara (KPN) yang dimulakan pada Ogos 2023 untuk:
 - i. Menyediakan peluang pendidikan tambahan secara percuma kepada pelajar-pelajar dari keluarga yang kurang berkemampuan.
 - ii. Membantu pelajar meningkatkan prestasi akademik dan keputusan peperiksaan mereka;
 - iii. Memenuhi tanggungjawab sosial Kementerian kepada komuniti Rukun Tetangga yang memerlukan; dan
 - iv. Mendukung dan menterjemahkan aspirasi Kerajaan iaitu untuk “Memperkasa Rakyat” melalui pendidikan berkualiti.
2. Program Tuisyen KAMI sehingga kini telah memberi manfaat kepada 3,414 orang pelajar pelbagai kaum dan pelaksanaan Tuisyen KAMI sedang dilaksanakan seperti berikut:

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

- i. Di peringkat komuniti dikelolakan oleh Kawasan Rukun Tetangga di 50 buah lokasi di seluruh negara dengan kos sebanyak RM1 juta yang memberi manfaat kepada 1,830 orang pelajar yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2023.
 - ii. Di peringkat sekolah dikelolakan oleh Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) di 320 buah kelas tuisyen di sekolah-sekolah menengah di WP Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Labuan dan Pulau Pinang dengan kos sebanyak RM500,000 yang memberi manfaat kepada 1,584 orang pelajar yang juga akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2023.
3. Program Tuisyen KAMI ini melibatkan pengajaran lima (5) subjek teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Sejarah.
4. Program Tuisyen KAMI ini akan diperluaskan pada tahun hadapan dengan tambahan sebanyak 50 buah kelas lagi untuk membantu pelajar golongan B40 bagi mendapatkan pendidikan tambahan dan pendidikan berkualiti.

Sekian, terima kasih.





SOALAN NO. 14

DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA
30 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

YB Senator Dato' Juhanis Binti Abd Aziz minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan usaha Kementerian untuk mempergiatkan komuniti yang berbilang bangsa dan bagaimana pencapaian program-program yang dilaksanakan di Kawasan Rukun Tetangga (KRT).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Insiden rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 telah menyaksikan sejarah pergolakan kaum yang menimbulkan keresahan rakyat dan menjadi titik permulaan kepada usaha dan tindakan Kerajaan menangani isu-isu perpaduan kaum. Pada 1 Julai 1969, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah diwujudkan bagi menerajui usaha mengukuhkan perpaduan nasional. Manakala di peringkat akar umbi, Skim Rukun Tetangga ditubuhkan pada tahun 1975 yang mendayaupaya rakyat sendiri mengawal dan menjaga keselamatan kawasan kediaman masing-masing.
2. Mulai 1 Januari 1983, kerajaan telah menyusun semula skim ini berkonsepkan semangat kejiranan bertujuan untuk memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan komuniti setempat. Sehingga kini, usaha memupuk perpaduan, keharmonian dan keamanan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum diperluaskan melalui penubuhan 8,397 buah Kawasan Rukun Tetangga dengan keanggotaan ahli jawatankuasa pelbagai kaum seramai hampir 210,000 orang di seluruh negara.
3. Komitmen Kerajaan dalam mempergiatkan lagi peranan Rukun Tetangga diperteguhkan melalui Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030. Pelan ini dirangka untuk mempertingkatkan dan memperkukuh fungsi dan peranan Rukun Tetangga sebagai peneraju keharmonian, keselamatan dan perkhidmatan kepada komuniti seperti yang termaktub di dalam Akta Rukun Tetangga 2012 [Akta 751].

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

Pelaksanaan program/aktiviti Rukun Tetangga yang berimpak tinggi kini memfokuskan kepada empat (4) Gerak Kerja berikut:

- i. Gerak Kerja KRT Sejahtera;
 - ii. Gerak Kerja KRT Selamat;
 - iii. Gerak Kerja KRT Bersih dan Indah; dan
 - iv. Gerak Kerja KRT Sihat.
4. Bermula tahun 2023, sebanyak 70,320 program/aktiviti telah digerakkan di seluruh negara oleh Rukun Tetangga untuk memastikan keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian komuniti terus terpelihara. Antaranya ialah Program Kebun Komuniti, Projek Ekonomi, Tuisyen KAMI, Jom Sihat, Program Pendidikan Keselamatan Kejiranan, Rondaan Keselamatan, Program RT Cares (sumbangan Kotak Rahmah), Sambutan Perayaan Kaum, Ziarah Perpaduan, Jom Gerak Muhibah (kayuhan dan larian) dan Jom Bersih dan Indah dan lain-lain lagi.
5. Sebagai the way forward, mulai tahun 2024, Rukun Tetangga akan terus dipacu bagi memainkan peranan yang lebih besar dalam membudayakan Masyarakat MADANI iaitu Rukun Tetangga sebagai Penggerak Komuniti Progresif. Sebagai Pengerak Komuniti Progresif, Rukun Tetangga akan menerajui dan memayungi inisiatif membentuk sebuah komuniti yang mempunyai kecenderungan untuk maju dan berkembang secara positif dalam kehidupan meliputi lapan (8) bidang tumpuan seperti berikut:
- i. Ekonomi & Sara Hidup;
 - ii. Keselamatan dan Ketahanan Komuniti;
 - iii. Kepimpinan;
 - iv. Kesejahteraan Komuniti;
 - v. Pendidikan Sepanjang Hayat;

- vi. Alam Sekitar;
 - vii. Warisan & Budaya; dan
 - viii. Daya Cipta.
6. Menjelang tahun 2024, KPN mensasarkan sebanyak 333 KRT untuk diperkasakan sebagai model masyarakat progresif. Justeru itu, Kementerian mengenalpasti KRT-KRT yang berpotensi, berkeupayaan, aktif, berdaya maju dan berdaya tahan.
7. Selaras dengan aspirasi tersebut, maka Kementerian Perpaduan Negara mengambil inisiatif untuk memperkasakan lagi peranan KRT dalam komuniti sebagai penggerak utama dan penghubung jalin (bridge builder) melalui peningkatkan keupayaan dan struktur pentadbiran yang kukuh serta kerjasama strategik semua pihak bagi merealisasikan aspirasi masyarakat progresif.

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO. 14

DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA
7 DISEMBER 2023 (KHAMIS)

YB Senator Tuan Mohd Hasbie Bin Muda minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Rukun Tetangga di seluruh negara bagi menyampaikan gagasan Malaysia MADANI ke dalam kehidupan masyarakat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seiring dengan aspirasi Kerajaan Perpaduan untuk membangun Malaysia MADANI, maka Ekosistem Perpaduan adalah antara agenda penting sebagai pemangkin negara yang mampan, makmur dan adil melalui pembinaan Komuniti RAHMAH.
2. Program Komuniti Rahmah adalah antara inisiatif Kementerian Perpaduan Negara dalam merealisasikan usaha Kerajaan Perpaduan membangun Malaysia MADANI. Inisiatif ini dirangka dengan menekankan kepada pemupukan nilai-nilai kemanusiaan seperti ihsan, kasih sayang, peduli, hormat menghormati, toleransi dan penerimaan antara satu sama lain.
3. Program yang dirangka bagi membina komuniti rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga adalah bertunjangkan kepada masa hadapan yang mampan dan sejahtera meliputi aspek ekonomi, pendidikan, agama, kesihatan, kenegaraan, kebudayaan dan alam sekitar.
4. Dalam konteks ini, enam nilai MADANI menjadi teras kepada pembinaan Komuniti Rahmah dengan menyuburkan sifat ihsan, jati diri, peduli, kasih sayang, saling hormat menghormati, meraikan kepelbagaian, toleransi dan penerimaan dalam setiap anggota masyarakat untuk memacu Malaysia yang bersatupadu, makmur dan lebih cemerlang.

5. Komuniti Rahmah melibatkan pengemblengan inisiatif agensi Kerajaan, swasta, NGO, keluarga dan juga komuniti khususnya komuniti Rukun Tetangga. Usaha ini mensasarkan kepada tindakan secara kolektif oleh seluruh masyarakat khususnya dari pelbagai latar belakang bermula dari kanak-kanak hingga ke warga emas.
6. Program-program yang dirangka untuk membangun Komuniti Rahmah adalah bertujuan untuk:
 - i. Melahirkan komuniti yang memiliki nilai jati diri, sifat ihsan, peduli, kasih sayang, saling hormat menghormati, meraikan kepelbagaian, toleransi dan penerimaan;
 - ii. Meningkatkan taraf dan kualiti hidup serta kesejahteraan komuniti melalui aktiviti yang meningkatkan peluang pekerjaan, menjana pendapatan serta mengurangkan kos sara hidup yang dilaksanakan secara kolaborasi dengan pelbagai agensi Kerajaan, NGO dan swasta.
 - iii. Membentuk komuniti yang harmoni dan bersatu padu dengan memperkasakan khidmat komuniti sebagai tapak integrasi nasional.
7. Bagi mencapai matlamat tersebut, antara aktiviti yang dirangka di bawah Program Komuniti Rahmah ialah:
 - i. Program Gerak Rahmah;
 - ii. Program RT Cares;
 - iii. Projek Ekonomi Komuniti KRT;
 - iv. Projek Kebuniti Madani – KRT;

- v. Program Dapur Komuniti KRT;
 - vi. Ziarah Rahmah Perpaduan;
 - vii. Program Tuisyen KAMI (Komuniti, Aman, Muhibah, Ihsan);
 - viii. Gerobok Komuniti Rahmah;
 - ix. Pembangunan Sudut Ilmu Komuniti (Unity Library);
 - x. Projek Daya Cipta Jiran Muda;
 - xi. Program Jiranku Keluargaku;
 - xii. Program Integrasi Sosial Antara Komuniti (INSAN); dan
 - xiii. Program Gerak PADU.
- 8 .Pembinaan Komuniti Rahmah melalui rangka tindakan yang kolektif oleh Kementerian Perpaduan Negara ini akan membangun komuniti yang mampan dan sejahtera yang menjadi tonggak kepada Malaysia MADANI.
9. Pelbagai pengisian dirangka merangkumi aspek perpaduan, ekonomi, pendidikan, kesihatan, keselamatan dan alam sekitar akan dapat memperkasa dan mendayaupayakan komuniti. Ini bagi membantu Kerajaan menangani isu-isu masyarakat seperti isu perbezaan, kemiskinan, sosial terpinggir serta isu-isu yang boleh menjejaskan kualiti dan kesejahteraan masyarakat.
10. Konsep Komuniti Rahmah seharusnya dibugarkan dalam perspektif yang positif dan produktif serta melangkaui kemajmukan yang ada. Melalui penerapan nilai-nilai tersebut, Malaysia mampu membina satu ekosistem yang harmoni dan sejahtera serta memacu Malaysia ke arah kecemerlangan.

Sekian, terima kasih.





TABIKA PERPADUAN





SOALAN NO. 13

DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA
7 DISEMBER 2023 (KHAMIS)

YB Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi Bin Che Salleh minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan apakah usaha terkini yang dilakukan oleh Kementerian bersama-sama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menyemai dan memupuk semangat cinta akan perpaduan antara kaum bermula daripada peringkat sekolah rendah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam mengukuhkan semangat kebangsaan, kenegaraan serta muhibah dalam kalangan generasi muda.

2. Dalam usaha menyemai semangat perpaduan antara kaum bermula daripada peringkat awal persekolahan, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Pendidikan Rukun Negara yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara yang dianggotai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). Inisiatif ini berperanan untuk meletakkan kembali Rukun Negara dalam semua peringkat sistem pendidikan negara, bermula dari pra sekolah sehingga peringkat pengajian tinggi.

3. Antara inisiatif Kementerian Perpaduan Negara adalah melalui:
 - i. Tabika Perpaduan yang bertindak sebagai institusi pendidikan awal kanak-kanak dalam melaksanakan program pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan kepada penghayatan pendidikan Rukun Negara dan penerapan nilai-nilai murni di kalangan kanak-kanak. Setakat ini terdapat sebanyak 1,781 Tabika Perpaduan di seluruh negara;

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

- ii. Di peringkat sekolah rendah dan menengah pula terdapat 6,849 Kelab Rukun Negara (KRN) yang bertindak sebagai penggerak kepada penerapan semangat kebangsaan dan cinta akan negara di kalangan pelajar sekolah. Sebagai contoh, KPN dengan kerjasama KPM telah menganjurkan Program Eksplorasi Rukun Negara dan Kenali Budaya; dan

 - iii. Sejumlah 189 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di setiap institut pengajian tinggi telah dilantik dan digerakkan sebagai medium dalam menjalankan program-program perpaduan di peringkat belia. Pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan melalui Sekretariat Rukun Negara seperti berikut:
 - a. Kembara Perpaduan @Kampus;
 - b. Jalinan Integrasi Mahasiswa;
 - c. Program Chit-Chat Belia Madani;
 - d. Program Belia Rukun Negara; dan
 - e. Debat Perpaduan.

 - iv. Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) turut memainkan peranan penting dalam membantu mengukuhkan semangat kebangsaan melalui program-program kesukarelawan. Sehingga kini, 53 misi sukarelawan yang merangkumi lebih 7,000 projek berimpak tinggi telah dijalankan.
4. Kementerian melalui Jabatan Muzium Malaysia, Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia turut menjalankan aktiviti-aktiviti bagi mengukuhkan semangat kebangsaan seperti berikut:

KOLEKSI SOALAN DAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

- i. Explorasi Merdeka;
 - ii. Bermalam di Muzium;
 - iii. Program Jelajah Geologi dan Sejarah;
 - iv. Program Arkib@Sekolah;
 - v. Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium;
 - vi. Kuiz Kemerdekaan;dan
 - vii. Festival Kanak-Kanak.
5. Selain itu, Kementerian Perpaduan Negara juga menganjurkan program-program bagi meningkatkan penglibatan masyarakat berbilang bangsa dan etnik khususnya golongan muda. Antara program yang telah dijalankan adalah seperti:
- i. Dialog Anak Muda;
 - ii. Ekspresi Rukun Negara;
 - iii. Muzikal Eksplorasi Rukun Negara;
 - iv. Hero Impian Untuk Malaysia;
 - v. Pameran Mini Rukun Negara;
 - vi. Kisah Kejayaan Malaysia Kita;
 - vii. Kapsul Suara Anak Malaysia;
 - viii. E-Sport Challenge;dan
 - ix. Kem Anak Malaysia.

Sekian, terima kasih.



KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA

UNTUK KEGUNAAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA SAHAJA